

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2002

(Halaman 13)

Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2002

(Halaman 31)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 30)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi (Kuala Rajang), SIMP.,PGBK.,DPMS.,JSM.,JBS.,KMN., PPB.
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

Yang Berhormat	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

Yang Berhormat	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

Yang Berhormat	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Haji Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 8 April 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pertahanan menyatakan perkembangan dan kejayaan Pasukan Perubatan Angkatan Tentera Malaysia (MALMEDTIM) yang memberikan khidmat perubatan kepada pelarian Afghanistan di Chaman, Pakistan dan apakah kementerian berhasrat untuk menambah lagi bilangan anggota yang memberikan khidmat di kem pelarian tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kumpulan pertama Pasukan Perubatan Angkatan Tentera Malaysia (MALMEDTIM) mula beroperasi di Chaman, Pakistan daripada 4 Januari hingga 26 Februari 2002. MALMEDTIM tersebut telah memberi rawatan perubatan kepada 7,651 orang pelarian Afghanistan di Kem Pelarian Roghani di Chaman, Pakistan. Pesakit yang menerima rawatan terdiri daripada 4,306 orang pesakit lelaki, 1,538 orang pesakit wanita dan 1,807 kanak-kanak. MALMEDTIM juga telah melakukan sebanyak 22 pembedahan termasuk pembedahan *caesarean section*, pembedahan batu karang, pembedahan thyroid dan beberapa pembedahan yang lain. MALMEDTIM juga telah menyambut lima kelahiran termasuk dua kelahiran melalui pembedahan *caesarean section*.

MALMEDTIM juga merupakan pusat rujukan bagi pesakit-pesakit yang dikendalikan oleh pasukan-pasukan sukarelawan Malaysia yang lain di Chaman, Pakistan. MALMEDTIM dianggotai oleh seramai 50 orang iaitu terdiri daripada 4 orang pegawai pakar perubatan, 4 pegawai bagi kumpulan sokongan dan 42 orang lain-lain pangkat. Kepekaran tugas bagi melaksanakan misi ini adalah seperti berikut:

- (i) empat orang pakar pegawai perubatan terdiri daripada seorang pakar bius, seorang pakar pembedahan, seorang pegawai perubatan wanita dan seorang pegawai perubatan;
- (ii) 20 orang paramedik termasuk jururawat wanita, juruteknik pembedahan, pembantu perubatan, pembantu makmal dan pembantu x-ray;
- (iii) 26 orang kumpulan sokongan yang terdiri daripada seorang pegawai tadbir, seorang pegawai kewangan, seorang pegawai logistik, seorang pegawai lagi bagi team keselamatan dan 22 orang lain pangkat terdiri daripada staf logistik kewangan, keagamaan, komunikasi, kejuruteraan dan keselamatan.

Kumpulan kedua, iaitu MALMEDTIM 2 telah menggantikan kumpulan pertama pada 1 Mac 2002 dan akan berada di Chaman sehingga akhir bulan Jun 2002. Keanggotaan MALMEDTIM dikekalkan pada tahap 50 orang dan akan meneruskan perkhidmatan seperti yang telah dijalankan oleh MALMEDTIM 1.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Timbalan Menteri dan syabas kepada usaha kerajaan yang menunjukkan bahawa Malaysia betul-betul bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh mereka dan memberikan perkhidmatan perubatan. Saya hendak bertanya kita dahulu ada mendengar juga laungan badan-badan NGO, parti-parti politik yang sebenarnya mereka juga kononnya sensitif kepada masalah pelarian Afghanistan. Setakat ini adakah kerajaan menerima atau mendapat maklumat juga daripada badan-badan NGO atau parti-parti politik yang

benar-benar melaksanakan apa yang disuarakan ataupun apa yang disuarakan hanya untuk cuba menarik perhatian rakyat Malaysia.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Sejauh pengetahuan kita dan maklumat yang kita perolehi, badan-badan NGO dan juga parti-parti politik yang telah mengambil wang untuk membantu keluarga pelarian Afghanistan ini hanyalah parti UMNO iaitu daripada Pergerakan Pemuda dan kita kesal bahawa ada sesetengah pihak hanya pandai bercakap melaungkan bahawa mereka adalah pejuang-pejuang untuk masyarakat dunia yang masyarakat di negara ini untuk membantu mereka, tetapi pada hakikatnya mereka hanya pandai bercakap tetapi tidak dapat melaksanakan apa juga yang diperlukan oleh masyarakat di peringkat dunia. Kerana kita lihat pada hari ini bukan ada ahli UMNO pun di Afghanistan, tak ada pun yang boleh menyokong di peringkat Barisan Nasional, tetapi itu bukan menjadi hakikat dan landasan menjadi halangan kepada kita untuk membantu masyarakat di dunia ini. Apa yang penting kepada kita, kita melihat bahawa keperluan ada untuk membantu masyarakat dunia dalam konteks perubahan.

Begitu juga dengan kejadian-kejadian seperti di Palestin, perkara ini kita sudah laungkan betapa sedihnya kita dan perkara ini juga saya yakin akan diutarakan oleh pucuk pimpinan kita dalam pertemuan-pertemuan dengan pimpinan kuasa-kuasa dunia untuk menentukan supaya masyarakat dunia akan dapat hidup aman dan tenteram.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya berapa banyak NGO yang memberi khidmat mereka dalam MALMEDTIM ini dan saya hendak tanya berapa orang dari kalangan Pemuda UMNO yang berkhidmat dalam MALMEDTIM kerana baru-baru ini dalam siaran televisyen seolah-olah pegawai tentera menyatakan bahawa MALMEDTIM ini diuruskan oleh Pemuda UMNO, bukan daripada tentera, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Pada peringkat awalnya memang kita akui bahawa pergerakan pemuda merupakan kumpulan yang terawal telah menganjurkan program amal ini dan kita memang di peringkat awal sudah berbincang dengan badan-badan NGO untuk menentukan, tetapi kita lihat bahawa sambutan masyarakat begitu baik kepada kumpulan daripada Pergerakan Pemuda UMNO, maka keperluan untuk menokok tambah bilangan yang sedia ada seperti yang saya sebutkan. Saya nyatakan di sini cukup membanggakan bahawa kumpulan daripada Pergerakan Pemuda UMNO. Anak-anak generasi muda kita sanggup melapangkan masa usia muda mereka untuk mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat dunia dan bilangan mereka cukup memberangsangkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan selain daripada kumpulan lebih kurang 50 orang daripada pasukan tentera, sebahagian besar lebih daripada 50 orang adalah datangnya daripada Pergerakan Pemuda UMNO dan mereka telah juga mewujudkan satu pusat dan membelanjakan banyak kewangan, bukan hanya perubatan untuk memastikan supaya prasarana yang ada di pusat itu dapat dimanfaatkan oleh masyarakat di Afghanistan.

2. **Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah kenderaan (perdagangan dan persendirian) yang telah diperiksa dan pembayaran yang telah dibuat oleh Puspakom kepada kementerian sejak diswastakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah kenderaan perdagangan dan persendirian yang telah diperiksa oleh Puspakom mulai 1 September 1994 iaitu tarikh mula penswastaaan Pusat Peperiksaan Kenderaan dilaksanakan, sehingga 31 Disember 2001 ialah sebanyak 8,865,878 buah kenderaan. Dari jumlah tersebut Puspakom telah membuat pemeriksaan ke atas 9,661,495 buah kenderaan perdagangan dan 204,383 kenderaan persendirian.

Bagi jumlah pembayaran yang telah dibuat oleh Puspakom kepada kerajaan, dari tempoh 1 September 1994 sehingga 31 Ogos 2001 ialah berjumlah sebanyak RM38,851,741.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan saya, apakah kewajarannya JPJ baru-baru ini mewajibkan motosikal yang tidak

diperbaharui cukai jalannya ataupun lesen kereta motornya yang lebih daripada satu tahun supaya menjalani pemeriksaan di Puspakom sahaja sedangkan sebelum ini orang ramai diberi pilihan untuk melakukan pemeriksaan sama ada di JPJ ataupun di Puspakom. Persoalan dan masalah yang timbul daripada peraturan ini ialah yang pertama, ianya menyusahkan orang ramai iaitu masyarakat luar bandar untuk ke Puspakom kerana banyak karenah birokrasi dan yang keduanya menggalakkan kegiatan orang tengah ataupun yang lebih dikenali 'toronto' kerana wujudnya penyelewengan dan semakin berleluasanya kegiatan rasuah, umpamanya seperti rakan saya kata tadi pemeriksaan jarak jauh. Bayaran yang dikenakan oleh toronto untuk pemeriksaan motosikal di Puspakom antara RM300 hingga RM500 sedangkan di JPJ tiada sebarang bayaran yang dikenakan kerana orang ramai ataupun masyarakat luar bandar telah mengetahui bahawa seluruh JPJ khasnya di negeri Johor telah lama mengamalkan konsep mesra pelanggan. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas soalan tambahan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Pemeriksaan yang sedemikian dilakukan dan diarahkan oleh JPJ oleh kerana pemeriksaan yang boleh dilakukan oleh pihak Puspakom adalah lebih teratur dan lebih tersusun dan mereka mempunyai jentera-jentera dan mekanisme yang tertentu untuk menjalankan pemeriksaan tersebut. Tambahan lagi apabila pemeriksaan yang disebutkan tadi merupakan sesuatu pemeriksaan yang sudah banyak kenderaan terlibat di mana jabatan-jabatan yang berkenaan yang sedemikian tidak dapat lagi memeriksanya secara terperinci.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kereta CPU yang diperiksa oleh Puspakom tidak diiktiraf oleh JPJ dan kereta CPU itu hendaklah diperiksa semula. Adakah Puspakom tidak diyakini oleh JPJ bahawa kereta hendak diperiksa dua kali. Bolehkah Yang Berhormat beri sedikit penerangan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, kereta yang sedemikian diperiksa oleh Puspakom, akan tetapi jikalau ia tidak ada mempunyai dan dibawa masuk dengan tidak ada mempunyai syarat-syarat yang tertentu, maka ia tidak boleh diperiksa oleh pihak Puspakom. Kalau kereta sudah masuk, kalau dibenarkan masuk dan disahkan kerana mempunyai syarat-syarat yang tertentu, baru dia dihantar kepada pihak Puspakom untuk diperiksa dan di sana pengiktirafan dibuat oleh pihak JPJ jikalau diperiksa oleh pihak Puspakom setelah kereta yang sedemikian mempunyai syarat-syarat tertentu dibawa masuk.

3. **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah kerja pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Hin Hua di Klang yang telah diluluskan di bawah RMK-8 akan bermula.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Klang, pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Hin Hua di Klang akan dimulakan selepas kelulusan tanah diperolehi daripada Kerajaan Negeri Selangor. Permohonan tanah tersebut sedang diproses oleh kerajaan negeri.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan sekolah ini amat kritikal kerana kesesakan murid-murid di sekolah ini, saya harap kerja pembinaan sekolah ini dapat dimulakan pada tahun ini. Pada pengetahuan saya, tanah ini memang sudah diserahkan kepada pihak yang berkenaan oleh pemaju Taman Bukit Tinggi. Saya tidak faham mengapa kerja tidak dapat dimulakan, sebab memang sudah diserahkan tanah ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita faham buat masa ini Sekolah Hin Hua sedang menumpang di Sekolah Menengah Hin Hua persendirian, memang keadaan itu kita faham. Walau bagaimanapun, kita sedang menunggu proses tanah itu kerana perumahan Bukit Tinggi akan siap, ini di kawasan perumahan Bukit Tinggi, yang ini yang kita sedang usahakan kerana ia mengambil masa sedikit dari segi perolehan tanah itu.

Jadi, dengan yang demikian, sekiranya bila disiap sedia kelulusan itu, bangunan ini kita akan teruskan, ini adalah sejajar seperti mana yang kita katakan dahulu, kalau sekiranya tanah itu tanah kerajaan, maka sekolah itu adalah dianggap

sekolah jenis kebangsaan bantuan penuh oleh pihak kerajaan. Jadi, saya berharaplah Ahli Yang Berhormat dapat bersabar dalam perkara ini kerana proses tanah ini biasanya ia mengambil masa sedikit.

Saya katakan kalau ia sudah siap sedia, kita akan teruskan rancangan ini daripada Kementerian dan saya rasa jawatankuasa berkenaan telah pun membincangkan perkara ini, mereka faham akan keadaan sebenarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan. Mengenai sekolah inikah, Bagan?

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah berkata bahawa semua telah siap sedia, cuma hendak menunggu sahaja tanah yang diserahkan balik kepada Kementerian Pendidikan untuk dibinakan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu berapa jumlah wang telah diperuntukkan untuk sekolah ini dan sama ada peruntukan ini telah disediakan atau telah ada dalam tangan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bagan kerana mengambil perhatian juga mengenai sekolah di Klang ya. Sebenarnya saya untuk menyatakan berapa jumlah harganya itu tidak dapat saya menyatakan di sini, saya akan memberitahu kemudian sekiranya kalau Ahli Yang Berhormat ingin tahun. Tanah yang hendak kita usahakan itu ialah seluas tiga ekar, itu yang kita sedang bincangkan.

Jadi, untuk menyatakan secara spesifik, saya tidak dapat menyatakan di sini, walau bagaimanapun, kita pihak kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional, kita tidak mengabaikan daripada mendirikan sekolah itu untuk kebaikan bersama. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 5.

5. **Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah dan perancangan Kementerian meningkatkan tahap mutu sukan dan kecergasan fizikal pelajar-pelajar ekoran padang sekolah telah didirikan bangunan-bangunan tambahan sekolah terutama di bandar-bandar besar.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *Walaikumussalam* Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan merancang dan melaksanakan program-program seperti program perluasan tapak BAKAT. Program sukan di IPT dan lepasan sekolah, program sukan prestasi tinggi, program urusan sukan dan program peningkatan prasarana sukan untuk menggalakkan dan penglibatan pelajar dalam sukan dan seterusnya meningkatkan kualiti sukan.

Kementerian Pendidikan melalui bahagian sukan sedang berusaha untuk menubuhkan pusat sukan negeri dengan memilih sebuah sekolah di setiap negeri sebagai pusat kecemerlangan sukan. Selain daripada mempunyai kemudahan asas yang mencukupi untuk aktiviti sukan, pusat sukan negeri juga akan dilengkapi dengan gimnasium dan peralatan sokongan sebagai asas kepada kecergasan fizikal pelajar-pelajar.

Pusat sukan negeri seterusnya akan dikembangkan ke setiap daerah dengan diwujudkan pula pusat sukan daerah. Bagi sekolah-sekolah yang tidak mempunyai padang khususnya di bandar-bandar besar, Kementerian akan membina dewan serba guna untuk digunakan bagi aktiviti-aktiviti sukan dan kokurikulum. Bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah yang baru dibina termasuk sekolah, dengan izin, *high rise*, sebuah gymnasium turut didirikan dengan kemudahan peralatan yang lengkap untuk sukan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa setiap negeri akan ada sebuah pusat sukan, sedangkan di sekolah-sekolah kalau di bandar-bandar besar, kita akan perhatikan mungkin 50, 60 sekolah, kalau dahulu mereka boleh mengadakan kecergasan fizikal insitu di tempat itu, tetapi bayangkan sekarang bagaimana sekolah-sekolah di Gombak, di Selayang akan ke satu tempat yang khusus untuk satu negeri.

Jadi, saya rasa ini satu perancangan yang tidak munasabah, sepatutnya kita mesti beri setiap daerah dua atau tiga, kalau sebuah negeri satu, kemudian tahun bila pula hendak pergi kepada satu daerah satu, saya rasa ini macam kerajaan sudah mengabaikan kecergasan fizikal anak-anak, sedangkan minda berjalan selari dengan kecergasan fizikal, bila hendak start setiap daerah itu kalau boleh hendak tanya juga.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, terima kasih, itu pandangan Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat membuat kecaman bahawa perancangan kita tidak munasabah dan begitu juga Yang Berhormat telah mengatakan pihak kerajaan telah mengabaikan, saya rasa ini lemparan sangkaan yang saya anggap tidak munasabah dan Yang Berhormat bagi Jeli tiba-tiba bercakap dengan keadaan di Kuala Lumpur. Bila pula Jeli begitu tertarik dengan Kuala Lumpur. Memang saya berterima kasih Yang Berhormat telah menimbulkan perkara ini tetapi kita harus kena ingat begini, sekarang jumlah pelajar yang kita ambil setiap tahun terus meningkat dan juga sebab itu usaha kita ke arah untuk membina lebih banyak lagi sekolah satu sesi.

Usaha ini kita jalankan secara serius supaya kita ada ruang sebelah petang untuk menjalankan segala macam kegiatan pelajar termasuk kokurikulum tadi yang saya sebutkan. Mengenai dengan kawasan-kawasan sekolah, yang mana tidak terdapat padang terutama sekali di bandar-bandar besar, kita cuba usahakan untuk mendapatkan sekolah-sekolah kalau boleh, yang ada kawasan. Sebab itu apabila saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, dalam perancangan kita, kita telah mulakan benda macam kita kata, terpaksa diadakan, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *we have to begin somewhere*. Jadi kalaulah terus menerus cadangan Ahli Yang Berhormat itu, memang kita terima iaitu kalau boleh kita hendakkan dua, tiga bagi setiap daerah, tetapi memandangkan bagi sesetengah daerah, ia masih ada kawasan lapang dan yang mana ia ada kawasan padang, itu boleh kita gunakan.

Kita bergantung kepada kawasan-kawasan, misalnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini, memang kita akui, banyak sekolah yang begitu terhimpit dengan kawasan-kawasan perumahan. Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mulakan dan saya memberi jaminan pihak kerajaan pimpinan Barisan Nasional tidak akan mengabaikan pendidikan anak-anak. Terima kasih.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya mengucapkan tahniah kerana dasar kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar terus cemerlang dalam bidang pendidikan dan saya juga berterima kasih atas pandangan-pandangan Yang Amat Berhormat agar pelajar-pelajar ini cergas, tetapi kadang-kadang kita minta tanah pun kalau di separuh kerajaan negeri itu pun susah, untuk pendidikan pun hendak kenakan premium terutama di negeri Terengganu, kerajaan pembangkang ini, tetapi hendak pentingkan pendidikan. Antara kecergasan dengan pendidikan ini, saya tidak tahulah, hendak otak dahulukah ataupun hendak ada kemudahan sekolah. Cuma saya minta pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau boleh beri pelajar-pelajar yang cergas dalam bidang sukan ini, keistimewaan untuk mereka masuk ke IPTA, utamakan mereka dari segi biasiswa dan selain daripada itu, kalau boleh diberi mereka peluang yang terdahulu untuk mereka masuk ke IPTA berbanding dengan pelajar-pelajar yang kurang aktif dalam kokurikulum. Saya minta Yang Berhormat memberi sedikit penjelasan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, tadi ada Yang Berhormat telah mengingatkan kita bahawa sesetengah negeri begitu sukar untuk kita mendapat kawasan tapak sekolah dan terutama sekali negeri yang di bawah pentadbiran PAS. Jadi, walau bagaimanapun, kita akan cuba usaha dan saya nampak macam kawasan-kawasan yang diperintah oleh parti PAS ini, saya harap ia longgar sedikit apabila kita bercakap mengenai untuk mendapat tapak sekolah, terutama sekali di Terengganu, janganlah kena premium yang begitu tinggi sangat.

Jadi, saya tahu alasan-alasan yang akan dibuat ialah kerana itu dan kerana ini, tidak perlu buat apa-apa alasan, cuma nyatakan bahawa pihak kerajaan negeri akan memberi kerjasama

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sedang menjawab Yang Berhormat. Tidak perlu penjelasan, dia sedang menjawab Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: akan memberi kerjasama untuk kita

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini saya menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat bagi Tampin. Tidak perlulah dia hendak bangkit di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak perlulah. Apa Yang Berhormat terasa sangat. Tidak perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk! Jawab yang kedua, Yang Berhormat. Cukuplah! Jawab yang kedua, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bohong!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawab yang kedua Yang Berhormat. Cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Siapa yang bohong? Saya minta tarik balik, Yang Berhormat! Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usah bercakap begitu, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tidak bohong, siapa kata bohong?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usah, Yang Berhormat. Macam budak-budak pula!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Berdirilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus jawab, Setiausaha Parlimen.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Soalan yang kedua ialah mengenai dengan beri peluang kepada mereka yang cemerlang di dalam sukan. Ini juga kita sedang kita pertimbangkan supaya mereka yang bukan sahaja cemerlang dalam sukan, malah kalau kita dapat kedua-duanya itu seperti sukan dan akademik, apatah lagi itu sentiasa kita akan beri perhatian, terutama sekali yang begitu baik prestasinya dalam sukan, malah kita juga telah adakan sekolah-sekolah sukan tadi untuk memberi peluang lagi kepada mereka yang benar-benar cemerlang dalam sukan untuk terus juga cemerlang dalam bidang akademik, ini telah kita sediakan. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]

7. Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah] minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan setakat 31 Disember 2001 berapa ramaikah ibu tunggal yang berdaftar dan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk ibu tunggal dalam meringankan beban mereka.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ambil berat terhadap masalah yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal. Menurut penyiasatan pendapatan isi rumah untuk tahun 1999, terdapat 711,000 isi rumah yang diketuai oleh wanita. Satu masalah besar di

kalangan mereka adalah kemiskinan dan kadarnya telah meningkat daripada 15.1% pada tahun 1997 kepada 16.1% pada tahun 1999.

Ini terjadi walaupun berbagai usaha telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini seperti menyediakan pinjaman perniagaan kecil atau mikro kredit dan program latihan kemahiran untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan. Sebagai satu langkah baru untuk meningkatkan keberkesanan program untuk ibu tunggal, kementerian telah berusaha mendapatkan maklum balas yang lebih lanjut daripada kumpulan sasaran ini sendiri.

Untuk maksud itu dan atas dorongan kementerian, satu majlis yang menggabungkan semua persatuan ibu tunggal daripada seluruh negara sedang dalam proses ditubuhkan. Daripada saluran ini, kementerian mendapati seramai 17,246 orang yang telah berdaftar dengan persatuan-persatuan ibu tunggal di seluruh Malaysia.

Mengenai bantuan kewangan, pada tahun 2001, sejumlah RM634,022 telah disalurkan oleh kementerian untuk membantu ibu-ibu tunggal melalui persatuan-persatuan ibu tunggal. Program yang dibiayai termasuk kaunseling, motivasi dan peningkatan kemahiran dalam pelbagai bidang.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan tambahan. Apa yang ingin saya ketahui berkaitan dengan kemudahan kredit yang diberi kepada ibu-ibu tunggal ini, adakah kemudahan kredit ini ala TEKUN yang mana mudah dapat dipinjam tanpa sebarang cagaran yang dibuat oleh kerana kebanyakan ibu-ibu tunggal ini yang mempunyai bebanan yang berat kerana anak ramai dan sebagainya memerlukan kewangan mudah untuk memulakan perniagaan ataupun melaksanakan sesuatu kemahiran supaya mereka dapat berdikari? Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tidak mempunyai mana-mana peruntukan khas untuk diberi secara terus menerus kepada ibu-ibu tunggal. Saya dapati ada kekeliruan masyarakat bahawa ramai yang menganggapkan bahawa semua isu wanita - terutama masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita - akan dapat diselesaikan secara terus menerus melalui kementerian yang baru ini. Namun begitu, ini tidak menjadi halangan atau rintangan kepada kami di kementerian untuk menjalankan tugas.

Saya ingin memaklumkan bahawa melalui jawatankuasa kerja di antara Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan kementerian-kementerian yang lain, seperti dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, kita telah pun menyarankan kepada Menteri-menteri yang terbabit supaya kemudahan-kemudahan seperti mikro kredit sama ada melalui Amanah Ikhtiar Malaysia misal kata ataupun TEKUN untuk mengadakan program-program khusus untuk ibu tunggal. Saya gembira untuk maklumkan misal kata, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, Menteri sendiri mengambil berat tentang isu-isu ibu tunggal dan saya difahamkan bahawa banyak ibu tunggal menjadi penerima kepada peruntukan-peruntukan kewangan yang disalurkan melalui kementerian itu.

Namun begitu, kementerian ini sedang mencari jalan yang terbaik untuk menentukan bahawa kaedah-kaedah pinjaman itu kalau boleh dapat dilonggarkan. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa ramai sangat daripada mereka ini memerlukan bantuan terutama untuk memungkinan mereka memulakan perniagaan-perniagaan yang kecil. Jika mereka diperlukan untuk memberi *collateral*, dengan izin, maka ramai daripada mereka tidak mampu. Saya lihat bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan mendengar dengan rapi jawapan ini, dan saya percaya bahawa apabila beliau balik ke kementerian nanti, beliau akan melonggarkan syarat-syarat yang ada pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya apabila kita berbincang soal ibu tunggal, kita sentiasa berkisar kepada manusia yang ada ataupun wanita-wanita yang berpotensi menjalankan usaha dan perniagaan tetapi ini adalah satu *tip of the iceberg*, dengan izin. Kalau kita lihat di kampung-kampung, di luar bandar, di rumah panjang dan sebagainya. Umpamanya di rumah-rumah panjang di seluruh negeri Sarawak, adat resam Undang-undang Dusun Tunggu yang memberi satu perundangan dan peruntukan untuk Orang Iban tidak mencukupi. Kalau si suami meninggalkan si isteri hukumannya adalah RM500 sahaja.

itu berlandaskan maksimum. Kalau dihukum rendah daripada itu, mungkin satu ratus, dua ratus sahaja. Itupun kadang-kadang tidak dibayar. Perundangan untuk menguatkuasakan perkara ini tidak wujud dan tidak berkesan.

Jadi persoalannya, banyaklah ibu-ibu tunggal ini dengan anak dua dan tiga yang bernasib baik boleh berkahwin semula, yang tidak bernasib baik, tidak ada peluang langsung berkahwin dan bahkan jadi papa kedana seumur hidup mereka. Bahkan menjadi satu beban kepada masyarakat dan komuniti berkenaan.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya menerima penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, mengatakan kementerian tidak mempunyai dana khas untuk membantu, tetapi apakah tindakan kementerian supaya mereka yang telah tertekan dalam keadaan emosi dan sebagainya ini, boleh dibantu secara sumber kewangan, pendidikan, dorongan ataupun macam-macam untuk minta bantuan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan, minta bantuan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya. Apakah tindakan kementerian supaya semua kementerian ini berganding bahu supaya bantuan boleh diberikan kepada mereka yang terencil, yang tersisih, yang tidak diketahui, tidak mungkin berpeluang untuk menjadi usahawan ini? Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa insya-Allah isu ibu tunggal ini mendapat perhatian yang positif daripada, boleh kata, semua kementerian. Namun begitu, saya hendak mengingatkan kepada kita semua, isu ibu tunggal sebenarnya bukan hanya isu yang harus diperjuangkan oleh kerajaan. Saya hendak tanya: Macam mana ibu itu boleh ditunggalkan - dengan izin - *to begin with*? Kalau kita ikut statistik, saya hendak tanya kepada kaum bapa ini jaga.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan tanya, Yang Berhormat, nanti hendak jawab susah pula.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okay, saya hendak *phrase* balik, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kaum bapa ialah bekas-bekas suami ini, bayarlah nafkah kepada isteri yang ada. Betul atau tidak? Sebelum hendak kahwin dua, tiga atau empat misalnya, tetapi saya lihat bahawa mana-mana pergi, isu ibu tunggal semua orang tanya dekat kerajaan. Kerajaan hebat! Kita buat kerja dengan baik, bantu semua Menteri, buat saya yang buat, menteri-menteri yang lain pun, tetapi pada akhirnya tanggungjawab itu mesti dipulangkan kepada bekas-bekas suami. Kita lihat kes-kes nafkah misal kata, Tuan Yang di-Pertua, betul-betul prestasi pembayar nafkah itu amat membimbangkan.

Jadi saya hendak menyarankan, *maybe* ini adalah satu forum yang baik. Ahli Yang Berhormat balik ke kawasan, ingat-ingatkan kepada suami yang tercinta itu jangan abaikan tugas dan tanggungjawab. Jangan kkuatir, kerajaan kita akan jalankan tugas kita dengan baik. Saya hendak mengingatkan kepada kaum bapa sebab kita lihat bahawa fenomena ibu tunggal...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Sebelah PAS pun jangan lupa, Ketua Pembangkang, ingat sama ya? *[Disampuk]* Isu ibu tunggal adalah satu isu yang akan menjadi serius di negara ini kalau kita tidak menanganinya dengan secara bijak dan baik. Terima kasih.

8. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang diperolehi oleh negara kita hasil daripada penyertaan beliau di dalam Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang telah banyak mengutarakan isu perbincangan mengenai Islam dan keganasan memandangkan tanggapan dunia luar terhadap isu ini agak negatif kepada negara kita.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam forum-forum antarabangsa sentiasa mendapat sambutan baik dan memberikan kesan positif kepada kepentingan strategik negara sama ada dari bidang politik, ekonomi, perdagangan dan juga pelaburan. Sambutan yang diberikan kepada beliau

menunjukkan penghormatan yang baik kepadanya dan sering beliau dianggap sebagai pakar rujuk oleh pemimpin negara lain dan oleh individu dari kumpulan-kumpulan lain.

Penerimaannya oleh masyarakat antarabangsa amat membanggakan. Semasa berada di New York untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia, beliau juga telah membuat beberapa ucapan yang disambut dengan membanggakan kita seperti ucapan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Ensuring Capital Influence In a Risky and Adverse Environment*. Lagi satu *The Role of Islam in The Modern State; Globalization: Challenges And Impact On Asian Marketing; Maintaining Economic and Political Stability albeit' Regional Turbulence And Global Uncertainties; The Malaysian Experience* dan juga *Terrorism: Islam and Malaysia's Response*.

Jadi dalam beberapa ucapan ini, beliau dapat penerimaan dan perbincangan yang dijalankan menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang dikagumi dan diyakini oleh masyarakat antarabangsa. Secara keseluruhannya Malaysia mendapat manfaat yang banyak kerana ia dapat menjalankan rangkaian dan keyakinan kepada Malaysia sebagai satu persekitaran yang stabil dan berjaya menangani isu dan masalah semasa dengan berkesan. Terima kasih.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati Yang Berhormat Menteri Luar telah menyebut bahawa kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa mendapat sambutan yang baik dan juga dianggap sebagai pakar rujuk. Minggu lalu di Kuala Lumpur di Persidangan Antarabangsa Menteri-menteri Luar OIC berkenaan dengan takrif pengganas atau *terrorism*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan perasmianya mengatakan bahawa istilah *terrorism* ataupun pengganas meliputi semua kegiatan yang menyebabkan, mengakibatkan kematian orang ramai termasuklah tindakan oleh pejuang-pejuang Palestin. Kita nampak bahawa sambutan kepada ucapan itu tidak baik dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menjadi pakar rujuk malah takrif itu ditolak oleh Persidangan OIC [*Tepuk*] yang menganggap bahawa perjuangan Palestin mestilah disokong kerana ia ialah suatu perjuangan membebaskan dan mewujudkan sebuah negara halal bernama Palestin. Apa pandangan Yang Berhormat .

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat sempat saya mengucapkan terima kasih kerana menjadi pakar rujuk untuk menghentam Malaysia. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat faham daripada segi ini bukan kita punya persidangan negara-negara Islam itu bertujuan untuk membincangkan secara terbuka persoalan berkenaan keganasan. Kita tidak hanya menumpukan di dalam soal takrif ataupun makna. Oleh kerana takrif dan makna sudah pun terkandung di dalam OIC punya penakrifan yang diberi pada tahun 1994 dan juga pada tahun 1999.

Oleh itu, pandangan Yang Amat Berhormat dianggap suatu pandangan yang segar, adalah terlampau menyeleweng untuk kita mengatakan Malaysia tidak menyokong perjuangan Palestin. Malaysialah satu-satunya negara yang dianggap menyokong Palestin secara terus terang bukan daripada parti PAS.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah cakap dengan saya Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir kalau bercakap di tepi-tepi tidak guna. Kita berhadapan dengan kebenaran dan saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat bagi Tumpat bahawa sebenarnya pandangan Malaysia, pejuang-pejuang Palestin perlu diberikan sokongan, perlu diambil tindakan ke atas Israel Malaysia satu-satunya negara yang mula-mula menggunakan perkataan bahawa Israel sebenarnya mengamalkan *State Terrorism*, dengan izin.

Oleh itu saya fikir kedudukan rakyat Malaysia dan pandangan Malaysia memang sentiasa dihormati dan mesyuarat yang diadakan adalah satu mesyuarat yang berjaya. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah toleransi kerajaan terhadap parti-parti pembangkang seperti PAS yang bukan sahaja memburuk-burukkan pencapaian negara dalam bidang ekonomi tetapi keutuhan kita dalam menegakkan perjuangan dan memartabatkan Islam di dalam dan di luar negara dan apakah benar sehingga ada

usaha-usaha lain dari mereka yang tergamak meminta melalui kedutaan asing supaya Perdana Menteri kita jangan diberi layanan sewaktu membuat lawatan ke negara-negara blok Eropah Timur baru-baru ini walaupun kita bersyukur terhadap Allah s.w.t. kerana keberanian dan suara Perdana Menteri telah membuka pemikiran dan era baru terutama ke atas kuasa-kuasa besar seperti Amerika dalam memenangi isu Islam dan keganasan termasuk kekejaman Israel. Lebih-lebih lagi Perdana Menteri akan menjadi tetamu kepada Presiden Amerika bulan depan. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, malangnya selalu kita, apa tindakan yang diambil oleh kerajaan sentiasa disalahgunakan oleh pihak pembangkang walaupun mereka sendiri cuba mencari peluang iaitu Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Yang Berhormat bagi Yan pun pergi untuk menghantar memorandum untuk menunjukkan sokongan mereka kepada OIC. Hari ini Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat pula kata tidak sokong pula OIC. Jadi ini dolak-dalik yang dijalankan sentiasa oleh parti pembangkang.

Saya minta parti pembangkang ini lebih terbuka, lebih telus di dalam tindakan dan percakapan mereka. Mereka cuba untuk memburukkan nama Malaysia. Tetapi Alhamdulillah, kerana Malaysia mempunyai bukti dan *track record* segala usaha mereka gagal dan tidak berjaya. [Tepuk] Kita akan teruskan kerja-kerja baik dan perhubungan kita dengan negara-negara luar dan negara luar juga menganggap bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, bukan sahaja di kalangan negara bukan Islam tetapi negara-negara Islam sebagai negara yang mempunyai kesederhanaan, yang progresif yang dapat memajukan umat Islam di dalam konteks antarabangsa. Terima kasih.

[Soalan No. 9 – Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) tidak hadir]

10. Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, rasional dan kebijaksanaan tindakan pemulangan pimpinan MNLF, Nur Misuari kepada Kerajaan Filipina, sedangkan OIC mempunyai pandangan yang berbeza terhadap MNLF.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Saya akan menjawab soalan daripada Jerlun bersama-sama soalan No. 15 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Tumpat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat setiap tindakan kita adalah berasaskan pada undang-undang dan peraturan Malaysia. Pihak Nur Misuari dan tujuh orang pengikutnya telah ditahan kerana mereka memasuki Malaysia tanpa sebarang dokumen perjalanan yang sah.

Walaupun di kalangan negara-negara ASEAN kita membenarkan untuk masuk tanpa visa untuk dua minggu tetapi kalau tidak mempunyai dokumen yang sah kita kena mengambil tindakan yang sewajarnya dan mereka telah ditahan. Untuk maklumat Yang Berhormat Kerajaan Filipina telah juga meminta kerjasama daripada Kerajaan Malaysia untuk menyerahkan Nur Misuari dan pengikut-pengikutnya di hadapan mahkamah pengadilan Filipina atas tuduhan melancarkan pemberontakan ke atas Kerajaan Filipina pada 19 November 2001 yang telah mengorbankan banyak nyawa orang awam.

Malaysia menganggap perkara ini adalah masalah dalaman Kerajaan Filipina dan kita tidak boleh menyimpan mana-mana pihak yang telah melakukan kesalahan di negara mereka dan tindakan yang wajar yang kita ambil ialah untuk menghantar pulang. Pihak OIC tidak membantah tindakan yang dijalankan oleh Malaysia oleh kerana ia adalah berasaskan undang-undang dan kita juga tidak mengambil bahagian di dalam menentukan kepimpinan MNLF, kepimpinan MNLF adalah hak mereka sendiri untuk menentukannya.

Pada masa ini Farok Husin menjadi pemimpin MNLF, negara-negara OIC mengiktiraf kepimpinan MNLF oleh Farok Husin yang menjadi Gobenor Mindanau pada ketika ini. Oleh itu apa juga tindakan yang kita lakukan berasaskan kepada kepentingan Malaysia dan berasaskan kepada perhubungan dua hala antara Malaysia dan Filipina. Terima kasih.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri Luar Negeri. Kenapakah dalam masalah pemulangan Nur Misuari kepada Kerajaan Filipina, peruntukan-peruntukan dalam Akta Ekstradisi nampaknya seolah-olah tidak diambil kira, terutama memandangkan bahawa Nur Misuari adalah seorang

ahli politik. Jika kerajaan tidak bersedia untuk menerimanya sebagai pelarian politik di negara ini, kenapa tidak diberi peluang kepadanya untuk memilih mana-mana negara lain sebagai tempat berlindung sebagai pelarian. Soalan tambahan, apakah syarat-syarat yang dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Filipina dalam masalah pemulangan Nur Misuari ini? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan bahawa di Malaysia kita tidak mengiktiraf berkenaan suaka. Tidak ada seseorang yang dibenarkan untuk masuk ke Malaysia berasaskan perlindungan politik. Oleh kerana politik di antara Nur Misuari dan Kerajaan Filipina adalah politik mereka sendiri dan kita tidak memberi apa-apa perlindungan untuk mengambil bahagian dalam konflik yang berada di dalam sesebuah negara yang lain.

Untuk tujuan ini Nur Misuari belum, tidak ada dimohon untuk melakukan sesuatu kesalahan jenayah yang berasaskan kepada kesalahan yang lain daripada apa yang telah kita ketahui iaitu pemberontakan dan pemberontakan ini kerana dia datang tidak ada dokumen, di atas permintaan Filipina kita terpaksa menghantar dia balik mengikut undang-undang dan perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina.

Jadi saya fikir tradisi dalam hal ini tidak, kalau ada perompakan atau sesuatu yang kita lakukan berasaskan jenayah di sana dan mereka lari ke sini, Filipina hendak mohon mendapatkan kita membawa orang itu pulang, hantar pulang ke Filipina kita boleh berbuat demikian.

Dalam konteks ini dia tidak kena untuk menggunakan ekstradisi sebab itu kita mengambil tindakan untuk berunding dengan Kerajaan Filipina dan Kerajaan Filipina, saya sendiri berjumpa dengan Presiden Arroyo dan memberitahu kita bahawa mereka akan tetap menghormati dan melindungi mengikut sistem dan proses undang-undang dan keadilan Filipina dan adalah tidak tepat untuk kita mengatakan bahawa OIC ada negara yang nak bagi perlindungan.

Tidak ada sebuah negara pun yang telah meng*approach* dengan izin, Filipina untuk memberikan perlindungan politik kepada Nur Misuari. Oleh itu Malaysia tidak dapat menyimpan Nur Misuari tetapi menjawab permintaan Filipina untuk menghantarnya pulang sebagai rakyat Filipina.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Dato' Menteri Luar, saya takut Dato' Menteri nak bagi simpati kepada Drs. Ahli Parlimen Jerlun sebab tangan-tangan dia patah, sebab kalau tangan kiri tidak apa, tapi kalau tangan kanan, susah kalau tangan kanan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...Hendak berceramah kena angkat tangan kiri tidak boleh angkat tangan kanan [*Ketawa*] Dia nak ambil duit yang dia kutip pun semasa balik ceramah kena angkat tangan kiri pula. [*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta pandangan Menteri, dewasa ini nampaknya hubungan kita dengan Filipina agak baik kalau berbanding dengan Presiden yang dahulu dan usaha kita menyelesaikan masalah Nur Misuari ini adalah satu tanda bahawa jambatan hubungan kita sungguh baik sekarang ini. Saya hendak bertanya adakah benar hubungan kita yang tidak baik dahulu kerana ada dalang sebelah sana? Hendak tanya itu kepada Dato' Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir kalau ada hubungan baik dan ada keakraban dan kemesraan dia adalah kerana kerajaan, kalau buruk datangnya parti pembangkang. [*Ketawa*].

11. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hutan simpan mengandungi khazanah alam kayu balak di sekitar *Outward Bound School* di Lumut telah ditebang, ini menjejaskan aktiviti-aktiviti *Outward Bound School* untuk melatih semangat pelatih. Bagaimana kementerian dapat mengatasi masalah ini supaya tidak berlaku dengan berleluasa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa begitu prihatin akan dakwaan Yang Berhormat itu dan segera telah meminta daripada Jabatan Perhutanan. Hasil siasatan jabatan berkenaan mendapati tiada penebangan pokok-pokok hutan dan kawasan yang berdekatan dengan *outward bound school* seperti mana telah pun didakwa berleluasa pihak Yang Berhormat. Walau bagaimanapun pihak kerajaan sentiasa peka dan dengan keadaan alam sekitar seumpamanya sekeliling pusat tersebut dan akan sentiasa berusaha menjaga dan mengawasinya.

Mengenai dakwaan pembalakan di sekitar kawasan *outward bound school* suka saya memaklumkan bahawa pembalakan yang dilakukan adalah di atas tanah milik dengan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ianya adalah untuk tujuan pembangunan yang dikendalikan oleh sebuah syarikat pemajuan kawasan peranginan. Saya berharap juga Yang Berhormat jangan khuatir kerana masih terdapat kawasan hutan simpan dan tanah kerajaan yang berhutan dan berbukit berjumlah lebih kurang 644 hektar yang boleh digunakan untuk tujuan aktiviti-aktiviti rekreasi atau latihan yang berkaitan dengan pusat berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sila Lumut

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya penduduk tempatan amat khuatir kerana nampaknya macam hutan simpan di kawasan persekitaran *outward bound school* itu dibalakkan atau ditebang. Adakah kawasan yang dibalakkan itu dahulunya adalah hutan simpan tetapi baru-baru ini diswastakan untuk syarikat swasta untuk pembangunan dan alam semula jadi amatlah perlu untuk kegiatan *outward bound school* seperti bukit, laut dan hutan.

Aktiviti pembalakan ini satu hari nanti *outward bound school* itu akan dikelilingi oleh konkrit *jungle* dan apakah langkah-langkah diambil oleh kementerian untuk menjamin bahawa alam semula jadi di persekitaran *outward bound school* itu dikekalkan sebab baru-baru ini ada juga kawasan yang berdekatan dengan *outward bound school* itu, laut itu akan ditambah juga. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memanglah begitu peka sekali tentang keadaan yang ada di kawasan Yang Berhormat itu bahawa kita telah pun memastikan syarikat yang telah pun menjalankan pembalakan untuk memajukan kawasan peranginan itu mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Oleh itu Yang Berhormat tidak usah bimbang dan kita akan memantau dan memberi perhatian yang sewajarnya dan sekiranya mereka tidak memenuhi atau tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kawasan yang masih lagi kekal sebagai hutan simpan di situ hanya 644 hektar. Saya fikir 644 hektar berbanding dengan pengalaman saya ke *outward bound school* di Lumut dulu, terlalu kecil berbanding dengan kawasan dan saiznya yang asal. Saya nak tanya berapakah jarak di antara kawasan-kawasan hutan simpan ini boleh dibuat pembangunan terutama kawasan *outward bound school* itu sendiri kerana memandangkan 644 hektar ini, saya fikir adalah kecil untuk kegiatan *outward bound school* itu. Berapakah jarak yang dibenarkan di antara kawasan pembangunan dengan kawasan-kawasan hutan simpan. Sekian, terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat, oleh kerana soalan Yang Berhormat begitu spesifik sekali di antara jarak yang telah dibenarkan maka saya akan mendapat laporan daripada pihak-pihak berkenaan untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun 644 hektar yang masih ada untuk kegiatan aktiviti-aktiviti rekreasi *outward bound school* itu masa kini memanglah memadai dan kita tertakluk kepada kawasan yang ada pada sekitar itu dan kawasan yang kita beri kelulusan ialah semata-mata juga untuk pembangunan di sekitar kawasan itu. Terima kasih.

12. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah berlaku kesukaran untuk rakyat Malaysia memasuki negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat berikutan serangan 11 September 2001 yang

lalu dan sama ada berlaku diskriminasi terhadap rakyat Malaysia oleh anggota keselamatan negara-negara terbabit.

[Menteri Luar Negeri berjalan masuk semula ke dalam Dewan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kementerian Luar Negeri. *[Dewan riuh] [Ketawa]* Tak ada siapa wakil. Ya, Yang Berhormat. Soalan yang ke-12 Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya minta maaf oleh kerana saya pergi di luar sekejap Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Wangsa Maju di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua ekoran daripada kejadian serangan 11 September 2001, pihak berkuasa di kebanyakan negara termasuk negara-negara Barat telah mengenakan dan mengambil langkah-langkah untuk memperketatkan kawalan dan keselamatan masuk ke negara masing-masing.

Tidak dinafikan bahawa langkah-langkah untuk mengadakan pemeriksaan lebih ketat ke atas para pelawat di pintu keluar masuk telah memberi kesulitan sedikit kepada pelawat-pelawat bukan sahaja di kalangan rakyat asing tetapi juga di kalangan rakyat negara berkenaan itu sendiri. Setakat ini kerajaan tidak mempunyai bukti yang jelas tentang ada berlaku diskriminasi terhadap rakyat Malaysia oleh anggota keselamatan negara-negara tersebut. Sungguhpun terdapat beberapa orang rakyat Malaysia yang mendakwa tidak dibenarkan masuk dan diberi layanan buruk oleh pihak berkuasa di lapangan terbang di Amerika Syarikat.

Kes-kes ini secara keseluruhannya adalah terpercil dan bilangan mereka yang terbabit adalah sangat kecil jika dibandingkan ratusan rakyat Malaysia yang melawat Amerika Syarikat dan lain-lain negara barat setiap hari yang tidak menghadapi masalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri tadi di atas penjelasan. Kejadian kes-kes di mana rakyat Malaysia dilaporkan telah dihalang masuk ke Amerika Syarikat, malah dilayan dengan begitu teruk sekali sedikit sebanyak juga menunjukkan kepada kita. Saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah persediaan yang perlu bagi rakyat Malaysia untuk ke Amerika Syarikat bagi mengelakkan berulang-ulangnya kes-kes seumpama ini. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Wangsa Maju. Saya fikir apabila kita hendak keluar ke negara-negara lain, yang paling penting sekali ialah kita mesti mengikut peraturan dan undang-undang negara yang hendak kita lawati. Masalah yang timbul di dalam kes Amerika itu ialah orang yang pergi ke sana tidak mempunyai dokumen yang sah dan tidak langsung mempunyai wang. Jadi, dalam keadaan dan suasana yang sedemikian, maka dia menimbulkan keraguan dan ketakutan, oleh kerana masalah mereka adalah masalah sebenar yang mereka hadapi semasa serangan terhadap World Trade Center dan juga di Pentagon.

Jadi, kita mesti melihatnya di dalam konteks yang sedemikian. Jadi, saya berharap rakyat Malaysia kalau boleh biar kita melancong di dalam negara tetapi kalau kita hendak melancong ke luar negara, kita mesti patuhi dan ketahui, apakah syarat-syarat kemasukan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi jawab lisan selesai.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" [4 April 2002]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya jemput Timbalan Menteri Dalam Negeri menyambung jawapan. Sila.

11.08 pagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sambungan daripada secebis jawapan awal saya pada minggu lepas, Yang Berhormat bagi Tambun, Labuan, Bagan, Kuala Kedah, Seputeh, Gelang Patah, Bukit Bintang dan Kota Melaka yang telah turut sama membahaskan Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2000 ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pendatang tanpa izin, Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Labuan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh isu berkenaan pendatang tanpa izin. Bilangan sebenar PTI yang masuk ke negara ini tidak dapat dikenal pasti kerana mereka masuk melalui pintu masuk yang tidak diwartakan.

Walau bagaimanapun, bilangan PTI yang telah ditangkap melalui operasi-operasi yang dijalankan oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pihak berkuasa tempatan dan juga RELA ialah pada tahun 1999, seramai 78,051 orang. Bagi tahun 2000, seramai 100,103 orang dan bagi tahun 2001 seramai 158,420 orang. Kerajaan menganggarkan bilangan PTI yang berada di seluruh negara ialah lebih kurang 600,000 orang. Ini anggaran kerajaan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Tambun agar kerajaan menjalankan kempen membasmi PTI, kerajaan mengalu-alukan cadangan tersebut. Pada masa ini pun kerajaan sememangnya menggalakkan rakyat negara ini terutama yang tinggal di kawasan berdekatan dengan laluan PTI bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dengan membekalkan maklumat agar tindakan membanteras dapat dijalankan.

Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat bagi Labuan agar Kementerian Dalam Negeri mengenal pasti PTI melalui bancian, kerajaan berpendapat bahawa cadangan tersebut agak sukar dilaksanakan kerana PTI biasanya tidak akan memberitahu yang diri mereka itu PTI.

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Gelang Patah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bagi mengelakkan tindakan dikenakan ke atas mereka dan dalam masa yang sama, mereka masuk melalui pintu masuk yang tidak diwartakan dan kebiasaannya tidak mempunyai apa-apa dokumen pengenalan diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya ingin tahu apakah langkah yang lebih berkesan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri seperti adakah kita ingin menubuhkan *coastal guard* dan memasang lampu di sekitar pantai yang mana adalah tempat di mana pendatang tanpa izin sentiasa masuk untuk mengurangkan mereka datang ke Malaysia tanpa izin. Boleh tolong jelaskan? Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih. Dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Satu *coastal guard* memang sudah ditubuhkan yang kita serap daripada pasukan polis marin.

Yang keduanya, pasang lampu ini ada satu tempat, ini *on trial*. Apa yang kita takut apabila pasang lampu, menjadi pedoman pula kepada mereka untuk lebih senang masuk. Jadi, ini kita tidak buat keputusan yang terakhir dan kalau pasang lampu ini bagus untuk menjauhkan mereka, kita akan pasang lampu tetapi kalau pasang lampu itu akan menjadi pedoman untuk menyenangkan mereka, kita padamkan lampu.

Yang Berhormat bagi Bagan dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah menyentuh mengenai isu rasuah di kalangan anggota penguat kuasa dan undang-undang yang ketat juga boleh menggalakkan berlakunya penyelewengan.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah pula telah mencadangkan agar undang-undang baru diperkenalkan bagi membanteras amalan rasuah. Kerajaan berpandangan undang-undang yang ketat dan tegas perlu untuk menangani masalah PTI secara lebih berkesan demi menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kerajaan juga tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pegawai kerajaan yang menyalahgunakan dan menyalahgunakan kuasa.

Berhubung dengan itu iaitu isu rasuah yang berkaitan dengan PTI pada tahun 2000, seramai enam orang kakitangan PDRM telah ditangkap dan diambil tindakan dan seorang pegawai kerajaan. Pada tahun 2001, dua orang pegawai dan 12 orang anggota PDRM telah diambil tindakan atas kesalahan yang sama.

Kerajaan berpandangan satu undang-undang baru tidak perlu diwujudkan dan dalam menangani isu rasuah kerana undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kerajaan amat mengalu-alukan dan berterima kasih jika Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melaporkan mengenai sebarang salah laku dan rasuah yang dilakukan oleh mana-mana pegawai kerajaan. Kita berharap jangan hanya menyebut pegawai kerajaan itu, pegawai kerajaan ini, pegawai polis itu, pegawai polis ini kerana jika begini kita tidak dapat tangkap.

Isu mengenai takrif premis. Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah menyentuh mengenai takrif isu "premis" dalam Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2002. Yang Berhormat bagi Bagan telah mengutarakan masalah PTI yang dijumpai di hotel dan adalah pemilik hotel bersalah kerana melanggar undang-undang.

Begitu juga masalah yang sama telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah mengenai PTI yang dijumpai di tempat-tempat awam seperti restoran, LRT dan sebagainya. Suka saya menjelaskan bahawa dalam rang undang-undang ini, anggapan ataupun *presumption*, dengan izin, hanya dibuat yang penghuni sesuatu premis ini mengetahui, bukan dia tidak mengetahui mengenai kehadiran PTI.

Mana-mana PTI yang dijumpai di tempat awam seperti restoran, LRT, bas dan sebagainya, tuan punya tidaklah melakukan kesalahan. Walau bagaimanapun, tindakan boleh diambil terhadap mereka yang bersubahat. Sebagai contoh, di restoran, sekiranya PTI tersebut dijumpai di dalam ruang tidur, di dalam pejabat dan sebagainya, maka tuan punya sesuatu premis boleh dikenakan tindakan di bawah akta ini.

Secara umumnya, setiap tangkapan dan pendakwaan dibuat mestilah berdasarkan bukti yang kukuh dan setiap penafian atau pembelaan mestilah disertakan dengan bukti yang kukuh juga.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Jeli.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di dalam Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2002 juga ada menyebut "premis". Jadi, apakah "premis" yang ditafsirkan dalam Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2002 sama dengan "premis" yang dimaksudkan dalam Akta Polis? Sama ataupun tidak? Makna maksudnya kalau di dalam Akta Polis, "premis" hanyalah bangunan tetapi dalam Akta Imigresen kalau ada pendatang tanpa izin masuk dalam kawasan pagar, adakah dianggap pagar itu premis ataupun bangunan itu sahaja premis?

Jadi, kalau tidak sama...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Faham, faham, faham.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ha, satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Yang kedua, saya hendak bertanya, sekarang ini ada diperuntukkan bahawa mana-mana tuan punya premis yang membenarkan PTI yakni pendatang tanpa izin masuk ke rumahnya, maka tuan punya premis boleh dihukum dan boleh didakwa. Jadi, bagaimana halnya sekiranya dalam keadaan biasa, normal, tidak ada orang yang akan tanya. Saya tidak fikir orang akan tanya, "Kamu ini PTI ataupun bukan PTI?".

Tuan punya premis jarang yang akan bertanya. Bagaimana kalau kes ini berlaku sebegitu rupa? Kerana saya fikir tidak semua daripada kita ini akan tanya, "Kamu ini PTI ataupun bukan PTI?" Bagaimana sekiranya kalau keadaan itu berlaku tanpa diketahui oleh tuan punya premis. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Baru sahaja saya baca ucapan saya ini bahagian soalan yang terakhir itu. Kemudian kalau tidak tahu saya sudah kata tidak tahu dalam masa yang singkat tidak salah tetapi kalau saja-saja buat tidak tahu itu salah. Saya pun hairan Yang Berhormat ini orang datang masuk rumah Yang Berhormat tidak tanya apa-apa boleh masuk sampai ke dapur, sampai ke bilik tidur, kira Yang Berhormat adalah yang terbaik sekali rakyat di Malaysia ini yang tidak bertanya langsung asal usul orang datang. *[Ketawa]*

Biasanya kita mesti bertanya. Tambah pula kita tidak tahu, bagaimana kita hendak benarkan orang masuk ke rumah kita dan bagaimana pula kita hendak benar dia duduk makan tidur di rumah kita, mesti kita hendak tahu. Saya hendak nasihat Yang Berhormat kalau tidak mahu terjebak dengan kesalahan ini Yang Berhormat balik ini mesti buang yang lama itu ikut nasihat saya, kena bertanya. Kalau tidak Yang Berhormat tersabit dengan kesalahan ini dan perilaku Yang Berhormat atas belas ehsan dengan rasa penuh bertimbang rasa Yang Berhormat membenarkan dia tinggal di rumah Yang Berhormat oleh sebab Yang Berhormat tidak bertanya.

Kita kena bertanya kerana kesalahan ini akan tertimpa dan terkena kerana kita tidak bertanya. Maka, kita melindungi mereka, kita membenar mereka kerana mereka masuk ke rumah kita, kita benar dia, bermakna kita benar dia masuk, kita benar dia tinggal. Secara umumnya setiap tangkapan dan pendakwaan saya kata dibuat mestilah berdasarkan bukti yang kukuh. *[Disampuk]* Saya akan sampailah. Saya akan sampai kepada premis ya, tetapi dia tanya lebih awal sebelum saya sampai. Setiap penafian atau pembelaan mestilah disertakan dengan bukti yang kukuh.

Berhubung dengan perbezaan tafsiran 'premis' dalam Akta Imigresen dan Akta Polis sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli baru-baru ini, suka dijelaskan sesuatu tafsiran itu adalah dipakai khusus untuk tujuan melaksanakan peruntukan sesuatu akta dan setiap tafsiran sesuatu perkataan adalah berbeza bagi mencapai maksud yang dikehendaki oleh akta tersebut. Jika tafsiran 'premis' di dalam Akta Polis ianya hendaklah dirujuk dalam Akta Polis itu sendiri. Jika ia berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan pasukan polis itu sendiri, tafsiran di dalam suatu akta tidak boleh semestinya digunakan dalam satu akta yang lain.

Mengenai kuasa-kuasa di bawah Akta Imigresen selain daripada pegawai-pegawai imigresen, pegawai polis juga boleh mempunyai kuasa yang sama dan seterusnya boleh menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Imigresen. Oleh itu masalah pegawai polis dalam melaksanakan kuasa dalam takrif 'premis' tidak timbul sama sekali.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan premis ini. Sewaktu kita menimbulkan soal premis dalam Akta Polis dan dibandingkan dengan takrif 'premis' yang diberikan dalam Akta Imigresen ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan yang dimaksudkan dengan *land* (tanah) ialah tanah di

mana di atas tanah itu bangunan itu didirikan. Di luar daripada bangunan itu tidak dianggap premis itu mengikut tafsiran yang diberikan oleh Timbalan Menteri dalam perbahasan yang lalu.

Saya ingin bertanya sebagai contoh, katakanlah Parlimen kalau diambil dari jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri atas perbahasan yang lalu yang dikatakan premis mengikut Timbalan Menteri ialah bangunan Parlimen dan tanah di atasnya bangunan ini dibangunkan. Bagaimana dengan kawasan persekitaran Parlimen yang dipagar? Adakah itu dikira premis Parlimen ataupun tidak?

Sehingga hari ini apa yang dijanjikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk memberi jawapan bertulis kepada saya mengenai dengan istilah tafsiran 'premis' setelah dirujuk kepada ahli undang-undang sampai hari ini saya belum lagi menerima jawapan itu dan saya harap saya akan dapat menerima penjelasan itu sebelum persidangan ini berakhir untuk membolehkan kita terus menganjurkan program-program tanpa diganggu-gugat oleh polis.

Sekarang ini apa yang berlaku akhir-akhir ini pula apabila mereka tahu kita hendak mengadakan program tertutup di hotel atau di mana-mana bangunan tertutup mereka membuat pula sekatan-sekatan jalan raya untuk mengganggu orang ramai dari menghadiri program-program itu. Jadi, saya ingin mendapat kepastian daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk memberi jawapan bertulis kepada saya sebagaimana dijanjikan dalam perbahasan yang lalu. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih. Telah saya sebutkan tadi bahawa tidak ada percanggahan tetapi terdapat kefahaman yang berlainan berdasarkan kepada akta yang telah dibentang dan diluluskan. Sekiranya Akta Polis dibentang dan diluluskan apa yang tertulis dalam Akta Polis itulah yang ditentukan kuat kuasa dan undang-undang dengan menggunakan akta yang berkenaan. Akta Imigresen apa yang dibentangkan dan diluluskan bermakna apa yang tertulis di dalam akta itu, itulah yang digunakan untuk Akta Imigresen. Tidak ada bahawa satu akta ini akan berkait dengan akta yang lain. Apa yang diluluskan dalam Dewan ini seperti dalam akta ini, *premise includes (a), (b), (c) dan (e)* yang tertulis dan inilah yang akan digunakan mengikut peraturan dan cara yang diamalkan di dalam negara ini. Apabila kita bercakap mengenai Akta Polis kita terpaksa rujuk mengenai Akta Polis dan tidak boleh merujuk Akta Imigresen kerana ia adalah berlainan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri belum berikan laluan lagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak boleh lagi. Saya tidak bagi laluan lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sabar, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sabar, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pendang telah meminta jawapan. Saya memang berjanji bahawa saya akan beri jawapan. Tetapi oleh kerana saya tahu bahawa akta ini akan dibentangkan dalam Dewan ini maka sekali gus menerangkan bahawa terdapat apa yang difahamkan 'premis' di dalam Akta Imigresen dan apa yang difahamkan 'premis' mengikut Akta Polis. Tetapi sekiranya Yang Berhormat masih berkehendakkan jawapan itu walaupun setelah kita jawab dalam Dewan ini, insya-Allah, kita akan tulis. Tetapi kalau Yang Berhormat kata cukup dengan jawapan kita, kita tidak payah beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri laluan kepada Yang Berhormat bagi Jeli?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, boleh.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bermurah hati. Saya bimbang kerana bila mana satu perkataan boleh ditafsir berbagai-bagai mengikut suasana, saya fikir ini boleh menimbulkan kekeliruan bukan hanya kepada rakyat tetapi juga kepada adik-adik di sekolah apabila ditanya apa itu 'premis'. Jadi, 'premis' ini kalau mengikut sepuluh akta maka sepuluh akta akan mendefinisikan 'premis' mengikut akta masing-masing. Saya fikir ini tidak wajar. Kerajaan sepatutnya merujuk kepada pakar bahasa dan menetapkan bahawa biarlah makna 'premis' ini sama di mana-mana kerana ini akan menimbulkan kekeliruan bagi banyak pihak kerana takrif 'premis' akan jadi berbagai-bagai.

Jadi, boleh ataupun tidak bagi pihak kerajaan supaya tidak menimbulkan sampai kepada pakar bahasa pun tidak keliru, adik-adik di sekolah menengah dan adik-adik di universiti tidak keliru, kita gunakan makna 'premis' itu adalah sama untuk mana-mana akta dan di mana-mana. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Untuk sementara ini kerajaan tidak berniat untuk merujuk kepada pakar bahasa kerana kita telah membentang. Akta Polis pun sudah diluluskan dan Akta Imigresen ini pun akan diluluskan, telah pun diluluskan dan buat pindaan ini. Sekiranya kita tidak bersetuju dengan 'premis' dalam maksud ini kita tidak boleh terima akta ini. Tetapi akta ini meliputi atas tanggungjawab pegawai imigresen, pegawai keselamatan hendak bertindak di atas pendatang-pendatang tanpa izin. Sekiranya kita tidak bersetuju maka kita tidak boleh mengambil tindakan terhadap pendatang-pendatang tanpa izin. Pada masa yang sama kita hendak kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas.

Maka dengan itulah kita merangkumi, kita mencakupi perkara-perkara yang boleh menjadi tempat mereka berlindung, menjadi tempat mereka menyembunyikan diri menjadi tempat mereka mencari kerja. Semua ini dirangka berasaskan dari pandangan sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk kita bertegas dan bersungguh-sungguh.

Maka kalau kita mencerakinkan mengikut kehendak kita dan tidak bersetuju dengan akta ini, maka kerajaan tidak boleh mengambil tindakan-tindakan ini. Tetapi kita tidak berbincang mengenai Akta Polis, kita berbincang mengenai Akta Imigresen dan imigresen akan mengambil tindakan terhadap premis mengikut fahaman dalam akta yang dibentangkan ini dan ia tidak boleh berkait dengan akta-akta lain. Saya harap Yang Berhormat dapat memahami perkara ini.

Depot tahanan imigresen – Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Gelang Patah juga telah menyentuh beberapa isu mengenai depot tahanan imigresen. Sukacita saya menjelaskan bahawa layanan yang diberikan adalah bersesuaian dan segala keperluan asas yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kedah telah disediakan kepada pendatang tanpa izin semasa dalam tahanan, di depot-depot imigresen. Macam kata Yang Berhormat dia tidak sediakan untuk keperluan wanita, jadi menjadi susah kepada orang perempuan ini, saya tidak tahu bila Yang Berhormat ini pergi tengok pula. Tapi saya ingin maklumkan kerajaan telah membelanjakan banyak wang daripada duit rakyat untuk belanjakan makanan dan minuman dan termasuk perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah mengenai keperluan wanita, semua keperluan wanita di tempat depot imigresen ini dibekalkan oleh kontraktor-kontraktor mengikut depot-depot yang berkenaan memohon ataupun yang diperlukan kepada perkara-perkara tersebut.

Bagi depot yang tidak ada wanita maka keperluan wanita dalam perkara-perkara yang tertentu tidak dibekalkan dan sudah tentu kadang-kadang seperti Yang Berhormat dapat tahu ada keperluan wanita pada masa-masa yang tertentu tidak ada kemungkinan, bekalan ini habis. Ini kita tidak boleh hendak *guarantee* pada setiap semua bekalan dalam satu hari tidak boleh habis seperti kalau sabun ataupun ubat gigi umpamanya di rumah kita. Kita pun kadang-kadang kita tidak dapat menyangka hari ini habis, esok baru kita beli, ini berlaku. Contohnya perbelanjaan makan, minum pendatang tanpa izin sahaja.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri....

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bagi saya habis ini dahulu ya, Yang Berhormat Kepong.....Contohnya perbelanjaan makan, minum pendatang tanpa izin sahaja bagi tahun 1999 ialah RM3,769,370.58. Bagi tahun 2000 sebanyak RM2,402,859.05. Bagi tahun 2001 sebanyak RM2,549,124. 55. Inilah perbelanjaan-perbelanjaan yang kita belanja untuk kepentingan pendatang-pendatang tanpa izin yang diletakkan di depot tahanan imigresen.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya percaya pihak polis pun sudah bertungkus-lumus dan membuat jasa yang baik, memberi makanan dan sebagainya kepada pendatang tanpa izin ini dan bolehkah Yang Berhormat menentukan lebih peruntukan kerana ini masalah orang lain kita tanggung, masalah kita dan menunjukkan Malaysia ini lebih perikemanusiaan kalau berbanding dengan negara-negara yang lain. Tambahkan, kerana saya ada nampak, dua kali saya ada pergi. Yang pertama kesesakan, yang kedua makanan itu tidak cukup. Mungkin bukan kesalahan polis juga, kadang-kala pembekal makanan pun segelintir orangnya bersubhat untuk mengaut keuntungan yang lebih. Ini memang satu perkara yang perlu Yang Berhormat mengambil perhatian dan tambahkan peruntukan dan juga saya nampak pihak polis atau pihak imigresen tidak mempunyai pengalaman untuk menjaga kem-kem tahanan itu.

Adakah kemungkinan kita ada penyelarasan dengan pihak penjara kerana mereka lebih mahir dalam hal ini dan juga meningkatkan keselamatan dan meningkatkan penjagaan ke atas mereka semua ini, itu saya mencadangkan dan itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat ada menyebutkan mengenai bukti dan saksi, memang susah untuk mendapat bukti dan saksi dan pada satu ketika bulan Februari, Menteri Dalam Negeri ada meminta Yang Berhormat Jelebu memberi maklumat tentang amalan rasuah yang didakwanya antara punca pembanjiran pendatang tanpa izin di negara ini dan saya pun tidak tahulah.

Saya percaya sebagai menteri dan sebagai peguam, Yang Berhormat Jelebu mempunyai bukti sebelum beliau bercakap dan tambah pula, kalau kita kata hendak tunjukkan kepada mahkamah memang mahkamah tidak boleh terima dari masa ke semasa tetapi kalau kita nampak begitu banyak kampung-kampung, orang-orang pendatang tanpa izin ini, ini bermakna ada sesuatu yang tidak betul, tidak betul dan ini yang keduanya. Dan bolehkah Yang Berhormat yang ketiga? Di seluruh negara kawasan-kawasan rumah-rumah pangsa, flat-flat yang kos rendah dan sebagainya peratusan pendatang ini memang tinggi termasuk di Wilayah Persekutuan, bolehkah Yang Berhormat mengadakan pondok-pondok polis di semua pusat-pusat perumahan seperti ini? Perumahan sama ada swasta ataupun perumahan kerajaan di seluruh negara. Kita adakah pondok polis mungkin ini salah satu penghalang kepada mereka yang mengambil atau memberi sewa kepada pendatang-pendatang ini. Sekian, Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kepong, soalan yang ditimbulkan yang terakhir sekali ialah mengenai dengan pondok-pondok polis ini. Kita mengadakan balai polis, mengadakan ibu pejabat polis dan pondok-pondok polis mengikut penyesuaian keadaan tempat dan bilangan penduduk. Kita tidak boleh menganggarkan bila berlaku kerenjatan seperti ini, umpamanya isu riuh-rendah pendatang tanpa izin ini maka kita terpaksa mengadakan pondok polis di tiap-tiap kawasan ataupun perumahan tertentu di mana terdapat kalangan pendatang tanpa izin dalam jangkaan kita ada di kawasan yang berkenaan. Bagi kemasukan pendatang tanpa izin tadi kita sudah menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Gelang Patah, kalau daripada kawasan pantai kita menambahkan rondaan, kita menambahkan tenaga marin, kita menambahkan tenaga *coast guard*, kita menambahkan minta kerjasama juga daripada RELA dan Pertahanan Awam dan untuk polis ini dia mengikut ketentuan dan keperluan ataupun bilangan penduduk yang tertentu, kita tidak boleh mengadakan pondok bila ada berlaku umpamanya pendatang tanpa izin, kita adakan pondok di situ. Apabila esok sudah tidak ada pula, di mana pula kita hendak letak pondok itu, ha ini yang timbul.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan tambahan. Maksud saya bukan sahaja pendatang tanpa izin sahaja, Yang Berhormat di kawasan-kawasan perumahan kos rendah ini, peratusan pendatang tanpa izin tinggi kerana faktor-faktor yang tertentu. Dan termasuklah masalah penjenayahan dan sebagainya pondok ini bukan sahaja jaga

pendatang tanpa izin bahkan juga menjaga kegiatan-kegiatan jenayah lain kerana terkumpulnya beribu-ribu orang di dalamnya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itulah yang saya jelaskan pun, diadakan mengikut keadaan dan keperluan dan mengikut *ratio* tentang kependudukan di kawasan yang berkenaan, tetapi Yang Berhormat bangkitkan tadi ialah masalah pendatang tanpa izin untuk mengurangkan pendatang tanpa izin ini maka diletakkan pondok polis. Kita sudah kata, kalau daripada di laut begini, kalau di darat pun begitu juga maka RELA, pasukan pengawal kampung dan sebagainya dan JKKK juga kita minta kerjasama ini atau Rukun Tetangga untuk membantu dalam mengatasi masalah kemasukan PTI ini. Tetapi yang penting ialah kita hendak mengawal sebelum mereka masuk dan kita hendak menangkap untuk mereka tidak terus bermaharajalela. Intisari pindaan akta ini ialah untuk meminta bahawa kuasa yang diberikan dalam Dewan ini untuk kerajaan mengambil tindakan bukan sahaja bagi pendatang tanpa izin yang masuk, yang berada tetapi bagi orang-orang yang melindungi pendatang tanpa izin mengikut tempat-tempat yang tertentu dengan hukuman dan penalti yang tertentu bagi menentukan mereka ini lebih peka, lebih insaf dan lebih berjaga-jaga. Sekaligus akan mendapat hasil, usaha kita boleh mengurangkan bahkan memansuhkan perkara yang disebut itu.

Tentang perkara yang telah disebutkan mengenai rasuah ini, saya pun sudah sebut mengenai rasuah tadi tetapi apa yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya percaya proses bagi menentukan untuk menyelesaikan masalah ini mesti dapat dibuat di dalam Kabinet dan saya rasa saya tidak berhajat untuk menjawab persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terhadap apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ini mesti boleh diselesaikan.

Tentang bilangan PTI yang ada di mana-mana ini, kita percaya bahawa keseluruhan kerjasama yang mesti ditunjukkan oleh kita dan ditunjukkan oleh pegawai kerajaan termasuk rakyat sendiri, saya percaya dapat mengatasi perkara-perkara yang telah disebutkan, ini dapat membantu juga kekuatan kuasa yang diberi di dalam pindaan akta ini. Kerajaan merasakan bahawa sebanyak 15 buah depot-depot tahanan imigresen yang ada di seluruh negara adalah mencukupi. Yang Berhormat bangkitkan tentang penyeliaan, penjagaan dan pentadbiran. Yang Berhormat meminta supaya ini diselaraskan kepada kumpulan yang lebih berpengalaman seperti penjara.

Ada juga sebahagian daripada PTI ini yang kita letak kepada pengawasan di bawah kuasa penjara tetapi ini praktikal yang kita akan tengok keseluruhannya. Ini bukan bermakna bahawa Imigresen ataupun polis tidak ada pengalaman tetapi untuk renungan Yang Berhormat, pendatang tanpa izin ini dia datang dengan budaya dan bentuk yang berlainan. Kita letak dia dalam bentuk manapun, dalam bentuk penjara, depot tahanan atau dalam bentuk apa pun, ada satu pertembungan budaya yang saya rasa tidak sesuai dengan mereka tambahan lagi mereka ini sudah ditahan dan ditangkap dan mereka mengetahui mereka akan dihantar pulang.

Ini boleh tidak menenangkan mereka lagi daripada mereka hendak memberi kerjasama yang lebih baik untuk mendatangkan ketenangan dan kemudahan kepada pentadbir, pegawai-pegawai kita di depot-depot Imigresen yang berkenaan. Maka itulah terjadi peristiwa seperti yang telah dibangkitkan dalam ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita, dengan menyebutkan beberapa tempat berlakunya peristiwa pembakaran, pergaduhan dan sebagainya.

Jumlah PTI yang ditahan di setiap depot sentiasa berubah dan purata penghantaran pulang setiap hari mulai tahun 2002 adalah 400 hingga ke 600 orang. Jadi kita jangan rasa terkejut kalau ada kita sebut 10 ribu atau 20 ribu tetapi bilangan ini ada ketikanya ia meningkat mengikut tangkapan operasi kita dan ada ketikanya ia menurun sehingga kita ada kelonggaran kemudahan yang lebih selesa kepada PTI untuk duduk di depot-depot ini. Kapasiti maksimum PTI yang ditahan bagi tahun sesuatu masa adalah 12 ribu orang. Walau bagaimanapun, pada masa-masa tertentu berlaku sedikit kesesakan namun tempohnya tidak lama. Setelah tindakan penghantaran pulang dibuat, kecacatan ataupun kelewatan ini adalah oleh sebab kita pada satu ketika dahulu kerana hendak menentukan orang yang berkenaan mesti disahkan oleh negara yang berkenaan sebelum kita hantar mereka pulang, kalau tidak negara ibunda mereka tidak mahu menerima mereka sebelum kita menghantar pulang.

Setelah pengesahan dan persefahaman kedua-dua belah pihak yang menghantar dan yang menerima, barulah PTI ini boleh kita hantar ke negara masing-masing. Bilangan PTI yang masih ditahan di depot-depot Imigresen di seluruh negeri pada 2 April 2002 ialah seramai 4,867 orang dan kita ada 15 depot yang ada di dalam negara kita ini, yang terkecil boleh menempatkan 400 orang dan yang terbesar sekali boleh memuatkan seramai 2,000 orang.

Tadi Yang Berhormat mengatakan kita tidak ambil berat, memang kita ambil berat juga. Tetapi Yang Berhormat juga kata kenapa kita tidak ambil berat? Tidak ambil berat macam mana, kita sudah tangkap, memanglah berat. Kalau tangkap memanglah berat, kalau tidak tangkap tidak berat. Jadi kita kena tangkap dan kita kena tentukan bahawa mereka ini selamat dan mereka pun kita jaga, kita beri makan, lepas itu bila kita dapat pengesahan, kita hantar mereka pulang.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya? Yang Berhormat hendak mengiakn saya ataupun hendak bertanya? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Dua-dua, dwimaksud.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak boleh minta saya, minta....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang kedua. Saya mulakan dengan mengatakan bahawa polis yang bertungkus lumus untuk menghadapi masalah ini, saya sudah pun cakap, bukan tidak ada. Cuma kalau kita lihat dan saya berharap semua Ahli Parlimen boleh pergi menyaksikan dengan sendiri kem-kem yang bukan yang terbaik, mungkin kem di Kemayan yang disebutkan paling buruk kita tengok. Bolehkah Yang Berhormat semak semula cara-cara untuk menahan mereka.

Saya faham kita tidak ada tempat kalau pun dalam 600 sampai 2000 pun kita ada tempat, tempat tidak cukup. Saya nampak kita kumpulkan golongan daripada pelbagai negara di dalam satu bilik atau dewan besar sahaja. Saya tidak ada pengalaman dalam hal ini cuma dari segi kemanusiaan saya tengok terkumpulnya golongan daripada pelbagai negara di dalam 50, 60, 100 ke 300 orang satu tempat, adakah kemungkinan kita asingkan kerana pertempuran budaya pun akan berlaku di dalamnya dan sebagainya. Mungkin kita boleh minta peruntukan yang lebih sedikit untuk tunjukkan kita ada standard di Malaysia ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat cukup simpati dengan PTI ini. Sebenarnya kita pun simpati juga sebab itu kita adakan ini dan kita minta kelulusan dahulu untuk berbelanja dan sebagainya, ada beberapa juta yang saya sebutkan ini. Yang Berhormat sebutkan daripada Kemayan nanti, kita punya kemampuan ialah 1,050 orang sahaja tetapi Yang Berhormat jangan rasa terkejut apabila terdapat satu ketika terlalu banyak dalam satu bilik. Mungkin ini tangkapan dalam operasi yang baru kita bawa balik ke tempat yang berkenaan sebelum kita mengagihkan ataupun kalau tidak mahu sebut mengagih, kita hendak 'faraidkan' orang ini ke 15 tempat ini. Jadi kita hantar di mana-mana yang ada kosong, di mana-mana yang boleh kita isi, bukan bila kita tangkap umpamanya di kawasan Kemayan, maka orang yang ditangkap di kawasan Kemayan itu kita akan kekal di kawasan Kemayan, itu bukan cara kita tetapi oleh sebab Kemayanlah tempat yang paling dekat daripada kawasan operasi ini maka kita letakkan di kawasan Kemayan.

Begitu juga kalau Yang Berhormat lihat apabila polis membuat tangkapan, kadang-kadang ada satu balai polis yang kecil sahaja, kita letakkan di situ kawasan lingkungan pagar polis itu tetapi selepas itu yang menentukan ada kadangkala kita buat operasi kita pun tidak bertanya: "Awak ada atau tidak permit, awak ada atau tidak passport?" Kita tidak bertanya begitu, dalam operasi, semua kita tangkap lepas itu baru kita agihkan yang ada permit, yang ada kad pengenalan, kita lepaskan. Di sini juga kadang-kadang kita tertangkap yang ada kad pengenalan palsu ini lepas pada itu baru kita mengagih-agihkan mengikut tempat yang sesuai dan selesai tetapi oleh sebab pada masa dahulu PTI ini terlalu ramai dan berlakulah kesesakan-kesesakan ini pada ketika- ketika yang di luar jangkaan kita. Tetapi, apabila proses penghantaran pulang ini selesai, kesesakan ini tidak berlaku, seperti pada masa sekarang, macam saya sebut tadi, kita hanya tinggal 4,867 orang sahaja dan ini berikutan dengan kelonggaran yang telah kita berikan dalam tempoh enam bulan supaya mereka yang masuk ke negara ini secara haram, mereka yang masuk secara halal, tinggal secara haram, mereka yang

terlupa bahawa mereka sebenarnya sudah haram daripada awal, yang tidak mereka sedari diharamkan, kita benarkan mereka meninggalkan negara ini tanpa sebarang penalti ataupun hukuman dan sebagainya. Baliklah ke negara masing-masing.

Tetapi, apabila selesai penguatkuasaan ini nanti, kita terpaksa mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja termasuk majikan, termasuk PTI sendiri. Lagi satu kebaikan Yang Berhormat, yang kita kena fikirkan untuk pendatang-pendatang tanpa izin, yang masuk, yang berada dalam negara kita. Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, agar tempoh depot tahanan imigresen dijaga oleh jabatan penjara, sukacita saya menjelaskan bahawa kerajaan sudah pun mengkaji mengenai perkara ini. Sebagai permulaan, Depot Tahanan Imigresen 'Ajil' di Terengganu telah dijadikan projek perintis untuk ditadbirkan oleh jabatan penjara mulai 1 Jun, 2001. Itu kita bagi tanggungjawab, menambahkan lagi tanggungjawab kawasan-kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada penjara. Kalau projek perintis ini baik, kita akan pertimbangkan di tempat-tempat yang lain. Tetapi, lebih baik kalau tidak ada lagi PTI dalam negara ini, jadi kita tidak payah hendak timbang tempat, tidak payah hendak timbang orang lagi.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga telah menyentuh bahawa tiada implikasi kewangan di dalam rang undang-undang ini, sedangkan merujuk kepada Seksyen baru, 51A, jika Ketua Pengarah Imigresen boleh *designat*kan, apa-apa tempat sebagai depot imigresen, ia secara tidak langsung boleh menyebabkan perbelanjaan tambahan. Yang Berhormat bagi Kepong kata, kalau belanja tambahan pun tidak apa. Yang Berhormat bagi Gelang Patah harap tidak ada perbelanjaan tambahan. Suka saya menjelaskan bahawa perkataan yang digunakan dalam Seksyen 51A ialah *designate*, iaitu menetapkan tempat itu sebagai depot imigresen. Tempat tersebut telah sedia ada sama ada kem, penjara serta pusat tahanan sementara dan tujuan Seksyen 51A ini ialah untuk mengesahkan sesuatu tempat itu sebagai depot imigresen yang sah dan tetap. Ini bermakna, ia bukannya menubuhkan, yang boleh membawa maksud, mengadakan tempat yang baru di mana ia akan menimbulkan pertambahan perbelanjaan.

Berhubung dengan isu pengampunan terhadap PTI sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, suka saya menjelaskan bahawa pengampunan ini bertujuan memberi peluang kepada PTI, mana-mana orang yang menjadi kaki ataupun telinga PTI daripada berkenaan, hukuman yang berat sebaik sahaja undang-undang imigresen ini dikuatkuasakan, seperti saya katakan di peringkat awal tadi. Ini adalah merupakan tindakan kemanusiaan yang dibuat oleh kerajaan iaitu dengan memberi maklumat awal kepada masyarakat umum, juga kepada mereka yang terlibat sebelum sesuatu tindakan yang keras diambil.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi, kos penghantaran pulang PTI ditanggung oleh majikan yang menggaji mereka. Pada prinsipnya, kerajaan bersetuju dengan cadangan tersebut. Namun, dari segi praktiknya amat sukar dilaksanakan kerana tidak ada majikan yang akan mengaku bahawa mereka menggaji PTI yang berkenaan. Isu Seksyen 40A - menerima pengakuannya, Yang Berhormat bagi Bagan telah menyentuh Seksyen 40A sebagai tidak adil dan pihak-pihak yang terlibat dan berkemungkinan boleh disalahgunakan. Peruntukan dalam Seksyen 40A(a) ini hanyalah sebahagian daripada keterangan yang dibuat ke mahkamah selain daripada beberapa keterangan yang akan menyokong sesuatu kes tersebut. Tambahan pula, Seksyen 40A ini tidak semestinya keterangan yang berbentuk pengakuan, yang terus mensabitkan kesalahan seseorang tertuduh. Masih terdapat beberapa perkara lain yang dikemukakan kepada mahkamah untuk diambil kira dalam membuat apa-apa keputusan bagi sesuatu isu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hukuman sebat, Yang Berhormat bagi Bagan juga telah menyentuh mengenai hukuman sebat yang bakal dikenakan melalui rang undang-undang ini dan meminta kerajaan menimbang dan hukuman sebat tidak dikenakan ke atas kanak-kanak, wanita dan orang tua dalam melaksanakan rang undang-undang ini. Kita sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana bersimpati daripada PTI sendiri, daripada kalangan golongan ini, tidak disebat. Sukacita dijelaskan bahawa dalam Kanun Acara Jenayah, hukuman sebat tidak boleh dikenakan ke atas kanak-kanak, wanita dan orang-orang yang berumur lebih 50 tahun. Pelaksanaan hukum juga adalah tertakluk kepada perakuan doktor perubatan bahawa pesalah adalah sihat, *medically fit* sebelum hukuman sebat dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah menyentuh mengenai perlunya disertakan pakej penambahan anggota penguatkuasaan dalam usaha membasmi PTI dengan lebih berkesan. Saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tersebut. Baru-baru ini, kerajaan telah pun meluluskan tambahan pegawai penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia seramai 270 orang lagi di Sabah, manakala di Semenanjung masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN). KDN juga akan mengkaji dari semasa ke semasa keperluan penambahan anggota-anggota penguatkuasaan ini. Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga membangkitkan mengenai operasi yang dijalankan di kawasan-kawasan pembinaan pada waktu-waktu kerja, menyebabkan pekerja-pekerja asing yang sah juga turut ditahan, kerana tidak membawa pasport.

Suka saya menjelaskan bahawa ada kalanya pekerja asing yang mempunyai permit kerja atau pasport juga diperiksa bagi menentukan kesahihan permit kerja atau pasport pekerja asing berkenaan. Kalau kita tidak periksa, ada orang kata, kita biar. Kalau kita periksa, ada orang kata, kita jangan periksa. Kalau kita tidak periksa, kita langsung tidak tahu. Jadi, bila kita periksa, kita kena periksa semua, baru kita tahu. Penguatkuasaan akan dijalankan pada bila-bila masa sahaja tanpa mengehadkan pada waktu-waktu yang tertentu sahaja. Kita tidak ada *schedule*, umpamanya pagi, petang, malam atau subuh. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap pekerja asing yang berada dalam negara ini dikehendaki membawa kad pekerja mereka bersama-sama mereka pada bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pekerja asing juga telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Bilangan pekerja asing yang sah pada 1 Januari 2002 sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Tambun ialah 769,566 orang. Pecahannya mengikut warganegara ialah Indonesia seramai 566,983 orang, Bangladesh - 105,744 orang, Nepal - 48,427 orang. Saya dengar kata, orang tidak berapa suka Nepal ini, tetapi banyak juga. Filipina - 17,287 orang, Myanmar - 6,539 orang, Thailand - 2,440 orang, Pakistan - 2,218 orang dan lain-lain - 20,098 orang.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah mencadangkan supaya rakyat daripada Republik China diberikan peluang bekerja di dalam sektor pembantu rumah. Pada masa ini negara-negara sumber yang ditetapkan bagi sektor pembantu rumah adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji cadangan Ahli Yang Berhormat dari semasa ke semasa atas keperluan.

Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan isu pengambilan pekerja asing atas dasar kerajaan dengan kerajaan (*government to government*) dan pengambilan pekerja asing yang mahir. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menggalakkan kemasukan pekerja asing yang mempunyai kemahiran untuk bekerja di negara ini. Kerajaan juga sedang merangka untuk mengambil pekerja asing yang dianggap mahir secara *government to government*. Pada masa yang sama bagi pengambilan pekerja asing yang tidak mahir, Kementerian Sumber Manusia telah dipertanggungjawabkan untuk merangka perjanjian *government to government* bagi pengambilan pekerja asing.

Yang Berhormat bagi Seputeh telah menyarankan agar kerajaan melatih pekerja tempatan untuk menggantikan pekerja asing. Dalam hal ini, kerajaan sememangnya meminta para majikan mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan untuk mengambil pekerja asing. Majikan juga digalakkan untuk berusaha membuat automasi proses bagi mengurangkan keperluan tenaga manusia dan seterusnya dapat mengurangkan pergantungan kepada tenaga-tenaga kerja asing.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah pula telah membangkitkan masalah yang timbul bagi permohonan pekerja asing dibuat di KDN. Antaranya, ialah penerimaan keputusan permohonan yang lambat. Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga telah mencadangkan tempoh memproses permohonan dibuat dalam masa dua minggu, dan menyarankan kerajaan menubuhkan cawangan KDN di banyak tempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini borang pekerja asing boleh didapati di pejabat-pejabat Imigresen di setiap negeri. Permohonan pekerja-pekerja asing dikemukakan ke KDN sebagai *one-stop agency* dan disalurkan kepada kementerian-kementerian yang berkaitan untuk ulasan bagi mesyuarat mingguan Jawatankuasa Teknikal di KDN. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan *red tape*. Keputusan

memaklumkan permohonan telah pun diambil tindakan atau dipercepatkan menjadi dua minggu. Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan cawangan-cawangan KDN akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah mencadangkan supaya setiap pekerja asing yang diambil perlu mempunyai budaya atau fahaman dengan budaya di negara ini. Dasar pengambilan pekerja asing diolah berasaskan keperluan negara, ketenteraman dan keselamatan awam. Kerajaan sememangnya menggalakkan setiap majikan mengorientasikan setiap pekerja asing yang diambil oleh mereka agar pekerja asing tersebut dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan dan budaya masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan telah mencadangkan syarat permohonan pekerja asing dilonggarkan. Ini lagi baik. Tetapi jangan bagi tambah.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oh! Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat menjelaskan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Beliau tidak dapat hadir sebab semalam kena kepung oleh polis, dengan anjing polis sekali. Dia berceramah di dalam masjid di Kuantan, jadi dia minta saya mengemukakan satu-dua persoalan tentang aspek budaya supaya pekerja-pekerja asing itu memahami.

Tetapi persoalan yang timbul di sini ialah bahawa konsep baru atau pendekatan baru yang dilakukan oleh kerajaan, dasar yang dilakukan oleh kerajaan dengan menyenaraikan negeri-negeri tertentu sebagai pengganti atau sebagai alternatif kepada pekerja Indonesia tersebut, sekurang-kurangnya kita lihat bahawa Indonesia - walaupun saya akui bahawa ada masalah-masalah tertentu - tetapi persamaan budaya itu ada penghampiran yang agak sama, yang tidak menyulitkan kita dari sudut penyesuaian budaya, tetapi kita akan menghadapi persoalan yang baru apabila datangnya pekerja-pekerja yang telah digariskan oleh kerajaan, seperti Nepal umpamanya. Kalau negara-negara lain masih lagi dalam lengkungan ASEAN, tetapi negara-negara Nepal dan India mungkin ada sedikit persamaan. -

Walaupun bagaimanapun, macam Uzbekistan, Kazakhstan, Turkmenistan dan sebagainya, negara-negara ini merupakan negara jajahan komunis. Walaupun kita katakan bahawa mereka adalah negara yang sudah merdeka, tetapi mahu tidak mahu, keseimbangan kita harus diletakkan mereka mempunyai satu kefahaman komunis yang begitu lama yang telah didoktrinkan di dalam kehidupan mereka. Sebab itu kita bimbang bahawa takut nanti kebanjiran atau kedatangan pekerja-pekerja ini akan membawa kesan yang lebih buruk kepada pertumbuhan masyarakat. Oleh sebab itu apakah kerajaan bersedia untuk mengkaji semula tentang pengambilan pekerja-pekerja dari negara-negara ini? Atau sekurang-kurangnya dapat membuat satu penapisan yang lebih kemas supaya isu-isu, persoalan-persoalan ini tidak berbangkit di kemudian hari?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Saya menganggapkan semua Yang Berhormat cakap ini ialah pesanan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, ya? Begitu? Ya, terima kasihlah.

Fasal budaya ini sebenarnya, bukan kata bila kita ambil dari Uzbekistan, kita ambil daripada Laos, kita ambil daripada Vietnam, menjadi masalah kepada kita. Sebenarnya, kita hanya memberi peluang untuk rakyat mengambil. Indonesia juga, walaupun dalam kata kita hendak mengurangkan pengambilan mereka, tetapi kita juga membuka peluang kepada pekerja-pekerja daripada Indonesia dalam sektor perladangan. Kita tidak dapat menetapkan sebanyak mana, kerana yang akan meminta bukan kita tetapi ialah pengurus-pengurus ladang sendiri.

Begitu juga kita tidak dapat menetapkan sebanyak mana daripada Uzbekistan, Turkistan dan lain-lain lagi, yang hendak datang ke negara kita ialah berdasarkan permintaan oleh orang-orang yang berminat kepada pekerja-pekerja di negara-negara yang telah kita tetapkan ini. Sungguh pun demikian, kita mengambil sikap lebih awal

atas proses penapisan dan proses mengenal latar belakang mereka. Ini kita telah mengatakan. Yang penting sekali ialah mendapatkan tenaga kerja tetapi yang lebih penting, kedatangan mereka tidak menjejaskan sumber keamanan dan budaya negara ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh sebab itu, kalau rakyat negara kita pun kita masih memantau atas kepentingan keselamatan, rakyat lain yang masuk ke negara kita pun kita lebih memantau. Kalau kita dapat mereka boleh menjejaskan, adalah kuasa yang telah diberi kepada kita, kita akan menghantar mereka pulang dengan alasan-alasan yang ada. Itu yang ada pada kita dan yang akan kita lakukan. Pendek kata, kita tidak akan berkompromi kalau tindakan, fahaman dan budaya mereka boleh mencacat dan mencelakan keseluruhan proses budaya dan keamanan di negara kita.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bahawa kita tidak ada tolak ansur. Tetapi persoalan yang saya bangkitkan tadi bahawa kita sudah tahu bahawa negara itu ada masalah dengan fahaman komunis yang begitu lama, yang mana harus kita memberi pertimbangan.

Yang keduanya, yang saya kira bahawa apakah kerajaan sedar bahawa selain daripada faktor budaya, bila kedatangan mereka nanti, timbul isu pelanggaran permit pas kerja umpamanya, maka di sini adakah kerajaan sedar bahawa kosnya terlalu tinggi untuk penghantaran balik berbanding dengan pekerja-pekerja Indonesia kalau berlaku pelanggaran syarat permit ataupun pencerobohan dan sebagainya, maka kos penghantarannya tidak begitu tinggi, sebab kita bukan ada kapal terbang yang boleh terbang *direct* ke negara tersebut, mesti melalui negara lain, dan sudah tentulah bahawa kos ini akan ditanggung oleh pihak kerajaan sendiri.

Jadi, sebab itu saya cadangkan bahawa adalah wajar untuk kita mengkaji balik tentang polisi ini, dasar ini supaya tidak timbul masalah di kemudian hari – masalah budaya dan juga masalah kos yang terpaksa kita tanggung.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita terima pandangan Yang Berhormat tentang pertimbangan dari segi kos yang berkenaan, tetapi kita juga memberi pertimbangan daripada segi persefahaman rantau kita dan jiran-jiran sahabat kita. Kalau kita bercakap mengenai dengan pengaruh-pengaruh komunis ini pun kita hanya hendak meletakkan umpamanya, negara Uzbekistan, Turkistan dan apa "tan" lagi itu, kita juga dengan Indonesia pun kita tidak boleh lari daripada pengaruh komunis, kerana di Indonesia juga ada pengaruh komunis yang paling kuat pada satu ketika, sehingga berlaku peristiwa September 1966 dan berlaku peristiwa Lubang Buaya, di mana orang-orang yang kuat menentang mereka telah difaraid dan dikendurikan. Ini juga menjadi benteng dan intisari pertimbangan kita.

Tetapi apa yang perlu ialah kita membuat penapisan dan pemilihan yang sesuai, dan sebab itu kita ada *the fall-back position*, dengan izin. Kalau kita melihat bahawa orang-orang ini bersama-sama membawa masuk budaya yang berkenaan, kita akan menolak mereka dan menghantar mereka pulang, insya-Allah. Tetapi pandangan Yang Berhormat itu adalah satu pandangan yang baik dan kita akan jadikan sebagai satu ingatan kepada kita untuk melihat dan jadikan pandangan bagi meneruskan kerja penapisan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah, Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak berapa panjang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi panjang juga.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, kita ada dua hari sahaja lagi, tinggal esok sahaja.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya hendak pendekkan tidak boleh fasal bercakap banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba pendekkan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya minta Tuan Yang di-Pertua jangan bertanya lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Suka saya menjelaskan bahawa..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan beri jalanlah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kalau Tuan Yang di-Pertua nasihat tidak usah berikan laluan, saya tidak usah beri langsung. Suka saya menjelaskan bahawa salah satu daripada sebab-sebab yang telah dinyatakan sebelum ini dasar yang sedia ada bagi pengambilan pekerja-pekerja asing dibuat bagi memastikan nasib pekerja tempatan terjamin dan dilindungi. Ini juga telah kita tentukan bahawa perkara yang sama dalam dasar pengambilan buruh asing ini. Keutamaan mestilah diberi kepada anak-anak tempatan ataupun pekerja-pekerja tempatan dan lebihannya itu kalau sangat diperlukan barulah kita membenarkan mengambil pekerja-pekerja asing.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan mengenai tempat tinggal pekerja asing, ini telah saya sebutkan dalam pelan jawapan yang lebih awal dan ingin saya memaklumkan tentang penambahan pekerja-pekerja ini kalau masih diperlukan mengikut faktor-faktor yang tertentu daripada segi bilangan kepakarannya mestilah dirujuk kepada kepakaran yang berkenaan. Umpamanya kalau hendak melalui daripada sektor pekerja di kilang maka mestilah dirujuk terlebih dahulu kepada Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Tetapi untuk kerja ladang tidak ada kepakaran, maka tidak ada dirujuk dan kita hanya memberi tiga tahun ataupun tiga tahun tambah satu, tambah satu.

Berkenaan dengan keperluan kepada sektor-sektor lain yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Bagan seperti kilang bata, membuat pintu dan sebagainya, ini kalau dianggapkan pintu juga adalah merupakan barang eksport ia boleh dimasukkan di dalam keperluan untuk menggunakan pekerja asing.

Yang Berhormat bagi Tambun membangkitkan mengenai monopoli pekerja asing di negeri tertentu di dalam sektor-sektor yang berkenaan. Oleh sebab itulah maka kita mengadakan pengagihan-pengagihan ini, Tuan Yang di-Pertua, dan pencatuan-pencatuan pengagihan ini supaya tidak terdapat sumber-sumber tenaga daripada negara yang satu berkelompok dalam satu tempat. Maka kita terpaksa untuk tidak menjadikan perkembangan daripada negara setempat ini berkembang dan menjadi masalah kepada kita, ini kita jalankan.

Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengenai dasar kerajaan terhadap pengambilan pekerja asing di Indonesia telah terjawab seperti telah saya bangkitkan tadi. Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan mengenai draf Rang Undang-undang Pekerja Asing 1996, setakat ini KDN tidak ada cadangan bagi mewujudkan rang undang-undang tersebut. Kemasukan pekerja asing dianggap soal keselamatan dan perlu ditangani oleh KDN sendiri.

Isu kad pengenalan palsu ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan, inilah kita jelaskan bahawa penapisan kad pengenalan palsu sedang dalam proses dibuat di Sabah dan Sarawak, begitu juga di sini. Mana-mana pembaharuan yang akan dibuat mengenai kad pengenalan lama akan dapat kita kesan siapa yang masih memegang kad pengenalan lama itu dan siapa yang sebenarnya menjadi tuan kepada kad pengenalan yang berkenaan. Oleh sebab itulah akan terdedah orang-orang yang membeli kad pengenalan palsu ataupun telah mengambil kad pengenalan palsu ini ataupun mengubahsuai kad pengenalan lama ini menjadi kad pengenalan dia akan dapat dikesan dan dapat ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memberikan jaminan bahawa dengan menggunakan dokumen atau kad pengenalan palsu..

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:... tidak akan membolehkan kad pengenalan tersebut..

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat..

Dato' Zainal Abidin bin Zin: .. menjadi asli atau sah di sisi undang-undang. Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Mengenai pemalsuan dokumen kad pengenalan Sabah yang melibatkan kakitangan kerajaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan, ingin saya menyatakan di sini bahawa masalah tersebut telah selesai di mana kesemua resit pengenalan palsu tersebut telah pun dikenal pasti dan dokumen tersebut telah tidak boleh digunakan lagi. Memang tidak dinafikan kehadiran pelarian daripada Filipina telah menimbulkan masalah sosial dan jenayah terhadap masyarakat tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kehadiran pelarian Filipina di Sabah telah ditetapkan melalui perintah pengecualian pasport No.2 Perintah 1972, mereka dikeluarkan dengan dokumen IMM 13 yang perlu diperbaharui setiap tahun serta dibenarkan tinggal dan bekerja di Sabah.

Walaupun bagaimanapun, mereka digalakkan pulang ke negara asal mereka. Mereka yang menetap di negara ini yang terlibat dengan masalah sosial jenayah akan diusir keluar. Di samping itu berdasarkan kepada dokumen yang dimiliki oleh mereka juga layak memohon taraf pemastautin tetapi permohonan tersebut hendaklah melalui kriteria-kriteria yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri. Bagi mereka yang mempunyai taraf pemastautin tetap hendaklah sentiasa menunjukkan kesetiaan sepenuhnya kepada negara ini.

Berhubung dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Labuan supaya menubuhkan pasukan petugas khas Sabah, saya ingin memaklumkan bahawa tujuan menubuhkan pasukan petugas Sabah ini ditubuhkan ialah untuk mengurangkan kemasukan pendatang asing ke negeri Sabah yang terdiri daripada tiga kategori pendatang asing iaitu pendatang tanpa izin, pelarian dan pengambilan buruh asing yang diperlukan.

Jika dilihat prestasi pasukan petugas khas tersebut semenjak penubuhannya sehingga sekarang seramai lebih 190,000 pendatang tanpa izin yang telah diusir keluar daripada negeri Sabah. Memandangkan pasukan petugas khas ini berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, pihak kementerian akan mengkaji cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Rang undang-undang Imigresen. Semua pandangan dan teguran yang dibuat akan diambil.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Dato' Zainal Abidin bin Zin:... diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya bagi memperkemas pindaan-pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sudah habis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya! Habis sudah?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Habis dah.

Tuan Yang di-Pertua: Okay. Yang Berhormat dia tidak beri jalan, sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Fasal 11 – Pindaan

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, Fasal 11 Rang undang-undang dipinda dalam seksyen 55E yang dicadangkan:

- (a) *dengan menggantikan subseksyen 3(3) dengan subseksyen yang berikut:*
- (3) *For the purposes of this section, it shall be presumed, unless the contrary is proved, that an occupier in the case where an illegal immigrant is found at the premises -*
- (a) *had permitted the illegal immigrant to enter or remain at the premises; and*
- (b) *had knowledge that he is an illegal immigrant*
- (b) *Meminda subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan “subparagraphs 3(b)(i) dan (ii)” dengan perkataan “subsection (3)”.*

Huraian pindaan pada Fasal 11 ini bertujuan untuk memperbaiki peruntukan dalam seksyen yang dicadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentang sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Bagan.

12.15 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha gigih Yang Berhormat untuk menjawab semua soalan-soalan dan keraguan-keraguan yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya mendapati ini adalah satu penerangan, satu jawapan yang lengkap, teliti dan jelas yang boleh membantu menyelesaikan kekeliruan di aspek Rang Undang-undang ini khasnya di atas perkara “premis” yang dibentangkan baru-baru ini. Sekian, sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, Teluk Intan.

12.16 tgh.

Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit lagi kepada seksyen baru 55E dalam (Pindaan).

Tuan Pengerusi: 55E? Ya, ya, okay.

Tuan Mah Siew Keong: Fasal 11.

Tuan Pengerusi: Emm.

Tuan Mah Siew Keong: Ya, okay. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan beberapa situasi seperti di restoran terbuka di mana *occupier* tidak bertanggungjawab dan di rumah sendiri di mana kita bertanggungjawab kepada sesiapa yang berada di rumah. Bagi saya ini adalah dua sempadan. Oleh sebab pindaan ini adalah begitu luas, saya hendak tanya situasi yang di antara dua sempadan ini, sebab banyak yang kuar ke atas pindaan baru ini.

Saya hendak tanya, jika seorang sewakan bilik kepada A dan A ambil kawan bawa balik. Adakah kita bertanggungjawab kepada siapa yang ada dalam rumah kita, jika kita sewa bilik ini? Dan, yang lebih kuar adalah di ladang besar dan di kebun besar. Ini adalah kawasan yang besar di mana *illegal immigrant* boleh keluar dan masuk dengan senang sahaja...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia kata *premises* sahaja, bukan ladang besar.

Tuan Mah Siew Keong: Okay. Ya, premislah. Maksud premis juga termasuk ladang.

Tuan Pengerusi: Ladang besar tidak premis, Yang Berhormat.

Tuan Mah Siew Keong: Okay. Pindaan ini memberi *burden of proof* kepada pemilik dan ini adalah satu tanggungjawab yang begitu berat kepada semua pemilik rumah, pemilik tanah. So, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jaminan dan penerangan kepada kekhuatiran ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bintulu.

Seorang Ahli: Tuaran.

Tuan Pengerusi: Tuaran.

12.19 tgh.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkara yang saya hendak sentuh yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam perbahasan peringkat dasar tadi iaitu yang pertama dalam soal apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan tentang mereka daripada Filipina yang telah diberi pengecualian daripada passport yang mereka datang sebelum tahun 1972.

Jadi, persoalan di sini ialah Yang Berhormat sebentar tadi menyatakan bahawa kumpulan ini yang dianggarkan lebih kurang 57 ribu

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta keraskan suara sedikit, tinggikan suara sedikit.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okay, terima kasih. Bilangan lebih kurang 60 ribu itu yang dikatakan pelarian Filipina, yang telah dikecualikan daripada Akta Imigresen ini seperti mana keperluan Akta ini pada tahun 1972. Yang Berhormat telah menyatakan tadi bahawa kerajaan menggalakkan mereka balik ke negara asal. Pertanyaan saya di sini.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita berbincang berkenaan dengan pindaan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya tahu tetapi itu yang dibangkitkan, yang disebut oleh Timbalan Menteri dalam perbahasan.

Tuan Pengerusi: Tetapi kita hanya boleh membahaskan berkenaan dengan pindaan sahaja, yang dikemukakan tadi. Yang lain-lain tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya hendak bertanya itu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya itu sahaja sebab disebut, disentuh dalam perbahasan peringkat dasar tadi.

Tuan Pengerusi: Jika pertanyaan berkenaan dengan pindaan, boleh Yang Berhormat. Perkara yang lain-lain, berkenaan bawa balik dan sebagainya, tidak berkenaan Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tetapi itu disentuh dalam perbahasan peringkat dasar tadi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, Yang Berhormat. Sekarang ini kita dalam pindaan. Jika, sekiranya sekejap lagi masuk perkara yang lain lagi itu, yang lain-lain selepas daripada Fasal 11 itu, maka bolehlah Yang Berhormat bawa.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih. Yang kedua, juga disentuh tadi bahawa kerajaan akan membuat penyiasatan tentang kad pengenalan palsu juga disebut tadi dalam peringkat dasar. Saya mahu tanya satu sahaja soalan. Di negeri Sabah ini sebelum pembentukan negara kita Malaysia pada tahun 1963, ramai orang-orang Sabah yang bekerja di Brunei. Jadi, apabila mereka bekerja di Brunei pada ketika itu ramai yang lahir di Brunei dan setelah kerajaan, negara Malaysia ini dibentuk mereka pun baliklah ke Sabah. Bila balik ke Sabah kad pengenalan yang mereka bawa

...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan sekarang ialah berkenaan dengan *premises*.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Hendak tanya itu sahaja. Pendek sahaja.

Tuan Pengerusi: Kalau pendek, panjang pun jika tidak kena, tidak kenal. [Ketawa] Yang Berhormat, sekiranya ada lagi, kejap lagi, lepas daripada Fasal 11 itu ada lagi, Yang Berhormat boleh bangkitkan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okay, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tetapi, sekarang ini tentang pindaan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya tahu, tetapi ini, oleh sebab disentuh dalam peringkat dasar, jadi saya kira hendak minta tanya sikit sahaja. Pendek sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak berapa faham juga berkenaan dengan cara mesyuarat. Nantilah Yang Berhormat, jikalau sekiranya ada peluang Yang Berhormat berucap lepas daripada Fasal 11 itu, jikalau ada. Saya tidak tahu lagi, ada atau tidak ada. Ada hendak jawab apa-apa berkenaan dengan apa yang dibawa oleh dua ahli Yang Berhormat tadi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Teluk Intan bertanya mengenai tuan rumah menyewa bilik.

Tuan Pengerusi: Em.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Penyewa bilik membawa masuk pendatang tanpa izin. Yang menimbulkan keraguan ini, tuan rumah bertanggungjawab ataupun penyewa bilik bertanggungjawab? Dalam kes kita membuat tuduhan ini, kita kena rangkum semua sekali, kalau tidak masing-masing hendak lepas tangan.

Oleh sebab tuan rumah telah menyewakan bermakna penyewa bilik yang pertama bertanggungjawab atas tindakannya dan bertanggungjawab di atas keselamatan harta tuan rumah, atas premis yang berkenaan. Oleh sebab itu, apabila terdapat pendatang tanpa izin dalam bilik itu maka pendatang tanpa izin ada di dalam rumah itu dan ada di dalam bilik itu yang diberi kesempatan oleh penyewa bilik itu.

Sudah tentu daripada awal dan selepas daripada ini yang akan menjadi satu peraturan pihak tuan rumah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi, "Takkan hendak bertanya bila orang masuk ke dalam rumah!". Jadi, sekali ini kena tanya. Yang Berhormat bagi Jeli pun kena tanya, Yang Berhormat bagi Teluk Intan pun kena tanya. Kalau tidak, dia terlibat dengan hukuman ini, kalau tidak sebaliknya hukuman ini tidak bermakna. Masing-masing akan melepaskan tangan dan kita tidak boleh mengambil tindakan di atas perkara yang sama.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Pindaan ini hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 11 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.26 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

"Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2002 diputus dan diselesaikan atau sehingga pukul 6.30 petang yang mana terkemudian".

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Saya sokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG PILIHAN RAYA (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.27 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama "Suatu akta untuk meminda Akta Pilihan Raya (Pindaan) 2002" dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pilihan raya yang dijalankan di negara ini adalah berlandaskan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Akta Pilihan Raya 1958 adalah Akta ibu yang memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membuat peraturan-peraturan pilihan raya, perjalanan Pilihan Raya 1981, Peraturan-peraturan Pendaftar Pemilih Pilihan Raya 1971 dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pengundian Pos 1959.

Peraturan-peraturan tersebut menggariskan secara terperinci setiap proses dalam perjalanan pilihan raya, pendaftaran pemilih dan pengundian secara pos. Tahun terakhir akta ini dipinda ialah pada tahun 1994. Pengalaman semasa menjalankan pilihan raya umum negara kesepuluh dan beberapa pilihan raya kecil telah menimbulkan banyak kesan dan tanda-tanda bahawa undang-undang pilihan raya harus dikaji kerana dalam beberapa hal didapati tidak lagi sesuai.

Justeru itu, SPR terus meneliti keseluruhan undang-undang dan peraturan pilihan raya supaya selaras dengan keperluan dan keadaan politik masa kini dan wujudnya kesedaran yang tinggi di kalangan pengundi akan hak mereka dalam pilihan raya.

Sebelum SPR dapat meneliti peraturan-peraturan yang lain, Akta Pilihan Raya ini perlu diteliti dan dikemas kini terlebih dahulu kerana ianya bertindak mengawal peruntukan peraturan-peraturan pilihan raya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pindaan ke atas Seksyen 2 dengan memasukkan lima tafsiran baru iaitu kawasan pendaftaran yang bererti keseluruhan kawasan yang mewujudkan suatu kawasan pilihan raya Parlimen, perkataan-perkataan "Ketua Pendaftar", "Timbalan Ketua Pendaftar", "Pendaftar", "Timbalan Pendaftar" yang bererti Ketua Pendaftar Pemilih, Timbalan Ketua Pendaftar Pemilih, Pendaftar Pemilih, Timbalan Pendaftar Pemilih dan Penolong Pendaftar pemilih yang dilantik di bawah Seksyen 8 akta ini.

Tafsiran seterusnya ialah pegawai pengadil yang bererti seseorang pegawai pengadil yang dilantik di bawah Seksyen 8. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai ini dahulunya dikenal sebagai pegawai penyemak. Saya juga mencadangkan tafsiran "pegawai pengurus" yang bererti pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 3 dan termasuk "penolong pegawai pengurus".

Di samping itu, tafsiran "Perlembagaan" dimasukkan juga yang membawa erti Perlembagaan Persekutuan. Tafsiran-tafsiran ini perlu dimasukkan ke dalam akta kerana perkataan atau ungkapannya kerap digunakan ke dalam akta.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini subseksyen 3(a) memberi kebenaran kepada SPR melantik seorang Timbalan Setiausaha dan beberapa Penolong Setiausaha. Perlantikan Ketua Penolong Setiausaha tidak dinyatakan sama sekali, selaras dengan hasrat untuk membesarkan lagi organisasi SPR bagi menghadapi penambahan beban kerja dan tanggungjawabnya pada masa sekarang dan akan datang, maka dicadangkan pindaan untuk menggantikan perkataan "seorang Timbalan Setiausaha dan beberapa orang" dengan perkataan "dan apa-apa bilangan Timbalan Setiausaha, Ketua Penolong Setiausaha."

Selaras dengan pindaan di bawah Seksyen 3 dicadangkan pindaan ke atas subseksyen 2 dan 3 digubal semula yang memberi penjelasan ke atas kuasa dan tanggungjawab setiausaha, timbalan setiausaha dan ketua-ketua penolong setiausaha SPR. Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini dapat diwujudkan sebuah urusetia dalam organisasi SPR yang mantap dan cekap dalam menjalankan tugas dan peranan yang diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini apabila selesai sesuatu urusan membelah bahagi daerah mengundi dan diwartakan, perubahan-perubahan ke atas daerah mengundi berkenaan akan hanya berkuat kuasa selepas Daftar Pemilih yang terkemudiannya selesai disemak. Ini bermakna daerah-daerah mengundi yang baru akan hanya boleh diguna pakai selepas Daftar Pemilih yang baru disahkan dan jika berlaku sesuatu pilihan raya daerah mengundi yang terdapat dalam Daftar Pemilih semasa akan digunakan.

Oleh itu, bagi menghapuskan pembatasan tentang permulaan kuat kuasa perubahan daerah mengundi yang dibuat oleh SPR dan perubahan-perubahan ini tidak mempunyai kesan tertunda, adalah dicadangkan subseksyen 4(2) dipinda bagi membolehkan penguatkuasaan serta merta perubahan daerah mengundi.

Pindaan ini penting bagi membolehkan SPR menjalankan pendaftaran sepanjang tahun yang dijangka bermula pada tahun ini di mana Daftar Pemilih akan disahkan tiga bulan sekali dan apa-apa perubahan daerah mengundi boleh berkuat kuasa serta merta selepas daftar itu disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini SPR tidak boleh mengganti tempat-tempat mengundi dengan tempat-tempat mengundi yang baru selepas tempat-tempat tersebut diwartakan. Keadaan ini telah banyak menimbulkan masalah kepada SPR apabila tempat-tempat mengundi yang berkenaan musnah disebabkan oleh malapetaka seperti kebakaran, banjir dan lain-lain lagi atau terjadi suatu musibah seperti kematian seseorang penghuni rumah panjang khususnya di mana dilarang sebarang keraian atau perhimpunan orang ramai diadakan di rumah panjang tersebut.

Bagi menghapuskan pembatasan ini dan memudahkan SPR menggantikan tempat-tempat pengundi yang asal yang telah musnah walaupun sudah diwartakan dengan tempat-tempat mengundi yang baru adalah dicadangkan subseksyen 7(4) yang baru dimasukkan.

Selaras dengan pindaan ke atas tafsiran nama pegawai-pegawai yang terlibat dalam urusan pendaftaran pemilih, dicadangkan pindaan ke atas subseksyen 8(1) dibuat bagi menggantikan Seksyen 8 Akta 19 supaya Ketua Pegawai Pendaftar, Timbalan Ketua Pendaftar, Pegawai Pendaftar, Timbalan Pegawai Pendaftar dan Pegawai Penyemak masing-masing dikenali sebagai Ketua Pendaftar Pemilih, Timbalan Ketua Pendaftar Pemilih, Pendaftar Pemilih, Timbalan Pendaftar Pemilih, Penolong Pendaftar Pemilih dan Pegawai Pengadil.

Dengan gelaran baru ini orang ramai tidak lagi keliru tentang pegawai SPR yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan urusan pendaftaran pemilih kerana nama Pegawai Pendaftar kerap terdapat dan digunakan di agensi-agensi lain.

Cadangan pindaan ke atas subseksyen 8(2), 8(3), 8(4) dan 8(5) adalah pindaan berbangkit, hasil dari pindaan ke atas nama jawatan-jawatan berkenaan di dalam subseksyen 8(1).

Tuan Yang di-Pertua, dicadangkan untuk memasukkan subseksyen 8(6) yang baru bertujuan memberi penjelasan ke atas tugas Pegawai Pengadil untuk mendengar rayuan yang berbangkit dari apa-apa keputusan Pegawai Pendaftar terhadap tuntutan dan bantahan daripada penuntut atau pembantah. Dalam Akta 19 sedia ada penjelasan tugas ini dan ianya tidak dinyatakan.

Pindaan ke atas subseksyen 9(1) yang dicadangkan ini adalah pindaan berbangkit daripada perubahan nama Pegawai Pendaftar, fasal ini bertujuan untuk menggantikan istilah "Bahagian Pilihan Raya" dengan "Kawasan Pendaftaran".

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini sering dapat *competition* menjadikan daftar pemilih pilihan raya sebagai alasan-alasan mengemukakan petisyen pilihan raya. Tindakan ini adalah tidak wajar. Oleh itu, dicadangkan supaya Seksyen 9A baru dimasukkan dalam Akta 19 bagi memberi penegasan bahawa sesuatu daftar pemilih yang telah disahkan oleh Pendaftar Pemilih hendaklah disifatkan muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dirayu atau dikaji semula, dibatalkan atau diketepikan oleh mana-mana mahkamah.

Seksyen baru ini adalah penting kerana sesuatu daftar pemilih yang telah disahkan itu telah pun melalui kesemua proses yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan pendaftaran pemilih pilihan raya yang baru dan tidak perlu dipertikaikan lagi.

Proses-proses tersebut melibatkan permulaannya dari bawah sehinggalah ianya menjadi selesai dan dipamerkan kepada semua pihak dalam tempoh yang diperaturkan. Dalam peraturan itu, proses seperti pameran daftar pemilih dikekalkan di mana orang ramai boleh mengemukakan tuntutan dan bantahan dan siasatan awam akan diadakan jika perlu. Oleh itu, orang ramai tidak kehilangan hak untuk menentukan nama mereka dan nama pengundi dalam bahagian pilihan raya itu didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tempoh bagi pengeluaran *writ* dan notis pilihan raya bagi mengisi kekosongan luar jangka yang dibuat bagi pilihan raya kecil ialah minimum sepuluh hari dan tempoh maksimum 30 hari. Adalah difikirkan tempoh yang panjang ini tidak lagi diperlukan memandangkan dengan adanya sistem komunikasi yang canggih pada masa ini. SPR boleh mendapatkan bahan bukti serta pemberitahuan dengan cepat dan muda. Oleh itu, dicadangkan tempoh-tempoh ini dipendekkan iaitu tempoh minimum empat hari dan tempoh maksimum sepuluh hari sahaja. Untuk itu pindaan ke atas subseksyen 12(3) dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Suruhanjaya Pilihan Raya menggunakan LAKRI atau alat yang bertujuan menyempurnakan pemeteraian peti-peti undi dan sampul-sampul surat, cara ini didapati tidak efisien kerana api lilin kerap padam dan kertas pemeteraian sering terbakar. Kaedah ini telah melambatkan proses pemeteraian peti-peti undi dan sampul-sampul. Bagi membolehkan cara-cara lain digunakan adalah dicadangkan pindaan ke atas subseksyen 13(2) untuk menggantikan perkataan termeterai dengan perkataan-perkataan peti undi terjamin selamat.

Pindaan ini akan membolehkan SPR menggunakan cara-cara yang lebih berkesan dan efisien bagi memastikan sesuatu peti undi yang digunakan pada hari pengundian terjamin selamat. Untuk ini SPR bercadang untuk menggunakan pita keselamatan bagi tujuan pemeteraian peti-peti undi dan sampul-sampul yang digunakan dalam penyimpanan dokumen-dokumen pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah subseksyen 15(2)(f) adalah dicadangkan had maksimum jumlah pampasan yang kena dibayar kepada mana-mana orang yang terkilang oleh bantahan yang dibuat tanpa sebab yang munasabah dinaikkan daripada RM200 ke RM1,000 bagi mengatasi masalah seseorang itu membuat bantahan dengan sesuka hati tanpa alasan yang kukuh.

Adalah dicadangkan juga subseksyen 15(2)(h) dan (l) dipinda dengan menggantikan "pegawai pendaftaran atau pegawai penyemak" dengan perkataan "Pendaftar atau Pegawai Pengadil" selaras dengan pindaan subseksyen 3A. Sementara itu juga dicadangkan subseksyen 15(2)(m) dibatalkan hasil dari cadangan pindaan Seksyen 8.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini had maksimum deposit pilihan raya ialah RM5,000. Selaras dengan keadaan politik semasa dan untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar serius sahaja bertanding dalam pilihan raya, adalah dicadangkan had maksimum ini diubah. Sebagai seksyen yang memberi kuasa kepada SPR untuk menentukan kadar-kadar deposit pilihan raya, adalah wajar dicadangkan pindaan ke atas subseksyen 16(2)(d) dibuat untuk menetapkan jumlah maksimum deposit pilihan raya kepada RM20,000. Ingin saya menekankan di sini, bahawa ini adalah had maksimum sahaja atau dengan izin, ceiling dan SPR buat masa ini tidak akan mengenakan had maksimum ini.

Namun demikian, had yang sedia ada iaitu RM5,000 bagi calon yang bertanding kerusi Dewan Rakyat dan RM3,000 bagi calon yang bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri perlu juga dikaji semula.

Walau bagaimanapun, SPR tidak akan memilih kadar deposit pilihan raya terus kepada RM20,000. SPR akan menetapkan kadar deposit pilihan raya dari semasa ke semasa yang tidak melebihi daripada had yang ditetapkan ini. Tindakan ini adalah untuk kenaikan jangka panjang yang mana sekiranya SPR bercadang hendak menaikkan kadar deposit SPR tidak perlu lagi meminta seksyen ini untuk dipinda.

Saya juga mencadangkan pindaan-pindaan kecil ke atas subseksyen 16(2) (d) (e) (f) yang merupakan pindaan-pindaan berbangkit hasil dari cadangan pindaan subseksyen 13(2).

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Pendang

12.45 tgh.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahir Rahmaanir Rahiim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pilihan Raya 1998.

Terdapat beberapa perkara dalam Pindaan ini yang pada hemat saya akan menyempitkan ruang demokrasi dalam negara kita dan sekali gus akan memberikan gambaran yang negatif yang tidak baik tentang amalan demokrasi di negara kita dalam pandangan masyarakat antarabangsa.

Ini adalah kerana pilihan raya merupakan satu *exercise* yang penting dalam menghayati konsep dan amalan demokrasi. Perlembagaan Malaysia menyebut secara mudah tentang pilihan raya dan penyertaan dalam pilihan raya di mana rakyat yang berusia 21 tahun dan tidak pernah dilibatkan dengan kesalahan-kesalahan dan hukuman jenayah, atau seseorang rakyat yang tidak pula dikenakan perintah bankmu, maka rakyat itu layak untuk menjadi pemilih dan juga untuk dipilih sebagai ahli dalam Dewan Perundangan Negara sama ada di peringkat Parlimen ataupun di peringkat Negeri.

Walaupun Suruhanjaya Pilihan Raya diberi kuasa dan hak untuk membuat peraturan-peraturan tetapi peraturan-peraturan yang sedang dijalankan pada waktu ini, walaupun terdapat beberapa kesulitan untuk mengharungi pilihan raya, ianya masih boleh diterima oleh semua kalangan termasuk oleh parti-parti pembangkang. Tetapi pindaan yang dicadangkan ini menekan bukan sahaja parti-parti pembangkang tetapi juga rakyat dalam menyuarkan hak mereka dalam proses pilihan raya ini.

Sebagai contoh, berkaitan dengan bayaran untuk membuat bantahan yang dinaikkan daripada RM200 kepada RM1000, saya tidak fikir para pemilih akan sewenang-wenang membuat bantahan tanpa apa-apa alasan kerana para pemilih atau rakyat diberi hak untuk mempertikaikan kesahihan pendaftaran pemilih bagi memastikan bahawa pilihan raya dalam mana-mana kawasan juga dalam negara kita berjalan dengan telus dan dengan sah.

Satu perkara yang sering dibangkitkan selama ini ialah berkaitan dengan pengundi-pengundi hantu ataupun pemilih-pemilih hantu, yang sampai hari ini SPR belum dapat menyelesaikan isu mengenai dengan pemilih-pemilih hantu ini. Oleh kerana itulah, rakyat harus diberi hak untuk membantu SPR bagi mengenal pasti dan menolak pengundi-pengundi hantu daripada dipergunakan dengan cara yang tidak sah untuk memilih wakil-wakil rakyat yang sekali gus juga memilih sebuah kerajaan.

Dengan bayaran yang dikenakan sebanyak RM200 pada sebarang *petition* mengenai dengan daftar pemilih ini, saya fikir sudah mencukupi bagi membolehkan *petitioner* ataupun mereka yang membuat bantahan ini mengemukakan bantahan-bantahan mereka jika mereka gagal untuk membuktikan sebab-sebab yang konkrit dalam bantahan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Rantau Panjang bangun di belakang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pendang. Sebentar tadi Yang Berhormat Pendang ada membangkitkan berkenaan dengan ketidakpuasan hati terhadap pindaan Fasal Subseksyen 15(2) Akta itu yang dimaksudkan menaikkan denda kepada pembantah yang gagal di dalam perbicaraan daftar pemilih daripada RM200 kepada RM1000. Dan Yang Berhormat ada menyebutkan bahawasanya perkara ini tidak patut dinaikkan kerana seolah-olah hendak menyekat daripada pihak yang tidak berpuas hati khususnya untuk menyekat daripada berlakunya pengundi-pengundi hantu daripada bermaharajalela di merata-rata tempat mengundi di Malaysia ini.

Bolehkah Yang Berhormat memberikan sedikit penjelasan - di dalam membaiki atau membuat pindaan akta ini, tidak dimasukkan denda kepada mereka yang kalah di sebelah pembelaan. Di sini maksudnya, kalau kita yang membantah, kita didapati kalah, dan kita kena denda daripada RM200 tadi naik kepada RM1000. Bagaimana kalau bantahan itu kena pada tempatnya, maknanya bantahan kita kena kepada hantu-hantu yang cuba menyeludup masuk daftar pemilih ini di mana-mana tempat mengundi yang sepatutnya mereka ini juga dikenakan denda kerana mereka ini mempunyai niat yang jahat untuk menjadi pengundi hantu di kawasan itu. Sedangkan di sini ditulis di situ [*Merujuk kepada borang berkenaan*] – "*cadangan penambahan ini adalah untuk menghalang mana-mana orang daripada membuat suatu bantahan tanpa sebab yang munasabah atau suci hati*". Kalau tengok bahasa ini, cukup-cukup baik dalam huraian ini tetapi ternyata bahawasanya orang yang cuba seludup masuk sebagai pengundi hantu ataupun daftar di situ, sudah tentulah mereka ini tidak mempunyai suci hati dan mempunyai niat jahat. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Pendang?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Bagi kita apa yang dimaksudkan dengan pengundi hantu ialah pengundi yang tidak sah ataupun pengundi yang tidak ada tetapi namanya diadakan di dalam daftar itu. Jadi tentulah tidak munasabah satu penalti hendak dikenakan ke atas orang yang tidak ada. Bagaimana satu penalti boleh dikenakan ke atas orang yang tidak ada? Oleh sebab itu, kita bukan menyanggah keseluruhan pindaan ini, tetapi yang kita fikir tidak munasabah, tidak rasional dan tidak demokratik, itu sahaja yang kita bantah, yang kita menolak.

Kita boleh menerima bayaran yang dikenakan selama ini iaitu sebanyak RM200 dan dengan menaikannya kepada RM1000, ini akan menghalang komitmen rakyat terutama pemilih untuk membuat bantahan-bantahan meskipun mereka mempunyai asas untuk membuat bantahan kerana dibimbangi bantahan yang mereka buat dianggap oleh pihak yang akan mengendalikan perbicaraan itu sebagai bantahan yang tidak berasas. Ini memang terdedah kepada perkembangan dan keadaan-keadaan yang seperti itu.

Dan ini sudah barang pasti akan terus menjadi isu yang menghantui pemikiran rakyat terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam pilihan raya iaitu parti-parti politik akan terus berkekalan isu ini dan ini sudah barang pasti akan menjejaskan ketelusan pilihan raya dan juga kebersihan pilihan raya. Oleh itu diharapkan supaya kerajaan mengkaji semula cadangan untuk menaikkan bayaran ini. Tidak mengaibkan kalau kerajaan mengkaji semula. Kerajaan tidak sepatutnya berdegil untuk mempertahankan sesuatu yang tidak demokratik.

Begitu juga dengan cadangan untuk menaikkan tahap maksimum bayaran deposit calon daripada RM5000 kadar sekarang, kepada RM20,000. Walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan ini hanya satu kadar siling maksimum yang diberi kepada SPR untuk membuat peraturan-peraturan bagi menaikkan bayaran deposit dan tidak semestinya SPR akan terus membuat peraturan untuk mengenakan bayaran deposit yang maksimum dalam peraturan-peraturan baru yang akan dibuat selepas akta ini diluluskan. Ini satu jaminan yang tidak boleh dianggap sebagai suatu undang-undang atau peraturan.

Ini ibarat kita memberi suatu senjata kepada seseorang dan kita cuba meletakkan syarat kepada dia, kamu boleh menggunakan senjata ini hanya untuk memotong sayur sahaja dan tidak boleh digunakan untuk memotong yang lain. Tetapi senjata sudah ada di tangan dia. Samalah juga dengan kerajaan pernah memberi suatu jaminan ketika kerajaan membentang dan membahaskan Rang Undang-undang mengenai dengan ISA – Akta Keselamatan Dalam Negeri - pada awal tahun 60-an iaitu

40 tahun lalu, apabila kerajaan memberi jaminan bahawa akta itu bertujuan untuk menahan aktivis-aktivis komunis, ataupun gerakan-gerakan subversif komunis dan tidak sekali-kali bertujuan untuk menahan ahli-ahli politik. Tetapi senjata itu telah diberi kepada kerajaan dan kerajaan menggunakan langkah yang pertama. Penahanan politik yang awal di bawah Akta ISA ini ialah orang-orang politik terutama dari kalangan pemimpin atau aktivis-aktivis PAS.

Jadi jaminan seorang Menteri bukan satu undang-undang. Tidak ada sesiapa yang boleh menyatakan bahawa jaminan itu suatu undang-undang yang boleh dicabar di mahkamah sekiranya SPR membuat peraturan untuk mengenakan bayaran maksimum ini kepada calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya. Ini adalah kerana sebelum ini kita telah mendengar desakan-desakan terutama daripada ahli-ahli atau orang-orang Barisan Nasional ada yang mendesak, yang menuntut SPR mengenakan bayaran deposit sehingga RM30,000....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: ... untuk Dewan Negeri dan sehingga RM50,000 untuk Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang sedar bahawa ada satu lagi Rang Undang-undang iaitu Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan raya yang bakal dibincangkan di Dewan yang mulia ini? Ianya adalah satu peraturan di mana setiap calon perlu menandatangani RM20,000 lagi kepada SPR

Seorang Ahli: Sepuluh! Sepuluh!

Tuan Lim Hock Seng: Maafkan, RM10 [*Ketawa*]. RM10,000 kepada SPR demi untuk membersihkan semua *posters* dan sepanduk-sepanduk yang bakal diletakkan oleh setiap calon. Ini bermakna, selepas penguatkuasaan Rang Undang-undang ini - iaitu mungkin pada pilihan raya yang akan datang - setiap calon mungkin perlu menyediakan deposit yang lebih untuk penamaan calon dan deposit yang lebih untuk membersihkan poster-poster.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan. Memang saya menyedari ada satu lagi rang undang-undang yang akan dibentangkan mengenai dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya, tetapi saya akan bangkitkan perkara itu dalam perbahasan mengenai dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan). Jadi untuk waktu ini, saya hanya menumpukan kepada Pindaan dalam Akta Pilihan Raya. Oleh sebab itu, kalau kita gabungkan kedua-dua akta ini ia akan memperlihatkan lagi ketidakdemokratikannya perjalanan pilihan raya yang akan berlaku selepas kedua-dua Rang Undang-undang ini diterima atau diluluskan oleh Parlimen.

Saya katakan tadi bahawa sebelum ini kita telah mendengar desakan, permintaan daripada orang-orang dalam Barisan Nasional menuntut supaya SPR mengenakan bayaran deposit sehingga RM50,000 untuk calon Parlimen dan RM30,000 untuk kawasan Dewan Undangan Negeri. Dan dalam pindaan ini, kerajaan mencadangkan had maksimumnya RM20,000. Ini pun bagi kita, suatu kadar yang sangat tinggi dan kita tidak tahu adakah negara-negara luar yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen mengenakan kadar deposit yang begitu tinggi. Saya fikir tidak ada. Apa rasional kadar deposit ini hendak dinaikkan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ia tidak ada kena mengena dengan perbelanjaan pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah pukul 1.00, Yang Berhormat, ya. Pukul 1.00.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ha?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah pukul 1.00, ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita disambung semula. Sekarang saya jemput Yang Berhormat bagi Pendang menyambung ucapan. Silakan.

2.31 ptg.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyebutkan bahawa tidak ada sebarang alasan yang kukuh atau justifikasi kepada cadangan kerajaan untuk menaikkan bayaran deposit calon dalam pilihan raya sehingga mencecah angka RM20,000 maksimumnya.

Selain daripada kerajaan hanya menyatakan sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ini untuk menghalang sewenang-wenangnya seseorang itu bertanding dalam pilihan raya tanpa membuat perhitungan yang cukup matang. Ini tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk menaikkan bayaran deposit. Saya fikir dalam keadaan rakyat yang semakin matang tentang demokrasi dalam pilihan raya tidak akan berlaku tindakan sewenang-wenang mana-mana juga individu rakyat untuk bertanding dalam pilihan raya kerana mereka akan menyedari bahawa bukan mudah untuk menyertai pilihan raya dengan menguruskan urusan-urusan yang berkaitan dengan penyertaan dalam pilihan raya.

Selain daripada perbelanjaan deposit yang sedia ada yang sudah bagi saya cukup tinggi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri Yang Berhormat. Rantau Panjang. Hendak beri jalan? Ya, sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pendang. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan bahawa sanya cara kerajaan akan menetapkan ataupun menaikkan deposit kepada seseorang calon untuk bertanding dalam mana-mana pilihan raya yang akan datang ini hanya semata-mata untuk menyekat orang-orang yang cerdik, orang-orang yang bijak, orang-orang yang mempunyai keupayaan untuk menjadi calon. Seolah-olah Malaysia ini akan datang lebih suka orang yang ada duit, orang yang ada harta tetapi orangnya bodoh dan tidak punya kemampuan tetapi dia boleh bertanding kerana dia ada duit. Tetapi seorang yang mempunyai kemampuan, tetapi tidak mampu dari segi kewangan dia tidak boleh bertanding. Ada sekatan-sekatan seperti itu.

Kita katakanlah contohnya di Parlimen ini barangkali calon-calon pada Barisan Nasional ini dia mempunyai wang yang cukup kalau tidak peribadinya pun partinya mempunyai wang yang cukup daripada korporat-korporat yang akan membantu mereka itu sebagai calon. Tetapi bagi parti-parti yang lain khususnya calon-calon individu yakni tidak mempunyai penyokong, mempunyai sponsor daripada belakang sudah tentulah menghadapi suatu kesulitan walaupun mereka itu mampu ataupun bijak maka munasabah walaupun rakyat sedang menanti, menunggu untuk mengundi mereka itu tetapi oleh kerana mereka tidak dapat, tidak berjaya untuk mencari wang deposit untuk bertanding maka mereka ini gagal. Setujukah Yang Berhormat?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Sememangnya kalau melihat dalam trend negara kita, perjalanan kerajaan selepas pilihan raya umum yang ke-10 banyak usaha yang dibuat untuk menyekat kemaraan parti-parti pembangkang untuk mempertingkat dan menambahkan kemenangan mereka melalui pelbagai sekatan, halangan dan juga akta. Akta Pilihan Raya (Pindaan) ini sebahagian daripada percubaan usaha jahat Barisan Nasional untuk menghalang penyertaan lebih luas parti-parti politik terutama pembangkang dalam pilihan raya yang akan datang.

Tadi saya telah mengatakan bahawa tidak ada asas yang konkrit selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang suatu ketika pernah juga menjadi pembangkang saya ingat. Beliau pernah bertanding dua kali, dua kali

pilihan raya atas tiket pembangkang dan menghadapi kesulitan kewangan dalam kadar deposit yang sedia ada. Tetapi sekarang beliau agak lebih selesa kerana berada dalam kerajaan.

Sebab itu beliau tidak merasai berat untuk mengemukakan suatu pindaan yang agak berat ini. Pernah suatu masa dahulu sebagaimana saya katakan tadi juga bahawa bukan mudah bagi seseorang itu walaupun dalam kadar deposit yang ada pada waktu ini untuk membuat keputusan bertanding dalam pilihan raya.

Terdapat bahawa tidak ada tindakan sewenang-wenang secara individu ataupun kelompok bertanding dalam pilihan raya semata-mata untuk membuat kacau dalam pilihan raya. Ini pendapat yang tidak boleh diterima. Kalau pendapat itu hendak diambil juga dalam pengalaman kita saya dapati Barisan Nasional sama ada secara berselindung atau berterang-terangan pernah memberi *sponsorship* untuk parti-parti kecil bertanding atau calon-calon dari parti-parti kecil bertanding semata-mata untuk merosakkan ataupun memecahkan undi pembangkang.

Ini pernah berlaku di Kelantan di mana parti yang baru ditubuhkan di Kelantan masih kecil masih tidak mempunyai cawangan-cawangan ditaja calon-calon dari parti ini semata-mata untuk memecahkan undi pembangkang di Kelantan. Tetapi usaha itu telah gagal dalam dua pilihan raya yang lalu atau tiga pilihan raya yang lalu sehingga menyebabkan calon-calon dari parti-parti yang baru ditaja itu semuanya mengalami kehilangan wang deposit.

Kita tidak membantah, itu tindak laku politik. Tetapi yang kita membantah ialah mengenakan tindakan bayaran deposit yang begitu tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Jeli berdiri Yang Berhormat Pendang. Hendak bagi jalan? Jeli, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Daripada pengamatan yang telah dibuat, kita dapati bahawa selepas daripada pindaan yang bakal diluluskan oleh Parlimen nanti, deposit yang dikenakan kepada mana-mana calon yang akan bertanding akan mencecah RM20,000 untuk sekadar deposit menjadi calon ditambah dengan RM10,000 lagi perlu dideposit kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk SPR membersihkan poster-poster selepas keputusan diumumkan.

Ini bermakna untuk mana-mana calon yang berhasrat bertanding bagi kerusi Parlimen mereka mesti ada sebanyak minimum RM30,000 sebelum mereka layak untuk bertanding sebagai calon Parlimen. Kita perhatikan bila dibandingkan dengan negara-negara Komanwel umpamanya, England yang mana pendapatan per kapita penduduknya ialah 24 ribu Dolar Amerika setahun, Australia 21 ribu Dolar Amerika setahun, Malaysia tidak sampai 4,000 Dolar setahun. Tetapi kenapa Malaysia mengemukakan satu pindaan undang-undang pilihan raya yang termahal di kalangan negara-negara Komanwel?

Apakah Dato' pembangkang tidak melihat bahawa ini merupakan satu cara terselindung yang dibawa oleh kerajaan UMNO dan Barisan Nasional untuk mengekalkan kuasa mereka seribu tahun lagi. Minta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Sebagaimana yang telah saya katakan bahawa ini adalah di antara siri-siri program bagi menyekat kemaraan pembangkang dalam negara kita. Di antara beberapa siri ini merupakan siri kerajaan Barisan Nasional menggunakan undang-undang untuk menghalang kemenangan lebih besar yang akan dicapai, insya-Allah yang akan dicapai oleh parti pembangkang.

Pernah juga disebutkan sebelum ini, pemimpin-pemimpin kerajaan bahawa kadar wang deposit itu diasaskan kepada kadar elaun yang diterima di peringkat Dewan Undangan Negeri atau di peringkat Parlimen. Kalau ini dijadikan sebagai asas pun, sebenarnya masih tidak berasas kerana kadar yang dicadangkan untuk dinaikkan itu jauh lebih tinggi daripada kadar elaun yang diterima oleh Ahli-ahli Parlimen ataupun Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Kalau kita mengambil sebagai perbandingan, di England umpamanya, kadar deposit yang dikenakan untuk seseorang calon bertanding di peringkat Parlimen di England ialah 500 pound sterling. Kalau kita ubahkan 500 pound itu kepada Ringgit Malaysia di sekitar RM3,000 sedangkan elaun bulanan yang dibayar elaun tetap yang

tidak termasuk elaun-elaun lain yang dibayar kepada ahli-ahli Parlimen di UK berjumlah sebanyak 51,822 pound sterling setahun.

Berbanding dengan kita di Malaysia elaun tetap Ahli Parlimen sekadar sekitar RM5,300 sebulan bermakna setahun pendapatan Ahli Parlimen berasaskan elaun tetap lebih sedikit daripada RM60,000 atau di sekitar RM10,000 pound sterling. Sedangkan bayaran deposit kita yang dicadangkan berganda-ganda lebih tinggi daripada bayaran deposit calon untuk Parlimen di England atau di UK.

Selain daripada itu, peratus undi yang dimestikan untuk seseorang calon itu perolehi agar wang depositnya tidak dilupakan di Malaysia hendaklah mencapai undi 80% ke atas daripada jumlah undi mereka yang keluar mengundi. Sedangkan di England, kadar itu hanya 5% sahaja, bayaran deposit mereka rendah, kadar untuk kehilangan wang deposit juga rendah dan elaun yang diberi ke MP mereka adalah tinggi. Ini tidak termasuk segala elaun-elaun yang lain yang dibayar kepada Ahli-ahli Parlimen di UK yang diberi sama antara Ahli Parlimen parti pembangkang kalau sekarang ini Labour Party ataupun Ahli-ahli Parlimen dari kalangan parti pemerintah, parti pembangkang.

Sekarang ini Party Labour (Parti Buruh) yang memerintah elaun yang dibayar sama banyak, keistimewaan yang diberi sama rata juga kepada Ahli-ahli Parlimen dari Parti Konservatif atau Parti Liberal tetapi kita tidak. Elaun bulanan yang sama tetapi kemudahan-kemudahan yang lain yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen, elaun pembangunan umpamanya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: hendaklah disamakan di antara Ahli-ahli Parlimen pembangkang, Ahli-ahli Parlimen parti kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah berdiri Yang Berhormat, silakan.

Tuan Muhamad bin Sabu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah Ketua Pembangkang merasi bahawa Malaysia sedang menuju seperti negara Zimbabwe. Pilihan raya ada tetapi lepas pilihan raya, Komanwel tidak iktiraf. Malaysia sedang menuju ke arah itu. Ceramah disekat, semalam saya kena kepung dengan polis dan deposit dinaikkan, media disekat, jadi pilihan raya terus ada nanti tetapi kita bimbang satu hari Komanwel tidak iktiraf keputusan pilihan raya negeri kita seperti yang dibuat oleh Robert Mugabe.

Robert Mugabe pula dengan Perdana Menteri kita samalah sekarang ini. Memerintah pun sama, kawan baik, perangai pun serupa. Jadi adakah Ketua Pembangkang sedar bahawa negeri kita sedang menuju kepada Zimbabwe. Tidak seperti yang berlaku di Thailand, di Indonesia mereka semakin ke arah ketelusan, kita pula semakin ke *backward* menuju negara Afrika, Zimbabwe. Minta ulas sedikit.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan memang saya setuju, kalau kita melihat kepada perkembangan-perkembangan mutakhir, memang negara kita akan menuju kepada *Parliamentary dictatorship* di mana parti pemerintah akan mengongkong dan akan mewujudkan elit kapitalis yang akan berkuasa, yang akan disogok oleh golongan syarikat-syarikat besar seperti syarikat-syarikat perjudian yang bersedia untuk memberi *sponsorship* kepada calon-calon dari parti yang mereka dapat mempergunakan bagi mempertahankan kepentingan-kepentingan mereka.

Sebab itulah kita sangat prihatin dalam hal ini untuk menjaga masa depan negara. Kalau kita melihat, kita menyorot kepada perkembangan yang berlaku selepas pilihan raya umum hampir setahun sudah, sekatan ceramah, walaupun dikatakan atas semua parti-parti politik tetapi penguatkuasaan hanya ke atas parti-parti pembangkang.

Baru-baru ini bagaimana kita melihat sambutan terbuka di tempat terbuka yang dibuat di Pulau Langkawi untuk Perdana Menteri. Kenapa boleh diizinkan, kenapa boleh dibenarkan tetapi kalau kita mengadakan di tempat tertutup macam yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kedah malam tadi, di Kuantan adakah munasabah, adakah wajar polis mengepong masjid dengan membawa anjing FRU menunggu di setiap pintu masuk ke masjid. Ini negara Islam, ini negara demokrasi. Ini bukan Zimbabwe lagi, ini bukan Rhodesia, lebih teruk daripada Rhodesia lagi [*Tepuk*] Kalau

ini dibiarkan, ceramah disekat, perhimpunan dihalang, walaupun Suhakam memberi satu perakuan supaya ceramah-ceramah dan perhimpunan amal yang tidak melibatkan senjata hendaklah dibenarkan tetapi kerajaan yang menubuhkan Suhakam, mengetepikan pandangan Suhakam.

Sebab itu ada kedengaran orang-orang yang agak kritis dalam soal Suhakam, yang agak lantang dalam soal Suhakam tidak mungkin akan dilantik semula selepas tempoh pelantikan mereka ini. Lantiklah ketua-ketua bahagian UMNO untuk menganggotai Suhakam...

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: ..Jadi ini semuanya adalah menghakis demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Jeli bangkit lagi Yang Berhormat, nak bagi jalan. Ya, sila.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Di kalangan negara-negara ASEAN kita perhatikan Myanmar sudah mula bertukar, akan bertukar selera negara tertutup kepada negara terbuka dan akan memberi kebebasan yang lebih setelah membebaskan beberapa pemimpin-pemimpin parti NLD pimpinan Aung San Suu Kyi. Di Cambodia sebuah negara komunis sudah mula bertukar ke negara yang lebih terbuka, lebih demokratik, begitu di Indonesia dan begitu juga di Thailand.

Keempat-empat negara ini sedang merubah daripada negara yang tidak telus kepada negara yang lebih telus dan negara lebih demokratik. Ini pandangan-pandangan daripada *political watch* tetapi adapun di Malaysia, kita perhatikan bahawa umpamanya akhbar-akbar parti pembangkang, kalau dahulunya dibenarkan dua kali seminggu telah dipinda kepada dua kali sebulan. Bahkan kita lihat bahawa ceramah-ceramah parti pembangkang kalau dahulunya dibenarkan, diberi permit asalkan tidak mengganggu ketenteraman awam tetapi sekarang ini hatta premis yang dia tafsir sendiri, kita ikut tafsir premis dia orang pun, dia orang pergi ganggu, menceroboh masuk, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Kita lihat di kalangan negara-negara maju, apabila saya dijemput untuk memerhatikan perkembangan pilihan raya presiden di Amerika oleh pertubuhan NGO mereka, bahawa parti-parti politik di Amerika dan juga negara-negara maju, *budget* kerajaan menanggung parti-parti politik untuk menghidupkan suasana demokrasi tetapi kenapa mengikut pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, di negara-negara maju yang nak kita cita-citakan pada 2020 boleh taja parti-parti politik dengan *budget* kerajaan dan menggalakkan demokrasi kenapa negara kita makin nak memamatkan demokrasi dengan mengadakan berbagai-bagai sekatan, tekanan, terselindung dan berbagai-bagai tekanan-tekanan yang bakal dikemukakan bila mana mereka melihat kuasa mereka akan terhakis. Minta penjelasan Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Memang begitulah keadaan. Sebenarnya kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jeli itu sendiri merupakan satu kenyataan yang menjelaskan suasana dan keadaan dan perkembangan yang sedang dituju oleh negara kita Malaysia. Tidak mustahil kalau satu hari nanti Malaysia dikenali sebagai 'Zimbabwe Asia' atau Asia Tenggara.

Kita melihat sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi, pendedaran atau penerbitan akhbar parti, bukan sahaja PAS, parti-parti pembangkang yang lain juga daripada 8 kali sebulan dikurangkan kepada dua kali sebulan...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ada yang berdiri lagi Yang Berhormat. Kinabatangan, nak bagi jalan. Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ketua Pembangkang. Tidakkah pihak pembangkang dan Yang Berhormat sendiri boleh

dalam kehidupan seumur hidup ini dalam sekali berperakui, bahawa negara Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang benar-benar dipimpin dengan baik dari segi ekonomi, keharmonian kerana rujukan-rujukan negara Filipina, Indonesia, mereka bukanlah sebuah negara yang kita boleh ambil contoh, kerana negara mereka huru hara, ekonomi mereka porak-peranda, sementara dalam negara kita kerajaan menerap undang-undang dan enakmen adalah semata-mata untuk menjana ekonomi dan keharmonian rakyat itu sendiri, termasuk pihak penguatkuasaan, mereka juga menjaga keselamatan pihak-pihak pembangkang, sama ada kepada penceramah dan sebagainya dengan berlandaskan kebenaran dari pihak berkuasa.

Jadi, kenapa sering disalahtafsirkan bahawa kehadiran pihak polis untuk mengganggu gugat. Mereka menjaga keselamatan. Tidakkah ini menjadi satu kebaikan kepada kita semua, termasuk pihak pembangkang pun diberi penghormatan dan dijaga keselamatan mereka. Terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Bukan tafsiran lagi, bukan andaian tetapi suatu realiti, satu realistik yang berlaku tekanan, sekatan, ancaman. Ini yang sedang dilakukan dan kita melihat juga dalam siri-siri tekanan ini, diperkenalkan amalan Akujanji yang dikenakan ke atas pegawai-pegawai kerajaan, pensyarah-pensyarah universiti, kakitangan akademik, pelajar-pelajar mesti menandatangani apa yang dikatakan Akujanji.

Bahkan lakonan dibuat, Perdana Menteri sendiri menandatangani Akujanji, seolah-olah Perdana Menteri meragui kesetiiaannya kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini lakonan. Semata-mata untuk mengabui mata rakyat dengan bertujuan untuk menyekat pengaruh parti-parti pembangkang termasuklah yang sedang kita hadapi pada hari ini iaitu rang undang-undang pindaan kepada Akta Pilihan raya.

Semua ini bertujuan adalah untuk menyekat kemaraan pembangkang dengan menggunakan undang-undang, mengenakan sekatan dan tekanan yang berat dari segi kewangan dan juga kita akan lihat, sekatan-sekatan itu akan lebih terserlah lagi apabila kita membahaskan Akta Kesalahan Pilihan Raya. Sebab itulah saya meminta supaya kerajaan mengkaji semula pindaan ini agar perjalanan demokrasi di negara kita tidak akan dipersoalkan kemudian.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh dalam pindaan ini ialah mengenai daftar pemilih yang mengikut pindaan ini apabila telah diperakukan semula dan diwartakan ia tidak boleh lagi dicabar dalam mana-mana mahkamah. Sekali pandang, nampak ada rasionalnya tetapi jika kita merenung dengan lebih mendalam, kita akan dapati ini akan terdedah kepada penyelewengan yang tidak habis-habis.

Persoalan yang dikemukakan, yang berbangkit di kalangan rakyat di negara kita, sebagaimana saya sebut pada awal ucapan saya tadi iaitu mengenai pengundi-pengundi hantu atau pemilih-pemilih hantu di mana terdapat senarai pemilih-pemilih yang mengandungi nama-nama mereka yang tidak wujud ataupun yang tidak sah kedudukan mereka sebagai warganegara Malaysia tetapi nama mereka tercatat dalam senarai daftar pemilih.

Saya pernah membuat soalan bagi mendapatkan jawapan bertulis mengenai kedudukan sekumpulan penduduk di Langkawi yang berasal daripada Burma dahulunya sekarang Myanmar. Saya telah membuat soalan di dalam Dewan ini bertanyakan kerajaan, berapa ramai penduduk-penduduk Langkawi yang berasal dari Myanmar atau Burma yang diberikan kerakyatan oleh kerajaan yang mendapat hak kewarganegaraan. Jawapan yang saya terima dari Parlimen, daripada kerajaan tidak ada seorang pun tetapi apa yang berlaku di dalam pilihan raya, beribu-ribu tidak kurang daripada 6,000 orang dari kalangan mereka yang menjadi pemilih, sebahagiannya mengundi di Pulau Langkawi di Kawasan Parlimen Langkawi, ada dua DUN yang terdapat di Langkawi dan sebahagiannya datang mengundi di tanah besar di Kedah, di Perlis bahkan sampai ke Terengganu.

Perkara-perkara seperti ini yang patut dibawa dalam pindaan ini bagaimana hendak menyusun cara yang lebih teratur, yang lebih berkesan untuk mengawal kemasukan dan penyalahgunaan amalan sehingga mereka yang tidak diakui sah taraf mereka sebagai rakyat tapi mereka boleh mengundi. Pernah juga kita bertanya dengan orang-orang Burma ini, yang berasal daripada Burma ataupun Myanmar ini dan mereka memberitahu bahawa kad pengenalan mereka hanya sah digunakan untuk mengundi sahaja dan mereka tidak boleh buat urusan-urusan yang lain menggunakan kad

pengenalan itu. Apa ini? Apa ertinya ini semua? Inilah yang menjadi persoalan kepada rakyat.

Perkara ini patut diberi perhatian di dalam pindaan ini dengan memuktamadkan senarai yang diwartakan. Ini tidak menjamin bahawa pengundi-pengundi yang dikatakan *phantom voters* atau pengundi hantu ini tidak boleh termasuk dalam senarai yang dimuktamadkan itu. Apa lagi, apabila hak rakyat atau hak pemilih yang sah dalam kawasan itu dinafikan untuk mempertikaikan senarai yang telah diperakukan itu di mana-mana mahkamah dan ini akan menjadikan bahawa senarai daftar pemilih yang akan digunakan dalam mana-mana pilihan raya selepas ini terdedah kepada penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan kehilangan kewibawaan. Jadi inilah beberapa perkara dan saya ada kemukakan cadangan pindaan di peringkat jawatankuasa.....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Ya, Jeli sama dengan Sipitang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Bagi Sipitang dulu lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Sipitang sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ketua Pembangkang. Yang Berhormat Ketua Pembangkang nampaknya menunjukkan keuntungan kepada sebelah pihak sahaja dan apakah Yang Berhormat menuduh pegawai kerajaan yang menjalankan tugas itu tidak profesional ataupun tidak menjalankan tugas mereka? Mereka telah berusaha. Saya rasa mereka telah membuat kerja yang baik dan berusaha sedaya-upaya membetulkan keadaan.

Senarai-senarai daftar pilihan raya telah sedaya-upaya diperbetulkan tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa ada juga orang dari kawasan-kawasan lain di Kelantan, penyokong PAS yang berpindah tempat mengundi ke tempat lain untuk memenangkan kawasan mereka. Itu adalah kehendak pengundi yang ingin bertukar dan seboleh-boleh pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya membetulkan keadaan ini. Mereka membuat kerja dengan baik.

Tadi Yang Berhormat juga menuduh dalam ucapan yang awal bahawa kita sudah tidak ada demokrasi. Pegawai-pegawai polis menggunakan anjing dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat menuduh bahawa polis ini telah menjalankan tugas secara tidak profesional ataupun tidak membuat tugas mereka dengan baik? Saya rasa mereka membuat tugas mereka dengan baik. Tujuan mereka ialah untuk menenteramkan keadaan pada pengamatan dan pada penilaian mereka, cara sekatan ceramah yang tidak betul ini perlu disekat untuk kebaikan bersama.

Sedarkah Yang Berhormat jikalau ceramah seperti yang PAS lakukan dibuat di merata-rata kampung yang menghasut rakyat menuduh pemimpin-pemimpin membuat tidak baik tentu akan menghuru-harakan keadaan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya minta jalan sekejap, belum habis lagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tidak ada kena mengena dengan pindaan ini...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Cukup, dua perkara itu.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Merepek.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya dengar pun Yang Berhormat bagi Pendang tidak berkenaan dengan akta.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya berkaitan dengan undang-undang ini. Tetapi dia tanya tidak ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang tadi saya hendak tegur Yang Berhormat pun tidak ada kena-mengena.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Dia tidak ada pengalaman. Dia hanya berpengalaman di sebelah pihak. Kalau dia jadi pembangkang, kalau polis bertindak ke atas dia macam itu, saya ingat dia meraung seluruh dunia. *[Disampuk]* Tanya orang-orang yang pernah menjadi pembangkang yang sekarang balik kepada UMNO. Ketika mereka menjadi pembangkang, bagaimana mereka gelisah dengan tindakan-tindakan polis. *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: Jelebu, Jelebu!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tanya Jelebu, tanya Bagan Serai, tanya Gua Musang. Tanya lagi rakan-rakan yang baru menyeberang. Sampai ada tesis Ph.D mengenai dengan penyalahgunaan kuasa eksekutif. *[Tepuk]* Tidak usah cakaplah.

Seorang Ahli: Jawab dulu, jawab!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Dia pun menyalahgunakan juga sewaktu dia memimpin sebuah bank menggunakan pegawai-pegawai bank untuk membantu kempen pilihan rayanya di Sipitang.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato' Ketua Pembangkang....

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Dia ingat saya tidak tahu apa yang dia buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat. Hendak bagi ini?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato' Ketua Pembangkang, sedar atau tidak bahawa soalan daripada Ketua Pembangkang adalah secara bertulis terhadap Menteri Dalam Negeri. Adakah ceramah-ceramah BA selama ini menimbulkan huru-hara? Dijawab oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, tidak ada satu pun berakhir dengan huru-hara melainkan yang diganggu oleh polis sebanyak enam ceramah.

Ertinya, sebelum pilihan raya dan selepas pilihan raya, ceramah yang tidak ada gangguan polis, tidak ada satu pun berlaku huru-hara, semuanya tamat dengan aman dan tenteram, dijawab oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Jadi, minta Ketua Pembangkang komen sedikit perkara ini.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar nanti dia jawab dahulu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut pasal bank itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah itu memang benar. Kenyataan dan jawapan yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri dalam Parlimen ini mengesahkan tidak ada sebarang kekacauan, tidak ada sebarang huru-hara yang berbangkit daripada program-program ceramah parti-parti pembangkang terutama PAS kecuali bila ada gangguan polis.

Sebab itu saya mengatakan polis dalam tindakan mereka terhadap parti-parti pembangkang bertindak tidak secara profesional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pindah yang lain Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya tidak mentohmah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pindah yang lain Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi dengan peruntukan ini akan mendedahkan ruang untuk penyalahgunaan untuk

meneruskan wujudnya pengundi-pengundi hantu. Maksudnya pengundi yang di luar kawasan dan yang mendaftar dalam kawasan yang mereka pilih kerana ini dibenarkan oleh undang-undang. Tetapi pengundi-pengundi yang tidak ada, yang sudah meninggal, nama-nama mereka masih ada dan ada orang yang menyamar untuk mengundi menggunakan kad pengenalan palsu. Inilah yang menyebabkan mahkamah membatalkan keputusan pilihan raya di Likas kerana diakui terdapatnya pengundi-pengundi hantu di Likas.

Di dalam memuktamadkan apa yang diwartakan sebagai senarai pemilih dan tidak boleh dicabar di mahkamah ini menafikan hak dan ruang para pengundi yang sah, yang prihatin dengan politik, tentang masa depan demokrasi dalam negara kita untuk merealisasikan hak mereka bagi mewujudkan satu senarai yang berwibawa dan satu pilihan raya yang dihormati. Kita semua tidak mahu negara kita akan ditohmah dan dikecam sebagaimana yang terdapat di Rhodesia ataupun Zimbabwe dan juga di beberapa negara yang lain.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Juga berlaku di Filipina.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Apabila keputusan pilihan raya terpaksa dibatalkan oleh rakyat. Kita tidak mahu begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri lagi Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Cadangan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan supaya mana-mana keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang memutuskan satu-satu keputusan boleh dibuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Itu satu cadangan yang baik yang dibawa oleh pihak kerajaan kerana memberi peluang, dengan izin, *second chance* sebab manusia ini tidak mutlak betul.

Jadi, boleh dibawa ke pihak yang lebih tinggi untuk menilai kembali keputusan yang telah dibuat. Itu alhamdulillah, cukup baik. Tetapi yang menghairankan dan yang mengajabkan kenapa pula satu-satu senarai pengundi yang telah pun disahkan oleh SPR, tiba-tiba dapat dibuktikan oleh orang kampung itu bahawa pengundi ini telah mati, dia berada di sebelah rumahnya. Tiba-tiba pihak kerajaan kata yang mana telah disahkan tidak boleh dipertikaikan. Tidakkah ini satu perkara yang pelik? Satu dia mahu ke depan, satu lagi mahu ke belakang. Takkanlah orang sebelah rumah tidak tahu pengundi itu sudah mati? Dia yang pergi membuat report mengatakan dia ini sudah mati, tiba-tiba nama dalam senarai itu tidak hendak dibuang.

Ini satu perkara yang cukup menjijikkan dalam negara kita kalau macam ini boleh berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang? Kalau rayuan boleh dikemukakan, alhamdulillah, yang ini rayuan tidak boleh dikemukakan. Selama ini boleh dikemukakan, sekarang tidak boleh dikemukakan. Apa jenis amalan macam ini? Hendak tanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Sebab itulah saya meminta supaya pindaan di bawah seksyen baru 9A ini dibatalkan. Mengenai dengan keputusan mahkamah, petisyen pilihan raya itu akan kita bahas dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya nanti. Sekarang kita belum tiba masa untuk menyentuh perkara itu kerana kita membahaskan Akta Pilihan Raya.

Sebab itu saya meminta tiga persoalan besar yang saya sebutkan tadi dikaji semula, dibatalkan dan ditarik balik untuk menjamin masa depan, amalan demokrasi dihormati di negara kita oleh masyarakat antarabangsa.

Sekian, terima kasih, assalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Tanjong.

3.10 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Nota sudah hilanglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, hilang nota. *[Ketawa]*

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan bagi orang curi Yang Berhormat, sila.

Tuan Chow Kon Yeow: ..Kerana diberi kesempatan ini untuk turut mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2002.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, seksyen baru 9A tidak munasabah sama sekali iaitu penyediaan Daftar Pemilih adalah sebenarnya satu tugas pentadbiran dan setiap tindakan pentadbiran ataupun *administrative action* mesti tertakluk kepada *judicial review* dalam konteks *good governance* dan *rule of law*.

Seksyen baru 9A berkenaan dengan Daftar Pemilih ini bertentangan dengan prinsip *check and balance* yang menjadi prinsip demokrasi yang asas.

Kedua, seksyen baru 9A ini tidak munasabah sebab Daftar Pemilih tidak dibersihkan dari pengundi-pengundi hantu. Dalam fikiran SPR berapakah pengundi hantu yang wujud dalam Daftar Pemilih yang kita gunakan hari ini? Adakah SPR benar yakin bahawa masalah berkenaan dengan pengundi hantu ini tidak wujud sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang mendakwa ada beratus ribu pengundi hantu yang didaftarkan di dalam Daftar Pemilih di dalam negara ini. Ada pihak yang mendakwa lebih dari itu. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah yang telah diambil oleh SPR untuk membersihkan pengundi hantu dalam Daftar Pemilih ini.

Saya ingin tahu apakah SPR akan melaksanakan satu kempen secara besar-besaran untuk membersihkan Daftar Pemilih sebelum ianya dipamerkan untuk proses diperakui atau diperakui semula sebelum ianya disifatkan muktamad seperti mana diperuntukkan dalam seksyen baru 9A ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Arau. Hendak beri jalan? Ya, sila Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan.

Seorang Ahli: Tanjong.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Eh, daripada Tanjong, minta maaf. Tadi Yang Berhormat sebut berkenaan dengan pengundi hantu. Kita dengar Ketua Pembangkang juga bercakap soal pengundi hantu. Tidakkah kita tahu apabila setelah pendaftaran pemilih dibuat pihak SPR telah pun mempamerkan nama-nama mereka yang telah mendaftar. Kalau benar ada dakwaan pengundi hantu, kenapa tidak didakwa sebelum itu.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak pembangkang selama ini kalaulah ada mana-mana parti politik atau mana-mana badan yang mengemukakan bahawa apabila disemak didapati ada pengundi-pengundi hantu kalau dakwaan itu benar kalau kita dapat buktikan ada pengundi-pengundi hantu, adakah pihak SPR tidak melayan komplain yang dibuat selama ini ataupun yang sebenarnya kita cuma bercakap secara umum ada pengundi hantu tetapi sebenarnya tidak ada.

Kalau telah ada mekanisme yang membolehkan kita membawa perkara ini ke tengah sebelum kita bahaskan di Dewan ini tetapi pembangkang secara umum selalu menyebutkan ada pengundi hantu, secara realitinya tindakan itu tidak pernah lagi kita dengar. Kalau dapat pembangkang buktikan, kata kerajaan tidak melayan kalau ada komplain. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Sabarlah Yang Berhormat bagi Arau dan Ahli-ahli dari Barisan Nasional. Cerita sebenarnya akan saya utarakan dalam ucapan saya. Sama ada, ada atau tidak ada SPR kata tidak ada tetapi dalam pilihan raya di Likas ada atau tidak ada semua tahu. Ahli Yang Berhormat bagi Gaya pun buat aduan bahawa SPR sengaja mengadakan *deny syndrome* bahawa tidak wujud tetapi sebenarnya didapati dalam petisyen itu wujud beribu-ribu pengundi hantu. Jadi, saya ingin SPR dan kerajaan memberi satu jaminan bahawa sebelum Seksyen 9A baru ini diterima pakai.

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanjong ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya habiskan ayat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habiskan ayat dulu Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebelum ia diterima pakai adakah kerajaan dan SPR akan melancarkan satu kempen besar-besaran untuk membersihkan Daftar Pemilih yang kita pakai pada hari ini supaya hantu-hantu yang tersembunyi dalam Daftar Pemilih ini dapat dihalaukan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sedar atau tidak bukan hanya pengundi hantu, ahli MCA hantu pun banyak.

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Memang Barisan Nasional ini bela hantu. Setuju atau tidak? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini tidak ada kena-mengena Yang Berhormat. [Sorak] Bawa benda lain Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Kita pun mahu Menteri yang mewakili MCA benar-benar mewakili ahli MCA dan bukan mewakili ahli hantu dari MCA untuk menjadi Menteri di sini. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, Daftar Pemilih Malaysia telah dianggap tercemar dan tidak bersih kerana wujudnya beratus ribu pengundi hantu sama ada mereka yang mendaftar sebagai pemilih dengan menggunakan kad pengenalan yang dikeluarkan secara haram ataupun oleh pemegang kad pengenalan yang palsu, pemilih-pemilih yang mempunyai nombor-nombor kad pengenalan, pemilih-pemilih yang *non-residential* yang dipindah masuk secara besar-besaran untuk menyokong calon atau parti berkenaan dan cara-cara yang berlainan.

Di negeri Pulau Pinang kita pun sering membuat aduan mengenai usaha-usaha untuk meminda penyokong-penyokong parti kerajaan ke kawasan-kawasan yang ditandingi oleh calon-calon yang mewakili Barisan Nasional. Misalnya ahli Exco di Kerajaan Negeri Pulau Pinang di rumahnya terdapat 30 hingga 40 ahli ataupun pemilih yang didaftar di dalam rumahnya yang tidak ada hubung kait ataupun mempunyai perhubungan saudara mara dengan dia. Di sebuah rumah pangsa satu bilik di Padang Tembak berukuran kurang daripada 500 kaki persegi terdapat 30 hingga 40 pengundi yang didaftar. Itu hairan! Pengundi dari pelbagai bangsa duduk dalam satu unit rumah pangsa di Padang Tembak. Ada Cina, ada Melayu, ada India, mungkin ada Myanmar [Ketawa] berdaftar dalam satu unit rumah pangsa yang berukuran kurang daripada 500 kaki persegi. Mana boleh ini terjadi?

Tuan Yang di-Pertua, parti-parti pembangkang telah membuat pelbagai aduan mengenai Daftar Pemilih yang tercemar dengan pengundi hantu, tetapi apakah tindakan yang diambil oleh SPR untuk menangani masalah ini. Keputusan yang dibuat oleh Hakim Dato' Mohd Kamil Awang dalam petisyen pilihan raya kawasan Likas, Sabah pada 8 Jun tahun lepas telah dengan jelasnya menunjukkan masalah Daftar Pemilih yang tercemar dengan pemilih-pemilih yang tidak sah. Hakim Dato' Mohd. Kamil Awang telah mengutuk SPR kerana gagal bertindak atas aduan-aduan mengenai

pengundi hantu dan telah membenarkan orang yang bukan warganegara Malaysia untuk mengundi. Itu untuk menjawab Yang Berhormat bagi Arau tadi...

Datuk Yong Teck Lee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Ya, Gaya. Sila, Gaya.

Datuk Yong Teck Lee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah baik sekiranya dimaklumkan bahawa keputusan hakim Dato' Mohd. Kamil itu sedang dirayu di Mahkamah Rayuan. Jadi, mungkin Tuan Yang di-Pertua, ingin membuat *ruling* sama ada ini boleh dibahaskan di sini. Seterusnya saya ingin maklumkan kepada ahli pembangkang memang pilihan raya kecil diadakan. Apabila pilihan raya kecil diadakan nama-nama pengundi hantu itu dikeluarkan. Selepas hantu-hantu itu dikeluarkan daripada senarai pengundi-pengundi Barisan Nasional bertambah, pengundi pembangkang menurun. Apakah maksud itu? *[Ketawa] [Disampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow: Selepas hantu dihalaukan oleh Barisan Nasional pakai taktik yang lainlah, tahu sama tahu sahaja. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, ya!

Tuan Chow Kon Yeow: Saya tak pasti apa yang dihujahkan oleh Ahli Yang Berhormat Gaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hujah itu pengundi hantu itu untuk mengundi siapa, lebih kurang begitulah.

Datuk Yong Teck Lee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Mengenai kes ini, kes ini sedang dirayukan saya tak pasti sama ada di bawah akta yang sedia ada sesebuah kes yang telah diputuskan oleh *election judge* boleh dirayu, saya tak pasti ada hak ini? Tetapi saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Yong Teck Lee: *[Bangun]*

Datuk Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri lagi Yang Berhormat, Gaya sama Kinabatangan.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya teruskan, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi sudah Yang Berhormat. Dia tak bagi...hendak bagi juga Yang Berhormat? Sila Gaya.

Datuk Yong Teck Lee: Sebab Ahli Yang Berhormat Pembangkang ada...Ahli Yang Berhormat ada soalan jadi saya kena juga jawab juga. Memang rayuan itu dibuat di bawah perlembagaan, tetapi kalau perkara ini saya malas hendak bercakap, saya banyak lagi mahu cakap, tiga jam tak habis, tetapi saya *reserve* disebabkan saya ragu mungkin ini *subjudice* maka saya membawa perhatian kepada dewan yang mulia ini. Kalau perkara undi hantu yang menyebabkan saya kena pilihan raya kecil lagi, semua ini kacau-kacau saya ada banyak mahu cakap tetapi saya kena diamkan kerana kemungkinan ia *subjudice* kerana dia masih di tahap mahkamah rayuan. Itu sebagai satu kenyataan, *as a matter of fact* dengan izin, sedang di mahkamah rayuan. Jadi sama ada ini boleh dibahas di sini atau pun tidak, saya minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*. Tetapi hujah-hujah itu memang ternyatalah kerana apa juga taktik-taktik lain pihak lawan pun banyak taktik apabila pilihan raya kecil di Likas, maksud saya ini selepas hantu-hantu itu dikeluarkan, pengundi Barisan Nasional bertambah, pengundi pembangkang turun 50%. Jadi itu terbang-terbang tinggi mana?*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, perkara kalau masih dalam mahkamah elok kita tidak.....

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam akta yang sedia ada mungkin menteri ada di sini boleh menjelaskan sama ada rayuan boleh

dibuat selepas petisyen ini diselesaikan oleh *election judge*, tidak boleh. Dalam akta yang sedia ada, tidak ada hak.

Datuk Yong Teck Lee: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, menteri akan menjawab Yang Berhormat, ya. Ada yang berdiri lagi Yang terhormat, dua orang, kepada siapa nak bagi? Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Tanjong. Yang Berhormat setuju atau tidak bersetuju bahawa kenyataan Gaya tadi, walaupun disebut bahawa selepas daripada Likas itu, undi Barisan Nasional naik tetapi dia kata selepas pengundi hantu dikeluarkan. Bukan sahaja mahkamah mengesahkan ada pengundi hantu, Gaya telah mengakui di Parlimen ini bahawa wujud penghuni hantu dan tidak mustahil dengan pindaan undang-undang ini kalau diluluskan bahawa ia merupakan satu proses pindaan untuk menghalalkan kewujudan undi hantu bagi menafikan hak untuk orang mencabar di mahkamah.

Tuan Chow Kon Yeow: Dalam ucapan saya, saya akan ada sentuh bahawa ahli Parlimen kawasan Gaya sendiri mengutuk SPR.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Kerana menafikan wujudnya pengundi hantu di Sabah dan dia kata *stop the denial and act on it*, betul? Tak perlu jawab, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya ini.....[ketawa].....Gaya, Gaya tidak apalah duduklah.

Tuan Chow Kon Yeow: Tetapi Tuan Yang di-Pertua....nanti boleh ucap, nanti boleh ucap selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, duduk, duduk.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, tidak apalah, bila Gaya berucap akan ikutlah.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya akan teruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Kinabatangan berdiri hendak bagi lagi Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow: Selepas ini.

Datuk Mokhtar bin Radin: Satu kali sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi Yang Berhormat atau tidak bagi?

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat dia tidak bagi.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, Hakim Dato' Muhammad Kamil Awang juga berkata dalam kes itu bahawa SPR yang diwajibkan secara undang-undang untuk mengadakan siasatan awam apabila ada sebarang bantahan ke atas kemasukan seseorang dalam daftar pemilik tetapi ini tidak dilakukan oleh SPR walaupun ada bantahan terhadap kemasukan seramai 4,585 nama dalam daftar pemilih di kawasan Adun Likas.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Wah!

Tuan Chow Kon Yeow: – Dalam pertengahan petisyen Tuan Yang di-Pertua, Hakim yang arif itu juga telah membongkarkan satu operasi yang dinamakan Ops Gembleng, di mana-mana pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara diarahkan

untuk mengutip nama-nama pendatang tanpa izin dan mereka diberikan IC biru dengan bantuan pemimpin-pemimpin politik yang tertentu untuk membenarkan mereka mengundi dalam pilihan raya. Inilah satu skandal Tuan Yang di-Pertua, yang harus disiasat oleh SPR. Hakim Dato' Muhammad Kamil Awang juga membuat pendedahan yang mengejutkan bahawa beliau berkata dia menerima arahan melalui telefon daripada pihak atasan yang mahu dia membatalkan petisyen pilihan raya tanpa perlu mengadakan pendengaran.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Wah!

Beberapa Ahli: Wah!

Tuan Chow Kon Yeow: Apakah ini sikap sebuah kerajaan yang adil dan telus dan apakah demokrasi yang kita ingin amalkan di sini.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: Pada saya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan berdiri Yang Berhormat. Ya, sila.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Tak mahu marahlah! Terima kasih Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat bahawa dalam mana-mana negara memang adalah pengundi-pengundi hantu ini, *[Dewan menjadi riuh seketika]* dan dalam Parlimen ini pun sebab itu kerajaan terapkan undang-undang ini untuk memastikan bahawa pengundi hantu itu akan dihalau hantunya, *[Ketawa]* dan di dalam Parlimen pun Yang Berhormat harus sedar bahawa ada wakil rakyat mewakili Lubuk Antu tetapi pengundi dia bukan hantu, orang juga. *[Ketawa]* Jadi, ini Yang Berhormat mesti mahu tahu dalam negara ini, hantu pun ada wakilnya. Terima kasih. *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan kerana mengakui bahawa di Malaysia ini terdapat banyak pengundi hantu termasuk khususnya di kawasan Kinabatangan. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Wakil hantu! *[Ketawa]*

Tuan Chow Kon Yeow: Pada saya kerajaan bukan sahaja tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya mengatasi masalah daftar pemilih yang tercemar, tetapi sebaliknya ingin mensahihkan masalah pengundi hantu ini dengan memperkenalkan Seksyen baru 9A untuk membatalkan prinsip *judicial review* kerana suatu daftar pemilih setelah disiarkan dalam warta adalah muktamad dan tidak boleh dipersoal atau dirayu terhadapnya atau dikaji semula, dibatalkan atau diketepikan oleh mana-mana mahkamah. Ini akan menghakis keyakinan umum terhadap sistem pilihan raya kita dan juga melemahkan *prinsip free and fair election*, dengan izin. Daftar pemilih yang bersih menjadi asas penting bagi sebarang proses pilihan raya demokrasi. Hak mengundi bagi seseorang pemilih bergantung kepada adanya nama dalam daftar pemilih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Seputeh berdiri, ya Seputeh, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Saya sangat tertarik atas hujah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat, saya ingin di sini memberi satu contoh yang berlaku dalam....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah Yang Berhormat, hendak minta penjelasan daripada beliau.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Pilihanraya Kecil Ketari, bahawa kami pihak DAP berjaya menangkap empat hantu, *[Ketawa]* yang satu ialah Chong Mei Ling, yang nombor kad pengenalan 710706-06-5188 yang mana beliau tidak duduk di rumah seperti yang termaktub di dalam daftar pemilih. Satu lagi Lau Yon @ Lau Fook Hon, nombor kad pengenalan 400809-06-5099 pengundi ini tidak duduk di rumah tersebut kerana tuan rumah keluar

berkata ini bukan ahli keluarganya, dan dua orang yang telah mati iaitu Chiong Poh, nombor kad pengenalan 520616-06-5066 yang telah meninggal dunia dan juga Chong Yok Sang, nombor kad pengenalan 620308-06-5271.

Kami merasa sangat hairan Tuan Yang di-Pertua, kenapa orang yang telah meninggal dunia dan orang yang boleh pegang IC yang sama, pergi membuang undi, jadi ini betul-betulnya hantu. *[Ketawa]* Walaupun kami berjaya tangkap empat sahaja, kami tidak tahu berapa banyak lagi yang wujud di kawasan Ketari. Jadi setujukah Yang Berhormat bahawa daftar pemilih kita ini yang telah wujud sejak negara kita merdeka bahawa kita perlu adakan satu pembersihan dan juga pendaftaran semula pengundi di negara kita supaya untuk memastikan nama-nama yang temaktub dalam daftar pemilih itu mereka betul-betulnya orang dan bukannya pengundi hantu.

Tuan Chow Kon Yeow: Memang saya setuju dengan cadangan Ahli dari Seputeh di mana pada awal ucapan saya pun saya mengesyorkan bahawa sebelum seksyen baru ini diterima pakai haruslah ada satu kempen yang besar-besaran untuk membersihkan daftar pemilih....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak faham pembangkang ini. Adakah pihak pembangkang faham proses pendaftaran pemilih? Setiap tahun beberapa kali diadakan daftar pemilih dan selepas itu akan dibentangkan untuk semakan. Dari situlah dibuat pembersihan. Pembersihan apa lagi yang hendak dicadangkan oleh pihak pembangkang, kerana tiap-tiap kali dibuat pendaftaran ada pembersihan dibuat? Cuma sekarang ini tanggungjawab semua rakyat, tanggungjawab semua pemimpin dan tanggungjawab kita untuk menentukan supaya daftar pemilih itu bersih. Saya rasa tidak ada sistem lain lagi yang patut diadakan sebab kita sudah ada satu sistem yang begitu baik. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Mungkin SPR tidak pakai sabun cuci yang *brand* betul-betul berkesan sebab pendaftaran dilakukan setiap tahun, hantu boleh dimasukkan pada setiap tahun. *[Ketawa]*

Jadi saya teruskan Tuan Yang di-Pertua bahawa keutuhan daftar pemilih berhubung rapat dengan hak demokrasi seseorang untuk memilih parti-parti ataupun calon-calon yang dipertandingkan. SPR harus memainkan peranan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Negara iaitu menyediakan daftar pemilih yang bersih yang dapat menahan sebarang cabaran melalui petisyen pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 15 (2)(f) kita juga membantah langkah kerajaan untuk menambahkan jumlah pampasan yang kena dibayar kepada mana-mana orang yang terkilang oleh bantahan yang dibuat tanpa sebab yang munasabah atau suci hati. Sekiranya SPR dan kerajaan benar-benar percaya dengan prinsip *one-man-one-vote* dalam sistem demokrasi berparlimen ini, ia harus menghormati hak untuk memastikan setiap pemilih yang didaftar adalah pemilih yang sah. Pindaan nampaknya tidak menggalakkan penglibatan awam untuk memastikan pilihan raya dijalankan secara *free and fair* tetapi semata-matanya untuk menghukum orang awam yang prihatin. Kita nampak banyak kes di mana SPR tidak mempedulikan bantahan-bantahan yang dibuat dengan suci hati.

Misalnya parti pembangkang kawasan Sungai Siput telah membantah kewujudan beberapa ribu pengundi hantu dalam daftar pemilih *[Disorak]* bagi pilihan raya tahun 1999 dan pada mulanya 5,000. *[Disampuk]* 7,000? Menteri sendiri akui. Melebihi 7,000, ya?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tanya sedikit. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mendakwa semua kawasan yang Barisan Nasional menang dalam pilihan raya kecil ada pengundi hantu. Saya hendak tanya, di kawasan yang pembangkang menang seperti di Lunas ini, ada atau

tidak pengundi hantu? Minta penjelasan sedikit. Atau langsuir, yang dimenangi oleh KeADILan.

Tuan Chow Kon Yeow: Hantu di Lunas dihalau sebab itu barulah pembangkang boleh menang. Yang Berhormat Larut, apabila saya buat seruan untuk SPR mengadakan kempen besar-besaran, termasuk juga semua kawasan pilihan raya, saya tidak kata cuma lakukan pembersihan itu di kawasan Barisan Nasional, saya kata secara besar-besaran untuk mendapatkan satu daftar pemilih yang bersih dan mempunyai keutuhan.

Dan di kawasan Sungai Siput, pada mulanya SPR enggan mengadakan siasatan awam, akhirnya siasatan awam mendapati 330 daripada 339 bantahan menunjukkan pemilih tidak bermastautin di alamat yang tercatat dalam daftar pemilih. SPR masih belum

Dato' Seri S. Samy Vellu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri bangun. [Disampuk]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Seorang rakyat duduk di Sungai Siput, dia kerja di Ipoh, dia tidak balik mengundi, dia tidak dapat surat daripada SPR, macam mana? Siapa jaga dia punya masa depan? Jadi walaupun ada juga bantahan iaitu, Dr. Jeyakumar kata 7,000 tetapi pada akhirnya dia boleh cari 330 orang sahaja, itu pun ada rumah di Sungai Siput tetapi dia bekerja di Ipoh oleh kerana tidak berpeluang kerja di Sungai Siput lagi.

Tuan Chow Kon Yeow: Menteri boleh cari peluang pekerjaan di Sungai Siput bagi pengundi-pengundi. [Ketawa] Pada akhirnya 330 orang dipindah keluar dari daftar pemilih oleh SPR. Kalau SPR benar-benar yakin dengan daftar pemilih, ia harus mengalu-alukan sebarang bantahan demi mengemaskan lagi dan menangani masalah ini.

Kita juga menyoalkan rasional untuk memberi *blank cheque* kepada SPR dan kerajaan untuk menaikkan deposit calon kepada RM20,000 sedangkan SPR sendiri tidak berniat untuk mengenakan deposit yang sebanyak itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca perbandingan ini, sedar atau tidak Malaysia ini pelik sungguh dalam deposit? Keloloh, orang kata! Di Australia pendapatan mereka tinggi, deposit RM500 lebih kurang; kemudian Upper House, lebih kurang RM1,000; Britain RM2,700, ini setelah *diconvert*; Canada RM480 deposit Pilihan Raya; India RM40. [Ketawa] Ini, Sungai Siput, itu negeri demokrasi banyak baik punya, RM40 deposit Pilihan Raya, tetapi dalam Rupee 500 India. Ireland. RM420 lebih kurang; New Zealand RM160. Macam mana Malaysia boleh RM20,000? [Disampuk] Ini lolak ni! Betul-betul mengabir kita sekarang, berbanding ini negara Komanwel belaka. Paling tinggi RM2,700 di Britain; padanlah polis di sana pun gaji 2,000 pound. Tetapi kita pendapatannya tidaklah seberapa tetapi hendak jadi negeri contoh iaitu wang deposit RM20,000. Minta komen Tanjong, apa jadi negeri kita ini?

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak hairanlah Yang Berhormat Kuala Kedah. Kita ada bangunan yang tertinggi, jambatan yang paling panjang, [Disampuk] deposit yang tertinggi pun tidak hairan sangat [Ketawa] [Tepuk] sebab ini hendak menewaskan negara-negara yang maju.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Malaysia boleh!

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, kalau SPR tidak berniat untuk mengenakan deposit yang sebanyak itu, mengapa dalam pindaan ini kita memberi satu *blank cheque* kepada SPR untuk menaikkan deposit kepada RM20,000? Kalau SPR tidak berminat, kita batalkan sahajalah fasa ini yang menaikkan deposit sehingga RM20,000 sebab kita mesti mengamalkan satu sikap perakaunan oleh SPR. Kalau SPR bercadang untuk menaikkan deposit calon pada tahun-tahun yang akan datang, haruslah kembali ke Dewan Rakyat ini untuk mendapat sokongan terhadap apa langkah yang ingin SPR jalankan dan

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Jeli bangun.

Tuan Chow Kon Yeow:Dan bukan melalui satu fasa yang baru memberikan satu *blank cheque* dengan kuasa yang begitu besar kepada SPR untuk menentukan deposit yang kena diletakkan oleh calon-calon yang ambil bahagian.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tanjong. Sedarkah atau tidak Yang Berhormat Tanjong bahawa deposit untuk calon Parlimen RM20,000, tetapi calon tersebut juga hendaklah mengemukakan deposit sebanyak RM10,000 lagi kepada SPR untuk menjamin poster-poster akan dibuang sehari selepas keputusan Pilihan Raya? Ini bermakna bukan lagi RM20,000 tetapi RM30,000. Sedarkah ataupun tidak Yang Berhormat bagi Tanjong tentang hal ini?

Tuan Chow Kon Yeow: Sedar memang sedar. Saya rasa Yang Berhormat bagi Jeli, dari segi ini tidak akan menghadapi banyak masalahlah tetapi Tanjong, Bagan, Seputeh, masalah Kuala Kedah, masalah besarlah, Senai, Kemaman, nampaknya ramai yang susah juga. [*Ketawa*] Sungai Siput *no problem*lah. [*Ketawa*]

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan kepada akta pilihan raya ini membawa implikasi yang *fast rescue* khususnya kepada pembangkang. SPR sebagai sebuah badan yang bebas, saya tidak memahami mengapa sebelum membawa pindaan-pindaan kepada dua akta yang begitu penting, sebagai sebuah badan yang bebas, mengapa tidak mendapat pandangan dari semua pihak, baik dari parti kerajaan mahu pun dari parti pembangkang untuk menunjukkan SPR adalah bebas dari menjadi satu alat kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Mengapa SPR sebelum datang ke Dewan ini untuk meminda, tidak menganjurkan forum-forum untuk membenarkan NGO, rakyat dan umum untuk memberi pandangan terhadap satu sistem pilihan raya yang lebih sihat di dalam negara ini. Jadi, saya berharap SPR khususnya dalam isu pengundi hantu ini, akan dapat menyahut cadangan saya untuk membersihkan data pemilih supaya pilihan raya di negara ini, benar-benar *free and fair*. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar.

3.41 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini mungkin memang hari yang menjadi kejayaan untuk sayalah. Sekali, terus dapat. Saya tidak akan bercakap panjang dan saya ingin memuji pihak kerajaan kerana telah membawa pindaan akta undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini. Ini kerana, pindaan ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong memang ada implikasi-implikasi tertentu, yang mungkin mengena orang yang mempunyai satu perasaan kurang berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan mengambil satu tindakan dan apabila rang undang-undang dipinda, memang ada latar belakang-latar belakang yang tertentu, yang mungkin tidak semuanya dijelaskan oleh pihak kerajaan melainkan huraian yang disebut di belakang rang undang-undang tersebut. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, adalah baik juga kalau Ahli Parlimen yang mengetahui latar belakang yang tertentu, boleh memberi ulasan sendiri, pengalaman sendiri berhubung dengan satu-satu tindakan yang dibawa oleh kerajaan ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengulas dua, tiga perkara dalam undang-undang ini, saya ingin menyebut berhubung dengan *electoral roll* yang disebut dalam pindaan ini, yang mana apabila telah disemak dan dikaji, selepas itu hendaklah dianggap sebagai yang sah dan tidak boleh dicabar. Ini amatlah tepat sekali bagi kita kerana kita tidak mahu sesiapa yang tidak puas hati mengambil tindakan oleh kerana, mereka berkemampuan untuk membawa kes-kes ke mahkamah umpamanya, oleh kerana mereka melihat ada mahkamah yang akan menerima apabila satu-satu petisyen itu dibawa ke mahkamah.

Jadi, ini bukan sahaja membebaskan masyarakat, Ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat yang terlibat tetapi juga membebaskan kerajaan, membebaskan mahkamah dan membebaskan sesiapa sahaja yang terlibat. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, kerajaan telah menetapkan tindakan ini supaya apabila senarai ini sudah ditunjukkan

kepada umum dan adalah menjadi tugas dan tanggungjawab mereka yang berkenaan, orang politik dan sesiapa sahaja yang terlibat, mengambil tindakan secara peribadi, dengan sendiri. Kalau tidak secara sendirinya, wakil rakyatnya dan orang partinya, ketua cawangan, ketua bahagian dan semua boleh mengambil tindakan kalau dia sendiri tidak berkemampuan dan tidak berkebolehan untuk menyemak senarai-senarai ini, jadi kenapa tidak disemak?

Apabila sudah ditunjukkan kepada umum, janganlah nanti apabila benda ini telah diterima oleh kerajaan, diterima oleh Suruhanjaya, kita datang membuat bantahan untuk hendak bantah. Tetapi, masa benda itu ditunjukkan kepada umum, kenapa tidak dibantah? Kenapa tidak menunjukkan kepada jabatan kerajaan secara bertulis? Tunjukkan kepada menteri, tunjukkan kepada SPR, supaya benda ini kita tidak mempertikaikan. Janganlah selepas itu, oleh kerana kita sudah kalah dalam pilihan raya, barulah datang ke mahkamah mencabar keputusan pilihan raya yang tersebut. Ini macam '*sour grapes*' pula itu. Kalah cabar, kalau menang, berdiam diri. Hantu tidak hantu mengundi pun, menang tidak betul.

Jadi, ini semua adalah tindakan dan perkataan hujah-hujah politik belaka untuk mencari kesalahan orang lain tetapi tidak pernah melihat bangun pagi-pagi, lihat dalam cermin sama ada kita betul ataupun salah. Jangan cari orang punya salah sahaja. Kalau kita hendak cari orang punya salah sepenuh hari, memang saya boleh duduk dekat koridor itu, atau lobi itu pun, saya boleh cari kesalahan orang lain, satu guni, tiga guni pun boleh dalam satu hari. Memang tidak ada betul. Semua manusia tidak boleh betul kalau saya hendak cari kesalahan. Tetapi, adakah benar kesalahan itu, sebenarnya kesalahan? Adakah perspektif saya sahaja atau saya ini memang orang yang suka mengkritik hal orang lain, tetapi tidak pernah melihat kesalahan saya sendiri? Jadi, perspektif begini, pandangan sedemikian, sepatutnya kita rasional sedikit.

Tujuan-tujuan kerajaan ini adalah mengurangkan bebanan-bebanan kepada mahkamah, mengurangkan bebanan kepada mereka yang telah dipilih oleh rakyat, mengurangkan bebanan kepada rakyat yang telah terlibat dalam pilihan raya, mungkin seminggu, dua minggu atau sebulan dalam kempen dan sebagainya. Kalau dicabar oleh kerana sesuatu perkara dibangkit dan mungkin didapati oleh pihak mahkamah, tidak betul dalam pandangan mahkamah, dalam *shortcomings* mahkamah itu sendiri, kita melihat di mahkamah, hakim mahkamah bukanlah Malaikat. Dia manusia biasa. Dia membuat keputusan berlandaskan bukti-bukti yang ditunjukkan di mahkamah. Kalau hakim itu mengarahkan pilihan raya semula, sumber kewangan dikeluarkan, kerajaan membuang duit, orang yang terlibat politik, tidak boleh buang masa lagi, kepuasan hanya kepada orang tadi, yang kompelin tadi, mungkin tidak betul pun kompelin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat, kita kena rasional dalam perkara ini. Walaupun ramai Yang Berhormat menceritakan soalan-soalan pengundi hantu, saya cukup bersetuju dan saya menyeru kepada pihak SPR, supaya persoalan-persoalan pengundi yang tidak sah, pengundi yang tidak betul ini, mestilah diselaraskan, dibaiki lagi pemantauan, penyenaaran dan sebagainya kepada semua masyarakat. Ini kerana, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sungai Siput tadi, saya cukup yakin. Di kawasan saya pun, banyak berlaku sedemikian. Orang yang dari luar bandar, yang ingin bekerja di bandar umpamanya, dia dengan sendirinya tidak ada rumah di bandar, saya tidak tahu, mungkin ada yang menjadi setinggan. Tetapi, dalam masa yang sama, walaupun setinggan, mereka hendak juga mengamalkan ataupun menggunakan hak mereka dalam negara demokrasi untuk mengundi sesiapa sahaja yang mereka ingin undikan.

Dalam keadaan sedemikian, adalah rumahnya di kawasan Batang Lupar mungkin, 180 kilometer jauhnya daripada bandar, di mana dia bekerja ataupun jauh lagi di hujung Batang Lupar ini, 400 kilometer jauhnya daripada bandar Kuching. Jadi, mungkin alamatnya di situ, rumahnya di situ, emak, saudara-maranya di situ tetapi dia sendiri bekerja di Kuching umpamanya ataupun bekerja di Miri, 1,000 kilometer.

Jadi, dengan sendirinya, kalau dia di *located physically*, dengan izin, dia hendak mengundi juga di tempat mereka bekerja, dengan sendirinya, tempat dia sudah berlainan. Kalau dia menumpang di rumah kawan, menumpang di rumah sesiapa, memanglah saya tidak melihat undang-undang ini mengharamkan mereka ini untuk menggunakan hak mereka sebagai orang demokrasi, untuk mengundi wakil-wakil yang mereka fikir boleh membawa masalah-masalah masyarakat ke hadapan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya ingin menyerulah kepada pihak SPR, soalan *mobilization* orang ini, yang *migration of people* daripada *urban* ke *rural* ataupun daripada *rural* ke *urban area* ini, mestilah ditentukan dan SPR sendiri kena berpuas hati. Kalau SPR sendiri sudah berpuas hati, saya tidak melihat kenapa kita takut dengan kata-kata pembangkang, walaupun fitnah, walaupun tidak betul, walaupun benda ini disebut dengan bermacam-macam cara, dikatakan hantulah, syaitanlah, apa bendalah, tetapi perangai kita sendiri, tidaklah macam manusia pula. Ada juga perangai macam syaitan.

Jadi, saya memberi tahniah kepada SPR kerana telah menguruskan pilihan raya di negara ini dengan begitu baik. Bahkan pilihan raya di negara ini mempunyai latar belakang, mempunyai kecekapan, mempunyai *track record* yang begitu baik. Jadi saya memuji pegawai SPR ini, tiap-tiap kali kita ada pilihan raya, mereka ini tidak tidur pun. Mungkin dalam sebulan atau dua bulan sebelum pilihan raya mereka bekerja begitu teruk sekali untuk mengendalikan pilihan raya dengan sebaik mungkin tetapi bila habis pilihan raya, yang kalah teruslah membuat tuduhan demi tuduhan bermacam-macam, mengatakan SPR ini tidak baik, tidak terus, tidak telus, berbagai-bagai lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kena fikir jugalah. Anggota SPR ini pun manusia biasa – ada perasaan, ada hati, mereka juga boleh berkecil hati oleh kerana kerja banyak tetapi kena marah juga, betul buat pun dikata salah juga. Jadi, sebelum kita membuat tuduhan-tuduhan yang melulu, kita mestilah berfikir dahulu, fikir dengan sepenuhnya, kerana mereka juga sebagai mana kita – kalau kita dimarahi setiap hari sesudah membuat kerja yang baik, kita berasa sedih juga.

Jadi Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi. Ini mengenai perkara orang yang suka terlibat dengan pilihan raya ini. Dalam erti kata yang lain, mereka ini ialah orang yang mempraktikkan, mengamalkan konsep dan prinsip demokrasi. Ya, saya bersetuju juga dengan senarai-senarai yang dibaca oleh kawan-kawan daripada pembangkang tadi yang menyebut di Australia berapa deposit, England berapa deposit, India pun berapa deposit, dan bermacam-macam lagi negara sudah disebut berapa deposit. Tetapi mungkin pada pandangan saya, saya ada juga melihat pilihan raya-pilihan raya di negara lain, bahkan terlibat mengundi pun ada, kerana di England, sesiapa yang datang sebelum 25 Oktober tiap-tiap tahun, dia boleh mengundi selepas itu – dibolehkan orang itu mengundi kalau dia sampai di England sebelum 25 Oktober pada tahun sebelum pilihan raya.

Jadi, saya melihat, saya terlibat dengan pengundian, terlibat dalam itu tetapi kalau kita melihat wakil-wakil mereka, tidaklah semacam di sini. Di Malaysia ini, ada kadang-kadang, saya boleh tunjuk nama orang ini, mengatakan “Oh, saya ini terlibat kerana hendak cuba sahaja, menang tidak kira, ada orang bagi duit. Ada yang bagi duit RM3,000 untuk negeri, bagi duit RM5,000 untuk pilihan raya Parlimen, maka saya ini bertandinglah”, Kalau di Sarawak dia kata “Berdirilah saya ini”. Kalau di Semenanjung disebut “bertanding”, kalau di Sarawak disebut “berdiri”.
[Disampuk]

Jadi mereka ini ada satu sebab – oleh kerana ada *sponsor*. *Sponsor* itu mungkin tauke yang marah dengan Yang Berhormat, ataupun tauke itu marah dengan sianukah, ataupun ada *politician* yang *disgruntled*, yang mungkin dia sendiri tidak tunjuk muka kerana sudah ada membuat kesalahan, ataupun kerana banyak sangat kesalahan politik, mungkin banyak sangat janji yang tidak boleh ditunaikan dahulu – janji-janji politik, beliau carilah orang lain yang mungkin bersih – penyapu uruslah ataupun *office boy* kah, *retired government servant* kah, ataupun yang sudah keluar daripada syarikat, tidak bekerja lagi. Mereka *sponsor* lah orang ini, bagi duit RM3,000 – “Ha, ini RM3,000 untuk calon negeri, ataupun RM5,000 untuk calon Parlimen dan RM1,000 untuk *pocket money*” Dia masuk *pocket money*, dia balik ke Kuching minum kopi. Nama masuk juga, pencalonan okey juga, borang pun okey juga. Sekarang borang sudah senang masuk, semua bertandinglah si calon ini tadi. Dia tidak bercerita apa-apa - soal menang bukan persoalan dia tetapi dia sudah mencuba. Tetapi orang yang *sponsor* ini kata tadi, supaya Yang Berhormat ini tahu yang dia menang cara macam itu sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Hassan bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tiga Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya bagi semua ini. Bagi Yang Berhormat bagi Rompin dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar kerana memberi hujah-hujah yang bernas dalam kita membahaskan isu atau akta yang berhadapan dengan kita tentang pindaan kepada Akta Pilihan Raya. Tadi Yang Berhormat ada membangkitkan isu yang disentuh oleh pihak di sebelah sana, dia kata wang caruman atau wang deposit untuk menjadi calon itu mahal, tinggi. Saya hendak bertanya sama ada ini adalah pandangan PAS, bukan hanya PAS Kedah sahaja, sebab PAS Terengganu, dengan kerajaan yang ada, banyak juga pengusaha-pengusaha baru, bukan sahaja pemborong tetapi juga tauke-tauke balak baru.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah ini masalah bagi PAS Kedah sahaja ataupun pandangan Yang Berhormat, bukannya ada masalah bagi PAS Terengganu dan PAS Kelantan. Ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sebab yang sebenarnya PAS ini dia banyak kepala, banyak pimpinannya – Kedah lain, Kelantan lain, Terengganu lain. Terengganu, pakarnya pun ada di sini, berbeza – Terengganu tidak semestinya sama dengan Kelantan, Kelantan tidak semestinya sama dengan Kedah. Apa pandangan? Dungun lain, kadang-kadang Dungun pun lain dengan Kemaman, Kemaman lain dengan Kuala Terengganu. Ini saya hendak tanya dengan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memang sudah hendak sampai kepada persoalan-persoalan mengenai PAS. Sebenarnya PAS ini berlain. Ini perkara yang benar berlaku. Ada seorang pemandu – pemandu kereta sewa, dia bagi kad kepada saya, "Dato'" dia panggil saya, saya bukan Dato'lah. "Dato", kata dia, "Ini orang kaya daripada Kelantan", kata dia, "Dia tauke balak, kalau ada balak, boleh jual dengan dia. Ini kawan baik Menteri Besar Kelantan". Jadi kebenaran cerita ini, kesahihan cerita ini saya tidak tahu, saya sebut apa yang dia kata sahaja. Jadi ini orang balak, orang dari Kelantan, kawan Menteri Besar Kelantan. Saya tidak tahulah, tidak sahah cerita ini, saya cerita apa yang dia ceritakan. *Calling card* nya ada dalam simpanan saya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu bangun juga.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak tambah apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar sebab dia pandang kepada saya. Selepas ini dia bagi. Yang Keadilan ini bercampur-aduk dengan PAS ini buat apa? Cukup, tunggu dulu. PASKah dia ini?

Beberapa Ahli: PAS.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia sementara PAS sebab dia hari itu tidak ada ruang dalam. Kalau bertanding di bawah KeADILan tidak menang dia masuk. Sebenarnya dia Adil, baik sedikit orang PAS ini. Yang sebenarnya KeADILan ini, taat setia dia kepada kepimpinan dia.

Baru-baru ini ada gambar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan melawat satu kawasan balak. Pakaiannya cukup dengan kasut tingginya, kakinya letak atas balak [Ketawa] Ini jelas menunjukkan bahawa imej ini kadang-kadang orang tidak berapa tahu – penglibatan kerajaan negeri, Kerajaan PAS dengan industri balak. Maknanya mereka ini ada modal-modalnya, tidak ada masalah hendak menaikkan deposit [Disampuk] Apa?

Seorang Ahli: Jubah hilang?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Jubah dia tidak bawa. Saya nampak dalam kereta. Minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Selepas itu orang sebelah sana hendak bela, kalau sebelah sana tidak bela bangun Menteri Besar dia, *report* supaya tidak menjadi calon lagi akan datang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak mengkritik mana-mana menteri, mana-mana Ketua Menteri yang mana negerinya masih mempunyai kayu balak, bolehlah terlibat dengan kayu balak. Tetapi yang persoalan penting ialah jangan mencaci orang lain sahaja. Kalau orang lain gunakan *resource* negeri, balak kita masih ada, semua masih ada, perhubungan kita dengan tauke-tauke sebagaimana yang saya sebut tadi, sahah atau tidak sahah pada masa sekarang, saya tidak [Disampuk]

Seorang Ahli: Hendak bincang SPRkah atau bincang mengenai balak? [Tidak menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sebagai contohlah, teruskan. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau tidak, contoh balak saya akan bagi contoh.... Tunggu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kurang balaklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Rompin tadi. Macam Yang Berhormat bagi Jeli umpamanya, dia memang tidak ada masalah. Mungkin Yang Berhormat bagi Tumpat ada masalah. Jadi dia ada bermacam-macam – ada juga PAS yang bermasalah, ada yang tidak bermasalah, ada PAS juga yang mempunyai pengundi hantu sendiri, ada yang tidak ada pengundi hantu sendiri. Memang kita tidak boleh mengelakkan perkara ini berlaku. Inilah saya menyeru kepada ...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu ya Yang Berhormat. Beri kawan yang lebih dahulu. Dahulu didahulukan, kemudian dikemudiankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Yang Berhormat kata tadi tidak panjang.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan sama ada Yang Berhormat bagi Batang Lupar setuju atau tidak, oleh kerana bila pilihan raya diadakan di mana-mana tempat terutamanya di negeri Sarawak, sebelum pilihan raya itu dimulakan ramai datang ke pejabat hendak mengambil borang, 10 orang, 15 orang tetapi tidak diambil bila penamaan calonnya datang sebenar-benarnya, tidak tampil ke hadapan. Adakah Yang Berhormat bersetuju borang pun kena beli supaya betul-betul yang hendak bertanding itu benar-benar serius untuk berjuang untuk rakyat bukan bermain. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya Yang Berhormat ini menyoal akan persoalan yang saya hendak gulungkan ini. Kerana yang saya sebutkan tadi calon yang gila-gila ini, tergilagila terlibat dengan pilihan raya ini ada sponsor, ada orang hendak beri dia pencalonan, sumber sedikit kewangan masuk pocket money untuk kedai kopi, mungkin membayar deposit kepadanya dan ia bertanding. Dia sendiri tidak tinggal di kawasan, dia bertanding ha! itu yang pertama. Ada satu lagi calon komersial, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak berlaku di Semenanjung, di Sarawak berlaku calon komersial ini, menjadi satu masalah nuisance kepada kita ini. Calon komersial ini diambil kertas undi, ini Yang Berhormat bagi Selangau ha! dia bawa dua, tiga calon, satu, dua, tiga beri kepada anak cucu semua, satu orang yang mengambil kertas selepas itu bila sampai ke hari mengundi dia berjalanlah ini..

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: .. berdiri di depan orang ini dia anggap siapa yang boleh membelinya, tunggu orang membeli ini. Tunggu Yang Berhormat ha, akan diberi peluang jangan..

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Menyampuk]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: .. akan saya beri peluang.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Cerita dahulu..

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Cerita saya belum habis, jawapan belum habis dengan Yang Berhormat bagi Selangau ini. Dia paradelah, kalau saya menjadi calon lima, enam kali melintas di hadapan saya dengan harapan saya kata: "Come on lah Mat, Hamid, Lim ataupun Jemat nama dia, I hendak beli you ini". Ini yang ditunggu, ini calon komersial namanya. Calon komersial ini memang menunggu itu. Dia cerita panjang lebar yang ia ini bercalon banyak, orang penyokong dan sebagainya. Ha! jadi, calon komersial ini juga satu masalah nuisance kepada orang yang betul-betul serius dengan soal negeri.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat belum habis soal ini. Soal calon selepas itu Yang Berhormat tanya dengan saya, apa sahaja perkara. [Ketawa] Yang ketiga di kawasan saya apabila masa pencalonan pilihan raya negeri yang lepas adalah rakan-rakan daripada parti PAS datang. Saya kata kenapa datang ke Sarawak? Orang Melayu Sarawak 20% Islam 25% siapa hendak berpecah. Dia tidak boleh menang pun apabila datang. Jadi, dia kata cuba-cuba sahajalah. Ini pun macam komersial juga ini. Hendak cuba-cuba, politik bukan main-main. Politik untuk memimpin negeri kalau tidak menang janganlah membuang masa, wang.

Ini datang pula ke kawasan yang mana memang tidak ada peluang hendak menang, datang membawa kertas mungkin hendak membawa parade kiri kanan juga hendak minta beli [Ketawa] itu yang masalahnya, inilah keadaan yang mana kita tahu langsung tidak boleh menang bawa, dan mengambil kertas pengundian juga. Ha! ini pernah berlaku. Masih hendak bertanya atau tidak? Tanya tidak hendak, dia takut [Ketawa] soalan tadi datang ke kawasan orang memang tahu tidak akan menang ambil kertas undi hendak mencalon..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Duduklah

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Baru dua seksyen Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi kata tidak panjang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, pada saya kalau saya cakap tidak panjang ada panjanglah sedikit.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Penjelasan, kita tahu dengan adanya deposit yang tinggi ini sekurang-kurangnya orang-orang yang hendak bertanding di atas sifat bebas mungkin kurang kerana mereka kalau undi dia dapat sedikit depositnya akan hilang. Ini akan mengurangkan politicking, sekurang-kurangnya bagi calon-calon yang layak. Saya rasa satu lagi mungkin Yang Berhormat bersetuju selain daripada depositnya tinggi yang masuk jel ini walaupun sehari, sekerat hari kita tidak usah beri bertandinglah. Biar betul-betul yang bersih, yang layak hendak menjadi calon, hendak mewakili rakyat yang bertanding menjadi calon. Kalau sudah ada merasa masuk jel pun walaupun sehari atau separuh hari, sebulankah tidak kiralah. Kita desak kerajaan supaya meminda sedikit, yang mana pernah masuk jel ini, melangkah kaki masuk jel pun tidak layak masuk bertanding. Minta penjelasan setuju atau tidak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini secara serius Yang Berhormat bagi Larut, secara serius saya hendak memberikan penjelasan kerana orang yang dimasukkan di dalam satu tahanan ini ada satu, dua cara. Ada satu orang yang dimasukkan mungkin kerana oleh sebab-sebab jenayah dan sebagainya, yang mungkin dianggap tidak layak oleh kerana melakukan kesalahan jenayah. Ada juga orang melakukan kesalahan yang mana keadaan ia mungkin dalam keadaan sosial begitu sahaja dan ditangkap, dimasukkan ke dalam penjara yang mana tidak ada

menunjukkan satu fakta-fakta yang menunjuk kejenayahan, kesalahan yang telah dibuat berkemungkinan orang ini janganlah dibuat begitu, biarlah kita berikan peluang mereka terlibat dalam pilihan raya.

Tetapi walau bagaimanapun saya menerima hakikat bahawa kerajaan telah menentukan garis panduan-garis panduan yang tertentu siapa yang layak dan siapa yang tidak layak daripada segi hukuman ataupun mereka yang telah dihukum masuk penjara.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih serius ini Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Tidak kiralah asal dia melangkah masuk jel sahaja jangan dikategorikanlah, dia tidak layak. Setujukah Yang Berhormat kita ajukan kepada kerajaan. Walaupun dia masuk sahaja, tidak kira kategori apa jenayah yang dibuat, kena tangkap khalwat, dia tidak layak.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pada masa ini saya serahkan ke atas kebijaksanaan kerajaan untuk memastikan. Jadi, kebijaksanaan kerajaan untuk memutuskan persoalan siapa yang layak dan siapa yang tidak layak menjadi calon. Walaupun saya tidak bersetuju apa yang berlaku di India yang mana highway women pun menjadi Ahli Parlimen, tidak mungkin berlaku di Malaysia.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertariklah dengan apa yang dibahaskan oleh Ahli Parlimen Batang Lupar, beliau berpengalaman dan memahami keadaan ini. Saya terfikir dari segi calon ini di negara kita, kita banyak pemimpin yang berpotensi tetapi kita tengok ada yang menjadi calon Parlimen bertanding di Parlimen juga bertanding di Dewan Undangan Negeri, Misalnya Yang Berhormat bagi Parit Buntar, bukan main jauh Parit Buntar pergi ke Selangor macam mana hendak menjaga kawasan itu.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: .. yalah, saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat apa pandangan Yang Berhormat dari segi ini adakah, walaupun dalam peraturan dibenarkan, sebab Dewan Parlimen dan Dewan Negeri itu berasingan.

Seorang Ahli: Haaaa..

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tetapi dari segi efektif ada di mana pun tidak apa, tetapi ini contoh saya berikan tadi, apa pandangan Yang Berhormat dari segi itu. Adakah patut bagi kita mencadangkan, cuma seorang memegang satu sahaja sama ada Parlimen ataupun ADUN. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya serahkan perkara ini kepada kebijaksanaan parti kerana pada masa sekarang kita tidak mempunyai satu *ruling* yang tertentu bahawa seseorang itu tidak dibolehkan bertanding, melainkan tidak boleh bertanding dua kawasan DUN sahaja ataupun dua kawasan Parlimen dalam satu masa yang tertentu.

Jadi, kalau kita hendak membataskan perkara ini, menghadkan kelayakan seseorang itu, satu lagi batasan yang kita akan sebut. Walaupun sekarang tidak memekik, melolong, saya cukup yakin kalau perkara ini di bawa ke Parlimen ini, pembangkang tidak akan menyokong juga apa sahaja yang kita bawa ke sini sama ada betul atau salah.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian saya menyerahkan kepada kerajaan, jangan banyak sangat orang yang dibolehkan itu. Tetapi soal kalau dia daripada Johor hendak bertanding di Kedah umpamanya, itu juga kalau di Sarawak ada berkurangan sedikit. Tidak berapa banyak orang yang macam helikopter *drop* itu. Sikit-sikit sahaja. Banyak yang sudah balik ke kawasan masing-masing, kampung masing-masing, bertanding di kawasan masing-masing dan mewakili satu tempat sahaja.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya cukup dakwaan menyerahkan prinsip dan konsep demokrasi itu membolehkan sesiapa sahaja asalkan tidak melebihi batasan. Melebihi batasan dalam konteks ini, maknanya ialah kalau seseorang itu hendak pegang - saya pegang Batang Lupar juga pegang Sungai Benut, sebagai Ahli Parlimen, kedua-dua sekali walaupun boleh menang, umpamanya. Mana tidak, kalau Yang Berhormat boleh sokong saya di Sungai Benut, boleh menang juga di

Sungai Benut. Kalau bertanding Batang Lupar tidak payah – ceramah pun menang juga. Jadi, ini sepatutnya memang tidak dibolehkan.

Jadi, satu lagi saya hendak sentuh sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya punya ucapan tidak banyak, orang yang tanya itu kawan. Jadi, kenalah ulaskan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi, Yang Berhormat jawab pun macam Menteri juga. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Gaya ada.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Gaya memang ada juga. *[Ketawa]* Yang lain tidak ada, Gaya seorang ada di sini. *[Ketawa]* Jadi, soal deposit kena sebut tadi. Deposit pencalonan RM20 ribu, lepas itu deposit kepada majlis tempatan RM10 ribu. Sepatutnya tinggi sikit pun boleh lagi ini, Yang Berhormat. Tinggi sikit pun boleh. Masalahnya kadang-kadang selepas pilihan raya, saya kena sebut ini, sama ada kerajaan, sesiapa sahaja, waima Yang Berhormat bagi Batang Lupar atau sesiapa sahaja, kalau tidak buang poster dan bendera itu memang patut dihukum. Yang masalahnya hendak menghukum itu susah nanti. Hendak bawa samanlah, peguam lagi sampailah. Ha! ini yang masalah.

Jadi, kerajaan membuat satu keputusan supaya tiap-tiap orang yang menjadi wakil rakyat mesti tunjukkan disiplin sikit, tunjuk tanggungjawab. Kalau tidak hendak bayar RM10 ribu kepada pekerja-pekerja majlis daerah, key buang semua poster dan bendera yang tidak dipakai lagi selepas pilihan raya. Kadang kala ada yang kalah, dia menyembunyikan diri kerana kekalahannya. Ada yang menang kerana dia *euphoria* kemenangannya mungkin dia *celebrate* di tempat lain.

Jadi, di kawasan itu kertas, poster, gambar-gambar semua bersepah. Siapa yang bertanggungjawab? Adakah kerajaan hendak dipertanggungjawabkan oleh kerana mereka ini tadi pasang bendera banyak-banyak. Kalau malas buang jangan pasang bendera. Kalau dia tidak pasang bendera, mungkinlah majlis daerah kata, "Tidak payahlah deposit kalau tidak pasang bendera." Walaupun tidak pasang poster, tidak pasang apa benda, tetapi datang pun jangan hisap rokok, kerana akan buang rokok itu nanti. Oleh itu, bawa pengundi pun jangan. Maknanya berhentilah jadi calon.

Jadi, dalam keadaan ini saya bersetuju pencalonan ini depositnya diberi RM20 ribu kerana kita hendak pilih orang yang betul-betul serius, orang yang betul-betul hendak bertanggungjawab, orang yang betul-betul hendak jadi wakil rakyat, orang yang betul-betul hendak bekerja. Bukan undi calon komersial, bukan calon yang hendak cuba bakat sahaja, hendak register kita punya *angel* sahaja, hendak register kita punya opposition sahaja. Macam berlaku di kawasan Beting Maru, hendak register, kita tidak puas hati dengan kerajaan negeri, hantar seorang calon. Kalah juga.

Ini sebelas yang hilang deposit. Kalau RM20 ribu, lain kali kena fikir betul-betullah itu, takut hilang RM20 ribu seorang. Kena fikir betul-betul sebelum menghantar pencalonan. Ini saya cukup bersetuju dan deposit RM10 untuk majlis daerah - itulah yang saya ingat Yang Berhormat bagi Sibul hendak tanya ini. Dia hendak tanya soalan RM10 ribu tadi sebab dia marah betul dengan DAP yang pasang poster yang tidak buang itu. Hendak tanya lagi tidak? *[Mengajukan soalan kepada Yang Berhormat bagi Sibul] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak ada benda hendak tanya. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sudah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha! Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Oleh kerana banyak calon yang bertanding ini cuma mungkin suka-suka. Setujukah Yang Berhormat jikalau sesudah menjadi calon atau sesiapa yang menjadi calon itu mesti menyediakan pejabat operasinya, jentera pilihan rayanya dan juga tukang kempennya yang teratur. Jikalau tidak buat itu, orang itu kita ambil tindakan. Jadi, ertinya dia tidak serius dalam menjadi calon untuk bertanding. Jadi, pada orang-orang individu ataupun calon-calon DAP/PAS *[Disampuk]* yang disuruh bersendirian berkempen itu diambil tindakan sebagai disenaraihitamkan ataupun tidak boleh langsung bergiat ataupun ada denda selepas pilihan raya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya boleh bersetuju dengan ini, Tuan Yang di-Pertua tetapi kawan-kawan sebelah sana memang marah betul-betul ini. Mana tidaknya, bila sudah hantar kertas pencalonan, pejabat-pejabat operasinya tutup. SPR kena *check*. Cukup atau tidak dia punya pegawai operasi, cukup atau tidak dia punya pegawai kempen, semua sekali kena tanya. Kalau tidak cukup, kena bayar, hukuman lagi satu. Jadi, memang susah cerita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya serah pada pihak kerajaan. Menteri sendiri yang menjaga hal undang-undang negara ada duduk di sana. Saya cukup yakin beliau cukup kepakaran dan kebijaksanaan untuk menilai apa-apa sahaja, perbincangan kita dalam Dewan ini tadi. Jadi, dalam *[Disampuk]*

Masih ada, Sibu hendak bercakap agaknya. *[Ketawa]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Minta penjelasan. Setujukah Yang Berhormat, nampaknya ada calon-calon tertentu, mereka mempunyai semangat *over confident* dengan undi. Satu kali bertanding di sini, lain kali pindah ke utara, pergi Penang, lain kali pergi Selatan. Pakai nama sahaja atau dia punya imej supaya pengundi akan menyokong mereka atau beliau tetapi hasilnya begini. Ini calon tertentu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berucapakah?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tidak, tidak! Setujukah? Tidak beri perkhidmatan kepada rakyat. Saya robotkah, saya supermankah, saya boleh jatuhkan orang di kawasan ini atau lain orang di sana. Akhirnya ke mana? Akhirnya calon ini kalah. Kalau calon begitu layak, mendapat sokongan daripada rakyat. Minta penjelasan atau komen.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memang bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat bagi Sibu cakap. Apa yang Yang Berhormat bagi Sibu hendak beri pandangan pada kita ialah demikian. Kadang-kadang ada orang ini, biarlah dia pergi ke Sibu umpamanya, bila pergi ke Sibu dia kempen sana, kempen sini, kata Yang Berhormat bagi Sibu ini memang kalah, saya memang sokongan bukan main begitu banyak sekali. Selepas itu dia kempen lagi ke Miri, dia kempen lagi ke Kuching, pergi ke Penang pun ada, ke Taiping, dia kata boleh menang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis cerita ini. Belum habis cerita. Dia kempen sana, kempen sini, macam orang penjual. Ini orang Melayu ada pepatahnya, dia kata, pukul gendang kosong itu bunyi nyaring, memang nyaring. Dia tidak boleh apa-apa. Sebenarnya, ini adalah satu penganiayaan kepada masyarakat. Selepas itu lima tahun dia akan tinggal, tunggu pilihan raya baru dia datang.

Dia akan datang, dia kata, "Wah! Sayalah calon, saya akan menang, sayalah yang akan memperjuangkan kepentingan tuan-tuan." Tetapi lepas itu lima tahun hilang juga. Barisan Nasional mempunyai *track record*, Barisan Nasional yang boleh memajukan negara ini, Barisan Nasional sahajalah yang akan menjadi pemimpin kerajaan. *[Tepuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam kerancangan Yang Berhormat ini, saya ingin bertanya, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan peraturan tambahan kepada kerajaan untuk melihat latar belakang calon-calon yang suka bertanding? Tiap-tiap kali pilihan raya dia akan bertanding. Yang sudah hilang wang deposit ini, diendorsekan satu undang-undang bahawa dia tidak dibenarkan lagi bertanding pada pilihan raya akan datang kerana macam kacau daun sahaja. Dia tahu dia sudah kalah, tetapi dia ini ada sedikit dia punya hobi – hobi gila bertanding. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya mereka yang sudah bekas hilang deposit tidak lagi dibenarkan bertanding? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini saya setuju, Datuk. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kena rekod perkara ini. Saya cukup bersetuju walaupun kalah sekali itu, tidak apalah. Sekali jalan mengetahui, kedua jalan kena, ketiga jalan mengena. Kalau ketiga kali dia tidak boleh menang lagi, tidak boleh jalan lagilah. Tidak bolehlah, hilang deposit. Naik deposit. Tiap kali dinaikkan deposit, satu

deposit setiap kali RM20,000, kedua RM25,000, ketiga RM30,000. Lepas itu kalau tidak ada lagi, *ban* dia, tidak boleh lagi. Ini memang

Tuan Robert Lau Hoi Chew: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Batang Lupar . Yang Berhormat, Yang Berhormat Batang Lupar, bolehkah tidak lain lagi Ahli Yang Berhormat meminta penjelasan? Masalah, masa Yang Berhormat!

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya, ya, ya! Saya sekejap sahaja. Yang Berhormat bagi Batang Lupar masih ingat di Sarawak ada seorang calon daripada DAP. Dia bertanding tujuh kali. Tujuh kali semua kalah! Saya ingat dia punya nama "Seven Down", bukan "Seven Up (7UP)". Ingatkah?

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ada dengar nama itu, Yang Berhormat, tetapi saya belum tengok "Seven Down" ini. "Seven Down" ini macam cangkullah dekat bawah. Jadi, memanglah saya cukup bersetuju mereka yang menjadi *nuisance* ini - *political nuisance* ini - sepatutnya janganlah selalu bertanding sangat kerana dia sudah membuang masa orang. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja saya hendak cakap. Dua perkara saya hendak ulas tadi.

Satu, soal deposit pencalonan dan deposit kepada Majlis. Yang kedua, soalan *electoral roll*. Itu sahaja saya hendak sebutkan dalam perbincangan saya. Saya menyokong tindakan-tindakan kerajaan dalam pindaan ini tetapi saya kena berilah kepada kawan-kawan yang hendak bertanya. Ada kawan-kawan kadang-kadang di luar dia tidak hendak tanya, di dalam Dewan ini dia tanya. Jadi saya beri peluang kepada mereka. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong - kalau orang tidak ada yang tanya lagilah - pindaan ini.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hai, belum habis juga? Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ada yang tanya lagi. Belum saya duduk, dia sudah hendak berdiri, minta sedikit masa, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kawan saya bagi Batang Lupar. Saya ingin minta penjelasan dari rakan saya bagi Batang Lupar. Kadang-kadang *polling agents* pembangkang ini gunakan perahu Barisan Nasional oleh kerana dia mungkin hendak kacau sahaja. Macam mana kalau kita minta apabila seseorang calon hendak menghantar nama untuk pencalonan, kita minta dia membuktikan dia ada jentera di tiap-tiap *polling district* supaya dia tidak kacau, tidak menyusahkan orang yang ada di situ supaya membuktikan kehebatan beliau oleh kerana apabila kita hendak mengikuti apa-apa sukan pun, kita ada *minimum qualifications*. Ataupun apabila kita hendak minta *loan* dari bank pun, kita menunjukkan kita ada sesuatu untuk *back-up* permohonan kita tetapi ini kita bermain dengan masa depan rakyat. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya bersetujulah itu tetapi yang saya menyeru kepada semua rakyat, kalau orang dalam surat khabar sudi menyebut apa yang saya sebut dalam surat khabar nanti, sebutlah. Seruan saya kepada semua rakyat Malaysia ini janganlah mengundi orang yang tidak serius ini. Jangan buang undi, biar dia orang kalah. Walaupun parti PAS dan DAP, kalau dia kata hendak cuba-cuba sahaja, cuba nasib, hendak *register* dia punya *protest*, *register* dia punya *opposition*, kalau dia tidak ada peluang menang itu, biarlah jangan lain kali. Kalau dia dapat kurang daripada 10% pengundian daripada satu kawasan itu, lain kali jangan dibenarkan lagi mereka ini bertanding di kawasan-kawasan yang sedemikian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

4.24 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah. Saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Pilihan Raya 1998 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ini.

Pindaan undang-undang pilihan raya perlu berlandaskan hasrat mewujudkan pembaharuan demi menjamin pilihan raya yang jujur, bebas dan adil. Demokrasi seperti mana yang tertera dalam Perlembagaan diasaskan di atas prinsip dan landasan kebebasan. Pilihan raya adalah di antara saluran yang menentukan keberkesanan sebuah demokrasi. Adanya pilihan raya bukanlah petunjuk bahawa adanya demokrasi. Bahkan demokrasi tergugat sebagai *illiberal democracy* - dengan izin - seandainya masyarakat menganggapnya sebagai proses menghalalkan pemerintahan tanpa menjamin kebebasan sebenar.

Perkembangan mutakhir di Zimbabwe di bawah Presiden Mugabe menyaksikan perilaku pemimpin yang *authoritarian*, berkeras untuk mempertahankan kuasa. Maka dengan segala tindakan kerajaannya, termasuk media yang dikongkong dan jentera pilihan raya serta polis yang memihak, maka Mugabe memperoleh kemenangan tetapi kezaliman dan penipuan tersebut juga telah mengundang mala petaka. Di rantau kita umpamanya, penipuan oleh Presiden Ferdinand Marcos di Filipina akhirnya ditolak. Sekiranya kita tidak berhati-hati, negara kita boleh menuju ke arah keadaan tersebut. Kini pun terdapat fakta nyata yang tidak dapat disangkal yang membuktikan bahawa prinsip kebebasan sistem pilihan raya kita dinodai. Media utama termasuk media elektronik dikongkong bukan sahaja untuk propaganda bagi pihak BN tetapi turut menyebarkan berita yang diselewengkan ataupun dengan izin, *half-truths* sehingga mencapai tahap berunsur fitnah terhadap tokoh tertentu dan parti pembangkang.

Pada waktu yang sama, kerajaan menggunakan musim pilihan raya untuk mencurahkan projek, membuat jalan serta menabur janji-janji pembangunan infrastruktur. Di Ketari baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah dilaporkan memberi geran hak milik tanah serta lesen *TOL (Temporary Occupation License)*, dengan izin, kepada peneroka-peneroka dan pekebun-pekebun sayur. Sesetengah daripada permohonan tanah tersebut telah dibuat tiga puluh, empat puluh tahun yang lalu. Adalah ganjil bagaimana tiba-tiba selepas pilihan raya kecil diumumkan, permohonan yang tertangguh belasan dan puluhan tahun dahulu, tiba-tiba dapat diluluskan. Ini seolah-olah bermakna apa yang patut menjadi hak rakyat hanya diberikan - dengan izin - *in return for votes* yakni *holding the voters to ransom*. Ini merupakan satu bentuk rasuah politik.

Perkara-perkara seperti ini seharusnya menjadi perkiraan sewaktu meminda Akta Pilihan Raya dan Akta Kesalahan Pilihan Raya agar proses asas demokrasi ini boleh berjalan dalam suasana yang adil. Oleh sebab itulah maka saya mencadangkan bahawa pindaan-pindaan harus bersifat menyeluruh. Pertamanya, kita memerlukan wujudnya Suruhanjaya yang benar-benar bebas yang dapat bukan sahaja mengendalikan keseluruhan pilihan raya bebas daripada kuasa eksekutif, tetapi juga berkemampuan untuk memantau keseluruhan proses tersebut.

Di samping itu kita perlu kesempatan berkempen yang lebih. Kita tahu pihak kerajaan berkempen sepanjang masa melalui siaran televisyen yang dipancarkan ke setiap rumah di samping akhbar-akhbar yang menyiarkan pelbagai berita yang disunting, ditapis serta diberi ulasan atau - dengan izin - *slant negatives* terhadap parti-parti alternatif. Malahan pada peringkat awal selepas negara kita memperoleh kemerdekaan dahulu, waktu berkempen untuk pilihan raya umum adalah selama sebulan. Rapat umum atau - dengan izin - *public rallies* dibenarkan bagi parti-parti seperti Perikatan, PAS dan Front Sosialis untuk menyebarkan pendirian mereka serta matlamat parti-parti masing-masing kepada rakyat.

Sebagai contoh, dalam pilihan raya 1969, Perdana Menteri pada waktu itu, Almarhum Tunku Abdul Rahman, telah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri untuk mengetuai kempen UMNO dan Perikatan di seluruh negara. Tun Abdul Razak telah mengambil alih jawatan sebagai pemangku Perdana Menteri. Ini bermakna ada usaha untuk membezakan jentera parti dengan jentera kerajaan. Barangkali ianya satu contoh dengan izin, *a sign of the times* – satu zaman di mana perbezaan politik atau *political contestation* dilaksanakan secara *manusiawi*, secara *gentlemen*, lebih adil dan

tanpa kezaliman yang mencolok. Kini apa yang dibolehkan oleh undang-undang pun diperketatkan dengan pelbagai tindakan yang sama sekali tidak munasabah.

Saya telah mengalami perkara ini secara peribadi. Misalnya suatu insiden berlaku sewaktu saya diundang untuk berceramah di kawasan Felda Mempagar 3 di kawasan Ketari pada hari Jumaat 29 Mac 2002 yang lalu. Permit telah diberi untuk majlis ceramah di rumah seorang peneroka Felda. Sebuah lori *pick-up* yang telah diubah suai untuk menjadi pentas ceramah telah dihias dengan bendera parti serta lampu dengan menggunakan *generator*.

Bagaimanapun, setengah jam sebelum acara bermula, penganjur ceramah telah diarahkan untuk memindahkan tempat ceramah kepada sebuah rumah yang lain atas alasan Pemuda UMNO akan mengadakan majlis ceramah berhadapan dengan rumah peneroka Felda tersebut.

Untuk meringkaskan cerita, tempat ceramah pada waktu malam tersebut telah bertukar sebanyak tiga kali. Akhirnya sewaktu kami melalui pejabat di mana kononnya Pemuda UMNO akan mengadakan ceramah, kami melihat hanya beberapa orang Puteri UMNO sahaja berbual-bual di dalam rumah tersebut.

Insiden terakhir yang berlaku pada saya ialah selepas merasmikan pejabat parti di Kampung Sungkap Param, Merbok dan Pokok Sena. Saya dimaklumkan bahawa permit ceramah untuk majlis ceramah di Yan pada sebelah malam pada hari Jumaat, 5 April telah ditarik balik meskipun ceramah tersebut akan diadakan dalam sebuah premis tertutup. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan bahawa ceramah di dalam premis tertutup adalah dibenarkan tetapi mengikut pegawai polis di situ, perkara tersebut tertakluk kepada budi bicara polis.

Sebarang pindaan yang bermakna semestinya menjamin kebebasan media arus perdana, cetak dan elektronik untuk semua parti politik yang bertanding dalam pilihan raya umum, pemberitaan harus dilakukan secara adil dan saksama. Laporan media sewaktu Pilihanraya Umum 1999 menunjukkan betapa media bukan sahaja tidak adil dalam liputannya malah memainkan peranan untuk menjadi juru kempen UMNO dan Barisan Nasional.

Penyiaran video klip Memali dan yang seumpama dengannya yang dikatakan secara kebetulan disiarkan sewaktu Pilihanraya Kecil Indera Kayangan dan Ketari juga tidak membantu memartabatkan peranan RTM sebagai jentera penyiaran kerajaan dan bukannya alat penyiaran amnya. Begitu juga pihak kami difahamkan bahawa meskipun begitu ramai pemberita serta krew televisyen yang mengikuti rombongan KeADILan ke Ketari Jumaat lalu dan edisi pertama sebuah akhbar berbahasa Cina telah pun menyiarkan berita mengenainya namun edisi berikutnya serta semua edisi akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris tidak menyentuh langsung acara tersebut. Apakah beritahu tersebut telah digelapkan.

Tuan Yang di-Pertua, penafian hak merayu ke mahkamah juga merupakan suatu pindaan yang tidak memberi keyakinan kepada kita tentang objektif meminda Undang-undang Pilihanraya ini. Di samping itu, dengan kecanggihan yang wujud sekarang, saya berasa hairan kenapa undi pos masih lagi diperlukan kecuali bagi mereka yang belajar atau bekerja di luar negara. Tidak bolehkah diaturkan agar mereka mengundi di tempat mereka bertugas.

Saya ingin menarik perhatian seksyen baru 9A yang berjudul Daftar Pemilih yang diperakui atau diperakui semula hendaklah disifatkan muktamad. Perkara baru ini nampaknya memberi kuasa yang tidak munasabah kepada SPR kerana ia menghalang peluang untuk melakukan sebarang pembetulan yang mungkin diperlukan dengan terdahnya fakta atau bahan bukti yang baru timbul.

Pindaan Seksyen 13 pula berhasrat untuk menukar cara mana keselamatan peti undi dilakukan. Sekiranya pindaan ini dilakukan, peti undi tidak lagi perlu dimeterai sebaliknya hanya perlu memenuhi kriteria. Peti undi terjamin selamat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Asalan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi kemungkinan lilin terpadam dan sebagainya di zaman yang canggih ini, sudah tentu boleh diatasi dengan menggunakan peralatan dengan izin, *heat-generated devices* yang lain. Lagipun siapakah yang akan menentukan bahawa sesebuah peti undi itu terjamin selamat.

Biasanya dalam hal-hal keselamatan, kita mengetatkan prosedur demi meningkatkan tahap keselamatan.

Pindaan ini ganjil kerana kelihatan seperti melonggarkan darjat keselamatan daripada dengan izin, *sealed ballot box* kepada *secured ballot box*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan rang undang-undang meminda Akta Keselamatan (Kesalahan Pilihan Raya) 1994. Seksyen.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sebut lagi. Tidak sampai lagi Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Belum lagi ya. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Rang Undang-undang Pilihan Raya sahaja.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian mengenai sebuah kajian yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di *International Institute Of Democracy And Electoral Assistance* dan *International Foundation For Election System*. Seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi secara ringkasnya saya turunkan perbandingan jumlah deposit untuk pilihan raya umum:

<u>Negara</u>	<u>Jumlah Deposit</u>
Malaysia	RM5,000
Britain	RM2,705
Australia Upper House	RM1,352
Australia Lower House	RM486
Kanada	RM475
Ireland	RM418
Namibia	RM327
New Zealand	RM160; dan
India	RM38 (bersamaan dengan 500 rupee)

Berdasarkan perangkaan ini, jelas seseorang calon untuk Dewan Rakyat sekarang ini pun terpaksa mengeluarkan wang deposit hampir enam kali ganda dengan seseorang calon di Australia dan 131.7 kali ganda seorang calon untuk Parlimen di India. Walaupun Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pagi tadi telah menjelaskan jumlah RM20,000 ini ialah sebagai *ceiling*, namun dengan terlulusnya undang-undang ini nanti ia tetap jauh tinggi lebih daripada jumlah deposit berbanding dengan negara-negara lain.

Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Batang Lupar, kalaulah untuk mengelakkan *political nuisance* takkanlah kerajaan kita tidak ada cara-cara lain daripada meninggikan tahap deposit mengambil bahagian dalam pilihan raya ini. Ini bermakna kita akan membatasi penyertaan calon untuk pilihan raya. Sesebuah parti yang ingin meletakkan 50 orang calon terpaksa mencari wang sejumlah RM1 juta. Ini bermakna hanya parti yang kaya boleh mengambil bahagian dalam pilihan raya.

Di samping itu, saya juga ingin menarik perhatian terhadap soalan bagaimana kerajaan yang hanya memenangi 50% daripada undi popular tetapi menguasai 80% daripada kerusi di Parlimen. Barangkali kita harus memikirkan sama ada perlu untuk mewujudkan sistem mendasarkan dengan izin, *professional representation* sekurang-kurangnya untuk memilih anggota-anggota untuk menduduki Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Melayu memang lama mengenali pantun yang berbunyi seperti berikut:

Raja adil raja disembah,

Raja zalim raja disanggah.

Dalam konteks masyarakat semasa barangkali pengucapannya lebih tepat seperti mana berikut:

Pemimpin adil pemimpin diikuti,

Pemimpin zalim pemimpin diganti.

Dalam sesebuah demokrasi, proses penggantian pemimpin dan parti yang menerajui kerajaan memang termaktub dalam Perlembagaan negara kita. Pemimpin-pemimpin kerajaan yang kadang kala bermegah, mendabik dada bahawa negara kita adalah negara demokrasi tetapi pada waktu yang sama berusaha menyempitkan lagi ruang demokrasi melalui pindaan-pindaan ini.

Ini akan menyebabkan imej negara dipandang rendah bukan sahaja oleh rakyatnya sendiri tetapi juga oleh masyarakat antarabangsa malahan kita dengar kini bagaimana Malaysia disifatkan sebagai sebuah *authoritarian democracy* oleh masyarakat antarabangsa. Ini sudah tentu menyukarkan lagi usaha kita untuk mewujudkan iklim pelaburan dan perniagaan yang menarik.

Di samping itu penyempitan ruang demokrasi melalui pindaan ini hanya menambahkan lagi sekatan-sekatan yang sedia ada terhadap hak-hak dan kebebasan rakyat untuk berhimpun, berkumpul dan menyuarakan pandangan mereka.

Peruntukan-peruntukan dalam Akta Mesin Cetak, Akta Universiti, OSA, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Polis, memang sedia menyekat hak-hak dan kebebasan sivil dan politik Malaysia. Tidak adil kalau sesiapa yang masuk sekerat hari pun dalam tahanan tidak boleh bertanding. Apa kata kalau mereka dizalimi.

Dalam hal ini saya ingin memetik contoh sikap Sayidina Umar Al-Khatib sewaktu beliau menjadi khalifah. Sewaktu beliau ditegur oleh seorang wanita di khalayak umum mengenai soal mahar, beliau memperlihatkan sikap yang berlapang dada terhadap teguran tersebut. Ini berbanding dengan sikap, pemimpin semua tahu ataupun dengan izin, *the leader knows all*. Malahan dalam konteks perbahasan kita, kita masih menunggu waktu bila mana pihak parti kerajaan mengambil kira sekurang-kurangnya, sebahagian dari cadangan kita khususnya mengenai pindaan Akta Pilihan Raya ini.

Ceramah umum dan rapat umum dihalang dan disekat. Akhbar dan majalah alternatif sukar mendapat permit KDN. Realiti ini jauh dari gambaran demokrasi sebenar. Sebaliknya mengimbas pada pemerintahan yang *authoritarian*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Baram

4.41 ptg.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh berucap 20 minit Yang Berhormat. 20 cukuplah ya, kerana lepas itu menteri menjawab.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih, sekurang-kurangnya 12 minitlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, 20 minit Yang Berhormat.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam perbahasan ini dan seterusnya menyokong pindaan Rang Undang-undang Pilihan Raya yang dibentangkan oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya ialah suatu proses yang penting di mana rakyat sesebuah negara yang mengamalkan dasar demokratik diberi peluang untuk memilih wakil dan pemimpin politik mereka secara demokrasi, demokratik.

Proses pilihan raya memberi peluang kepada pengundi menilai dasar-dasar dan kualiti pemimpin-pemimpin parti politik yang bertanding dan seterusnya membuat keputusan bagi diri mereka untuk mengundi siapa yang sesuai untuk memerintah negeri ataupun negara mereka demi kebaikan dan kemajuan rakyat.

Keputusan sebuah pilihan raya yang diadakan akan menetapkan parti yang manakah yang baik dan pemimpin-pemimpin yang manakah yang boleh membawa kemajuan di dalam sesebuah negara itu. Memandangkan hakikat bahawa kerajaan yang dipilih dan pemimpin yang memimpin sebuah negara itu akan menetapkan masa

depan sebuah negara maka setiap kali pengundian perlu diambil kira dengan serius dan tidak boleh dianggap sebagai suatu perjudian dan dimanipulasikan oleh kumpulan ataupun individu yang tidak bertanggungjawab kepada kepentingan dan keuntungan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, bagi diri saya sendiri, saya telah terlibat dalam dua pilihan raya am yang telah diadakan di negara ini. Daripada pengalaman saya sendiri, pemerhatian yang saya dapati di negara-negara yang lain, pilihan raya adalah dianggap sebagai satu *fiesta* untuk kegiatan perjudian oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kepada kepentingan rakyat dan masa depan negara.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, semasa pilihan raya am yang diadakan pada tahun 1999, calon yang menentang..., saya merupakan seorang calon bebas yang telah disokong dan dicadangkan oleh seorang ahli peniaga 'hantu' tempatan yang telah dijadikan salah seorang kontraktor pengangkutan untuk Suruhanjaya Pilihan Raya tersebut. Calon ini dicadangkan sebab ahli perniagaan 'hantu' tersebut menganggap bahawa jika tidak ada pertandingan di kawasan itu, maka beliau akan kehilangan peluang untuk menggunakan kontrak yang telah diberikan kepadanya.

Oleh sebab tauke ini terlalu ingin mengadakan pertandingan di kawasan itu tanpa bertanding maka pencalonan tersebut dilakukan dalam saat-saat terakhir pada hari pencalonan itu. Kesannya terdapat banyak kesalahan-kesalahan pada dokumen ataupun *nomination papers* dengan izin, yang diisi oleh calon tersebut seperti pencadang dan penyokong calon itu bukanlah orang-orang yang berdaftar mengundi di kawasan tersebut tetapi orang dari luar.

Walau bagaimanapun, pegawai pilihan raya *detaining officer* dengan izin, yang mengendalikan kes tersebut bersifat terlalu murah hati, mencadangkan kepada calon itu agar mencari lagi, pencadang dan penyokongnya yang baru dari luar kawasan yang dikhaskan untuk pusat pencalonan itu. Oleh sebab itu, calon berkenaan diberi peluang lagi pergi keluar dari kawasan khas, untuk mencari pencadang dan penyokong baru yang berdaftar di kawasan Baram.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat perkara seperti ini adalah suatu cemuan yang terdapat dalam sistem pencalonan yang demokrasi. Mengapakah SPR terlalu longgar dalam hal ini dan terlalu ketat dalam garis panduan bagi hal yang tidak berapa penting.

Untuk mengelakkan perkara seperti ini berlaku, saya ingin mencadangkan Suruhanjaya Pilihan Raya mengetatkan peraturan ataupun garis panduan berkenaan dengan isu ini, seperti yang telah diamalkan dalam pilihan raya tahun 1999 di mana jika kertas pencalonan itu tidak dilengkapkan dengan betul-betul seperti kesalahan yang berlaku dalam data-data pencadang dan penyokong ataupun faktor-faktor yang tidak benar, calon itu mestilah ditolak secara sekali gus dan calon-calon itu tidak di benar bertanding dalam pilihan raya.

Saya mengesyorkan supaya pihak SPR bersifat lebih tegas dalam perkara ini untuk mengelakkan sebarang pencalonan individu-individu yang tidak bertanggungjawab terhadap kebaikan dan kemajuan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berkenaan dengan pindaan undang-undang untuk menaikkan wang deposit tadi, saya rasa kerana deposit bagi seseorang calon itu adalah rendah, RM5,000.00 (lima ribu) sahaja maka sangat mudah bagi tauke hantu tersebut memberi wang pertaruhan untuk calon ini. Jadi saya menyokong kenaikan deposit yang telah disebut dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah kelulusan kontrak untuk pengangkutan pekerja-pekerja SPR semasa menjalankan pilihan raya tersebut. Saya mengesyorkan supaya penganugerahan kontrak atau *the transportation contract* ini tidak diumumkan kepada pihak kontraktor yang berjaya sebelum hari pencalonan itu diadakan. Jika cara ini diamalkan pada masa pilihan raya yang akan datang, saya percaya kontraktor yang terlibat tidak akan mencalonkan calon mereka sendiri dan menyalahgunakan proses pilihan raya demokrasi negara ini.

Saya juga ingin mencadangkan supaya SPR menguji semua kontraktor-kontraktor yang ingin mengambil bahagian dalam kontrak pengangkutan ini. Sebelum mereka diberi kontrak pengangkutan tersebut, semua kontraktor yang mempunyai rekod yang negatif boleh ditapis dan tidak diberi kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak SPR supaya peruntukan yang dikhaskan bagi menjalankan pilihan raya setiap kali itu tidak diumumkan kepada pihak media sebelum hari pencalonan agar kontraktor-kontraktor tidak akan berebut-rebut untuk mendapat kontrak yang diinginkan, untuk menjalankan pilihan raya itu. Jadi dengan ucapan yang sedemikian, saya memohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dungun, 10 minit Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: 20?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

4.50 ptg.

Dato' Mustafa bin Ali [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan kepada Akta Pilihan Raya 1958 dalam beberapa isu yang telah pun dijelaskan oleh menteri yang mengemukakan rang undang-undang ini. Di antaranya ialah perubahan kepada deposit - itu yang paling utama - dan ada isu-isu lain yang akan saya sentuh kemudian, insya-Allah dan juga beberapa hujah yang dikemukakan oleh pihak daripada penyokong kerajaan yang saya rasa tidak mempunyai hujah yang kuat dalam memberikan sokongan kepada pindaan ini. Saya juga akan memberikan respons selepas saya menjelaskan beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya merasakan iaitu pindaan yang dikemukakan ini sebenarnya merupakan satu langkah ke belakang, bukan langkah ke depan dalam menyelamatkan demokrasi yang sedang berjalan dalam negara kita sekarang. SPR pada masa-masa yang telah lalu telah membuat beberapa perubahan yang positif, misalnya mengadakan kiraan pengundian di tempat mengundi. Itu adalah satu langkah yang positif yang boleh mengurangkan kekeliruan, salah faham dan juga kecurigaan apabila ianya terpaksa dibilang di tempat pengumpulan. Itu sebagai satu contoh yang positif.

Tetapi pindaan akta yang dikemukakan ini seperti yang saya katakan, ia lebih akan *undermine* atau akan merosakkan amalan demokrasi yang sedang kita amalkan sekarang ini. Apa yang dikemukakan kepada pindaan ini, yang dibentangkan beberapa perkara tadi seumpama seorang doktor yang cuba mengubat seorang pesakit tetapi doktor ini tidak mengenali di mana bahagian badan yang sedang sakit. Yang diberikan ubat, tidak kena dengan penyakitnya. Penyakit tidak dapat diubati dan kerana salah beri ubat, si pesakit mungkin lebih mudah mati daripada dapat diubati.

Demokrasi kita ialah demokrasi yang sedang sakit sekarang ini dan kita sedang mencari ubat bagaimana penyakit yang kita alami sekarang boleh kita ubati iaitu mengenai sistem demokrasi itu sendiri dan dalam hujah yang dikemukakan bahawa perlunya deposit ini ditinggikan kerana hendak menjaga bahawa hanya orang-orang yang komited dan orang-orang yang sebenarnya - bukan main-main - bertanding dan akhirnya menjadi Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri. Itu sahaja hujah yang saya nampak dikemukakan oleh pihak yang mengemukakan dan juga pihak yang menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat perubahan-perubahan yang berlaku kepada deposit pilihan raya dalam negara kita sendiri, bermula dari tahun 1959 sehinggalah kepada 9 Julai 1974, deposit bagi Parlimen ialah hanya RM500. Apakah kita telah melahirkan orang-orang yang tidak layak di dalam pilihan raya itu yang kita kemukakan dalam Parlimen? Dari tahun 1959, kita telah wujudkan *some of the best Parliamentarians* di dalam Dewan Rakyat ini yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin, di antaranya daripada PAS misalnya, Almarhum Dr. Burhanudin, Zulkifli Mohamad, dan Dato' Asri; daripada Parti Negara pada waktu itu ialah Dato' Onn; dan daripada Parti Sosialis Front ialah Ahmad Boestamam.

Saya hanya menyebut beberapa orang. Dan di kalangan pembangkang juga, the Seenivasagam brothers, misalnya telah diwujudkan. Kita telah berjaya melahirkan Ahli-ahli Parlimen yang hebat dengan hanya deposit RM500 pada waktu itu. Ia tidak memerlukan deposit yang tinggi untuk melahirkan *Parliamentarians* yang baik. Jadi, sebab itu hujah ini merupakan hujah yang sangat dangkal yang saya rasa tidak difikirkan dengan sebaik-baiknya oleh pihak yang mengemukakan pindaan akta ini.
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang hendak menjaga demokrasi. Kita melihat apakah ciri-ciri demokrasi yang hendak kita pertahankan. Antaranya yang kita

hendak pertahankan ialah hak untuk bersuara, untuk bergerak, untuk berpersatuan dan di antaranya juga ialah *the separation of powers* di dalam pentadbiran itu sendiri. Ini juga ciri-ciri demokrasi. Dan wujudnya satu Parlimen ataupun satu Dewan Undangan Negeri yang bertanggungjawab meluluskan undang-undang yang boleh membawa kebaikan kepada rakyat.

Tetapi apa yang dikemukakan ini ialah sebaliknya. Apa yang perlu kita buat perubahan, kita tidak buat perubahan. Apa yang tidak perlu, kita kemukakan dalam Dewan ini. Tidak ada lain saya rasa yang ingin dikemukakan menerusi pindaan-pindaan ini melainkan adalah satu proses *political strangulation* terhadap orang-orang yang tidak mempunyai duit yang banyak sebagaimana parti kerajaan yang banyak duit. Berapa banyak deposit yang dikenakan, mereka tidak ada masalah. Tetapi bagi pihak pembangkang sejak dari dulu sampai sekarang, kita mengalami persoalan-persoalan seperti ini dan kalau dikatakan bahawa dalam Dewan ini tidak ada *Parliamentarians* yang *mediocre*, yang main-main, saya lihat terlalu ramai yang *mediocre* dalam Parlimen sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sebahagiannya ada di sebelah sana. Yang bercakap pagi ini pun, *mediocre* kebanyakan daripadanya. Ya, kalau hendak bangun sila bangun. Ya, tidak bangun itu *mediocre* semua sekali. *[Disampuk]* Ya, baik, baik. Sila bangun Larut kalau hendak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Dungun, tolong.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.... *[Ketawa]* Baik, terima kasih. Itu sebahagian daripada jawapan-jawapan kepada hujah-hujah yang bertanggungjawab yang dikemukakan pagi tadi ataupun petang tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, sebab itulah kita melihat bahawa kalau kita hendak bertanggungjawab kepada Parlimen yang kita wakili sekarang, ukuran hilang deposit atau kalah dalam pilihan raya itu bukan ukuran bahawa orang itu ialah orang yang tidak mempunyai kewibawaan dalam Parlimen.

Ketua Pembangkang kita, berapa kali kalah pilihan raya? Tetapi bukan bererti kalah dalam pilihan raya, Ketua Pembangkang bukan seorang yang berwibawa. Yang menang setiap kali yang di sebelah sana, belum tentu berwibawa. Kadang-kadang yang jadi menteri pun diturunkan daripada menterinya. Yang jadi timbalan menteri pun diturunkan kerana mereka tidak lagi berwibawa tetapi masih bertanding dalam pilihan raya kerana ada masalah-masalah lain atau isu-isu lain yang perlu dipertahankan oleh orang-orang yang seperti ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jeli bangun di belakang.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Jeli bangun di belakang.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dungun. Persoalan yang berwibawa ataupun yang tidak berwibawa. Alasan untuk menaikkan deposit ialah untuk mengelakkan daripada bakal-bakal calon yang tidak berwibawa. Bersetuju ataupun tidak Yang Berhormat bagi Dungun bahawa oleh kerana ramai Ahli-ahli Parlimen BN yang tidak berwibawalah, maka banyak kerusi Menteri Kabinet sama ada menteri dan timbalan menterinya, diterbangkan daripada kerusi-kerusi *Senate* kerana Yang Berhormat dari Parlimennya tidak berwibawa. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dungun ya.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sambil saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jeli, saya mahu tambah. Kalau kekalahan pilihan raya itu bererti tidak berwibawa, menteri yang kemukakan undang-undang ini juga tidak berwibawa sebab pernah kalah dalam pilihan raya. *[Tepuk]* Perdana Menteri sendiri pernah kalah dalam pilihan raya dalam tahun 1969. Apakah ini bererti tidak berwibawa? Jadi, bukan ukuran bahawa kalah dalam

pilihan raya itu tidak berwibawa. Carilah hujah-hujah yang lain yang lebih munasabah untuk kita kemukakan bagi menguatkan mengapa akta ini perlu dikemukakan.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, apabila ianya dinaikkan kepada RM20 ribu, walaupun katanya ia tidak akan dinaikkan sampai begitu tetapi sudah pasti lebih daripada RM5 ribu yang telah kita alami selama ini.

Ini sebagaimana juga yang pernah berlaku kepada tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kerajaan selama ini bahawa menaikkan daripada RM5,000 kepada RM20,000 sebagai siling tetapi kita telah memberikan satu *blanket approval* kepada SPR untuk menaikkan sesuka hati walaupun saya yakin SPR tidak begitu tetapi kalau hendak mereka boleh menaikkannya sampai RM20,000 kalau mereka mahu. Dan apabila kelulusan ini diberikan secara *blanket* dan memang banyak dalam masa-masa yang telah lalu *blanket* ini digunakan oleh pihak pemerintah, *blanket ban on* ceramah misalnya. Ini semua *blanket*. *Blanket* dalam bahasa Melayu bererti gebar (kain selimut) dan sesuatu yang berlaku di bawah gebar dan *blanket* ini biasanya mencurigakan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak tahu apa yang akan berlaku sebab kita tidak nampak yang tersirat. Kalau tersurat kita mungkin nampak tetapi tersirat ini mungkin kita tidak dapat melihatnya secara jelas. Oleh kerana itu saya

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Pendang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat daripada Dungun. Saya ingin mendapat penjelasan apakah Yang Berhormat yakin bahawa SPR ini mempunyai kebebasan untuk melaksanakan dan merealisasikan perannya sebagai sebuah badan yang bebas ataupun SPR akan melaksanakan kehendak-kehendak dan arahan-arahan kerajaan sebab sebelum ini SPR membentangkan akta pindaan dalam Parlimen, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membuat beberapa kenyataan yang melibatkan pindaan akta sebelum pindaan ini dibentangkan dalam Dewan Rakyat. Sebab itulah kita sangat meragui adakah tidak Yang Berhormat meragui tentang sejauh mana keupayaan SPR untuk mengendalikan urusan pilihan raya dengan bebas dan saksama. Terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang minta penjelasan ini. Dengan penuh penghormatan kepada mereka yang bertugas dengan SPR, keyakinan saya sendiri berdasarkan pengalaman bahawa yang menentukan ini akhirnya ialah siapa yang memimpin negara ini pada waktu ini ialah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Saya boleh mengingatkan kembali dalam salah satu daripada sidang Parlimen ini salah seorang daripada *Beck-benchers* kerajaan pernah kemukakan supaya ini dinaikkan. Ia tidak bermula daripada SPR tetapi bermula daripada salah seorang daripada *Beck-benchers* penyokong kerajaan yang mencadangkan supaya deposit ini dinaikkan – Sri Aman kalau tidak silap saya, dan saya telah bertanya kepada beliau apakah beliau sudah membuat *homework*? Dia kata sudah buat. Saya percaya bahawa *indication* yang diberikan itu merupakan suatu *indication*, petunjuk yang telah pun berada dalam pemikiran pemimpin-pemimpin kerajaan hari ini yang mereka hanya minta SPR cuba kajilah macam mana perkara ini tetapi akhirnya yang menentukannya ialah kerajaan. Jadi, ertinya kebebasan SPR dalam kes ini tidak wujud. Mungkin kebebasan itu tidak mutlak, mungkin ada kebebasan sedikit sebanyak tetapi dalam kes ini saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang bahawa SPR tidak mempunyai kebebasan dalam menentukan deposit sebagaimana yang saya nyatakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tadi bahawa tindakan yang dilakukan ini merupakan satu *political strangulation* yang dilakukan oleh kerajaan oleh parti yang memerintah terhadap parti pembangkang supaya mereka tidak mempunyai ruang bernafas yang lebih luas dibandingkan dengan sebelum ini. Kita telah melihat bahawa *strangulation* ini dilakukan daripada beberapa sudut. Telah disebut tadi ceramah, telah disebut tadi proses-proses yang lain, penangkapan-penangkapan yang begitu banyak dan sekarang ini dikemukakan secara undang-undang di Dewan ini dengan tujuan supaya apa pun nanti yang akan dikemukakan bahawa ia telah diluluskan oleh Parlimen yang sebahagian daripada Ahli Parlimen itu terdiri daripada pembangkang. Walaupun kami akan membangkang dan insya-Allah kami akan membangkang pindaan akta yang dikemukakan kerana ia tidak selaras dengan amalan demokrasi yang sepatutnya kita pertahankan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya bagi Dungun. Ada dua tuduhan, yang pertama berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya yang dikatakan tidak bebas, ia ialah badan yang bebas, itu satu. Yang kedua seolah-olah pindaan ini hendak mengongkong pembangkang sedangkan dalam pilihan raya kuasa mutlak memilih sesiapa yang hendak dipilih oleh rakyat ialah rakyat dan undang-undang ini diguna pakai oleh sesiapa sahaja yang bertanding sama ada dia parti kerajaan atau parti pembangkang. Kalau pembangkang kata ini membelenggu mereka, ianya juga membelenggu calon-calon daripada parti pemerintah kerana undang-undang yang sama ini akan dipergunakan atau dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Tidak timbul masalah seolah-olah rang undang-undang ini ataupun pindaan ini hanya hendak menekan parti pembangkang. Tidak timbul kerana kita akan gunakan bersama. Kalau bertanding itu sama-sama kita pakai undang-undang ini. Jadi, tidak timbul masalah ini.

Yalah, hujah Yang Berhormat memanglah hujah untuk mengemukakan berbagai-bagai kelemahan tetapi sebenarnya Suruhanjaya Pilihan raya ada satu niat untuk menentukan pilihan raya berlangsung dalam negara ini dengan telus, dengan saksama dan diguna pakai oleh semua. Jadi, tidak ada masalah bagi sayalah. Terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading yang membangkitkan dua perkara. Yang pertama, tuduhan saya bahawa SPR tidak bebas. Saya telah menyatakan dengan penuh penghormatan kepada mereka yang bertugas mengenai SPR tadi bahawa banyak yang telah dinyatakan bebas, SPR bebas, BPR bebas, semua bebas tetapi hakikatnya bila pelaksanaan tidak sebebaskan sebagaimana yang diberikan dan dinyatakan, itu maksud saya.

Yang kedua, beliau mengatakan bahawa kalau pembangkang pun susah sama-sama dirasakan susah oleh anggota Parlimen daripada Barisan Nasional sebab kalau depositnya tinggi sama-sama tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya, Barisan Nasional ini dia bukan bayar sendiri tetapi parti yang bayar. Saya pernah menjadi calon atas nama Barisan Nasional dan saya tidak pernah bayar satu sen pun tetapi parti yang bayar, itu pengalaman. Jadi, tidak betul itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memang maklum rentetan dan rungutan daripada parti pembangkang. Rasionalnya bahawa negara ini negara demokrasi. Justeru itu, pada saya dalam mengisi tuntutan demokrasi ini selaras dengan tuntutan dunia globalisasi maka satu-satu akta itu perlu dipinda. Manakala pihak pembangkang rasionalnya memang tidak boleh menerima hakikat bahawa apa juga perubahan kononnya atas dasar penganiayaan. Justeru itu, bolehkah pihak Yang Berhormat dan pembangkang cuba menerima hakikat bahawa demokrasi itu berjalan dan memang tidak semua yang dikeluhkan daripada pembangkang boleh diterima pakai oleh majoriti. Jadi, persoalannya sekarang iaitu minoriti harus menghormati majoriti. Terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kalau beliau merujuk bahawa kita harus menerima globalisasi. Contoh-contoh globalisasi yang ada menggambarkan bahawa demokrasi kita sedang sakit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah disebut, bagaimana deposit yang dikenakan di beberapa buah Komanwel seperti di Australia, Britain, Canada, India, Ireland yang telah saya sebut tadi semuanya lebih rendah daripada Malaysia sedangkan sebahagian besar negara ini ialah negara yang maju, *industrialized country* yang perkapitanya lebih tinggi daripada kita tetapi tidak mengenakan deposit yang tinggi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit sahaja lagi Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berkenaan demokrasi, saya akui bahawa demokrasi kita wujud dalam negara ini sebab itu saya menggunakan istilah demokrasi kita adalah demokrasi yang sedang sakit. Kita perlu ubati demokrasi kita yang sedang sakit. Saya tidak kata bahawa demokrasi itu tidak wujud, kalau tidak wujud kita tidak ada dalam Parlimen hari ini. Walaupun kita akui bahawa tidak ada satu kebebasan yang mutlak tetapi kebebasan yang tidak mutlak dalam negara ini pun dipersempit oleh pindaan yang nantinya akan kelak dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kepada beberapa kenyataan yang dibuat oleh ahli-ahli *Backbenchers* tadi, yang saya rasa sebenarnya membuang masa, tidak ada hujah-hujah yang konkrit yang dikemukakan oleh *Backbenchers* yang diharapkan oleh pihak kerajaan sendiri supaya mempertahankan mereka tetapi pertahanan yang diberikan oleh penyokong kerajaanlah hanyalah pertahanan yang sangat rapuh, yang tidak boleh dipertahankan sama sekali. Yang kuatnya ialah hujah yang dikemukakan oleh pembangkang bahawa akta ini suatu akta yang bukan bawa ke hadapan tetapi membawa ke belakang [*Tepuk*][*Disorak*] Dan kalau akta ini diluluskan bererti demokrasi kita akan kembali ke belakang entah berapa puluh tahun ke belakang. Ini betul! [*Disorak*][*Tepuk*] Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Bagan.

5.13 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sesebuah pilihan raya adalah untuk memberi peluang kepada pengundi-pengundi tempatan untuk memilih wakil rakyat mereka dan penentuan wakil rakyat ini bukan ditentukan oleh orang-orang yang datang dari luar kawasan.

Saya menyokong penuh hujah-hujah yang diberi oleh Yang Berhormat Ahli bagi Tanjong di mana terdapatnya pemilih-pemilih yang datang dari luar kawasan. Dan dalam undang-undang pilihan raya kita sekarang ini memang ada ruang yang besar untuk pemimpin-pemimpin politik me *manipulate* dengan izin, pengundi-pengundi. Saya ambil contoh, misalannya di Pulau Pinang kerana ada dua komponen parti Barisan Nasional iaitu MCA dan Gerakan maka ahli-ahli Gerakan akan dipindahkan ke kawasan yang pemimpin-pemimpin Gerakan bertanding dan ahli MCA akan berpindah kepada kawasan-kawasan yang pemimpin MCA bertanding dan ini telah menyebabkan beberapa kawasan pilihan raya di mana keputusannya telah diputuskan oleh orang-orang seperti yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membawa satu perbezaan antara jumlah pemilih. Bukankah telah dimaktubkan dalam Rang Undang-undang Pilihan Raya di mana jumlah pemilih di sesebuah kawasan tidak boleh melebihi 15% daripada satu-satu lagi kawasan pilihan raya tetapi di Pulau Pinang, kawasan pilihan raya Parlimen, kawasan yang tertinggi sekali jumlah pemilihnya ialah di Bayan Baru di mana jumlah pemilih adalah seramai 84,695 orang. Dan yang kedua iaitu di kawasan saya, Bagan, ada pemilih sejumlah 72,106 orang tetapi di kawasan pilihan raya Parlimen yang paling rendah sekali jumlah pemilihnya adalah di Kepala Batas iaitu kawasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana jumlah pemilihnya hanya 36,215 orang. Bermakna saya mewakili rakyat satu kali ganda dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan yang kedua rendah ialah Tasek Gelugor di mana ada 38,697 orang iaitu Yang Berhormat bagi Tasek Gelugor merangkap Timbalan Menteri Pertanian. Jadi ini adalah jauh bezanya di mana satu-satu kawasan dengan satu-satu kawasan yang dipertandingkan.

Tuan Yang di-Pertua, di DUN iaitu kawasan pilihan DUN yang paling tinggi sekali jumlah pemilihnya ialah Paya Terubuk 32,240 kalau ini boleh dipakai sebagai satu kawasan pilihan raya Parlimen untuk Kepala Batas di mana jumlahnya lebih kurang adalah sama. Jadi yang kedua tingginya, ialah Batu Uban iaitu 28,567 orang, yang ketiga tinggi iaitu di kawasan saya Sungai Puyu 26,308 dan yang terendah sekali di DUN ialah Penaga, 12,230 orang sahaja dan yang paling rendah sekali ialah 11,381 orang. Jadi ini bermakna antara sesuatu kawasan dengan sesuatu kawasan, jumlah pemilihnya satu kali ganda, di mana konsep atau di mana keadilannya satu orang satu undi, negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah SPR semasa menyemak Rang Undang-undang Pilihan Raya atau persempadanan semula boleh ambil menimbang berkenaan jauh perbezaannya jumlah pemilih yang terdapat pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu supaya hari membuang undi dijadikan satu hari cuti kerana pada masa sekarang kerana ramai hendak pergi bekerja atau bekerja di luar kawasan mereka maka mereka tidak sempat datang balik untuk mengundi. Dan mengundi adalah satu kewajipan rakyat negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, nombor siri kertas undi terdapat pada sistem sekarang ialah apabila kami pergi ke pusat undi, pegawai pusat undi itu akan memberi kepada kami satu kertas undi di mana ada *serial number*, ada nombor sirinya dan di *counterfoil* iaitu yang tinggal pun ada satu siri, nombor siri jadi kebanyakan orang-orang atau pengundi-pengundi khasnya kepada pegawai-pegawai kerajaan mereka mengkhuatiri bahawa ini tidak akan menjadi satu rahsia apabila mengundi kerana sesiapa sahaja jikalau dapat *counter check* dengan kertas undi dengan *counterfoil* maka ia akan menunjukkan siapa yang dia undi, walaupun peti undi itu boleh dikatakan telah di *seal* dan akan dibakar selepas enam bulan tetapi semasa enam bulan itu apabila hendak dibakar, tong atau peti undi itu juga dibuka dan ini tidak menjamin kerahsiaan undi Tuan Yang di-Pertua.

Pengundi pos. Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak faham mengapa keluarga ahli-ahli anggota bersenjata atau polis, askar kah, ahli keluarga mereka pun kena undi melalui pos. Sepatutnya keluarga mereka tidak payah undi melalui pos. Undi pos ini diwujudkan kerana kononnya mereka kena bertugas di satu-satu kawasan yang luar dari kawasan mereka memilih dan kalau kita tinjau keputusan-keputusan pengundi pos ini memang satu *trend* yang menyebelahi sebelah pihak sahaja dan tidak hairanlah apabila seseorang ahli anggota bersenjata atau apabila dia tamat sahaja atau bersara sahaja dari pasukan dia akan melaung-laungkan..."Ha, mulai hari saya boleh undi siapa sahaja saya suka" Dia boleh berkata begitu kepada sesiapa. Tetapi semasa dia di dalam perkhidmatan pasukan, itu dia tidak berani pangkah pembangkang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Okaylah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bagan. Kalau kertas undi tidak pakai nombor, macam mana kita hendak tahu bilangannya? Itu akan menjadikan satu lagi keraguan, maknanya nanti pegawai-pegawai SPR seolah-olah tidak ada batas bagi tiap-tiap buku itu. Maka itu memudahkan supaya bilangan tiap-tiap pengundi itu dapat diketahui. Singapura pun bernombor dan dalam sejarah negara kita tidak pernah berlaku dibongkar nombor itu dan ini untuk mengetahui si polan, si polan mengundi siapa, tidak pernah berlaku, itu satu. Jadi kalau tidak bernombor nanti susah, masalah bilangan. Nanti kalau lebih kertas pula daripada jumlah pengundi, itu menjadi masalah pula, hendak buat pilihan raya lagi, belanjanya begitu besar. Maka nombor ini bagi menyenangkan pegawai, itu satu.

Yang kedua, undi pos tidak menjamin bahawa semua orang yang mengundi pos akan mengundi kerajaan. Di Teluk Kemang sebagai contoh, undi pos kita boleh dikatakan Barisan Nasional kalah. Ini soal pemilihan sama ada undi pos atau undi biasa, soal dia hendak memilih siapa terpulang, cuma cara. Jadi soal undi pos ini sebenarnya memudahkan pihak-pihak yang tertentu selain daripada orang awam ini untuk menjalankan kewajipan mereka. Bagi memberikan undi kepada siapa yang mereka suka, tidak timbul. Jadi itu sebagai tuduhan Yang Berhormat yang tidak berasas saya rasa. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Jadi amalan - undi itu adalah rahsia, tidak wujud. Kita tahu bahawa undi pos ini akan menyebelahi sebelah sana atau sebelah sini, jadi ini sudah tidak jadi rahsia. Pada masa sekarang, pengiraan undi di dalam kawasan pihak yang membuang undi itu, itu pun tidak menjamin kerahsiaan pengundi sebab apabila kita semak keputusan pilihan raya itu, kita boleh tahu kawasan ini yang paling ramai, siapa yang duduk sini, dia menyebelahi siapa? Kawasan sebelah sini keputusannya dimenangi oleh mana-mana parti, dia menunjukkan orang ini menyebelahi mana-mana parti. Jadi pengiraan undi seperti yang diamalkan dahulu itu, itu memang satu cara yang boleh menjamin kerahsiaan undi sebab kita tidak tahu,

siapa yang undi siapa sebab saya pernah menyertai pengiraan undi pada masa yang lampau di mana semua peti undi dibuka dan dibuang dalam satu raga yang besar dan raga itu macam kita boleh goreng kacang. Semua goreng, goreng, goreng kemudian baru dipisah-pisahkan. Ini parti 'A', ini parti 'B', itu semua tidak tahu siapa yang undi siapa. Itu satu amalan di mana mengundi adalah rahsia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai nombor siri kertas undi ini, walaupun saya pernah cakap tidak ada orang boleh pergi cari di mana *cutter foil* dengan *original paper* undi dia, boleh bandingkan tetapi *psychologically* mereka sudah takut. Walaupun kita selalu memberi jaminan kepada pemilih-pemilih supaya jangan takut untuk undi sesiapa, tidak ada orang tahu. Tetapi dalam hati mereka, mereka tahu dan mereka takut kerana jika kerahsiaan ini terbongkar....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, *last*, saya pun sudah dekat mahu habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bagan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bagan ini tentang prinsip bahawa undi itu sulit dan kerahsiaan. Jadi kalau proses pengiraan undi itu dibuat di setiap tempat kawasan pembuangan undi mengikut saluran-saluran ini, dia tidak kira undi mengikut saluran-saluran, dia kira mengundi di kod pusat daerah mengundi. Bila sudah habis mengundi, petang itu pukul 5.30 tutup selepas *verification* dengan izin, tentang jumlah kertas-kertas undi yang sudah keluar kemudian proses pengiraan undi itu dibuat di kawasan itu kemudian baru dibawa ke tempat pengumpulan. Jadi apa yang tidak kerahsiaannya kalau proses itu dikira di tempat buang undi itu kerana kalau contoh di satu pusat di daerah mengundi itu ada 6,000 pengundi. Jadi kalau undi itu dibuka dan dikira di situ, ia cuma boleh mempercepat proses pengiraan undi dan jikalau ada kesilapan dari segi *tally number* di tempat pengumpulan itu, dia boleh pergi balik kepada *source* nya.

Jadi saya kira bahawa Yang Berhormat, prinsip kerahsiaan itu masih lagi terjamin dan terwujud dalam proses itu cuma dari segi proses untuk pengiraan undi, dari segi menyenangkan penyeliaan dan kawalan terhadap proses pengiraan undi itu boleh lagi diperketat. Jadi kalau ada masalah yang berbangkit boleh pergi kepada *source* nya. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Memang saya tidak kata, langsung tiada kerahsiaan atau saya kata, "Oh Lim Hock Seng ini mengundi parti DAP", Memang tidak begitu tetapi saya telah katakan kawasan ini, boleh dicam sebagai penyokong pembangkang. Kawasan ini telah boleh dicam sebagai penyokong Barisan Nasional dan juga peringkat umur pun boleh tahu. Misalnya saluran satu iaitu I/C *number* semua orang tua. Saluran dua mungkin orang muda. Jadi bila saluran satu dibuka di mana satu pihak menang iaitu bermakna orang tua ini menyebelahi mana-man pihak. Itu sudah lebih kurang, ada kebocoran rahsia, bukan 100% kerahsiaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Lim Hock Seng: Cukuplah, saya beri kepada dia sebab masa saya dekat nak habis. Saya sudah jawab soalan kamu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Saya ingin menarik perhatian mengenai undi pos juga. Dari segi sulit dan kerahsiaan undi itu sendiri, sedar atau tidak Yang Berhormat ada di kalangan undi pos ini ada brokernya pula. Kalau satu-satu pejabat itu ada ramai yang terlibat dengan undi pos, ada seorang pakar runding yang akan pergi berunding dengan parti-parti politik yang bertanding sama ada kalau kita kata, parti pembangkang atau pihak-pihak kerajaan, berapa yang hendak dibayar untuk satu undi? Kalau sesiapa yang bayar lebih, jadi dia pangkah yang itu. Jadi mana lagi rahsia dan mana lagi sulit undi itu. Jadi saya minta penjelasan dan pandangan.

Tuan Lim Hock Seng: Memang saya pernah dengar bahawa ada perkara berlaku seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Lagi satu yang tidak boleh menjamin kebebasan dan kerahsiaan untuk mengundi di dalam undi pos ini ialah mereka perlu memangkah kertas undi itu di depan pegawai dan apabila mereka di peringkat bawahan ini mereka takut kepada bos atau pegawai mereka, maka mereka tengok warna muka dia [*Ketawa*] Kalau dia menyebelahi sesiapa, dia akan mempengaruhi orang yang membuang undi. Jadi kalau sekiranya, saya kata masih ada ruang untuk memperbaiki kerahsiaan dan kebebasan cara mengundi atau sistem mengundi di negara kita ini. Jadi kita.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa Yang Berhormat sudah hendak cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya faham. Jadi kita berharap segala-galanya ini boleh diambil kira untuk menjadikan Undang-undang Pilihan Raya kita ini satu undang-undang yang cukup boleh diterima oleh semua lapisan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Bagan Datok.

5.30 ptg.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga terpanggil untuk turut memperbahaskan Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2002 ini, memandangkan beberapa aspek harus diketengahkan bagi tujuan untuk memperkemas undang-undang yang sedia ada. Bagi saya, tidak ada satu sistem politik pun yang sempurna, tidak ada satu pun undang-undang yang sempurna kecuali undang-undang yang ditentukan oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran termasuklah Rang Undang-undang Pilihan Raya. Jadi, kerajaan rasa bertanggungjawab dan telus untuk memperketatkan Rang Undang-undang Pilihan Raya yang sedia ada dan bagi saya, apa yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini, adalah untuk menjawab terhadap beberapa kekhawatiran yang timbul selama ini. Bagi saya, kekhawatiran yang dibangkitkan oleh rakan-rakan sama ada dalam pihak kerajaan ataupun pembangkang adalah merupakan sesuatu yang lumrah, yang memang timbul juga di kalangan kawan-kawan dalam Barisan Nasional.

Lihat sahaja bila Suruhanjaya Pilihan Raya ditempelak dengan pelbagai pertuduhan, pihak pembangkang merasakan bahawa SPR tidak memihak pada mereka. Pada waktu yang sama, kami di pihak kerajaan juga merasakan bahawa wakil-wakil calon dan pegawai-pegawai yang menjaga di kawasan tempat-tempat pengundian, kalau mengikut pandangan kami, mereka juga tidak memihak kepada kami. Ertinya, kalau pihak pembangkang merasakan pegawai-pegawai itu tidak memihak kepada mereka dan pada waktu yang sama pihak kerajaan juga merasakan yang pegawai-pegawai itu tidak memihak kepada kami, ertinya itulah, taraf bebasnya pegawai-pegawai SPR dalam menjalankan tugas-tugas.

Atas rasa kewibawaan dan kebebasan itu, maka di Dewan yang mulia ini, kita harus menyumbang bagi menggarap apakah bentuk *modus operandi* yang harus dijalankan oleh SPR? Bagi saya, pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang merasakan bahawa SPR sebagai sebuah badan bebas, tentulah tidak sempurna di dalam melaksanakan sebarang pertanggungjawaban kalau mahu memuaskan hati semua pihak. Biasanya di dalam mana-mana pilihan raya, pihak yang kalah harus mengiktiraf pihak yang menang. Begitu juga pihak yang menang harus menerima hakikat bahawa yang menang harus melaksanakan keadilan kepada semua. Apa yang berlaku di negara kita, sistem keadilan melalui Suruhanjaya Pilihan Raya ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya termasuklah kalau pihak pembangkang merasakan bahawa senarai yang dikeluarkan di dalam tempat pembuangan undi dengan senarai.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Duduk dulu Kemaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk dulu.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Dengan senarai yang dibekalkan kepada parti yang bertanding, memperlihatkan ketidaksamarataan. Terdapat kes-kes yang dilaporkan.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri di belakang, Larut Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya hendak habiskan ayat saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Banyak kes yang dilaporkan bahawa senarai yang diperolehi oleh parti politik Barisan Nasional sendiri, apabila pengundi-pengundi ini datang ke tempat 'pondok panas' dan kita berikan nombor giliran untuk mengundi kepada pengundi-pengundi berkenaan. Jadi, senarai itu, apabila mahu dipadankan dengan giliran yang ada, memang terdapat ketidaksepadanan antara senarai yang dibekalkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya kepada kami dengan senarai yang dibekalkan di dalam tempat mengundi. Jadi, sesetengah kawasan pilihan raya, menyebabkan beribu-ribu pengundi tidak dapat mengundi. Oleh sebab itu, kalau pembangkang merasakan hanya mereka sahaja yang tidak dapat senarai yang bertepatan, kami juga menghadapi masalah yang sama. Dalam erti kata yang lain, undang-undang yang ada, yang kita sedang perbahaskan untuk dipinda ini, tentulah akan mengambil kira faktor-faktor yang tidak memuaskan hati sama ada pihak kerajaan atau pihak pembangkang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagi saya habiskan ayat dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Dengan yang demikian, saya fikir.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dahululah Yang Berhormat, dia kira tidak bagi itu.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Kita harus mempunyai kelapangan dada, fikiran terbuka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, duduk dahulu.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:.....untuk menentukan bahawa undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, adalah untuk memperkemas undang-undang yang sedia ada. Saya bagi pada Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut sila. Sila Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Lampu tidak menyala lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, nyala.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Kita memang faham, tadi Dungun - Dungun tidak ada, dia.....

Seorang Ahli: Ada, ada.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Haa, dia duduk tempat lain. Ikut Peraturan Mesyuarat, tidak boleh itu. Ini, memang tidak boleh. Itulah, kadang-kadang kata pada orang sedap, tetapi kita tidak boleh menoleh diri kita. Kebetulan, saya tidak hina sesiapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Bagan Datok.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini, ada urusan ini, sila teruskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:.....menggambarkan bahawa Dungun terutamanya tadi menghina SPR seolah-olah SPR ini bukan sebuah badan yang bebas, tidak ada kewibawaan, seolah-olah mereka tidak boleh bekerja. Ini kalau ada pegawai SPR, tolong melihat dengan mata mereka sendiri, dengar dengan telinga mereka sendiri, sikap pembangkang ini, terutama Dungun. Saya *respect* Dungun ini seolah-olah layak menjadi Menteri Besar Terengganu, bukan Marang. Bukan yang di sebelah itu. Jadi, di sinilah, kita lihat sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bagan Datok tentang pembangkang ini yang sering kali melihat dari segi sudut negatif sahaja, tidak melihat dari segi sudut positif apa yang dilakukan untuk kebaikan semua pihak. Minta sedikit penjelasan terutama tentang menghina SPR itu. Sila jelaskan sedikit, Bagan Datok.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Larut itu ada kebenarannya sebab bagi saya, kalau kita jadi pembangkang, kemudian kita jadi kerajaan, pandangan yang sama harus ada, pegangan dan pendirian yang sama harus ada. Jangan apabila kita jadi pembangkang, semua orang salah. Apabila kita jadi kerajaan, pendapat dahulu diketepikan. Jadi, saya fikir, apa Yang Berhormat sedang diperkemaskan melalui rang undang-undang ini, kerajaan cuba menyarankan agar SPR ini benar-benar sebagai sebuah badan bebas dan saya yakin kalau pembangkang tidak puas hati, sebenarnya kami pun tidak berpuas hati. Ertinya, itulah kebebasan sebenar yang terjalin.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada tiga orang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Kemaman tadi, minta Kemaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman ya, sila Kemaman. Kemaman sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa kita terpaksa menerima hakikat majoriti menerima kemenangan dan minoriti terpaksa *give way* kepada yang menang dalam sesuatu pilihan raya. Tahukah Yang Berhormat bahawa di zaman era Nazi dahulu, pilihan raya dikuasai oleh samseng-samseng yang diberi nama '*The Brownsher*', yang mana mereka mengugut, menghalang dan melakukan keganasan terhadap ahli-ahli wakil rakyat daripada pembangkang untuk mengadakan ceramah dan untuk memberi penerangan kepada masyarakat. Jadi, apa yang berlaku dalam negara sekarang, lebih kurang macam itu juga. Jadi, apakah Yang Berhormat terima apa yang berlaku di Nazi ini sebagai satu keadilan dan kesaksamaan? Sekian, terima kasih. [Dewan gamat seketika]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat, pendapat saudara itu ada benarnya dalam konteks zaman Nazi. Cuba kita lihat dalam banyak pilihan raya kecil,

yang berlaku baru-baru ini, pihak pembangkang menuduh bahawa pihak kerajaan mengupah samseng atau mewujudkan samseng. Pada waktu yang sama, samseng-samseng pun wujud di kalangan pembangkang, lihat sahajalah. Kita kena cermin diri kita sendiri.

Beberapa Ahli: Ya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ada kelemahan-kelemahan yang di luar lunas-lunas demokrasi. Oleh yang demikian, saya fikir cara dan kaedah yang terbaik ialah kita jangan hanya menepuk dulang sebab ia kena ke muka kita sendiri. Kalau kita merasakan bahawa orang boleh melakukan demikian, dan pada waktu yang sama, kita melakukan perkara yang sama, saya fikir ini merupakan sesuatu yang harus kita kaji sendiri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagi saya habiskan ayat dahulu. Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya pun tidak tentu ayat Yang Berhormat setakat mana habis?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya bagi peluanglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cakaplah, hendak bagikah atau tidak bagi?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya akan bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, dia tidak bagi. Saya mana tahu Yang Berhormat hendak habis ayat, entah sampai setengah jam. *[Ketawa]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebab, saya ini, kawan ini Ketua Pemuda PAS ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kalau tidak bagi cakap tidak bagi, senang saya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Jadi, dia bukan hendak tanya soalan Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak ganggu sahaja ini, sebab macam mana dia ganggu dalam ceramahlah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Dalam keadaan ini.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Umpamanya, kalau Pemuda UMNO dituduh ada samseng, Pemuda UMNO pun kata bahawa Unit Amal PAS pun samseng juga, bukan saya kata, Larut kata lagi teruk. Jadi, dalam keadaan ini, saya fikir, eloklah dengan adanya pembentangan rang undang-undang ini, saya fikir, kita cari cara yang terbaik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya belum bagi jalan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Belum, kalau tidak bagi cakap, tak bagilah, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Belum, saya akan bagilah, saya akan bagi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Susahlah saya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:.....supaya kita terjemahkan mana demokrasi ini sebenarnya. Dalam hal ini, saya bersependapat dengan Larut, di mana kalau kita baru melihat demokrasi diterjemahkan dengan satu makna yang sebenarnya, kita harus telus pada diri kita sendiri sebelum kita mengharapkan seseorang itu telus kepada kita. Dalam keadaan ini, saya fikir, apa yang berlaku dalam pilihan raya yang lalu menggambarkan bahawa SPR memang benar-benar sebagai sebuah badan bebas. Kalau SPR tidak bebas, kenapa banyak tempat yang sepatutnya Barisan Nasional menang, tetapi Barisan Nasional mengalami kekalahan? Tempat-tempat yang majoriti Barisan Nasional harus perolehi, Barisan Nasional memperolehi majoriti yang terlalu rendah. Dalam keadaan yang demikian, tidak adil kalau kita terus menuduh bahawa SPR itu bukan sebagai sebuah badan yang bebas. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, rakan saya daripada Bagan Datok. Tadi kalau tidak silap pendengaran saya, Yang Berhormat ada mengatakan bahawa bukan sahaja parti pembangkang menghadapi beberapa masalah rasa tidak puas hati kepada SPR termasuk juga daripada BN berkaitan dengan senarai pemilih yang tidak sama yang ada pada parti dengan yang ada pada SPR. Ini bermakna bagi saya bahawa kenyataan Yang Berhormat itu menunjukkan bahawa Yang Berhormat memperakui bahawa memang wujud senarai pemilih yang tidak betul, yang dipertikaikan oleh kami semua. Ini bermakna bahawa Yang Berhormat telah bersetuju bahawa pindaan ini sendiri, dengan tidak boleh dicabar di mahkamah terhadap senarai pemilih yang dikatakan sudah digazet, dengan sendirinya, bukan sahaja menafikan hak tetapi mengizinkan untuk mewujudkan senarai pemilih yang tidak betul, yang tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Jadi, apa masalahnya kalau kami membantah dan kita minta sama-sama daripada BN supaya mendesak kerajaan menarik balik pindaan yang telah dicadangkan kepada kita. Itu sahaja.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya harap saudara Yang Berhormat jangan memutarbelitkan kenyataan saya. Apa yang saya maksudkan ini ialah senarai pemilih yang tidak betul itu mungkin kelemahan pihak SPR dari segi senarai pengkomputeran, sebab senarai dibekalkan oleh SPR kepada kami. Apabila pengundi datang ke pondok paras kami, kami berikan mengikut nombor kad pengenalan, ikut nama orang itu dan ikut senarai itu. Bila mereka hendak mengundi ke dalam, nama mereka tidak ada di dalam. *[Disampuk]* Jadi kalau saudara menuduh begitu, kami pun menghadapi begitu, ertinya SPR ini tidaklah memihak kepada kerajaan sahaja. Itu maksud saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu yang kami minta pun ...*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat. Tidak payahlah cakap Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, duduklah. Ini bukan bas. Ada peraturan Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Soal tarik tak tarik itu satu. Inilah sebabnya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri membentangkan di Dewan yang mulia ini supaya perkara-perkara yang longgar itu kita perkukuh dan kita perketatkan, ya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengiraan undi di tempat pembuangan undi, terdapat beberapa peristiwa, di mana wakil-wakil daripada calon yang ditempatkan di tempat pembuangan undi itu, telah tidak diizinkan untuk berada di tempat pembuangan undi itu pada waktu-waktu yang tertentu. Umpamanya, kalau seseorang itu mahu bertukar giliran dengan sahabatnya yang lain, maka kebetulan yang menjaga peti undi itu adalah pegawai SPR yang diangkat sementara sahaja untuk menjaga tempat itu, yang bersimpati kepada parti pembangkang. Ini terjadi di banyak kawasan, di mana kita tidak dibenarkan untuk meletakkan wakil calon pun, untuk menyaksikan pengiraan undi. Apatah lagi pada masa pembuangan undi.

Jadi, kalau pembangkang merasakan bahawa pegawai-pegawai SPR itu tidak bebas dan hanya memihak kepada kerajaan, itu pun tidak betul, sebab kita banyak menerima aduan-aduan di ibu pejabat parti ataupun di kawasan parlimen masing-masing. Peristiwa ini berlaku, saya minta maaf, bukan saya mahu menuduh,

kebanyakan pegawai-pegawai yang diletakkan di situ adalah terdiri daripada guru-guru, dan perasaan guru-guru ketika itu, membara terhadap kerajaan. Ertinya, perasaan *anti-establishment* mereka terlalu tinggi ketika itu. Jadi, mungkin mereka mahu menterjemahkan rasa ketidakpuasan hati dengan tidak membenarkan wakil-wakil daripada Barisan Nasional untuk berada di tempat membuang undi, apatah lagi hendak mengira undi.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Ya, Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Sila Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya bagi Bagan Datok. Mengenai pindaan ini yang kita pertikaikan, bukan kita pertikaikan, tetapi sedarkah atau tidak Yang Berhormat bahawa pindaan ini dibuat pun berasaskan SPR mendapat pandangan daripada pihak polis, pihak NGO dan juga pihak kerajaan. SPR tidak mendapat pandangan daripada pihak pembangkang. Jadi, apa salahnya kalau kita mempersoalkan dalam Parlimen ini perkara-perkara yang kita tidak bersetuju. Tetapi bila dipersoalkan, Yang Berhormat mengatakan bahawa pembangkang membuat fitnah, mengata hodoh dan mengata yang bukan-bukan kepada SPR. Cuma ini suatu pandangan, kerana pandangan yang diambil oleh SPR sebelum ini adalah melibatkan badan-badan lain. Jadi, kita hendak kongsi bersama supaya pilihan raya ini memang dilihat adil dan saksama. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat bagi Tanah Merah, kita ini manusia biasa memang kita ada kelemahan. Begitu juga SPR, mereka mempunyai kelemahan dan tidak benar kalau pihak kerajaan tidak mendapat maklum balas ini daripada pembangkang. Forum ini adalah forum yang terbaik bagi kerajaan untuk mendapatkan maklum balas, dan saya fikir SPR, melalui pegawai-pegawai yang berada di akar umbi juga, mendapat maklum balas yang diberikan oleh parti pembangkang.

Dalam pilihan raya yang lalu pun ada sebuah badan, yang kononnya memantau proses pilihan raya, yang tidak dapat authorisasi pun daripada pembangkang, tidak juga dapat daripada kerajaan, berada di mana-mana tempat mengundi, kononnya untuk memantau. Jadi, saya fikir pihak kerajaan, sebagai sebuah badan yang mahu melihat SPR sebagai sebuah suruhanjaya bebas, merasakan bahawa apa yang dilakukan itu telah mengambil kira pendapat dan pandangan daripada kedua-dua belah pihak.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila Yang Berhormat bagi Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya akui bahawa nampaknya Yang Berhormat bagi Bagan Datok memberikan pandangan yang cuba menunjukkan bahawa ketidakpuasan terhadap SPR itu agak menyeluruh. Jadi, pohon penjelasan. Pertamanya, adakah ini bermakna seharusnya sebelum dibentangkan rang undang-undang ini, seharusnya SPR mengadakan suatu perbincangan yang meluas dengan semua parti politik sebelum ianya dibawa ke peringkat perbincangan sebagai rang undang-undang, seperti yang dilakukan hari ini dan yang cuba ditamatkan pada hari ini.

Keduanya, Yang Berhormat bagi Bagan Datok tadi ada menyebutkan bahawa jika benar-benar kalau SPR tidak adil dalam tugas-tugasnya, maka kenapa ada kawasan-kawasan pilihan raya dalam pilihan raya yang lalu, yang sepatutnya BN menang ataupun yang BN harapkan untuk menang tetapi pembangkang menang. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok, sedarkah atau tidak bahawa SPR, RTM dan saluran-saluran seperti itu, telah diarahkan oleh pihak kerajaan ketika itu untuk tidak mengumumkan keputusan-keputusan pada malam itu sesudah keputusan-keputusan awal Parlimen khususnya, menunjukkan trend kemenangan kepada pihak parti-parti pembangkang sedang menaik. Apabila hanya BN mula menang dan nampak hampir agak menyamai pembangkang, barulah RTM dibenarkan untuk memberi penyiaran terhadap maklumat dan keputusan itu. Ini bermakna kuasa

dan tugas SPR untuk mengumumkan keputusan telah dihadkan dan ini mencabar hak SPR. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, masa Yang Berhormat itu sudah habis.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Walaupun masa sudah habis tetapi tidak puas hati kalau tidak menjawab soalan Yang Berhormat bagi Tumpat. Tentang soalan pembangkang, bagi saya, saya tidak boleh menjawab soalan itu sebab saya belum duduk tempat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang patut menjawab soalan itu. Tentang SPR dengan RTM ini, saya fikir kita tidak boleh menuduh RTM atau SPR hanya mengumumkan tempat-tempat yang ada trend dari segi kemenangan sahaja dan bagi saya, sesuatu keputusan yang telah diumumkan melalui saluran pengundian tertentu, tentu diambil kira kawasan mana yang mendapat keputusan cepat itu yang diumumkan cepat, bukan ada usaha-usaha yang dibuat oleh SPR, apa lagi RTM untuk menyekat mana-mana keputusan itu dibuat kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) ini, ingin saya menyebutkan bahawa siri nombor pada kertas undi itu perlu, bukan mahu mengongkong kerahsiaan dan mahu menyekat kebebasan pengundian dan menimbulkan kesan psikologi, tetapi bagi saya itu adalah bagi mengelakkan tuduhan daripada pihak pembangkang, kononnya kertas itu tidak ada unsur-unsur kerahsiaan maka ianya merupakan kertas yang sengaja dibuat oleh SPR untuk memenangkan sesuatu pihak sahaja.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tentang deposit yang tinggi yang disebutkan oleh beberapa sahabat daripada pembangkang tadi, bagi saya pihak kerajaan, SPR harus hanya mendaftarkan calon-calon yang serius sahaja, bukan kerana duit sedikit atau banyak, benda itu bukan sebagai kriteria serius atau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf, sebab kita belajar daripada pengalaman pilihan raya yang lalu, pilihan raya kecil yang lalu, calon-calon yang mahu ..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sedikit lagi. Yang *foul* untuk menjadi calon bebas ini, kadang-kadang menyusahkan SPR dan saya harap kali ini, dengan pindaan ini dilakukan, tidak ada calon-calon yang menjadi calon bebas dan menyusahkan SPR sendiri. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang memandangkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Betulkah ini Yang Berhormat [Ketawa] cakap sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak seperti Yang Berhormat bagi Bagan Datok [Ketawa] dia melampaui masa. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: [Ketawa] Tidak ada Yang Berhormat, saya sudah anggarkan, percayalah dengan saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha! ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak duduklah dekat sini gantikan saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana saya ada mendengar hujah-hujah daripada pihak Barisan Nasional yang kurang rasional terhadap rang undang-undang ini kerana ini menunjukkan sifat-sifat *tyranny of the majority*, kekejaman majoriti Barisan

Nasional yang tidak mengenal keadilan, yang tidak mengenal kesaksamaan yang diperlukan untuk mengadakan demokrasi berparlimen di negara ini. Ini bermakna orang-orang seperti Yang Berhormat bagi Bagan Datok dan juga Yang Berhormat bagi Rompin tidak mengenal dan tidak mengetahui erti demokrasi berparlimen. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mengapa dua orang sahaja Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada ramai lagilah, kita tidak ada masa hendak memberi mereka sebab itulah saya tidak dapat menyebutkan semua..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin dia memang membangun kerana dia menunjukkan itulah masalah beliau tidak memahami keadaan yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya kerana dia tidak tahu ada jawatankuasa untuk mengkaji masalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: ... masalah yang timbul di dalam sepuluh undang-undang dan peraturan di dalam negara ini mengenai pilihan raya kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat bagi Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: .. hendak cakap perkara ini sepuluh undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan Yang Berhormat? Ha! Ya, sila Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Kepong yang baik hati, seorang demokrat saya bersetuju tetapi saya hendak bercakap tentang Akta Pilihan Raya yang saya yakin dengan pandangan Yang Berhormat, satu proses pemilihan yang demokratik dan kalau kita seorang ahli demokrat kita percaya dengan sistem dan proses demokrasi dan kita betul menghayati prinsip dan prosesnya, mengapa kita tunjukkan kepada rakyat Malaysia bahawa dalam parti kita sendiri mempraktikkan proses demokrasi. Sebab Yang Berhormat orang yang senior dalam parti Yang Berhormat, kalau betul-betul majoriti itu demokrasi, majoriti ahli dalam DAP mempraktikkan demokrasi Yang Berhormat menjadi Setiausaha Agung..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: .. mengapa tidak dipraktikkan, adakah Yang Berhormat tidak sedar bahawa fungsi DAP mahu menunggu anaknya mengambil alih Setiausaha Agung, yang ada pun ini masih hanya memamakan kerusi sahaja. Ini saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Masalah bukan sahaja tidak faham tetapi menyeleweng pula *[Ketawa]* songsang dan songsong.....*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Perkara lain Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Perkara lain itulah masalah mereka. Masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin itu tidak timbul langsung, yang timbulnya ialah tohmahan orang ramai kepada SPR kerana proses demokrasi di Malaysia akan menjadi luntur jika terlalu banyak sekatan yang dibuat seperti menaikkan deposit pilihan raya yang terlalu tinggi kepada RM20,000. Ini pun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia mengatakan akan menjadi tohmahan dan juga SPR mula-mula tidak bersetuju dengan cadangan untuk menghapuskan perbelanjaan pilihan raya kerana ia hanya akan menimbulkan tohmahan orang ramai bahawa SPR memberi ruang untuk penglibatan kepada orang kaya sahaja.

Tetapi kita nampak di Ketari, di mana-mana di pondok-pondok mana yang digunakan oleh pihak Barisan Nasional terutamanya UMNO untuk menghasut, untuk menganiayai orang-orang yang lain. Saya di situ ada empat lima orang kita di dalam pondok panas tetapi Barisan Nasional terutama UMNO 3,000, 4,000 orang kita hendak menarik nafas pun susah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ini masalah, Yang Berhormat bagi Rompin satu kali cukup kerana tidak ada masa, saya ada banyak cadangan untuk memperbaiki keadaan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri Yang Berhormat bagi Rompin Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada sebab

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peraturan mesyuarat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, peraturan berapa Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dahulu Yang Berhormat. Tidak apalah Yang Berhormat ,saya..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta beri *ruling* daripada Yang Berhormat Speaker

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya hendak buatlah ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:.. tentang tuduhan dia. Yang sebenarnya bukannya terlalu ramai penyokong BN, yang sebenarnya pembangkang tidak menyokong DAP. Keadilan tidak datang, PAS tidak datang. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar Yang Berhormat, itu tidak berapa khusus.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, SPR mestilah mempunyai kuasa yang boleh menguatkuasakan undang-undang, untuk menyekat orang-orang seperti Yang Berhormat bagi Rompin daripada berlaku dengan tabiat yang tidak baik. Itu masalah yang dihadapi oleh negara hari ini ialah orang-orang seperti Yang Berhormat bagi Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat jangan selalu menyebut begitu, nanti dia berdiri mengacau Yang Berhormat, haaa! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak mencadangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya hanya memberikan pandangan Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua betul juga, saya tidak akan menyinggung beliau, cuma itu kebetulan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]* Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya SPR diberikan kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada sekarang seperti perbelanjaan pilihan raya di Ketari dianggarkan bahawa BN membelanjakan lebih RM20 juta yang diadkannya perbelanjaan cuma RM30 ribu

sahaja. Ini bermakna SPR tidak mempunyai kesan untuk menguatkuasakan sepuluh undang-undang mengenai pilihan raya sekarang. Jadi, itulah perkara utama yang kita perlu buat.

Yang keduanya saya mencadangkan kita menyemak *redistribution*, itu tidak timbul.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat 36(6). Ya, mengenai apa Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Belanja yang besar, jumlah yang besar. Yang sebenarnya DAP ini ia tidak ada orang yang hendak membantu mereka..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha! cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Keadilan pun tidak membantu sebab dahulu DAP tidak membantu Keadilan, Keadilan tidak mahu membantunya. PAS begitu juga sebab itu ia kalah, jangan kekalahan DAP kalau Yang Berhormat sendiri mengetuai DAP saya rasa kerjasama amat baik sekali dengan Keadilan dan PAS. Tetapi oleh kerana Lim Kit Siang yang turut memimpin ia tidak mengikut dasar apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat sendiri .

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuduhan itu tidak benar..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: .. yang ini sebelah Yang Berhormat bagi Bagan pun begitu juga, ini yang dua orang Cheras..

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: 36(6)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 36(6) apa ini Yang Berhormat, ini.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:.... bukan digunakan lagi oleh Lim Kit Siang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, akhirnya masa Yang Berhormat habis begini sahaja, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah masalah kerana orang yang menganggap Dewan ini kedai kopi sahajalah, hendak bersembang-sembang begitu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan Yang Berhormat, jangan sama, yang kedua Yang Berhormat kalau tidak tahu tempat jangan main agak-agak sahaja. Nanti ada orang terasa Yang Berhormat. Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji *redistribution* kerana sekarang ia kena mengagihkan penduduk-penduduk di dalam bahagian pilihan raya. Sekarang kita ada *rural weightage* tetapi *rural weightage* sekarang ini bukan 15% daripada dahulunya. Tetapi kemudian ditambah kepada 50% dan sekarang tidak ada peratusan dihadkan dan *redistribution* tidak ada pengagihan penduduk, tidak ada peraturan yang boleh membayangkan keadaan di negara ini.

Saya berharap pihak kerajaan atau SPR boleh mengkaji *redistribution* di negara ini supaya kita boleh adakan *rural weightage* tetapi tidak boleh mengadakan *rural weightage* yang tidak ada had langsung. Ini saya tidak setuju, Tuan Yang di-

Pertua, kerana sekarang ada revolusi teknologi maklumat dan kita perlu adakan reformasi pilihan raya yang mengambil kira revolusi maklumat ini. Revolusi ini merangkumi semua aspek kehidupan di Malaysia dan di dalam rang undang-undang tidak ada disebutkan dengan banyak. *[Sambil menyemak bil]* Ha! Tidak ada untuk revolusi ataupun reformasi pilihan raya berdasarkan kepada revolusi maklumat kita.

Ini memang satu kelemahan dalam rang undang-undang ini tetapi ada baik juga hendak daftarkan pemilih secara sepanjang tahun. Ini memang satu cadangan yang baik. Kita mesti sokong tetapi tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya kita kaji, sama ada pendaftaran secara automatik boleh dilaksanakan di negara ini sebab SPR ada keraguan mengenai pelaksanaan pendaftaran secara automatik. Ada banyak alasan termasuklah mobiliti penghijrahan penduduk-penduduk dan sebagainya tidak dapat disemak. Saya setuju pendaftaran ini semua mesti disemak dari masa ke semasa untuk memastikan kesahihan dan sebagainya. Tetapi kita perlu mengkaji sama ada cara pendaftaran ini boleh diperbaiki lagi secara automatik.

Saya pun hendak mencadangkan, kita mengkaji sama ada pengundian wajib boleh dilaksanakan di Malaysia ini. Ketika ini pihak SPR berpendapat bahawa kerana mobiliti penghijrahan para penduduk Malaysia itu begitu hebat sekali, kita tidak dapat mengadakan pengundian wajib kerana ini bermakna pendaftaran wajib. Tetapi bagi saya, dengan penghijrahan itu akan ada had juga.

Pada tahun 2010 ataupun 2015, hampir 80 peratus penduduk Malaysia akan berada di bandar. Waktu itu mungkin mobiliti tidak begitu banyak lagi dan mungkin kita boleh melaksanakan pendaftaran wajib dan pengundian wajib kerana di negara-negara seperti Australia, pengundian wajib ini sudah pun dilaksanakan sejak tahun 1973.

Saya setuju dengan mobiliti kita, kita memang menghadapi kesusahan, tetapi tidak bermakna kita tidak boleh mengkaji dari sekarang supaya kita dapat melaksanakan pengundian wajib ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai umur mengundi, kita mestilah mengkaji kerana bilangan belia bertambah di negara ini. Kalau mereka boleh berkhidmat dengan tentera pada umur 18, kita mesti kaji sama ada mereka boleh diberi hak untuk mengundi pada umur 18 lagi. Perkara ini dibangkitkan berkali-kali tetapi setakat ini pihak kerajaan tidak mengambil pusing mengenai hal ini. Saya juga harap senarai-senarai pendaftaran pemilih dapat dibersihkan untuk menghapuskan segala para pengundi hantu yang ada di dalam senarai kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada baik juga dalam rang undang-undang ini iaitu mengenai proses mendaftar, menyemak danewartakan para pemilih dibuat dalam tempoh 3 bulan dan bukan seperti sekarang iaitu 9 bulan hingga 12 bulan tidak dapat diselesaikan. Masa menyemak boleh dipendek atau disingkatkan kepada 3 bulan. Itu memang satu perbuatan yang baik. Kita memang boleh setuju secara prinsipnya.

Lantaran itu, saya tidak setuju juga dengan deposit yang begitu tinggi. Sekali lagi saya mengulangi bahawa ini akan menimbulkan tohmahan orang ramai seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji hal ini supaya rakyat Malaysia seperti rakyat di negara lain-lain. Kalau United Kingdom *[Disampuk]* Ya, ya. RM2,700 dan Malaysia ini kalau adakan RM20,000 ini bermakna 10 kali ganda berbanding dengan kadar deposit di United Kingdom.

Memang ini menunjukkan perkara yang tidak munasabah, sebab di Malaysia ini kalau kita kira, kalau kita berikhtiar kita hanya akan mencapai setaraf dengan negara maju, mungkin pada 2020. Tetapi, sebelum 2020 kita melaksanakan satu kadar deposit untuk pilihan rayanya begitu tinggi, 10 kali ganda. Apakah rasionalnya? Dan alasan-alasan pincang yang diberi oleh pihak Barisan Nasional, Ahli-ahli Barisan Nasional di sebelah situ adalah tidak masuk akal langsung. Kita pun tahu bukan sahaja *[Disampuk]*

Memang saya akan habis, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap pihak kerajaan boleh menimbang semula jangan menambahkan deposit dengan begitu banyak.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kriteria yang digunakan untuk persempadanan bahagian pilihan raya semula. *Delineation* semula ini saya nampak kita perlu buat pada bulan Oktober pada tahun ini kerana sudah lapan tahun. Saya

berharap pihak SPR boleh mengkaji kriteria-kriteria yang digunakan untuk persempadanan semula ini supaya kita boleh lihat kawasan-kawasan pilihan raya diadakan dengan lebih adil.

Sekarang saya pun ada berbincang dengan kawan-kawan mengenai persempadanan semula *Gerrymander* dengan tidak adil. *[Disampuk]* Ha! *Gerrymander* daripada Massachusetts. Ia seperti Ahli Barisan Nasional di Massachusetts masa itu. Dia buat sempadan bahagian pilihan raya dengan mengikut kehendak mereka sahaja. Itu masalah. Masalah Massachusetts, waktu itu. Namanya *Gerrymander*. Garilah, dia garinya. Di mana Barisan Nasional mempunyai banyak gari. *[Ketawa]* Rompin itu gari. Rompin!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup! Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: Dia tidak faham, dia tidak faham!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah hendak habis, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah hendak habis, Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti menggunakan kriteria yang baik. Buat kali yang pertama, pihak Barisan Nasional menghadapi masalah kerana pada tahun-tahun 1950-an, 1960-an, 1970-an, 1980-an, 1990-an, berdekad-dekad, dia tidak ada masalah. Kalau diletak sempadan kerana sesuatu kaum yang ada di dalam satu kawasan, itu sudah cukup untuk mereka mendapat sokongan. Sekarang dia susah. Kaum mana akan diletakkan di satu kawasan itu untuk menang dengan mudah. Ha! Itu masalah. Di Rompin pun begitu juga. Susah! Kalau hendak adakan para pengundi Melayu di satu kawasan pun dia takut tidak dapat undi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Undi-undi Tionghoa pun dia takut juga. Tidak semestinya akan dapat undi. Ha, ini! Saya berharap dengan masalah-masalah sedemikian kita tidak timbullah masalah *Gerrymander* lagi. Sekian, terima kasih.

6.10 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, kanda Ketua Pembangkang boleh pulang, anak buah boleh menjalankan tugasnya. Kalau anakanda di bawah itu, Ahli Parlimen tidak menjalankan tugas, kanda boleh ganti yang baru akan datang, tidak ada masalah.

Saya turut mengambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong usul Pindaan Perlembagaan ini. Dan tuduhan kita dengar, kononnya SPR tidak adil, SPR tidak telus. Ini suatu tuduhan yang tidak perlu dilemparkan kerana SPR sudah menjalankan tugas yang amat baik sekali semenjak kita merdeka dahulu sehinggalah ada negeri yang sekarang ini di bawah pembangkang dan banyak kerusi di negeri ini masih di tangan pembangkang. Saya nampak bahawa kalau adapun kecil-kecilan insiden tertentu, beberapa perkara yang kami sendiri juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok, kita tidak puas hati.

Saya sendiri dalam satu peti undi, pegawai yang menjaga tidak dibenarkan masuk dalam membilang undi, menjadi pemerhati kerana lambat satu minit. Ini sepatutnya tidak payah begitu, mesti diberikan hak Barisan Nasional untuk menghantar wakil kita untuk melihat proses membuang undi tetapi wakil PAS ada. Saya sendiri terpaksa duduk di situ setengah hari menjadi pemerhati membuang undi. Saya pun ada juga kompelin tetapi saya tidak mengambil insiden yang berlaku di peti undi Keratong Lapan sebagai isu untuk melemparkan tuduhan kononnya SPR tidak adil, tidak adil kepada mereka.

Satu, dua itu sebagai antah dalam satu kepuk beras itu biasalah, mana-mana pun ada kambing hitam. Tetapi yakinilah, sepatutnya kita beri penghargaan kepada

SPR, sebelah sana pun eloklah beri penghargaan juga. Yang Berhormat bagi Dungun pun elok beri penghargaan, kalau tidak, tidaklah duduk Exco dengan kereta Mercedes nya. Ahli Parlimen tidak usah hendak haraplah, memang mahal, tidak dapat kereta Mercedes nya. Sebab apa kena pakai kereta Mercedes, kalau tidak, tidak akan sampai ke mesyuarat, tidak sampai pulakan! *[Disampuk]*

Sebab itu saya menyatakan bahawa..., sebab senang bila saya datang ke Terengganu, Yang Berhormat selalu boleh berjumpa dengan saya, dan saya boleh tumpang kereta dia, saya tidak mahu tumpang Ahli Parlimen, bukan ada kereta Mercedes pun. Saya hendak bertanya *[Disampuk]* Eh! kasi canlah saya bincang dengan Terengganu. PAS Terengganu, PAS Kedah ini lain! Jangan campur dengan PAS Terengganu, buat apa! Kelantan pembangkang, Kedah pembangkang, Terengganu kerajaan, oleh sebab itu saya bercakap dengan Kerajaan Terengganu *[Ketawa]* Ini saya ucapkan syabas kepada SPR.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, kesempatan yang saya ambil tentang Ketari. Syabas kepada SPR yang telah menjalankan tugas yang baik. Satu, dua insiden itu kecil dan *alhamdulillah* dan kita juga mengucapkan terima kasih kepada DAP kerana DAP baik pada ketika itu. Dia baik kerana apa? Tidak ada geng-geng yang lain ini. Selalunya DAP ini boleh tahan tetapi bila bercampur dengan KeADILan, bercampur dengan PAS, ini dia ilmu-ilmu yang tidak baik, datang daripada mereka.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab apa? Saya nampak bahawa DAP, dia terpaksa diajar oleh KeADILan sebab DAP ada Ahli Parlimen dia, hendak tolong KeADILan, dia ambil tindakan disiplin. Pengerusi tindakan disiplin pun ada di sini. Tidak tahu apa keputusan, saya tidak tahu, ini semua gendang politik belaka sahaja. Ini memang ditolak oleh rakyat Ketari. Rakyat Ketari menolak DAP, itu sudah sampai masayalah. Pilihan raya dahulu nampak ditolak, Ketari pun ditolak, mungkin perlu susun kembali kepimpinan DAP itu sendiri.

Yang muda-muda patut ambil alih sebab itu Yang Berhormat Kepong, saya kata, bersaralah dengan baik *[Ketawa]* ..Yang Cheras pun begitu juga *[Tepuk]*. Tidak usah cakaplah Cheras, kalau Cheras ini lebih senior daripada Setiausaha Agung yang baru yang ada ini, mungkin yang sebelah kanan itu jadi Ketua Wanita yang akan datang. Maksudnya kalau perlu disusun kembali, DAP susun kembali sekarang, jangan menyalahkan BN, kata kalah. Ini kalau kalah daripada dua ratus kepada dua ribu. *[Disampuk]*

Oleh sebab itu saya kata jangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, bercakap mengikut undang-undang, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inikan mengenai pilihan raya. Jangan dituduh kononnya, ini PAS memang dia ketawa kalau DAP kalah, memanglah! Memang dia tidak sukakan DAP menang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Rompin. Memang menjadi tradisi parti pembangkang. Apa sahaja pindaan yang dibawa kerana sifat sebagai pembangkang, akan membangkang. Walaupun kita tahu dalam pindaan DR5/2002 ini, SPR cuba hendak mengemaskinkan lagi mengikut pengalaman-pengalaman mereka tanpa memihak kepada mana-mana pihak tetapi kerana hendak memikul tugas dan tanggungjawab mereka sebagai badan bebas untuk menentukan pilihan raya yang berlangsung di Malaysia ini akan lebih sempurna dan akan lebih saksama dan itu sebabnya SPR kita kerana keadaan yang begitu baik, dipuji oleh pemerhati dunia.

Jadi, soal menuduh kita hendak menekan pembangkang dan sebagainya dengan undang-undang ini, tidak dapat diterima. Banyak hujah Ketua Pembangkang sebenarnya yang boleh kita bahaskan semula tetapi mungkin kerana masa yang tidak cukup dan kita tidak perlu perbahasan yang hendak membetulkan pihak pembangkang

sahaja. Soalnya ialah SPR badan bebas yang benar-benar jujur hendak menjalankan pilihan raya dalam negara kita ini dengan saksama. Minta pandangan sedikit.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Baru sekarang ini SPR menjalankan tugas dengan baik seperti juga baru-baru ini di Pilihan Raya Kecil Ketari, mereka menjalankan tugas dengan baik. DAP kalah, janganlah kita tuduh penyalahgunaan kuasa, SPR tidak telus, padahal yang sebenarnya masalah dalam DAP itu sendiri. Kepong. Bukan itu sahaja tidak ada Barisan lagi dah. Dahulu ada BA sekarang ini BA sudah berkecai sudah. Ya, betul! Yang bantu tidak ada BA dah! Tumpat pun tidak tahu berapa lama dia duduk dalam

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia BO, MBOkah, BOkah, tidak tahulah. *[Disampuk]* Ya, saya nampak bahawa dalam Pilihan Raya Kecil Ketari satu lagi

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:Pilihan raya kecil yang dilaksanakan Saya akan bagi. Diuruskan dengan baik dan DAP yang kalah, saya tidak boleh kata pembangkang yang kalah, DAP, sebab pembangkang tidak duduk di belakang DAP. Saya tengok sepanduk DAP sahaja di sana yang ada. Sepanduk ADIL tidak ada, sepanduk PAS tidak ada, Dungun pun tidak datang. Ini sebenarnya Barisan Pembangkang sudah tidak ada barisan dah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini benteng pembangkang pecah sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, hendak beri jalan? Ya, sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Rompin dan kita mahulah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah hujah ini bernas untuk rang undang-undang ini? Kalau tidak BERNAS, janganlah kita berucap lagi kerana buang masa! Kalau ada cadangan, kita cadangkan

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mengucapkan terima kasih. Saya memang bersimpati dengan Kepong. Saya hendak terus kepada hujah saya tentang Usul untuk meminda

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk kepada Perkara 36(1) Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya baru hendak baca suatu akta untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun dan memegang Buku Peraturan Mesyuarat]* *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, saya sudah beritahu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Bagilah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa dia berjalan dua puluh.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, dia baru balik dari luar negara dia terlupa pula Peraturan Parlimen kita dengan Peraturan AIPO – peraturan antarabangsa Parlimen berbeza. Yang Berhormat, ini Parlimen Malaysia, bukan Morocco.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, takut tersalah dengan undang-undang Morocco. Morocco, Yang Berhormatkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Dan juga Ketari. Kita menjalankannya dengan baik

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Ketari sebagai contoh.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ketari – pilihan raya. Bercakap pasal pilihan raya ini!

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini sudah sakit telinga, ya? Sakit telinga boleh balik! *[Ketawa]* Tidak potong elaun, boleh balik. Kita tidak akan usul bab elaun. Ini pilihan raya kecil.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]*

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada apa Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Al-haj. Apa sudah jadi al-haj?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, ada apa?

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak membenarkan ahli bercakap merapu....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Tidak mempunyai masa *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini undang-undang tubuh Parlimen kah PAS ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, Rompin, duduk dahulu Rompin, sebab peraturan. Ya, kadangkala merapu belaka tetapi masa saya bagi dua puluh minit tidak akan ditambah. Hanya saya harap kepada 36(1) ini menjadi tumpuanlah, jangan cuba keluar banyak daripada apa yang sepatutnya daripada 36(1). Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bercakap tentang pilihan raya. Ketari satu contoh yang dilaksanakan oleh SPR dengan baik. Adakah hak saya untuk memuji bahawa SPR telah menjalankan tugas dengan baik itu dan ini ada kena mengena dengan akta.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Peraturan berapa Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:Untuk meminda.... Akta pilihan raya *[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan berapa, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Peraturan mesyuarat di sinikah atau Morocco? Cepat tengok buku, takut

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi adalah jelas bahawa Rompin telah tidak mematuhi 36(1) dan amaran telah diberikan oleh Tuan Pengerusi sebanyak tiga kali, boleh halaulah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat. Saya sudah sebut sebab saya lihat yang bercakap tadi. Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini bukan Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Rompin dahulu. Sebab saya kedapatan yang bercakap dahulu pun macam itu membawa pelbagai contoh. Jadi kalau dia membawa contoh satu apa salahnya. Jadi silakan Yang Berhormat, ya. *[Ketawa]* Ya, mengenai pilihan raya Yang Berhormat, ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, berkenaan pilihan raya dan saya hendak bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah berbincang dengan sayalah, Yang Berhormat. Saya sudah buat *ruling* Yang Berhormat. Kalau tidak duduklah, Yang Berhormat. Ya, sila duduklah, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, menyokong usul ini. Bahawa perlu SPR menyusun kembali, mengemaskan kembali akta ini supaya dapat diusahakan seperti pilihan raya di Ketari yang baik diuruskan oleh mereka. Alhamdulillah, kita berjalan dengan baik, suasana yang aman, satu dua itu biasalah.

Mula-mula masa DAP buat tidak ada masalah, masuk geng sebelah sana itu jadi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskanlah Yang Berhormat, masa mustahak.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dan keputusan, saya tadi ada mengatakan bahawa dalam keputusan ini dikatakan bahawa keputusan yang dibuat SPR mengikut peti undi. Ini satu keputusan yang baik. Keputusan yang baik kerana cepat mendapatkan keputusan, tidak ada sangkaan jahat lagi bahawa undi-undi, kertas undi mungkin ditukar sebab diadakan membuang undi di peti undi itu. Dibilangkan di situ, mereka yang menjadi saksi adalah mereka yang menjadi saksi kepada membuang undi. Lepas itu saksi kepada membilang undi. Ini sistem yang baik. Dahulu saya dengar pilihan raya penggal yang pertama, masa itu Jelutong orang lainlah, Lim Kit Siang ada pada masa itu. Yang ini kalau dia menang, tidak ada *chance* lah yang muka ini.

Dia mahu tuntutan supaya SPR lebih jelas dan *transparent* dengan kita membuang undi di peti undi, dibilang di peti undi. Itu satu usaha kerajaan dan SPR supaya sistem kita melaksanakan pilihan raya satu sistem yang *transparent*. Apa lagi yang kita hendak? Yang sebelah sana sebab dia kalah. Itu yang yang dia tidak betul belaka. Dahulu bila menang semuanya betul, bila kalah semua tidak betul. Dan juga untuk Ketari, jelas orang Tionghua lebih menyokong parti Barisan Nasional. Peti-peti undi orang Melayu pun sudah menyokong Barisan Nasional.

Kalau dahulu tipu helah sebelah sana, fitnah sebelah sana sudah ditolak oleh rakyat Malaysia bukan sahaja orang Tionghua, orang Melayu itu sendiri. Itu bila sebut tarikh pilihan raya, dari awal yang di sebelah sana kecut perut ini.

Baik, besok baik cakap banyak-banyak di sini. Besok sudah tidak jadi Ahli Parlimen pun susah nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masuk ke asal Yang Berhormat. Jangan terlalu panjang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Yang perkara yang kedua ini, deposit ini. Saya rasa calon-calon parti-parti yang duduk dalam negara kita ialah parti-parti yang berwibawa. Dan parti PAS ada dua kerajaan negeri. Parti PAS di Kelantan menguasai Kelantan, gambar Menteri Besar duduk di atas kaki, duduk atas balak. Lepas itu Kerajaan Terengganu bagi 5,000 ekar tanah untuk balak pun dia bagi kepada syarikat parti dia. Bermakna mereka ini ada wang. Tidak timbul bahawa lima, dua puluh ribu tidak apa, yang kita tidak mahu ini nanti

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Dungun bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Biar saya habis dahulu, bila habis nanti saya bagi pula exco ..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi kah atau tidak Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Saya bagi. Habis ulas, saya bagi. Saya janji, saya bagi. Bahawa tidak timbul bahawa mereka tidak mampu. Kita tidak mahu lagipun selalu buat ceramah, kutip duit juga ini. Income tax tidak bayar. Mungkin income tax hendak siasat kita tidak tahulah. Kita tidak mahu mereka itu menyalahgunakan sistem demokrasi. Ada berlaku dia beli borang lepas itu dia jual. Dia jual supaya parti mana hendak beli supaya dia tidak bertanding. Saya bagi Dungun dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Dungun.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat bagi Rompin banyak buat kenyataan-kenyataan yang tidak betul, fitnah. Saya hendak tanya adakah beliau sanggup jangan jadi Ketua Backbenchers, tidak layak sebenarnya. Sedia letak tak jawatan itu? Malu kepada kerajaan. Sanggup atau tidak letak, hendak tanya itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa yang itu pula, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Saya, Ahli Yang Berhormat bagi Dungun ini saya kenal dahulu pernah berbahas di Universiti Malaya, standard dia lebih tinggi dari apa yang ada sekarang ini. Tetapi mungkin hari ini sebab dia exco dia tidak begitu keras, sebab dia kerajaan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Kita fahami bahawa kerajaan dia lain, yang belakang ini ditap-tapkan satu kali dengan Dungun, tak payahlah, kemudianlah. Saya bagi ini kerajaan negeri lain. Lawyer, peguam, yang belakang pensyarahkah? Peguam juga! Tetapi peguam ini tidak boleh lawan peguam itu. Peguam ini Exco Kerajaan Negeri, peguam ini tidak exco. Biar saya habis dahulu. Lepas itu saya bagi peguam baru pula.

Tumpat memang betul dia memang kaliber. Bagus Yang Berhormat [*Ketawa*] Tetapi dia dulu MBO, apa 'O' semua dia lulus. Baru Metrowangsa pun saya ingat dia ada, tidak tahulah. Metrowangsa mungkin Yang Berhormat hendak bagi tahu adakah Yang Berhormat terlibat juga dengan Metrowangsa, saya tidak berani tuduh tetapi mungkin Yang Berhormat hendak bertanya terlibat tidak Metrowangsa, saya tidak tahu. Saya tidak tuduh, saya tidak tahu. Saya hendak tanya sahaja, terbukti atau tidak...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Berbalik kepada RM5,000, ini kita memastikan supaya tidak ada mereka yang mahu merosakkan dan memainkan sistem demokrasi kita supaya yang benar-benar mahu mewakili kerajaan, mewakili rakyat, benar-benar dapat bertanding, supaya sistem kita tidak disalahgunakan oleh orang-orang tertentu yang sememangnya mendapat keuntungan komersil seperti yang dikatakan tadi.

Yang ketiga, ini tentang *rural weightage* Kepong ini. Saya, Kepong saya boleh setuju tetapi kalau boleh biarlah pandangan Kepong ini pandangan DAP. Saya betul,

you have a very good idea, dengan izin. Ya, Kepong tetapi entah macam manalah parti DAP tidak mahu menerima Yang Berhormat saya pun tidak tahu.

Isteri Yang Berhormat ketua wanita, tidak mahu dia terima. Tinggallah DAP masuk parti lain lagi bagus. Sebelah sini lagi bagus. Sebelah sini ini. MCA, Gerakan *anytime* boleh terima. Betul? Tidak hendak? *[Ketawa]*

Rural weightage, adakah kita mahu kawasan-kawasan hanya yang maju, bandar lengkap dengan prasarananya, IT nya hanya mewakili dalam Parlimen ini? Adakah tidak bermakna yang di luar bandar, yang kampung duduk tepi sungai, di dalam hutan, di Sarawak tidak juga diduduki dan diwakili di sini. Tanya orang Sarawak, betul tidak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dah, jangan tanya begitu, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Adakah hendak sebelah sana sahaja. Adakah DAP boleh mengetengahkan isu yang dibangkitkan oleh orang Sarawak? Orang PBDS yang duduk di rumah panjang. Ini bukan duduk rumah panjang ini. Alaaah, orang Sarawak sudah tolak DAP. Saya nampak di Amerika sendiri ada dua sistem, Tuan Yang di-Pertua, dia gunakan di Amerika.

Di Amerika, dua sistem, satu mengikut jumlah penduduk; yang kedua mengikut sistem Senat. Tiap-tiap negeri walau kecil pun mahu ada dua wakil Senat. Tanya Yang Berhormat bagi Tumpat kalau tidak percaya. Bermaksud undang-undang itu tidak boleh diluluskan oleh hanya Dewan Rendah kalau tidak ada kelulusan Dewan Atas yang mana Dewan Senat itu tiap-tiap negeri di Amerika kecil, ada dua wakil. Bermakna isu *rural weightage* itu diambil kira dalam mana-mana sistem pentadbiran demokrasi di dunia ini.

Tidak benarlah tuduhan Yang Berhormat bagi Kepong, mungkin Yang Berhormat bagi Kepong hendak tunjukkan yang dia ini hari ini ada sesuatu yang hendak diketengahkan tetapi saya kata dia terkepong pemikiran dia agaknya hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang terakhirlah, bahawa pengundi yang bersiri. Nombor bersiri kertas undi, kalau kita tidak buat bersiri akan ada tuduhan pula dia kata dalam perjalanan daripada peti undi ke sana, polis kononnya dia masuk undi-undi kosong, ini memastikan ia tidak berlaku. Ini yang sebenarnya satu lagi tuduhan bahawa SPR kononnya tidak adil. SPR ini satu badan yang amat adil, kita patut memberikan penghargaan satu kalung bunga kepada mereka. Betul bahawa alhamdulillah, di negara kita ini pilihan raya berjalan dengan baik dan saya ingin memberi sokongan atas satu pindaan akta, satu usaha lagi SPR untuk memastikan pilihan raya di negara kita dapat dijalankan dengan baik dan cemerlang dan seterusnya kita warganegara Malaysia dapat berbangga.

Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai lagi hendak bercakap. Saya bagi Tumpat.

6.31 ptg.

Datuk Kamaruddin bin Jaafar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang amat ringkas, untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Pilihan Raya 1958.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bahawa akta ibu adalah akta yang bertarikh tahun 1958 dan kita mendengar bahawa akan diadakan pindaan kepada rang undang-undang ini, dalam zaman dan abad yang baru ini, sudah tentulah kita mengharapkan supaya yang akan dipinda berkaitan dengan pilihan raya ini adalah perubahan-perubahan yang boleh membawa pembaharuan-pembaharuan kepada perjalanan pilihan raya.

Sudah tentulah antara lainnya oleh kerana negara kita amat membanggakan diri kita dengan kemajuan dalam bidang IT, kita mengharapkan bahawa pindaan-pindaan yang akan dibawa ke sidang ini, pada tahun ini, di abad baru ini ialah

berkaitan dengan misalnya memperkenalkan *internet voting*, memperkenalkan *electronic counting* dengan izin, memperkenalkan *voting online* dengan izin, memperkenalkan di kawasan-kawasan mengundi, *touch screen style of voting*, dengan izin.

Kita mengharapkan dengan perubahan-perubahan seperti itu yang akan menandakan bahawa kita maju dalam bidang IT, kita moden dan kita memperkenalkan cara yang boleh menjaga keselamatan dan keadilan di dalam pilihan raya dalam negara kita ini tetapi malangnya, pindaan-pindaan ini kecuali satu, dua yang agak baik, kebanyakannya adalah semata-mata ekor daripada persepsi Barisan Nasional yang mereka tidak dapat memenangi sebanyak yang mereka hasratkan kerusi dalam pilihan raya umum tahun 1999 yang lalu.

Oleh itu perubahan-perubahan, pindaan-pindaan, sekadar satu lagi dalam siri perubahan undang-undang, kaedah-kaedah seperti undang-undang yang berkaitan dengan perlunya kepada ..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(1) [Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Menyampuk]

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: Saya teruskan, terima kasih. Kita harapkan bahawa inilah yang akan berlaku tetapi yang benar-benar kita nampak dalam rang undang-undang ini, kecuali beberapa yang saya sebut tadi agak baik, ada banyak yang lebih merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh Barisan Nasional untuk berhadapan dengan pilihan raya umum yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Sulong berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan, ya, silakan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tumpat, adakah sudah masanya kita sekarang ini melaksanakan elektronik demokrasi, mengarahkan kepada kewujudan *elektronik republic* kerana elektronik operasi *online* ini masih lagi mempunyai banyak, dia punya *hitch* bermakna bermasalah. Adakah tidak cadangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu menimbulkan lagi banyak masalah di masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: Tidak semestinya menimbulkan apa-apa masalah jika perkenalan sistem, misalnya mengundi secara elektronik, mengira undi secara elektronik dan memperkenalkan *touch screen booth* untuk kaedah mengundi diperkenalkan sebagaimana amalan Kerajaan Barisan Nasional dalam hal-hal yang lainnya yang ada diperkenalkan secara peringkat demi peringkat. Ini kita harapkan dapat diperkenalkan dalam bidang mengundi atau dalam soal pilihan raya tetapi itu nampaknya bukan matlamat rang undang-undang ini. Matlamat rang undang-undang ini ialah untuk memastikan bahawa Barisan Nasional akan menang lagi dalam pilihan raya umum yang akan datang. Inilah yang menyedihkan kita dan inilah merunsingkan kita.

Dalam konteks ini saya boleh mengatakan bahawa sebagaimana saya sebut secara ringkas tadi apa yang disebut oleh Bagan Datok, banyak boleh yang kita mempersetujui iaitu bahawa sebenarnya dalam mengendalikan pilihan raya, kita bukan mengkritik sangat tentang sikap atau dasar SPR dari segi berat sebelah atau tidaknya. Kita mengharapkan bahawa SPR boleh menjalankan tugas mereka dengan baik. Yang kita bimbangkan ialah pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah bukan sebenarnya daripada hasrat SPR untuk kelicinan pentadbiran pilihan raya tetapi hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk menjamin kemenangan mereka dalam pilihan raya umum yang datang.

Secara ringkasnya, kita dicabar tentang sama ada SPR bebas atau tidak, kita akan lihat insya-Allah dalam persempadanan semula pilihan raya yang sedang dibuat

sekarang ini. Kalau tidak ada penambahan kerusi Parlimen di Kelantan, kalau tidak ada penambahan kerusi Parlimen di Terengganu misalnya dan jika ada penambahan kerusi Parlimen di Johor, di Negeri Sembilan, di Melaka, di Sabah dan di Sarawak maka tidak dapat sesiapa pun menafikan bahawa SPR sudah mula digunakan oleh kerajaan hanya untuk kepentingan Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang. Ini saya fikir *test* yang amat jelas dan mudah untuk kita beri pertimbangan yang sedang dibuat oleh SPR yang sedang diawasi oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang undi pos. Undi pos adalah satu kaedah bagi sesetengah pengundi dalam negara kita ini dan dalam negara kita ini biasanya undi-undi pos hanyalah terhad kepada pasukan polis, tentera, dan petugas-petugas pilihan raya. Kita ingin supaya kaedah undi pos ini diperluas lagi. Dalam negara-negara maju, pengundi-pengundi biasa diberi hak untuk memilih sama ada mengundi secara biasa ataupun mengundi melalui undi pos.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi kita ingin menyarankan supaya undi pos ini dibuka peluangnya bukan hanya untuk pasukan polis, tentera dan petugas-petugas pilihan raya yang mengundi tetapi kepada semua warganegara atau pengundi-pengundi yang memilih untuk mengundi secara pos harus diberikan hak untuk mengundi secara pos.

Keduanya ialah bahawa terdapat kekeliruan, kekaburan tentang pengawasan undi pos ini. Banyak terdapat pandangan dan kes-kes bahawa pengundi-pengundi pos ini sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi, mengundi di hadapan dan dilihat oleh pegawai-pegawai pemerintah masing-masing. Kita mengharapkan bahawa SPR mulai pilihan raya yang akan datang ini akan mengawasi sepenuhnya pengundi-pengundi pos ini supaya penguasa atau pegawai pemerintah pasukan-pasukan polis, tentera ini tidak dapat mengawasi dan tidak menguasai proses pembuangan undi bagi undi-undi pos.

Seterusnya berkenaan dengan deposit, ini sudah pun banyak disebut, saya sekadar ingin sekali lagi menyeru supaya kadar dan cadangan untuk menaikkan deposit bagi calon-calon pilihan raya ini, yang silingnya sudah pun ditetapkan menurut cadangan ini RM20,000 dan akan dinaikkan, yang sebenarnya kepada tahap mana di bawah RM20,000 itu belum diumumkan tetapi kita mengkehendaki dan kita menuntut agar soal deposit ini dikaji dan ditarik balik dan dikekalkan pada paling tingginya had yang sedia ada itu RM5000 untuk Parlimen dan RM3000 untuk DUN kerana pada tahap itu pun sudah lebih tinggi daripada semua negara-negara dalam dunia ini, sama ada Amerika Syarikat, Britain dan Australia sudah tentu kalau dibandingkan dengan India yang hanya sekitar RM40.00. RM5000 itu lebih dari 100 kali banyak daripada yang dikenakan oleh calon-calon dalam pilihan raya di India itu.

Kalau dibandingkan pula dengan elaun yang diperoleh oleh Ahli-ahli Parlimen kita dengan deposit yang ditetapkan, itu pun adalah amat tinggi jika kita buat perbandingan yang sama dengan kes-kes demokrasi-demokrasi negara yang lain di seluruh dunia.

Seterusnya berkenaan dengan semakan pemilih. Kita sebagaimana saya sebut melihat ini sebagai perubahan yang baik daripada semakan dua kali setahun sekarang ini, tiga kali setahun diumumkan senarai dan pendaftaran pemilih boleh dilakukan pada setiap masa tetapi tiga bulan sekali diumumkan senarainya.

Di United Kingdom, di Great Britain, tiap-tiap bulan senarai pemilih diumumkan, dibentangkan untuk pemerhatian, semakan oleh rakyat dan pengundi. Jadi kalau kita hanya tiga kali atau tiga bulan sekali dan Britain boleh buat sebulan sekali maka saya fikir, masih ada lagi ruang untuk SPR memperkemas tugas-tugasnya sebagaimana Yang Berhormat Menteri dalam pembentangan pagi ini menyatakan bahawa jawatan-jawatan ditambah dan kuasa-kuasa dan tugas-tugas SPR diperbesar, maka salah satu matlamat yang kita harap akan menjadi tugas kepada SPR ialah untuk membolehkan SPR menyiarkan, mempamerkan senarai pemilih itu, bukan tiga bulan sekali tetapi sebulan sekali.

Inilah pandangan-pandangan yang saya ingin kemukakan dan saya harap benar-benar bahawa hal yang berkaitan dengan pindaan kepada rang undang-undang

ini difikirkan, disemak betul-betul kerana kita mendapati bahawa banyak daripada yang dicadangkan ini tidak menguntungkan demokrasi sebaliknya menyempitkan lagi demokrasi. Terima kasih .

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ramai sangat Yang Berhormat yang hendak berucap. Ramai daripada pihak pembangkang sudah berucap, ya?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: BN tidak ada modal.

Seorang Ahli: Bagi 10 minit seorang.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat. Tidak boleh sampai.... Kita tidak ada masa. Bolehkah yang demikian? Kita hadkan 10-10 minit ya, boleh? *[Disampuk]* Ya, ya, ya!

Beberapa Ahli: Bolehlah!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanah Merah. 10 minit Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: 10 minit, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

6.41 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa 10 minit ini saya kena susun sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ulangkan apa yang telah diucapkan. Yang RM20 ribu itu janganlah ulang, tidak guna.

Tuan Saupi bin Daud: RM20 ribu ini saya kena sentuh juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tiap-tiap orang berucap tentang perkara itu.

Tuan Saupi bin Daud: Tetapi ide yang lainlah. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita diminta beri pandangan kerana saya sebagaimana yang kita nyatakan tadi bahawa pindaan undang-undang ini adalah amat penting di dalam proses demokrasi di negara kita dan saya rasa kita bercakap hari ini pun soal SPR ini supaya kita lihat SPR ini sebagai suatu badan yang bebas dan adil. Kritik-kritik yang kita buat pun ke arah menunjukkan SPR itu wujud dan dihormati oleh semua pihak.

Jadi, pada hari ini misalannya, kami dari pihak pembangkang ingin meluahkan perasaan dan juga perkara-perkara yang harus dipertimbangkan oleh SPR semata-mata untuk mengimbangi keadaan politik di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada wang deposit RM5 ribu kepada RM20 ribu....

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah ulangkan perkara itu lagi. Ramai yang sudah sebut perkara itu.

Tuan Saupi bin Daud: Tidak ada, saya hanya bagi satu contoh sahaja yang tidak disentuh...

Tuan Yang di-Pertua: *Point* baru ya.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, *point* baru.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Saupi bin Daud: *Point* baru ini ialah Kerajaan Barisan Nasional sendiri telah melarang politik wang daripada berleluasa di negara kita dan larangan ini dibuat oleh Perdana Menteri sendiri. Beberapa kali Perdana Menteri melarang, terutama sekali di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan ahli-ahli UMNO supaya jangan melibatkan politik wang.

Pernah satu ketika Perdana Menteri menghalau dan meminta semua perwakilan UMNO balik semula ke kampung masing-masing, tidak berkampung di Kuala Lumpur, tidak dapat merayau-rayau di hotel-hotel Kuala Lumpur semata-mata

kerana mengelakkan politik wang. Jadi, ini adalah satu perkara yang berlaku di dalam UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap kerana saya bekas ahli UMNO juga dan saya ingin merujuk kepada apa yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun sebentar tadi. Memang berlaku. Kalau kita lihat pertambahan ini, RM5 ribu kepada RM20 ribu, ini akan membebankan kepada parti-parti pembangkang terutamanya, lebih-lebih lagi kepada mereka yang ingin menyertai parti bebas kerana tanggungan yang berat, tetapi pengalaman ini tidak dirasakan oleh ahli-ahli UMNO dan juga pemimpin-pemimpin UMNO kerana mereka sudah biasa dengan politik wang.

Saya ingin nyatakan, pada tahun 1995 saya bertanding di atas tiket Barisan Nasional di peringkat Dewan Undangan Negeri walaupun cagaran yang dikenakan pada waktu itu adalah RM3 ribu kepada Dewan Undangan Negeri. Saya mengaku saya tidak pernah mengeluarkan wang daripada saku saya sendiri untuk membayar wang deposit ataupun wang cagaran tersebut.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Saupi bin Daud: Ini saya hendak buat perbandingan. Saya minta maaf tentang perkara itu. Saya bercakap ini di dalam Parlimen, kalau hendak bangun, bangun, saya bagi laluan. *[Disampuk]* RM3 ribu, kemudian kalau kebetulan pada waktu itu UMNO terlibat dengan pemilihan, maka ramai mana-mana pihak yang akan memberi bantuan semata-mata kerana mempunyai ataupun dengan harapan mereka yang menang ini akan

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(1) Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, 36(1) apa dia, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bercakap tentang akta tetapi bila saya bercakap, sebelah sana kompelin saya tidak bercakap tentang SPR. Ini tentang SPR, apa pula UMNO? Kepada SPR, akta-akta ini di sanalah.

Tuan Saupi bin Daud: Yang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat bagi Rompin bukan tidak faham. Perkara ini SPR adalah sebagaimana saya katakan tadi, mendapat pandangan daripada NGO dan salah satu parti yang memberi pandangan ialah parti kerajaan iaitu UMNO. SPR tidak mendapat pandangan daripada parti pembangkang. Jadi, pandangan yang diberi oleh parti kerajaan berlandaskan kepada mereka ataupun perasaan mereka, keupayaan mereka. Ini yang saya katakan.

Saya hendak bandingkan supaya parti pembangkang juga dapat melahirkan, supaya kalau kita hendak mengatakan SPR ini sebagai satu badan bebas dan adil, maka SPR juga hendaklah mendengar sama ada daripada pihak kerajaan, NGO, polis, keselamatan dan sebagainya, termasuk juga parti pembangkang.

Kalau SPR tidak mahu mendengar, maka kita boleh mengatakan bahawa SPR tidak lagi satu badan bebas. Maka, ia dikongkong ataupun hala tujunnya dibawa oleh satu pihak tertentu. Soal politik UMNO ini soal biasa. Kita hendak kalau Perdana Menteri menyarankan supaya tidak berlaku politik wang, yang saya hendak kaitkan kalau dalam pemilihan...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(1), apa kena-mengena dengan SPR ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa kena-mengena dengan SPR ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Saupi bin Daud: Ini saya hendak kaitkan dengan politik wang.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, Yang Berhormat....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini bukan bincang politik wang, ini SPR.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanah Merah.

Seorang Ahli: Yang RM20 ribu itu memanglah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini SPR.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahulah di mana politik wang ini datang, ya? Ia berkehendakkan kepada deposit itu, katalah sebanyak mana, macam mana ada berkenaan dengan deposit wang? Saya tidak tahu sangkutannya apa.

Seorang Ahli: Nanti ada satu calon *sponsor*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat, ada dua minit lagi. Sila.

Tuan Saupi bin Daud: Masa habis pun saya tidak kisah sebab saya perhatikan, asalkan politik wang ini kalau kita hendak sama-sama banteras, jadi cadangan PM pun hendak ditolak dalam masa ini. Masalahnya kalau RM20 ribu tadi saya katakan, kadar itu RM20 ribu, sesiapa hendak menjadi calon perlu ada RM20 ribu, dengan secara tidak langsung melibatkan politik wang. Ini yang saya maksudkan kerana siapa lagi kalau yang hendak jadi pemimpin, hendak jadi calon....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Tuan Saupi bin Daud: Ya? Saya bagi Yang Berhormat bagi Jeli sekejap. Kasihan dia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah hendak cukup, ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tanah Merah, sedar ataupun tidak sedar Yang Berhormat bagi Tanah Merah bahawa SPR adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri ataupun di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Sedar atau tidak? Bukan di bawah Parlimen tetapi di bawah Jabatan Perdana Menteri? Sudah tentu dipengaruhi kerana di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekian.

Tuan Saupi bin Daud: Kerana kesedaran bahawa SPR di bawah Jabatan Perdana Menteri itulah saya minta supaya semua pihak menyedari tentang hasrat Perdana Menteri sendiri. Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua tidak mahu saya panjangkan soal ini, saya ingin memberi satu peringatan kepada UMNO. Sebab itu UMNO kalah.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Saupi bin Daud: UMNO yang kalah. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Yang kedua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Masa sudah cukup.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bersetuju 10 minit tadi. Ya, Rantau Panjang.

6.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil bahagian sedikit sahaja berkenaan dengan apa yang dicakapkan oleh sahabat-sahabat yang lain tadi. Tetapi apa yang saya rasa perlu saya tambah di sini ialah berkenaan dengan seksyen 7 iaitu daftar pemilih yang dipertikaikan dan yang disebutkan oleh sahabat-sahabat itu tadi, khususnya tentang pengundi-pengundi hantu.

Saya rasa ada perkara yang patut kita fikir dan sepatutnya SPR, khususnya menteri sendiri patut memikirkan sebelum perkara-perkara ini dibahaskan di sini iaitu pertamanya kita mesti mencari penyelesaian. Kalau ada pengundi hantu dan telah pun diiktiraf oleh pihak kerajaan, juga pihak pembangkang sebentar tadi tentang pengundi hantu ini memang ada, sepatutnya kita memikirkan bagaimana pengundi hantu itu boleh dimasukkan di dalam daftar pemilih itu.

Yang keduanya, bila ada pengundi hantu mesti ada 'hantu' yang membawa pengundi itu. Sepatutnya kita kena kaji balik siapa 'hantu' yang sebenarnya. Itu

perkara yang patut dikaji. Tak kan kita hendak kata SPR sebagai 'hantu'! Tentu bukan SPR. Mari dari mana 'hantu' itu?

Jadi, apabila perkara ini diakui di dalam Dewan ini sama ada oleh pihak pembangkang atau pihak Dewan Undangan Negeri, maka SPR perlu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah supaya 'hantu' tidak bertambah ataupun terus hilang 'hantu' itu. Kalau tidak, masalah ini akan timbul lagi di masa hadapan.

Dan hantu ini mesti ada 'bomoh'nya dan mesti ada orang yang memeliharanya. *[Ketawa]* 'Bomoh' mesti dicari sama ada 'bomoh' ini di kalangan – haa.. dalam sini pun ada 'bomoh'nya - saya rasa ada tetapi masing-masing tidak mahu mengaku sebagai 'bomoh' 'hantu'. Sebab itu 'hantu' yang ada di dalam daftar pemilih ini perlu disiasat dan perlu diselesaikan. Kalau tidak, pilihan raya akan datang ini akan berlaku kekecohan lagi dalam soal ini.

Saya sendirinya, tadi sahabat-sahabat saya tadi ada menyebut, saya hendak sebut untuk kali kedua dan tidak mahu berulang sudah, baik. Cuma saya hendak minta sekali lagi supaya pihak SPR khususnya supaya mengkaji betul-betul punca kejadian ini dan sewaktu pendaftaran akan dibuat akan datang ini berterusan ini juga kemungkinan hantu-hantu ini akan masuk lebih mudah lagi kerana ianya sentiasa berjalan.

Kalau dahulu ada masanya, ada masa pendaftaran, ada masa bantahan tetapi oleh kerana masa hadapan ini masa pendaftaran ini berjalan berterusan dan saya yakin dan saya percaya yang perkara ini akan berlaku lagi dan perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah *trend* baru ini ialah menggunakan pekerja-pekerja kilang sebagai hantu-hantu. Hantu sebagai pemilih, sebagai pengundi ataupun hantu sebagai perayu undi di masa-masa panas, seperti mana yang kita tengok pilihan raya baru-baru ini, yang terbaru sekali kita tengok.

Saya lihat sendiri muka-muka tersebut ialah muka gadis kilang dan ada di antaranya yang ditakrif sebagai Puteri UMNO yang tidak dapat mengundi pun, yang tidak ada akhlak langsung. Saya tengok cukup-cukup teruk, hantu ini teruk, hantu ini dua tiga tahun lagi ia akan menjadi pendaftar pemilih. Sekarang ini ia masih tidak boleh sebagai pendaftar pemilih, tidak boleh mengundi tetapi saya yakin saya percaya dalam masa dua, tiga, empat tahun ini, inilah bakal pengundi yang menjadi hantu-hantu kepada Barisan Nasional. Saya minta pihak SPR supaya mengkaji balik dan memerhatikan keadaan-keadaan di kilang-kilang yang sentiasa digunakan oleh pihak Barisan Nasional.

Seterusnya ialah berkenaan dengan di bawah 13(2) ini, lakri di sini kita tengok jelas bahawa SPR sendiri tidak akui lagi penggunaan lakri lagi, barang kali dirasai lakri ini boleh menyebabkan peti undi tidak selamat. Maka ia akan menggunakan kaedah yang lain yang ditakrifkan di sini dikatakan perkara yang lebih terjamin selamat, saya tidak tahulah sejauh manakah ini lebih jamin dan selamat, tetapi setakat ini setakat pengalaman saya masuki pilihan raya ini, saya nampak bahawasanya penggunaan lakri ini nampak UMNO tidak boleh tipu.

Barisan Nasional memang tidak boleh tipu dengan menggunakan lakri, tapi kalau pihak SPR merasai ataupun kerajaan merasai lakri ini selama ini tidak terjamin dan ada perkara lain yang lebih selamat lagi, selain dari penggunaan lakri ini saya mintalah supaya penggunaan lakri ini diteruskan juga. Kemudian hendak tambah perkara lain tambahkan, hendak menggunakan kunci kah, hendak menggunakan satu alat yang baru dan sesuai dengan zaman moden, zaman sains dan teknologi ini yang UMNO sendiri tidak boleh kacau, Barisan Nasional tidak boleh kacau, gunalah.

Tetapi lakri ini yang pada pandangan orang yang tidak belajar ini saya rasa sudah cukup bagi mengatasi penyelewengan ataupun perkara-perkara yang diragui oleh pihak pengundi khususnya pihak calon-calon yang yakin dan percaya semua kertas-kertas undi berada di dalam peti undi itu terjamin. Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup sudah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron Cukup sudah?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup dah, cukup dah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kalau sudah cukup, saya hendak gulung sedikit lagi. Pertama saya secara keseluruhan pindaan rang undang-undang ini saya tidak bersetuju dan kalau ada sedikit sebanyak bersetuju pun saya tidak akan menyarankan bersetuju kerana saya yakin dan saya percaya pindaan ini dibuat dipengaruhi oleh orang lain, orang yang rasa mahu memperkukuhkan kedudukan mereka itu bukan daripada hasrat SPR sebenarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Bachok.

6.54 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan yang ringkas mungkin, pertama sekali pindaan yang dibawa pada hari ini merupakan suatu pindaan daripada sejarah kewujudan akta ini daripada tahun 1958 lagi yang berkuat kuasa daripada 28 Ogos tahun 1958 dan diguna pakai untuk kali pertama kepada pilihan raya pertama selepas merdeka tahun 1959. Sejarah akta ini terlalu lama dan kita nampak perubahan yang telah dibuat atau pindaan yang telah dibuat beberapa kali pada rekod yang saya dapati pindaan mula-mula yang telah dibuat tahun 1963, kemudian 1965, 1972, 1986, 1990 dan 1994. Yang semua pindaan itu dari sudut prinsip perundangannya memberi satu kesempurnaan adalah lebih baik bukan sesuatu perkara yang boleh dipertikaikan dan sampai ke peringkat keterbelakang daripada apa yang diharapkan daripada penggunaan akta ini.

Jadi daripada 15 fasal yang dipinda ini, saya melihat asas pertama yang harus dipertimbangkan balik oleh pihak kerajaan atau pihak SPR sendiri dengan memasukkan seksyen baru 9A ini dengan suatu matlamat untuk meletakkan taraf daftar pemilih bertaraf muktamad sedangkan proses perjalanan pendaftaran pemilihan sebelum ini banyak asas-asas keraguan dan juga perkara-perkara yang bersifat teknikal yang boleh meletakkan taraf daftar pemilih yang dirasmikan atau diguna pakai oleh pihak SPR itu tidak bertaraf muktamad. Sebagaimana kes yang telah dibentangkan oleh pihak Yang Berhormat Tanjong tadi pada pagi tadi jelas membuktikan betapa kes-kes yang sedemikian wujudnya pengundi hantu dan sampai satu peringkat petisyen di mahkamah pada 8 Jun dalam kes Likas telah membuktikan bahawa proses pendaftaran pemilih yang dilalui ataupun yang diuruskan oleh SPR berlaku keadaan yang meragukan dan di luar daripada kebolehpercayaan yang hakiki. Oleh kerana itu sifat muktamad ini yang cuba dimasukkan dalam akta ini merupakan satu sifat yang tidak boleh diterima dari sudut perlaksanaan dan dari sudut kesahihan pendaftaran pemilih yang cuba dicapai oleh SPR.

Walaupun kita tidak menafikan dengan pindaan yang telah dibawa dalam urusan pendaftaran pemilih, kita nampak bahawa usaha untuk menggunakan sistem *online* menerusi kaunter terbuka di pejabat-pejabat pos merupakan satu percubaan ke arah untuk memastikan pendaftaran pemilih tadi bersifat muktamad dan ianya boleh dikemaskinikan dalam tempoh-tempoh yang telah pun ditetapkan tetapi proses pengemaskinian pendaftaran pemilih itu adalah juga melibatkan tidak boleh tidak melibatkan tenaga manusia dan pemerhatian langsung oleh pihak pegawai pendaftar pemilih ataupun pegawai-pegawai daripada SPR itu sendiri. Oleh kerana itu pemantauan dan juga tindakan yang bersifat kemanusiaan sebegini sudah pasti tidak mungkin ianya terbenteng daripada sebarang pencerobohan ataupun sebarang penggodaan yang boleh meletakkan taraf daftar pemilih berkenaan berada pada taraf yang tidak muktamad.

Oleh kerana itu hujah-hujah sedemikian perlulah kita mengambil suatu perhatian kerana betapa banyak daripada ribu-ribu banyaknya angka-angka yang telah dirasmikan sebelum ini oleh SPR sendiri dan pagi tadi pun kita mendengar pihak Yang Berhormat daripada Sungai Siput pun mengakui di dalam kawasannya sendiri sampai 7,000 proses pemulihan perlu dibuat untuk membuktikan senarai daftar pemilih adalah senarai yang sah lagi benar.

Oleh kerana itu pengalaman yang lalu kita nampak SPR tidak mampu untuk melaksanakan program ataupun projek pemutihan daftar pemilih ini secara hakiki oleh kerana itu dalam keadaan sedemikian kita melihat adanya usaha-usaha yang sepatut buat lebih awal untuk memastikan cadangan ini dibawa ke Parlimen untuk dibahas ataupun untuk dipersetujui. Di antara perkara yang harus kita lihat ialah mengemas kini proses yang telah lalu khususnya sebagaimana yang disebut sedikit oleh pihak Yang Berhormat Rantau Panjang tadi berhubung dengan penggunaan borang A dalam pendaftaran pemilih ini di mana telah ada nama saksi yang telah dicatat secara khusus

dalam borang tersebut bagi menyokong seseorang pemilih untuk memohon menjadi pemilih. Sedangkan di peringkat pemeriksaan untuk memastikan kesahihan ini, saksi ini tidak dipanggil sehinggalah nama itu dipamerkan, orang lain pula untuk membantah kepada nama yang diterbitkan dan apabila sampai ke peringkat perbicaraan awam maka saksi tadi tidak dibuktikan dengan sejelas-jelas, sepatutnya saksi yang menyokong kepada permohonan tersebut dijadikan sebagai orang pertama dituduh dalam memalsukan proses pendaftaran yang melalui borang tadi.

Walaupun sistem *online* yang diperkenalkan atau sistem berkomputer diperkenalkan menerusi program pendaftaran pemilih yang dicadangkan oleh SPR dan akan dilaksanakan pada ingatan saya ini ialah Julai nanti melalui kaunter terbuka di pejabat-pejabat pos, ianya dibuat bersistemkan komputer tetapi tidak boleh tidak semakan dan juga pemantauan serta mengenal pasti kesahihannya akan dibuat oleh pejabat-pejabat SPR secara berpusat, maka sistem *online* dengan pejabat pendaftaran negara adalah suatu rekod yang boleh mensahihkan keadaan ini dan bagaimana keadaannya sekira ada pemohon-pemohon menceroboh program yang telah pun diatur oleh pihak SPR, sistem online tadi diceroboh kerana kita yakin dan percaya tidak ada suatu teknologi yang boleh memberi suatu jaminan betapa sistem *online* ataupun sistem komputer yang dijalankan nanti adalah kebal dari sudut pencerobohan kerana kita yakin sebelum ini pun banyak laman *web* yang dimiliki oleh kerajaan, laman web rasmi kerajaan juga diceroboh, masakan sistem komputer yang sedemikian terbuka di pejabat pos tidak mungkin diceroboh.

Jadi perkara-perkara ini perlu dipertimbangkan untuk memastikan sifat muktamad yang dikehendaki menerusi pindaan atau memasukkan seksyen baru 9A ini diguna pakai atau diterima dalam pindaan ini.

Kemudian akhirnya saya ingin menyebut sedikit berhubung dengan persoalan yang berbangkit untuk mengawal penyertaan lebih ramai calon bertanding dalam satu pilihan raya. Satu strategi yang diambil menerusi pindaan ini ialah menaikkan kadar deposit atau meletakkan satu taraf siling RM20,000.

Pada pandangan saya, undang-undang yang lain harus dibawa untuk dipinda bagi mengawal keadaan ini. Misalnya dari sudut undang-undang pertubuhan itu sendiri, dengan meletakkan satu dasar rasmi mana-mana parti yang tidak berdaftar, tidak boleh mencalonkan calonnya untuk bertanding di dalam pilihan raya. Bermakna di sini sekali gus atau automatiknya, calon-calon yang mewakili atas badan tubuh bebas tidak boleh bertanding di dalam pilihan raya. Ia semestinya calon yang mewakili mana-mana parti dan parti tersebut adalah jelas aktif dan mempunyai rekod baik dengan pihak ROS iaitu dengan Pendaftar Pertubuhan yang setiap tahun menghantar rekod aktiviti mereka dan menjalankan mesyuarat agung tahunan mereka dan bersih dari sudut rekod aktiviti mereka maka calon daripada parti berkenaan sahaja boleh bertanding.

Ini bermakna tidak semua calon-calon yang ingin bertanding atas asas mereka mampu untuk membayar deposit untuk bertanding. Oleh kerana itu, keraguan yang ditonjolkan oleh pihak Yang Berhormat daripada Sarawak kononnya di sana ramai calon bebas bertanding, boleh dielakkan menerusi pindaan kepada akta pertubuhan itu sendiri dalam erti kata untuk mengawal perjalanan calon-calon yang terlalu ramai untuk menyertai mana-mana pilihan raya.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jeli lepas itu Menteri menjawab.

7.02 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengajak Tuan Yang di-Pertua, dan ahli-ahli Dewan untuk membicarakan seperti Yang Berhormat bagi Rompin, 'Rang Undang-undang DAP (Pindaan)' dan juga 'Pilihan Raya Kecil Ketari (Pindaan)' tetapi saya ingin membawa kepada Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pilihan raya tidak ada di dalam agenda kita hari ini ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Rompin tadi ada bawa 'Rang Undang-undang DAP (Pindaan)' [*Ketawa*] sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Yang di-Pertua: Siapa tidak tegah dia ya [*Ketawa*] Saya tidak benarkan Yang Berhormat Jeli. Biar orang lain yang buat salah, saya tidak mahu buat salah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, ya bagus, saya sokong 100% hujah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik dan meminjam perkataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yakni kamu bukan hanya baik tetapi mesti kelihatan baik, kamu bukan hanya bebas, mesti dilihat bebas. Jadi dalam kes ini, saya bukan untuk mempertikaikan kebebasan yang ada kepada SPR itu sendiri Tuan Yang di-Pertua, kerana SPR ini suka atau tidak suka adalah di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Jabatan Perdana Menteri yang mewakili satu parti, sudah tentu sedikit sebanyak keputusan SPR tergantung kepada keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Jabatan Perdana Menteri.

Saya pergi kepada suasana sekarang, kita tengok kepada *trend*, daripada dahulu lagi kita lihat bahawa semua perkara seolah-olah dalam negara kita ini kita cuba mengurangkan kekebalan sesuatu perkara umpamanya dalam kes kalau kita ingat dalam masa awal 80-an dan awal 90-an, institusi raja-raja sendiri pun di bawah rang undang-undang di dalam Parlimen ini mengurangkan kekebalan raja-raja itu sendiri sehingga dua kali kita bawa rang undang-undang itu ke Parlimen.

Begitu jugalah dalam Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya nanti, pihak kerajaan telah membawa satu pindaan supaya keputusan hakim mahkamah pilihan raya ini boleh dibuat rayuan di Mahkamah Rayuan. Ini menggambarkan secara umumnya senario bahawa kita cuba mengurangkan kekebalan sesuatu pihak yang terlalu berkuasa tetapi yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 8 ini, mana-mana senarai yang telah disahkan dan diwartakan oleh SPR tidak boleh dipersoalkan sama sekali.

Jadi ini seolah-olah daripada tidak kebal menjadi kebal. Seolah-olah sudah bersongsang arus dengan trend-trend yang ada di dalam negara kita ini. Sebab itu saya memohon jasa baik kalau boleh SPR dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang pernah merasa berada di barisan pembangkang dulunya melihat bahawa, sekiranya senarai-senarai ini tidak boleh dipersoalkan, janganlah kerana ianya terikut-ikut dengan keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mohd Kamil Awang semasa mengendalikan rayuan kes Pilihan Raya Kecil Likas di mana didapati beberapa nama yang tersenarai di dalam warta adalah pengundi-pengundi hantu dan dibuktikan ianya pengundi hantu maka menyebabkan kerajaan kerugian kerana terpaksa mengadakan pilihan raya kecil, menyebabkan kerajaan terpaksa berbelanja mengeluarkan kewangan tambahan untuk mengadakan pilihan raya kecil disebabkan senarai-senarai yang diwartakan itu terdapat pengundi-pengundi hantu.

Jadi sebab itu saya mohon Tuan Yang di-Pertua, janganlah itu dijadikan alasan untuk menjimatkan wang kerajaan. Biarlah SPR ini, rakyat benar-benar berpuas hati ianya kelihatan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan kes ini, dalam Fasal 12 umpamanya Tuan Yang di-Pertua, daripada dahulu mana-mana orang yang tidak berpuas hati hanya cukup sekadar menandatangani RM200 untuk mempertikaikan mana-mana nama yang tersenarai dalam warta tetapi sekarang sudah dinaikkan RM1,000. Ini saya fikir menakutkan satu pihak yang cuba hendak membetulkan keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, ini Fasal 12.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, dalam kes umpamanya pengundi-pengundi pos. Saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan, berdasarkan kepada pengalaman saya sendiri, ini dalam senarai pengundi-pengundi. Dalam undi pos, dalam pengalaman saya, kita sudah dapat senarai anggota-anggota tentera tetapi yang menyedihkan, bila ditanya kenapakah anggota-anggota tentera perlu mengundi di dalam kompaun kem itu sendiri, kenapa tidak anggota tentera dibawa keluar untuk mengundi di tempat mengundi di luar daripada kem supaya orang ramai, wakil-wakil parti dapat menjadi saksi tetapi alasan yang diberi kerana tempat sekuriti, tempat

keselamatan maka tentera tidak boleh. Mungkin waktu itu dia bertugas di kawasan-kawasan yang di luar daripada kem tersebut maka dia terpaksa mengundi pos.

Tetapi yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, mengapa isteri-isteri pun termasuk dalam pengundi pos? Isteri-isteri ini bukan tentera, sepatutnya isteri ini tidak boleh sama sekali didaftarkan sebagai pengundi pos, sepatutnya isteri ini mesti dibenarkan. Kalau boleh jangan sama sekali dianggap sebagai pengundi pos tetapi dikeluarkan kerana mereka ini rakyat biasa.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan di Kawasan Parlimen Jeli kita sudah nampak dengan jelas sehingga ke peringkat datuk, nenek, mak saudara pun ada dalam satu rumah Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat nama itu. Ini yang kita sedih di Kawasan Parlimen Jeli. Saya tengok sampai satu rumah ada enam orang, walhal ada seorang anggota angkatan tentera tetapi ada enam orang yang dikira dalam satu rumah. Takkan enam-enam sampai datuk, nenek pun tentera Tuan Yang di-Pertua? Itu yang saya bimbang.

Satu lagi kita lihat umpamanya Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya di kira undi itu kita sudah kenal pasti kerana di dalam undi pos di dalam tentera ini ada satu pihak yang sudah cukup tempoh perkhidmatan maka nama dia sudah terkeluar daripada menduduki kem itu sendiri. Mereka sudah berada di luar tetapi apa yang didapati, nama-nama ini pada asalnya dikeluarkan, dibawa kepada satu pusat umpamanya dalam kes Kem Jeli, ada dua kem iaitu satu Kem 302 dan satu Kem 301 dan nama-nama ini sudah dibawa ke Briged Pengkalan Chepa dan di *distribute* kepada pengundi-pengundi yang sudah tidak berada di dalam kem. Tetapi semasa pengundian, mendukacitakan kita, dilihat nama-nama ini dihantar balik ke kem. Ini satu benda yang tidak patut berlaku. Walaupun saya dapat kosong bagi undi tentera pun saya tidak mengapa tetapi biarlah undi tentera itu betul-betul tentera itu berada di dalam kem. Janganlah tentera-tentera yang entah duduk di mana kita pun tidak tahu, sama ada di Selatan Thai sekarang tiba-tiba menjadi pengundi, walhal dia bukan pengundi.

Pengalaman saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, di hari ketiga di dalam pilihan raya itu, SPR tidak berani pergi ke kem. Kita minta tolong pergi ke kem, tidak berani pergi ke kem, ini pengalaman di Jeli. Sebab itu saya mohon untuk dilihat sebagai SPR bukan hanya bebas, adil tetapi kelihatan bebas, kelihatan adil. Walaupun saya dapat kosong bagi undi tentera tetapi itu tidak apa-apa. Tetapi persoalannya, biarlah tentera-tentera ini untuk tahap awal kalau boleh tentera pun mengundi di luar, itu harapan. Tetapi kalau tidak boleh, biarlah hanya tentera yang masih di dalam itu sahaja yang mengundi di dalam kem tetapi isteri, datuk, neneknya hendaklah dijadikan pengundi luar daripada kem tersebut. Kalau ada tentera yang masih berkhidmat 400 orang, kita pastikan undi itu ialah 400 undi. Tetapi janganlah sehingga jadi 1,250 ke 1,500 inilah yang kita fikir rakyat cukup tidak berpuas hati walaupun dia hendak undi siapa, itu kita tidak mahu mempersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon jasa baik SPR dan juga Yang Berhormat Menteri yang akan menjawab supaya melihat ini, supaya kita akan dilihat sealiran, senada seperti mana yang dilakukan oleh Thailand, Tuan Yang di-Pertua dan juga dilakukan oleh Indonesia dan akhir-akhir ini Cambodia

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa dia sudah cukup.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ..Cambodia dan Myanmar sejak akhir-akhir ini Tan Sri Ahmad Razali ini selalu melawat sudah mula membuka sedikit pintunya sejak bertemu dengan Aung San Suu Kyi dan juga pemimpin NLD dari pihak Junta Tentera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.10 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, turut serta membahaskan Rang Undang-undang Akta Pilihan Raya 1958. Didapati 15 Ahli telah secara langsung bangun untuk membahaskannya dan di samping itu terdapat 23 ahli-ahli yang mencelah. Oleh itu, untuk menyejajarkan urusan

penggulangan ini, saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua supaya saya sebutkan dahulu topik-topiknya dan kemudian mudah bagi saya untuk menyampaikan sedikit sebanyak penerangan berkaitan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Jeli, mengemukakan hal-hal berkaitan dengan kekurangan imej bebasnya SPR dan beliau menyebut tentang betapa perlunya bahawa pengundian secara pos itu diteliti.

Bagi Bachok, menyatakan bahawa taraf muktamad yang ada pada senarai pemilih yang hendak dikuatkuasakan menerusi pindaan yang berkenaan, tidak berpatutan katanya.

Rantau Panjang, menyeru supaya cara penyelesaian tentang pemilih yang disebut sebagai istilah 'hantu' walaupun saya Yang Amat Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tidaklah begitu setuju dengan istilah itu. Beliau memohon supaya masalah itu diselaraskan dengan tindakan yang tidak timbul lagi.

Tanah Merah mencurigai tentang deposit maksimum RM20,000 serta menyebut isu-isu yang tidak berkaitan dengan rang undang-undang termasuk politik wang.

Tumpat, menyebut mengenai masalah kekeliruan undi pos dan pameran yang lebih kerap perlu dimohon.

Rompin, saya mengucapkan terima kasih oleh kerana menyokong secara yang unik, iaitu menyatakan bahawa Kerajaan Kelantan dan Terengganu katanya, yang sekarang diterajui oleh PAS, tentu mampu untuk memberi atau menyumbangkan deposit yang dikatakan begitu maksimum.

Kepong, memohon supaya pembersihan senarai pemilih dibuat dengan segera dan beliau juga mencurigai tentang kebijaksanaan deposit yang silingnya dikenakan pada tahap RM20,000. Selain itu, Yang Berhormat bagi Kepong juga memohon supaya Barisan Nasional katanya, menghilangkan apa yang disebut oleh beliau sebagai dengan izin, *tyranny of the majority*.

Bagan Datok menyokong dengan cara beliau dan akuan dimohon daripada SPR supaya perkara-perkara yang dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu itu, diambil tindakan dan beliau menyatakan tiada sesuatu undang-undang yang 100 peratus sempurna.

Bagan memohon supaya hari cuti diberi, agar ianya dimulihkan selaras dengan hari mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, Dungun menganggap bahawa pindaan ini semuanya negatif dan beliau menyatakan dengan izin, *this is a political strangulation*.

Marang, terima kasih kerana menyokong. Dengan adanya rang undang-undang baru ini, maka proses untuk menentukan bahawa mereka yang benar-benar ikhlas, perlu menyertai pilihan raya.

Permatang Pauh juga tidak menyebut sesuatu pun yang baik mengenai rang undang-undang ini, malah beliau terus pergi membahaskan mengenai kesalahan pilihan raya yang belum lagi pun kita ketengahkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Batang Lupar menyebut tentang kemungkinan calon-calon komersial di Sarawak muncul dan dengan pindaan ini, beliau menduga bahawa kategori mereka itu tidak akan muncul. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa perlu diadakan senarai yang sah. Kedua, mereka yang memohon untuk menjadi pemilih dan mereka yang telah meninggal dunia.

Yang Berhormat bagi Tanjong menyatakan bahawa *judicial review*, dengan izin, kata beliau sudah hilang dan tidak ada lagi peluang untuk dikemukakan di mahkamah sekiranya pindaan kepada senarai pemilih itu dimuktamadkan parasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Pendang seperti biasa, tidaklah membawa apa-apa yang harus dipertikaikan dari segi kepembangkangan dan beliau ada menyebutkan bahawa daftar pemilih yang tidak boleh dicabar mahkamah katanya akan mencetuskan tidak puas hati. Lalu, beliau telah mengemukakan bahawa pandangan menyokong ke arah mewujudkan deposit RM20,000 ini akan merosakkan peluang demokrasi dan status demokrasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara perkara-perkara yang dikemukakan oleh pengucap-pengucap utama. Selain itu, seperti yang saya nyatakan tadi, terdapat 23 pencelahan. Sementara saya tidak berhajat untuk menyebut satu persatu, adalah didapati bahawa pembentangan rang undang-undang ini telah menyentuh beberapa perkara yang tidak difahami oleh beberapa pihak khususnya daripada pembangkang. Semua menyatakan bahawa deposit adalah terlalu tinggi, RM20,000. Telah saya nyatakan dalam ucapan pembentangan, Tuan Yang di-Pertua, yang mana biasanya tidak dipakai banyak oleh pihak pembangkang atau dimengertikan dalam konteksnya. Wang yang jumlahnya RM20,000 itu, adalah kuasa maksimum yang dikenakan sebagai kuasa kepada SPR.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Di situ, SPR terpaksa menentukan setelah diteliti, sosioekonomi rakyat, perubahan politik di negara dan fakta bahawa semenjak tahun 1982, ianya tidak pernah diubah, maka satu tahap akan dicari oleh SPR. Tetapi, bahasan tentang itu tidak pernah pun ditimbulkan seolah-olah RM20,000 ini akan jadi tetap dan maksimum.

Jadi, di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi jaminan, setelah mendapat maklum balas yang jelas daripada SPR, bahawa mereka tidak akan mengenakan tahap siling yang disebut sebagai RM20,000 itu, melainkan ianya akan dicari tahap yang lebih munasabah.

Mengenai deposit ini, Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita mudah membandingkan dengan negara-negara luar – Britain, U.S. dan lain-lain - tetapi di Malaysia perkara yang harus kita bandingkan bersama ialah, betapa pentingnya di Malaysia kita mempunyai sistem kita mengikut yang kita maklum dan boleh digunapakai. Kalau kita ikut program yang ada di Britain, perkara ini akan menjadi huru-hara sebab kematangan masyarakat di sana dan di sini tidak boleh kita samakan. Tetapi hal seperti ini tidak akan diterima oleh pembangkang. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menerangkannya.

Dan berkaitan dengan deposit ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa SPR akan menggunakan budi bicara dan hemah yang setepat mungkin untuk mencerminkan azam supaya hadnya atau perenggannya tidaklah melebihi kepada satu tahap yang dicurigai oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita pun kesuntukan masa dan pencelahan telah banyak dibuat, kalau boleh saya diizinkan menjawab secara am, dan barangkali boleh kita selesaikan menjelang maghrib.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa berkaitan dengan sifat kemuktamadan

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun. Hendak bagi jalan atau tidak?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya fikir saya akan selesaikan penyampaian ini sehingga ke tahap yang membolehkan saya memberi celahan kepada Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: deposit. Nanti tempat lain. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menyentuh mengenai masalah deposit tadi, pihak Yang Berhormat ada menyebut bahawasanya tidak semestinya apabila kita meletakkan maksimum RM20,000 itu pihak SPR akan meletakkan RM20,000 juga. Jadi apakah susah kalau dalam Rang Undang-undang ini diletakkan jumlah RM10,000 sahaja? Kemudian kalau merasakan ekonomi kita sudah pulih, kita rasa kita patut menaikkan, kita masukkan rang undang-undang yang baru pula, tahun hadapan atau dua tahun lagi. Apa susahnya? Saya rasa ia tidak berbangkit. Sebab itulah kita pertikaikan sekarang ini - bukan kita pertikaikan akan datang - sama ada SPR itu diberi kuasa. Betul, kita telah pun mengetahui yang SPR diberi kuasa, tetapi kenapakah kuasa itu diberikan sampai ke peringkat RM20,000? Bagilah RM10,000 dahulu, dan

kemudian tahun hadapan hendak diangkat balik, angkatlah, kita bahaskan di Parlimen ini. Apa yang susahinya? Bukan kita tidak faham, kita faham, tetapi barangkali cara itu, cara yang diletak oleh pihak kerajaan kepada SPR itu seolah-olahnya bagi kuasa kepada SPR, kemudian belakangnya tenyeh pula. Ini yang tidak tahan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya SPR tidak dalam suasana minda untuk menenyeh mana-mana pihak. Kalau pihak PAS suka tenyeh-menyeh, itu terserah kepada PASlah. SPR adalah satu badan yang berwibawa, dan di bawah seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958, khususnya 16(d), di situ memang boleh dipinda, tetapi memandangkan bahawa setiap kali hendak dinaik atau diturunkan sesuatu tahap itu kita terpaksa membawa balik untuk dibahaskan di Dewan, sedangkan SPR sebagai badan yang bebas dan bertenaga membuat perkiraan yang sebenar, boleh mengenakan siling yang tertinggi tetapi mereka selalu dan sentiasa menimbangkan tahap yang munasabah untuk dilaksanakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada perkara yang berkaitan dengan senarai pemilih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Senarai pemilih yang dimaksudkan untuk dipinda ini adalah senarai yang telah melalui proses-proses penelitian terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangun. Hendak bagi jalan atau tidak? Bagi pada siapa, Yang Berhormat bagi Pokok Sena ya?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya mendengar bahawa Dato' Menteri telah memberi tahu, walaupun peruntukan dalam pindaan ini diletakkan silingnya RM20,000, tetapi Yang Berhormat mengatakan bahawa SPR telah memberi jaminan bahawa mereka tidak akan sampai kepada angka siling RM20,000 itu. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah jaminan itu terkandung dalam bentuk sesuatu yang bertulis di dalam pindaan ini? Sebab yang tertulis di dalam pindaan ini membolehkan SPR mengenakan sampai silingnya RM20,000. Jaminannya tidak bertulis. Cuma saya hendak tahu kalau ada jaminan bertulis, itu boleh meyakinkan. Kalau jaminan tidak bertulis tetapi kuasa telah diberi, maka sudah tentulah bahawa yang akan diberikan tumpuan ialah apa yang diperuntukkan dalam undang-undang, bukan jaminan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Teguran itu bagi sesetengah pihak dalam sekelip mata memang boleh diterima pakai mungkin sebagai logik, tetapi mereka yang menggunakan naluri yang lima seperti memandang, mendengar dan juga melihat serta meneruskan pemikiran, ini tidak berlaku, oleh kerana di bawah Seksyen 16 itu, sebelum sesuatu yang hendak dilaksanakan oleh SPR, maka Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendaklah bersetuju. Oleh itu, sekiranya SPR telah menotakan kepada saya selaku Menteri yang membentangkan undang-undang ini, bahawa ia tidak akan mengenakan maksimum itu. Saya kira itu sudah cukup bagi kita di Dewan ini untuk hormat-menghormati sesuatu yang disebut sebagai komitmen. Dan sekiranya ini dipertikaikan jua, maka forum yang lain memang ada terbuka kepada kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak bagi jalankah?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ya. Yang Berhormat bagi Seri Gading.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ayat dalam pindaan ini sudah begitu cantik. Jawapan Yang Berhormat Menteri pun sudah begitu jelas: Maksimum RM20,000, dan ini jangka panjang. Soal berapa hendak ditetapkan oleh SPR, seperti mana jawapan Yang Berhormat Menteri, itu melihat keadaan. Jadi, tidak payahlah apabila hendak naikkan dibawa ke Parlimen, hendak dinaikkan bawa ke Parlimen. Mungkin ini sampai

20-30 tahun. Jadi jelaslah bahawa pindaan ini tepat pada masanya dan ianya bijaksana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini, semenjak Merdeka, kita telah berpilihan raya sebanyak 10 kali, dan sekarang PAS pun sudah menduduki dengan kuasa pemerintahan di dua negeri. Tidak percayakah lagi kepada SPR? Sekiranya dilayan juga perasaan curiga ini, maka dalam hidup kita akan terus-menerus menghadapi kesukaran. Saya maklum bahawa perasaan curiga itu memang ada, dan sekiranya kita menyatakan tidak puas hati pada masa ini, mari kita beri peluang kepada SPR, supaya SPR sesungguhnya untuk menepati komitmen dan perundangan yang ada akan berbuat seperti yang saya jelaskan tadi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pendang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua sudah sebut, kenalah bagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Saya hendak minta penjelasan sahaja. Tadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kata ini kena mendapat persetujuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Memanglah, Akta ini perlu mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tetapi peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh SPR, adakah itu juga memerlukan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong? Saya fikir tidak. Jadi janganlah hendak mengelirukan lagi keadaan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekiranya Yang Berhormat bagi Pendang berpendapat bahawa huraian yang saya beri ini adalah mengelirukan, maka tidak ada lunas bagi saya untuk memberi jalan untuk menjawab apa-apa yang berbaki nanti dalam ucapan yang akan diberi, sebab Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tidak percaya. Dan saya boleh samakan dengan satu ayat yang saya ingat, [*Membacakan sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud, "*Dan sama sahaja mereka itu, sama ada diberi tahu atau tidak diberi tahu, mereka tidak akan percaya*".

Jadi, habis ikhtiar saya Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada senarai pemilih.

Senarai pemilih yang dikatakan muktamad ini ialah setelah menerusi bab demi bab, proses demi proses semenjak seseorang itu memohon untuk menjadi pemilih sampailah ke tahap ianya hendak diwartakan. Oleh yang demikian proses itu tetap ada pada setiap perenggan seseorang itu memohon hendak menjadi seorang pemilih. Apabila dipamerkan di tempat-tempat am seperti di pejabat-pejabat SPR ataupun di kawasan-kawasan tempat-tempat yang diwartakan atau ditentukan di bawah peraturan maka orang ramai berhak meneliti dan juga mencatat siapa-siapa yang kononnya yang tidak harus menjadi pemilih ataupun yang telah tertinggal namanya sebagai pemilih.

Setelah apa yang disebutkan sebagai perenggan masa itu dicapai barulah ianya dianggap sebagai muktamad. Muktamad dari segi di mahkamah tidak harus lagi dipertikaikan isu itu. Tetapi di luar sebagai seorang warganegara masih boleh merayu kepada SPR kemudiannya mengatakan bahawa sesuatu itu tidak kena pada tempatnya ataupun sesuatu data itu telah hilang. Saya setuju dengan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Ini bukan suatu yang begitu sukar sehingga kita menyatakan undang-undang ini memenuhi segala kesempurnaan. Memang tidak, cuma dinyatakan bahawa senarai tadi adalah senarai yang lengkap dan sekiranya dibiarkan dicangahi di mahkamah, katalah sepuluh nama dan seseorang itu telah menang dengan angka 1,500.

Dengan sepuluh nama tadi takkan boleh kita batalkan sahaja senarai yang telah dikemukakan, itulah salah satu daripada rasionalnya. Oleh yang demikian dalam kes-kes yang telah dikemukakan di mahkamah rasional amnya ialah bantahan

terhadap nama-nama yang kononnya bersabit dengan sesuatu petisyen itu melibatkan bilangan yang lebih daripada angka perolehan seorang calon yang menang atau yang kalah maka barulah menjadi satu isu yang boleh dibicarakan. Tetapi kalau kehilangan bawah daripada angka yang telah ditetapkan sebagai mereka yang menang maka ianya tidak dapat diterima oleh mahkamah. Kes-kes yang berkaitan..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: dengan ini banyak dan saya boleh memberikan senarai itu sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat memerlukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya hendak bertanya kepada Ahli-ahli Dewan oleh kerana jam sudah 7.30, pencelahan telah diberi, peluang selama ini saya fikir saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli tidak diberikan laluan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, mengenai undi pos biar saya nyatakan di sini secara grafik iaitu tidak benar bahawa bilangannya itu sentiasa menyebelahi kepada pihak kerajaan. Di Teluk Kemang misalnya pembangkang beroleh 2,000 undi pos. Ini adalah menerusi sistem yang telah berjalan, juga di Indera Kayangan bilangannya bukan sedikit. Di Ketari memang sedikit sebab alasan-alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Rompin tadi mungkin telah terasa cilinya betapa pedasnya oleh beberapa pihak maka pembangkang hanya mendapat dua undi pos.

Selain itu agihan nisbahnya boleh dikatakan boleh diterima. Oleh kerana hal ini berada di tahap yang mencuit hati pembangkang, saya memang maklum bahawa beberapa teguran itu memang boleh dikemukakan kepada SPR dan saya akan memohon kepada SPR sebagai badan yang bebas untuk menimbang teguran-teguran dari segi implementasi yang disebutkan oleh beberapa pihak sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita di Dewan ini sentiasa menyebut mengenai ahli yang dikatakan tidak harus didaftarkan dalam senarai pemilih sebagai pemilih hantu saya mohon supaya istilah itu kita tidak gunakan selalu. Jika tidak mungkin kita pun bertukar sifat sebagai hantu. *[Ketawa]* Oleh kerana pilihan raya boleh diiktirafkan oleh sesetengah pihak nanti bahawa pihak-pihak yang memainkan peranan di dalamnya adalah ahli-ahli hantu raya. Hal yang berkenaan yang patut kita fikirkan ialah ahli-ahli yang salah daftar. Saya suka membawa perhatian Ahli-ahli Dewan ini kepada Peraturan 14(2). Peraturan 14(2) yang memberi takrif yakni peraturan pendaftaran pemilih 1971. Ada tiga senarai:-

- (i) senarai 'C'
- (ii) senarai 'B' dan
- (iii) yang muktamadnya senarai 'A'.

Senarai 'C' mengandungi mereka yang telah didapati sebagai meninggal dunia. Senarai 'B' ialah mereka yang memohon untuk menjadi pemilih yang belum lagi muktamad. Oleh itu apabila senarai ini dikemukakan, rakyat pun boleh meneliti dan memeriksanya agar tidak ada sesuatu yang tertinggal ataupun salah daftar. Oleh yang demikian soal pemilih hantu ini tidak timbul dan kita harus tidak menggunakan istilah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mencurigai SPR ini mudah tetapi saya ingin meminta semua Ahli Yang Berhormat supaya memberi sedikit peluang kepada badan yang penting ini. Tanpa SPR dengan kerja dan tugasnya seperti dinyatakan di bawah perkara 113,114 dan lain-lain di bawah perlembagaan kita tidak dapat mengamalkan amalan-amalan demokrasi seperti hari ini. Memang setiap badan itu dicurigai, pegawainya orang-orang yang memegang tampuknya ataupun *proximity*nya dengan izin dengan Jabatan Perdana Menteri.

Kalau SPR tidak boleh dibantu dari segi pembentangan undang-undangnya atau sekiranya Perdana Menteri tidak boleh mendengar perwakilan dari SPR bagi pihak Yang di-Pertuan Agong bagaimanakah badan ini hendak berfungsi. Ianya mesti berfungsi atas satu landasan. Tidak ada satu pun suruhanjaya di dunia ini yang 100% dikatakan berdiri dengan sendirinya. Wai'ma mahkamah di Amerika Syarikat yang disebut sebagai the supreme court pun tidak sedemikian. Oleh itu cadangan bagi mengisi kekosongan perjawatannya, cadangan untuk mengganti ahli-ahli suruhanjaya semua itu adalah mengikut prosesnya dan proses itu adalah di bawah kawal selia Yang di-Pertuan Agong.

Di bawah Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah dinasihati oleh seorang yang mewakili kabinet yang biasanya Perdana Menteri. Ini undang-undang kita dan kita tidak boleh mengatakan oleh kerana itu maka SPR mempunyai tahap yang tidak bebas.

Faedahnya kita kecapai, kita sudah memerintah, apa-apa manfaatnya sudah diterima, elaanunya pun kita sudah makan dan sudah menjadi darah daging. Sekarang kita katakan anda di sana tidak mempunyai kedudukan yang boleh diiktiraf sebagai bebas. Saya tetap mempertahankan SPR sebagai badan bebas dan kita akan terus memberi sokongan dan galakan kepadanya untuk beroperasi seperti di bawah perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sekarang sudah jam 7.40 saya hanya menyatakan buat akhirnya iaitu sesuatu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, bak kata orang, kalau gayung disambut, kata mesti disahut, cuma tidak semua gayung dapat saya pegang dan semua kata dapat saya sahut. Untuk itu saya mohon maaf. Cuma beliau katakan tadi tanya Yang Berhormat bagi Jelebu, tanya Yang Berhormat bagi Gua Musang, tanya Yang Berhormat bagi Bagan Serai, macam mana mereka ini gelisah dahulu. Biarlah saya tidak sebut panjang. *[Ketawa]*

*Jangan disengat ikan gelama;
Kalau disengat lekaslah jampi;
Jangan diingat perkara lama;
Kalau diingat susahlah nanti [Disorak]*

Tuan Yang di-Pertua, ini khusus untuk sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pendang.

*Dari Jelebu ke Jerantut;
Gua Musang ke Bagan Serai;
Kami membuat apa yang patut;
Hanya pembangkang tidak mahu pakai. [Ketawa]*

Terima kasih *[Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat,

...

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha!

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 47, Belah Bahagian. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Hendak jawab pantun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak payah pantunlah. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Fasal 47, Belah Bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Setiausaha.

[Ahli-ahli dikira; 15 Ahli hadir]

[Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada 15 orang. Okay, baik. Locenglah.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan gamat seketika]

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, okay.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, diminta bangun 15 orang, pihak yang mencadang, bukan pihak yang ini. Ini langgar Peraturan Mesyuarat. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Langgar Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita faham, kita faham. Setiausaha boleh.... Setiausaha.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak tahu langsung. Jadi Ketua Back-benchers apa! Tidak mengerti. Belah Bahagian bukan selalu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia berbincang dengan DAP.

Tuan Mohamad bin Sabu: Rang Undang-undang mesti sokong selalu. Yang ini sahaja. Ini yang tinggal 15 orang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tujuan mereka hendak tunjukkan mereka lebih ramai orang. Cukuplah! Sudah cukuplah, Yang Berhormat.

[Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

[Pengundian dijalankan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusannya Belah Bahagian sejumlah 86 Ahli yang mengambil bahagian, keputusannya, 63 bersetuju; *[Tepuk]* Yang tidak bersetuju hanya 23 *[Tepuk]*. Maka pendek kata lebih undi yang bersetuju.

YANG MENGUNDI:

86

YANG BERSETUJU:

63

YANG TIDAK BERSETUJU:

23

[Nama Ahli-ahli yang mengundi, yang bersetuju dan yang tidak bersetuju boleh dirujuk dalam 'Laporan Undi-undi dan Perjalanan mesyuarat']

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 7 –

7.53 mlm.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Saya pohon membuat cadangan Pindaan dan Peraturan Mesyuarat 57(2) Seksyen 7.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendaang, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 57(3) dan 57(4) yang menyatakan jika sesuatu perkara adalah dipersetujui dalam dasar, cadangan pindaan yang boleh berlawanan maksudnya maka tidak boleh dikemukakan [*Tepuk*]

Peraturan Mesyuarat 57(3) dan 57(4) ini di peringkat dasarnya kita telah diluluskan sebab lebih undi yang bersetuju. Teruskan.

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 7 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Di peringkat jawatankuasa perbahasakan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, perbahasan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Dalam perbahasan ini, saya mengemukakan satu pindaan supaya fasal Seksyen 7 itu dikekalkan, kerana ini lebih menjamin ketelusan perjalanan SPR di dalam mengendalikan urusan pendaftaran pemilih. Saya fikir pindaan yang dicadangkan ini tidak berlawanan dengan apa yang telah diputuskan kerana ini bagi mengukuhkan lagi perjalanan dan pengendalian SPR dalam urusan pendaftaran pemilih yang menjadi asas kepada pilihan raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Pengerusi, Peruntukan 57(3) telah jelas dan Tuan Pengerusi telah pun membuat penentuan sebentar tadi. Oleh yang demikian, dengan kuat kuasa pecahan empat dengan Peraturan 57, maka apa yang dikemukakan itu juga telah tersampul atau terliput di bawah apa yang telah ditentukan oleh Tuan Pengerusi.

Walau bagaimanapun, setelah diteliti dan memandang kepada bentuk asal rang undang-undang ini, maka kerajaan masih berpendapat bahawa segala yang diusul dan dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) wajar diterima dan diluluskan di dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Fasal-fasal 1 hingga 7 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 8 hingga 11 -

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya merujuk balik kepada Fasal 57(3) dan (4) yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi tadi bahawa pindaan pada peringkat ini tidak boleh dilaksanakan. Fasal ini tidak menyebut bahawa pindaan ini tidak boleh dilaksanakan. 57(1) dengan jelas telah menyebut bahawa apabila Setiausaha menyebutkan nombor tiap-tiap fasal, atau beberapa fasal dalam rang undang-undang itu lepas satu fasal, satu fasal, jika tidak ada pindaan dicadangkan kepada satu fasal atau setelah selesai segala pindaan dicadangkan, maka Tuan Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masalah fasal tersebut. Tetapi sekarang ini ada pemberitahu untuk meminda fasal-fasal yang telah disebutkan dan notis ini telah pun dibawa dan Maksud 57(3) dan (4) tidak sama sekali menghalang, umpamanya 57(4)

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, keputusan yang dibuat tadi, saya telah menyatakan jika telah dipersetujui dalam peringkat dasar dan cadangan pindaan akan berlawan dengan apa yang dipersetujui, memang tidak boleh dikemukakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang mana itu, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maka saya mengikut notis yang ini

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang mana itu, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Pindaan 3 dan 4 akan dibenarkan untuk

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang mana itu Tuan Pengerusi sebutkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 57(3).

Tuan Husam bin Haji Musa: 57(3) adalah peringkat Jawatankuasa bukan di peringkat dasar. Sesuatu Fasal yang telah dipersetujui atau dengan apa-apa ketetapan yang telah diambil oleh jawatankuasa itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh bahas mengikut pengalaman saya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi, saya suka menyebut dengan jelas di sini bahawa Pengerusi boleh menarik balik semua pindaan itu daripada ditimbang oleh Jawatankuasa dan apa yang saya hendak tegaskan ialah, Tuan Pengerusi selaku pengerusi telah pun membuat penentuan sebentar tadi. Maka penentuan itu wajarlah dilaksanakan. Kuasa itu ada pada 57(3).

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan?

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya hendak sebut juga 57(3) seperti mana yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi sebentar tadi. Tuan Pengerusi tadi sudah boleh menarik balik ataupun meneruskannya tetapi di sini ayat ini dengan jelas menyebutkan tidak boleh dicadangkan pindaan yang berlawanan maksudnya dengan sesuatu Fasal yang telah dipersetujui atau dengan apa-apa ketetapan yang telah diambil oleh jawatankuasa itu. Tuan Pengerusi menyebutkan tadi dan telah dipersetujui oleh Jawatankuasa sedangkan Jawatankuasa tidak bersetuju lagi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagipun Yang Berhormat, saya ingin merujuk kepada 57(4), Pengerusi boleh enggan mengemukakan pindaan itu kepada mesyuarat jika pada fikiran ketika itu akan menjadikan fasal atau jadual yang hendak dipinda itu tidak terang maknanya atau salah jalan bahasanya atau sia-sia dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, saya telah membuat keputusan itulah, Yang Berhormat. Yang Berhormat, keputusan itu telah saya buat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak boleh Tuan Pengerusi, saya rasa ada silap faham di sini. 57(4) adalah jelas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh tidak boleh, ini kuasa yang diberikah kepada sayalah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan, bukan begitu Tuan Pengerusi, 57(4) adalah jelas bahawa tiga asas bagi membenarkan Pengerusi menggunakan kuasanya iaitu jika pindaan yang dibuat itu menyebabkan bahasa menjadi tidak terang. Kita tidak mendapat *ruling* daripada Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Tuan Husam bin Haji Musa: ...Bahawa bahasa yang telah dinotiskan ini tidak terang. Dan yang kedua, ialah sia-sia. Ini bukan sia-sia. Ini adalah untuk membaiki pindaan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan sudah dibuatlah. Ini saya pegang kepada keputusan sayalah.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hem.

Tuan Muhamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, berbalik kepada peraturan yang sama Tuan Pengerusi. Ghalibnya saya berada di sini dan jawapan daripada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri itu daripada Tanjong Karang iaitu dia kata, jarang kita mengambil bahas di peringkat Jawatankuasa. Bila ada notis cukup masa, maka ia hendaklah dibahaskan. Ini pengakuan daripada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dan ghalib saya berada di sini, sudah tiga penggal, ghalibnya peringkat Jawatankuasa ini boleh dibahaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua ini, ini yang difahamkan oleh apa yang fahaman Setiausaha Parlimen. Saya menjalankan tugas mengikut peraturan mesyuarat ini.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskanlah, Yang Berhormat. Ya, Setiausaha.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kita belum bahas lagi. Fasal 8 dengan 9 belum dibahaskan dan saya telah mengemukakan cadangan Pindaan dalam Fasal 9A.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi ini pindaan cadangan Pindaan 1 dan 2 telah saya katakan, tidak perlu dikemukakan lagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Alasannya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Alasan telah saya berikan tadi. Sebabnya memang akan berlawanan dengan maksud yang telah kita persetujui.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kalau begitu apa ertinya pindaan peruntukan 57(2) yang membolehkan seseorang Ahli membuat cadangan pindaan? Memanglah kalau sudah diluluskan pada peringkat dasar.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini peraturan mesyuarat telah menyatakan dan saya membuat keputusan ini berasaskan kepada apa yang ternyata dalam peraturan mesyuarat.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

8.02 mlm.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu walaupun Yang Berhormat Menteri telah memberi penjelasan yang agak panjang lebar tadi mengenai daftar pemilih tetapi saya rasa perkara yang saya bangkitkan dalam ucapan saya tadi, belum dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri iaitu sama ada sebelum Daftar Pemilih ini diperakui ataupun diperakui semula, sama ada Daftar Pemilih yang sedia ada yang sudah *entrench* dengan pengundi-pengundi yang tidak sah ataupun pengundi hantu, akan diguna pakai ataupun sama ada satu *exercise* pembersihan akan dilakukan terlebih dahulu dan selepas usaha pembersihan ini, barulah Daftar Pemilih itu dibuat ataupun dipamerkan untuk bantahan dan sebagainya dan seterusnya diperakui semula.

Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak menjawab satu perkara yang sungguh penting sama ada pembersihan akan dibuat. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian sila.

8.03 mlm.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Pindaan Seksyen 9A. Sebelum daripada itu, saya suka merakamkan bahawa, saya rasa keputusan Tuan Pengerusi menolak pindaan ini adalah satu kesilapan teknikal.

Walau bagaimanapun saya turut mengambil bahagian untuk membahaskan. Dalam pindaan Seksyen 9A kita telah membatalkan kuasa mahkamah untuk menyemak dan menilai semula sesuatu senarai pengundi yang telah dikeluarkan oleh SPR. Dalam praktiknya, sesuatu pendaftaran dibuat oleh mana-mana pengundi yang belum mendaftar dan senarai ini akan dipamerkan untuk bantahan dalam satu tempoh masa yang tertentu.

Bagi kawasan-kawasan bahagian pilihan raya yang mempunyai parti politik yang aktif pada sesuatu masa, mereka mungkin mempunyai petugas-petugas untuk menyemak senarai-senarai pengundi-pengundi ini untuk dibuat bantahan. TetapiRompin [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Hendak tumpang tanya, hendak teruskan Sembahyang Maghrib ini [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Ini hendak buat pecah-pecah, belah bahagi, susah. Ini apa ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak halang siapa-siapa yang hendak keluar sembahyang. Tetapi saya rasa kena minta izinlah dengan Tuan Pengerusi untuk

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, pasal dok berdiri, berdiri macam itu, macam dalam kelas sahaja.

Seorang Ahli: Protes!.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan masalah protes, dia orang protes fasal cara-cara itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat. Kalau tidak ada, saya hendak minta Menteri jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Ketawa*] Saya teruskan. Tetapi perkembangan politik ia akan berkembang tidak seperti yang dijangka. Mungkin ada suatu masa di mana bahagian-bahagian yang dahulunya petugas-petugas pilihan raya mana-mana parti ini tidak aktif tetapi mereka tiba-tiba merasa mereka berpotensi untuk meletakkan calon pilihan raya dan apabila mereka tertinggal masa untuk membuat bantahan, mungkin senarai-senarai yang telah diatur oleh pihak-pihak yang tertentu tadi menjadi sah. Menjadi sah. Kita mengandaikan ada bantahan. Tetapi dalam keadaan kritikal, kadang-kadang ada senarai yang terlupa ataupun terabai daripada dibantah. Ini keadaan.

Siapa yang berhak membantah? Yang berkepentingan membantah sekarang ialah parti-parti politik yang mempunyai kepentingan di tiap-tiap pilihan raya. Mereka yang ada petugas untuk membuat bantahan, mereka yang akan membantah daripada satu masa ke satu masa. Tetapi katakan parti politik ini terabai membuat sesuatu bantahan pada satu musim pameran senarai daftar pilihan raya ini diadakan. Maka dengan sendirinya senarai yang tidak dibantah tadi secara automatik menjadi sah. Tetapi senarai yang sah ini mungkin mempunyai maklumat-maklumat pengundi yang tidak benar seperti mana pengundi hantu dan sebagainya.

Oleh yang demikian, peruntukan seksyen ini membatalkan kuasa mahkamah dengan andaian bahawa seharusnya dalam tempoh pameran ada bantahan, adalah meletakkan Suruhanjaya Pilihan Raya di atas segala-galanya. Menjadi satu senarai suci yang tidak boleh dirujuk di mana-mana *venue* yang sah dari segi undang-undang.

Ini adalah satu tindakan yang sangat tidak demokratik. Jika sekiranya kita telah mengamalkan *separation of power*, pengasingan kuasa dan mahkamah adalah satu tempat rujukan yang tertinggi, mengapa tidak senarai yang mungkin telah tidak dibantah dalam masa bantahan tetapi telah menjadi satu senarai yang sah tetapi masih lagi mengandungi fakta-fakta yang tidak benar, hak seharusnya diberi peluang untuk dibantah di mana-mana *venue* yang tinggi, yang lebih atas.

Dalam hal inilah kita mencadangkan pindaan. Bukan sia-sia cadangan kita ini. Cadangan SPR, cadangan kerajaan membatalkan kuasa mahkamah adalah satu implikasi yang sangat besar. Satu kehilangan kepercayaan kepada proses mahkamah. Satu peluang jika tidak diberikan bantahan dalam masa yang telah dihadkan, senarai ini menjadi sah selama-lamanya. Ini adalah suatu tindakan yang tidak betul.

Sebab itu pindaan kita adalah sangat penting. Sangat penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak tahu Tuan Pengerusi, jika sekiranya kita mempunyai pindaan seperti ini yang kita rasakan penting, manakah *channel* yang kita dapat menghasilkan pindaan ini. *Channel* ini telah pun disebut dalam 57(1) dan kita tidak menggunakan peluang ini. Jika sekiranya kita dalam peringkat Jawatankuasa ditolak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang berada di fasal-fasal '8 hingga 11'.

Tuan Muhamad bin Sabu: Saya ingin bertanya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya rasa petang ini berlaku perkara yang peliklah. Sebab pindaan ini cukup notis dua hari, mesti boleh dibahaskan dan majoriti BN ada untuk tolak. Kenapa tidak boleh pindaan ini? Dan dia satu-satu itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya harap perkara ini tidak payah ulang sekali lagi.

Tuan Muhamad bin Sabu: Pemberitahuan telah diberi dan ini telah diedarkan di atas meja....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan dibuat mengikut peraturan mesyuarat.

Tuan Muhamad bin Sabu: Peraturan Mesyuarat, itu yang saya bantah di sini. Saya tengok tidak pernah berlaku macam hari ini. Ini pelik sedikit ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Sabu: Jadi saya rasa pelik sedikit hari ini berlaku. Sebab majoriti ada pihak BN. Nanti bila datang ke peringkat setuju atau tidak setuju mereka menang. Tetapi mesti boleh dibaca pindaan itu dan dibahaskan. Ini selalu ghalibnya berlaku di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Ya, Yang Berhormat bagi Tambun, peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya hendak minta Tuan Pengerusi untuk membuat interpretasi 57 (1) adakah kita membenarkan perbahasan pada peringkat Jawatankuasa, pertama, kerana Yang Berhormat telah menolak pindaan yang dicadangkan, kerana penolakan Yang Berhormat adalah berdasarkan 57 (3) yang jelas, tidak boleh dicadangkan pindaan yang berlawanan dengan maksudnya dengan satu Fasal telah dipersetujui.

Ini jelas, kita baca pun kita tahu Yang Berhormat, kita Yang Berhormat Tuan Pengerusi kita bukannya orang tidak pandai, kita baca kita tahu berlawanan dengan keputusan yang kita buat peringkat dasar ini tadi, maka Yang Berhormat telah tolak, adakah kita hendak duduk, kita hendak bincang perkara yang telah ditolak yang memang sesuai dengan Fasal ini, yang telah dipersetujui, yang telah dibuat keputusan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab saya katakan, keputusan sudah buat, kita jangan beralih kepada masalah ini lagi. Yang Berhormat Kubang Kerian kalau tidak ada benda lain, saya boleh minta Menteri menjawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Belum, saya belum habis ucapan saya tadi, saya belum habis ucapan saya, tadi ada pertanyaan daripada Kuala Kedah. Saya belum habis perbahasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan atas Fasal-fasal 8 hingga 11.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya masih membahaskan Fasal 9. Peruntukan yang telah dibuat oleh kerajaan ini meletakkan, menghilangkan tanggungjawab moral SPR untuk membetulkan kemungkinan dan senarai pengundi yang telah disahkan tanpa disemak dan dibantah yang mempunyai daftar pengundi yang tidak benar untuk dibetulkan. Tanggungjawab moral, itu sangat penting.

Kita tidak boleh mensucikan, memuliakan senarai SPR yang tidak dibantah yang telah menjadi sah, tapi mungkin lagi mengandungi data-data pengundi yang tidak benar untuk menjadi mulia, menjadi suci sehingga kita tidak boleh membetulkan di mana-mana tempat, di mana-mana *venue* yang sah dari segi undang-undang. Ini satu pemuliaan daftar pemilih yang terlupa dibantah atau terabai dibantah menjadi tidak boleh dibantah, tidak boleh dibetulkan.

Patutnya kita masukkan *clause* tanggungjawab sosial dan moral, dan undang-undang SPR, jika sekiranya mana-mana pihak selepas dari senarai didapati sah, boleh membuktikan senarai yang telah disahkan itu masih mempunyai data-data pengundi

yang tidak benar untuk dibetulkan. Mengapakah kita menghilangkan tanggungjawab moral tersebut? Mengapakah kita sanggup memuliakan senarai tersebut sehingga mengatasi kuasa mahkamah?

Ini suatu pindaan yang sangat perlu secara serius kita teliti. Adakah dalam negara kita mahkamah sudah tidak berharga, kita telah menghilangkan fungsi mahkamah. Adakah maksudnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sekali lagi meminta tak perlu bangkitkan perkara terhadap pindaan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, saya membahaskan seksyen 9, saya tidak membangkitkan pindaan. Saya membahaskan bahawa peruntukan yang telah dicadangkan oleh kerajaan ini ialah satu peruntukan yang telah mensucikan senarai yang akan disahkan tanpa disemak oleh mana-mana pihak dengan tidak membenarkan mahkamah mengambil bahagian membetulkannya dan tidak ada mana-mana *channel* untuk kita membetulkannya. Jadi peruntukan ini adalah berat sebelah dan tidak lengkap. Bukan sahaja kepada pembangkang, kepada semua pihak.

Hari ini kita pembangkang, hari esok kita kerajaan. Hari ini kita kerajaan [*Menyampuk*] hari besok kita pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita di dalam peringkat Jawatankuasa, saya nak ingatkan...

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak menekan pindaan ini adalah bertentangan dengan prinsip kedaulatan mahkamah dan juga prinsip maklumat yang sah, yang sah yang perlu dipertahankan oleh mana-mana pihak, oleh semua pihak. Mentang-mentang kerana tidak ada bantahan, maka kita anggap dia sah, tidak boleh dibetulkan, sudah menjadi dewa, tak boleh! ini bertentangan dengan prinsip kita, prinsip demokrasi, prinsip kedaulatan kehakiman.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis, ya, sudah selesai? Ya, Yang Berhormat Dungun, silakan.

8.15 mlm.

Dato' Mustafa bin Ali [Dungun]: Tuan Pengerusi, saya menyokong apa yang telah dikemukakan oleh Kubang Kerian tadi tentang Fasal 9 ini, di mana *legal recourse* seharusnya dipunyai dalam menyelesaikan perkara ini, sebab kerajaan mesti memahami, tidak semestinya apabila dia boleh menarik fasal-fasal ini tanpa menjejaskan fasal-fasal lain, kerana ini peringkat Jawatankuasa yang kerajaan boleh menimbangkan semula fasal-fasal ini di samping fasal-fasal lain boleh diteruskan untuk dilaksanakan.

Ini yang diminta oleh pihak pembangkang. Tidak semestinya kita menolak seluruh apa yang dikemukakan hanya Fasal ini dan kerajaan boleh menarik balik tanpa menjejaskan keseluruhan akta ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Jeli, lepas ini saya minta Menteri jawablah.

8.16 mlm.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Sememangnya kita bersetuju bahawa akta, bila Rang Undang-undang Pilihan Raya ini dipinda, cuma sekarang dari segi peringkat Jawatankuasa bab-bab tertentu kita dibenarkan untuk berbahas, dalam bab-bab, fasal-fasal tertentu.

Jadi dalam kes ini, saya membicarakan dan teman-teman saya daripada PAS dan juga Barisan Alternatif dan juga pembangkang membicarakan tentang Fasal 8 di mana kita hanya meminta pihak kerajaan supaya dikekalkan sebahagian ayatnya, cuma mungkin ditambah sedikit ayat yang lain, umpamanya dalam kes 9 (a) tersebut, selepas sesuatu daftar pemilih diperakui atau diperakui semula mengikut mana-mana yang berkenaan dan notis mengenai pemerakuan semula itu telah disiarkan dalam *Warta* seperti yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini, maka daftar pemilih itu kita setuju, kita setuju. Cuma kita minta tambah sikit, yang ke belakang kita potonglah sikit, kita potong kita ganti, maka daftar pemilih itu boleh dipersoalkan atau dirayu terhadapnya atau dikaji semula oleh mana-mana mahkamah.

Sebahagian daripada perenggan itu kita setuju, cuma kita minta penambahan sedikit, pertukaran sedikit sahaja ayat, kerana alasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, umpamanya dalam kes dia kata, "sekiranya", kita mesti faham apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri. Dia mengatakan "sekiranya keputusan pilihan raya telah pun diumumkan dan didapati kemenangan calon yang menang itu mungkin kita kata 100; tiba-tiba bilangan pengundi yang *doubtful* adalah 60, maka dengan sendirinya kemenangan itu terus dikekalkan melainkan sekiranya kemenangan calon yang menang hanya 50 sementara pengundi yang *doubtful* ialah 60, maka itu lain halnya."

Jadi saya minta sekarang ini, kalau boleh dalam banyak kes yang pernah berlaku, banyak daftar pengundi yang telah pun dibantah dan pihak SPR tempatan telah bersetuju dengan bantahan tersebut tetapi bila dipamerkan senarai muktamad tiba-tiba nama yang dibantah dipersetujui oleh SPR tempatan, tiba-tiba ada lagi dalam senarai tersebut.

Yang ini, di mana kita hendak, saluran mana lagi kita hendak mempertikaikan? Mana saluran, cuba cari saya hendak tanya, berdasar kepada Fasal 8, di mana lagi, sedangkan kita sudah berbahas, sudah bawa wakil daripada parti-parti, semua parti yang terlibat.

Kita bantah nama-nama berikut dan memang SPR tempatan bersetuju bahawa nama-nama ini memang patut dikeluarkan, tiba-tiba dalam senarai yang muktamad nama itu kekal. Di mana lagi kita hendak merayu supaya pengundi itu dikeluarkan? Jadi kalau masih terus kekal macam ini, saya fikir maknanya kuasa muktamad, kuasa mutlak adalah di SPR, tidak boleh dipertikaikan apa-apa lagi.

Saya fikir itu perlu kita pinda, bukan banyak, sedikit sahaja hendak pinda dan maksudnya masih sama, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat Menteri.

8.19 mlm.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi jawapan dan penerangan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan di peringkat Jawatankuasa sebentar tadi. Soal yang harus diterima dan juga realiti perlu diterima ialah sebelum daftar induk yang dimuktamadkan itu ditarafkan sebagai muktamad, ianya telah melalui proses yang cukup banyak dan berperingkat-peringkat.

Soal parti lalai tidak meneliti senarai itu tidak timbul oleh kerana SPR akan mengumumkan menerusi media, menerusi pelbagai jurusan supaya diteliti senarai yang dipamerkan itu dan setelah menerima bantahan-bantahan itu diberi perhatian dan diperbetulkan.

Selain itu, Jabatan Pendaftaran Negara adalah pihak berkuasa yang menentukan sama ada....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...semua yang telah didaftarkan di dalam senarai pemilih itu adalah senarai yang sah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Kubang Kerian bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tidak lagi. Saya hendak meneruskan jawapan ini sekali gus. Saya memohon Tuan Pengerusi.

Setelah itu barulah diterakan dalam senarai yang terakhir sekali.

Seterusnya, soal hilang tanggungjawab tidak timbul. Apa yang dimaksudkan ini ialah *exhaustive clause* iaitu klausa yang kononnya jika dikecualikan mahkamah daripada menitikberatkan dan menimbang senarai tadi maka hilang tanggungjawab. Ini tidak timbul oleh kerana barang siapa pun boleh membawa apa-apa kes ke mahkamah di bawah perkara yang akan dikemukakan kemudian nanti...

Dato' Mustafa bin Ali: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Dungun bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...tentang tanggungjawab dan juga bidang tugas serta bidang kuasa yang berkenaan. Saluran mana yang harus digunakan? Saluran yang harus digunakan untuk menjawab Yang Berhormat bagi Jeli ialah semasa pameran itu hendaklah semua pihak membuat penelitiannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustafa bin Ali: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Pernah berlaku dan boleh dibuktikan, Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada menteri. Sekali pun hati tidak lalai senarai yang telah dikatakan disahkan itu dianggap diterima tetapi apabila keluar dan tidak berlaku lagi pendaftaran baru, senarai itu berbeza daripada apa yang disahkan kerana ada manipulasi yang berlaku.

Apa jaminan bahawa tidak ada berlaku manipulasi sebagaimana yang telah pernah berlaku? Saya hendak tanya menteri yang berkenaan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi, pengemukaan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Dungun itu adalah berasaskan kepada instansi yang tidak ada rekodnya. Sekiranya ada rekod, saya minta beliau mengemukakan, tetapi hanya menyatakan bahawa ada peristiwa-peristiwa sedemikian, saya hendak tanya, bagaimanakah pihak berkuasa di Kelantan dan Terengganu dipulangkan dengan kuasa? Bagaimana? Itu menunjukkan bahawa apa yang dilakukan oleh SPR, Tuan Pengerusi adalah sesuatu yang munasabah dan tidak dapat kita curigai sebelum perkara itu berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dungun, sila.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Pengerusi, saya suka menyebut di sini bahawa telah berlaku pada masa-masa yang telah lalu dan ini pernah dikemukakan kepada SPR tempatan bahawa senarai yang disahkan itu berbeza dengan senarai yang dikemukakan apabila berlaku pilihan raya tanpa berlaku pendaftaran di antara keduanya itu. Ini pernah berlaku. Inilah yang memerlukan kepada satu jaminan bahawa apa salahnya kalau peluang ini diberikan untuk dikemukakan dan kalau tidak ada bukti yang sah, SPR boleh tolak sahaja, mudah sahaja. Ini satu jaminan yang kita minta daripada kerajaan, tidak banyak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tidak ada jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada lagi, ya?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tidak ada.

Seorang Ahli: Tok seh jawab dah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Fasal-fasal 8 hingga 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Mohamad bin Sabu: Peraturan Mesyuarat, Belah Bahagian. Fasal demi fasal, belah bahagian sekarang. Fasal 47.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sudah sampai Fasal 8 hingga 11.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini Peraturan Mesyuarat. Kita hendak belah bahagian sebab hari ini pelik berlaku. Saya sebagai Ahli Parlimen yang lama, saya rasa pelik.

Beberapa Ahli: Belah bahagian, belah bahagian!

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya rasa pelik. Bukan soal BN menang dalam isu ini, saya tidak ada masalah itu tetapi saya rasa pelik hari ini. Pelik-peliklah sedikit ada berlaku. Perbincangan tidak macam selalu, itu yang saya nampak hari ini tentang usul dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita minta Belah Bahagian!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Kedah, kita di sini menjalankan tugas mengikut Peraturan Mesyuarat kecuali

Yang Berhormat boleh membuat cadangan pindaan Peraturan Mesyuarat ini. Kita ikut apa yang ada dalam Peraturan Mesyuarat ini. *[Disampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya penuh hormat dengan Tuan Pengerusi tetapi saya nampak pelik. Selalunya pindaan ini apabila cukup notis, boleh dibahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kemudian undi BN selalu, biar, kita terima.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sampai perkara....

Tuan Mohamad bin Sabu: Tetapi kenapa hari ini tidak boleh bahas pindaan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mengikut Peraturan Mesyuarat, sehingga Fasal 12 dan 13, Yang Berhormat bagi Pendang akan dibenarkan mengemukakan cadangan pindaan. *[Disampuk]* Belum sampai lagi!

Tuan Mohamad bin Sabu: *No, no, no!* Ini pun buat pindaan sekarang. Pindaan tadi, seksyen 7, seksyen 9.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah katakan cadangan 1 dan 2 tidak dibenarkan dan tidak perlu dikemukakan mengikut Peraturan Mesyuarat. Cadangan yang ketiga dan keempat akan dibenarkan nanti.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Pengerusi sudah membawa Fasal 8 hingga 11 untuk dipersetujui.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi, dalam peringkat ini, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sudah minta Belah Bahagi, 8 hingga 11.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Itu kita boleh jalankan mengikut Peraturan Mesyuarat.

[Loceng dibunyikan]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, atas apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, kita jangan terperangkap dengan permainan pembangkang.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, keputusan sudah dibuat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa yang pelik-peliknya? Tuan Pengerusi telah jalankan peraturan dengan betul. Hendak bahas, bahas! Soal pindaan itu soal lain. Ini tidak ada apa-apa yang pelik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, kita jangan terperangkap sangat. Pembangkang memang tidak setuju apa pun yang kita bawa....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, Yang Berhormat. Cukuplah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:walaupun baik, dia tidak bersetuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham, saya faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu kerja dia!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya harap Tuan Pengerusi, masa kita sudah berlalu ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, sebelum kita mulakan undi, saya rasa kita kena bilang Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah!

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, nanti dia tanda lebih. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Pengundi hantu!

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Pengerusi. Undi ini sebenarnya untuk apa? Pasal tidak jelas tadi. Biar semua jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan: 64 ahli yang bersetuju, *[Sorak]* 19 tidak bersetuju. *[Sorak]* Jumlah yang mengundi 83.

YANG MENGUNDI

83

YANG BERSETUJU:

64

YANG TIDAK BERSETUJU:

19

[Nama Ahli-ahli yang mengundi, yang bersetuju dan yang tidak bersetuju boleh dirujuk dalam 'Laporan Undi-undi dan Perjalanan mesyuarat']

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Maka dengan ini Ahli Yang Berhormat, Fasal-fasal 8 hingga 11 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 8 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 12 – Pindaan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

8.36 min.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya pohon mengemukakan cadangan pindaan pada seksyen 15(2)(f). Seksyen 15(2)(f) berbunyi "dengan menggantikan perkataan "dua ratus" dengan perkataan "satu ribu". Saya mencadangkan pindaan iaitu mengekalkan perkataan "dua ratus". Alasan-alasannya telah pun diberi oleh ramai di kalangan mereka yang berucap tadi mempertahankan dalam peringkat dasar kenapa kita mencadangkan supaya kadar yang lama itu dipertahankan. Ini bagi mengurangkan bebanan dan membolehkan seseorang yang prihatin tentang pilihan raya dan mempunyai *concern* serta bertanggungjawab untuk melihat pilihan raya ini berjalan dengan baik untuk membolehkan mereka membuat bantahan terhadap daftar pemilih yang diragui. Jadi, dengan dilipatgandakan sehingga 500% pampasan yang dikenakan ini akan menyempitkan dan juga akan menghalang seseorang rakyat yang prihatin tentang proses pilihan raya ini untuk membuat bantahan dalam daftar pemilih yang dipamerkan atau yang akan diguna pakai.

Oleh kerana itu bagi memenuhi ruang demokrasi dan menjamin hak rakyat yang prihatin dapat dihayati sepenuhnya dengan sebaik mungkin, maka saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini mengekalkan perkataan "dua ratus" tidak seperti yang dicadangkan iaitu seribu ringgit. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya pindaan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang terbuka untuk dibahas. Bachok.

8.38 mlm.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya merujuk kepada huraian kepada maksud pindaan asal kepada Fasal 12 ini. Dinyatakan di sini ialah saya baca dua ayat terakhir pada huraian di muka surat 9 ini, "... *pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa pampasan itu hendaklah dibayar oleh orang yang membuat bantahan itu. Cadangan penambahan ini adalah untuk menghalang mana-mana orang daripada membuat sesuatu bantahan tanpa sebab yang munasabah dan suci hati*". Persoalan berbangkit ialah maksud kepada orang ini bercanggah dengan asas memasukkan seksyen 9A tadi ialah untuk memuktamadkan pendaftaran pemilih. Jadi, sebagaimana proses-proses yang telah pun disebutkan oleh pihak Menteri tadi perlu kepada perincian dan penelitian. Oleh kerana itu keterlibatan lebih ramai orang membuat sesuatu bantahan adalah suatu peluang yang terbaik tetapi dengan adanya maksud kepada huraian kepada pindaan ini sudah pasti ia menutup peluang seramai mungkin orang kerana pampasan yang dibayar telah digandakan daripada RM200 kepada RM1000. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong pindaan ini...*[Dewan riuh seketika]* *[Beberapa Ahli Ketawa]* Saya maknanya menolak...*[Ketawa]* Saya menyokong ini, bukan pindaan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang *[Disorak]* Ayat saya belum habis. Itu sebab pembangkang gopoh-gapah. Saya menyokong apa yang ada dalam Rang Undang-undang DR5/2002 ini, berkaitan dengan Fasal 12 daripada RM200 dinaikkan kepada RM1000. Ini bagi melindungi pengundi-pengundi daripada didengki atau sengaja dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu memindahkan nama-nama mereka tanpa pengetahuan mereka. Dengan adanya denda yang dinaikkan ini akan menjadi ketakutan bagi orang yang hendak buat dengki.

Jadi, perkara ini amat penting bagi melindungi pengundi-pengundi yang sah bagi satu-satu kawasan supaya tidak dipindahkan oleh mana-mana pihak. Saya dengar juga di Terengganu dan di Kelantan, kadang-kadang undi ini dipindahkan oleh orang PAS untuk memenangkan dia punya calon-calon. Ini saya dengar ceritalah, sama ada betul atau tidak saya pun tidak tahulah, tapi saya dengarlah. Untuk memenangkan satu-satu kawasan, kadang-kadang parti PAS ini memindahkan nama-nama tertentu kepada nama-nama lain atau dikeluarkan senarai dibuat macam-macam perkara.

Jadi dengan adanya pindaan ini kepada RM200 jadi RM1000 memberikan ketakutan kepada orang yang hendak membuat khianat kepada pengundi-pengundi yang sah bagi satu-satu kawasan. Saya menyokong pindaan 12 daripada RM200 kepada RM1000 kalau boleh naikkan kepada RM4000 pun lebih baik untuk menyelamatkan pengundi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya berdiri juga seperti juga Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk menyokong Yang Berhormat Ketua Pembangkang... *[Ketawa]* Dalam hal berkaitan dengan pampasan yang dicadangkan dalam pindaan ini supaya dikekalkan kepada RM200.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dalam ucapan pembentangan dan penggulungan tadi, berapi-api mengatakan kita hendak membersihkan senarai pengundi dan pemilih dan bersungguh-sungguh mengatakan istilah pengundi hantu pun tidak mahu digunakan. Dalam fasal ini hendak dihukum orang-orang yang hendak membersihkan pengundi-pengundi hantu... *[Disorak oleh pihak pembangkang]* Ini saya fikir kesilapan dan percanggahan minda yang jelas yang dipamerkan oleh Yang Berhormat Menteri, yang menandakan pada beliau mungkin semuanya *academic exercise* belaka. Tidak ada yang benar-benar diikuti yang difikirkan dan dirasai dalam hati.

Sebaliknya Tuan Pengerusi, kita seharusnya tidak mengenakan apa-apa pampasan kalau perlu orang-orang yang terlibat kepada bayaran, SPR dan kerajaan

sepatutnya menanggung dan kita hendak tambah lagi. Sepatutnya yang memberi laporan yang akhirnya membawa kepada berjayanya pengundi hantu ini dikecam, sepatutnya diberi sugu hati ataupun diberikan sugu hati kepada orang yang boleh menangkap atau membawa kepada tertangkapnya penjenayah, itulah sikap SPR dan kerajaan.

Jadi dalam fasal ini jelas sekali kerajaan mempunyai sikap yang bercanggah dengan matlamat yang diumumkan kepada kita oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Jadi saya sokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, hujah Yang Berhormat bagi Tumpat tidak kena Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana di dalam fasal ini jelas menunjukkan tanpa sebab yang munasabah. Kalau tujuannya untuk memurnikan daftar pengundi telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ini akan dilakukan di semua peringkat termasuk parti politik boleh menyemak apabila penyemakan dibenarkan. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat itu sebenarnya tidak kena. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading, dengan ini saya mencadangkan supaya cadangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang ditolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah dan selepas ini Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, yang hendak membantah senarai-senarai yang selalunya di peringkat kampung, di peringkat cawangan. Jadi sama ada orang UMNO atau orang PAS atau parti-parti lain di kampung hendak cari RM1000 itu bukannya senang. Kalau RM200 itu adalah memadai, seperti tahap yang lama. Kita jangan emosi dalam perkara-perkara seperti ini. Tujuan kita ialah hendak membersihkan senarai daftar pemilih dan selalu disebut di sebelah rakan-rakan sana, kami dari pembangkang ini kira membangkang sahaja! Itu tidak betul. Kami membangkang dan membuat Belah Bahagian ini sejak saya berada di sini hanya bagi beberapa akta iaitu Akta Judi, Akta Pengambilan Balik Tanah, Akta Pelajaran dahulu dan Akta Pilihan Raya ini. Bukan semua rang undang-undang kita bentang bahkan banyak kita memberi sokongan, janganlah kami bila menimbulkan bangkangan kami itu, kata, pembangkang kerjanya membangkang. Tidak!.

Saya lihat 90% rang undang-undang dibentangkan di Parlimen ini kami sokong. Kami hanya kritik di sana dan sini dan menyokong. Ini yang kita bantah perkara ini tolong mempertimbangkan. Bukan semua kita bantah. Rang undang-undang sudah beratus-ratus kita bincang dalam masa dua, tiga penggal ini tapi yang kita bantah tadi baru empat. Jadi, yang ini di antara yang kita bantah kerana kita dapati ia menyeksa rakyat, hendak cari RM1000 hendak buat kompelin di peringkat-peringkat pedalaman Sarawak dan sebagainya. Sebab orang tempatan yang tahu senarai itu betul atau tidak, bukan kita daripada *central* ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Tidakkah Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa oleh kerana mahkamah di dalam kes ini sudah *powerless* dengan izin, sudah hilang kuasa dan tercabut kuasanya, jadi jawapan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri, maka yang terbaik untuk memastikan bahawa senarai pengundi-pengundi itu adalah yang sah, yang tidak boleh dibantah lagi adalah melalui bantahan-bantahan yang dikemukakan sebelum Warta Senarai Pengundi itu dikeluarkan.

Jadi dengan menaikkan nilai kos bantahan ini, tidakkah ini dengan sendirinya menakutkan pihak-pihak orang kampung yang memang sukar untuk mencari wang RM1000, tambah pula RM1000 untuk satu orang. Jadi kalau ada 10 orang, maka RM10,000. Orang kampung mana ada RM10,000 ini? Jadi sekarang ini oleh kerana Yang Berhormat kata tadi, sepatutnya pihak kerajaan memikirkan untuk bukan setakat mengekalkan RM200 malah dikurangkan lagi, supaya bantahan ini benar-benar bantahan sebenar oleh kerana mahkamah sudah tidak ada kuasa lagi. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, saya sebut tadi sudah misalnya 100 rang undang-undang kami setuju. Apalah salahnya sekali ini dalam suasana *gentlemen* demokrasi, dua pindaan ini pihak Barisan Nasional pula boleh setuju, dua

fasal sahaja dan banyak rang undang-undang yang lain kita bahas, kita tidak pernah buat belah bahagian iaitu kita kritik macamlah juga wakil-wakil Barisan Nasional mengkritik rang undang-undang itu. Biar kita bertanya, kali ini apa salahnya tanda kita berdemokrasi dua pindaan ini kita bersetuju bersama sebab kita sudah bersetuju dengan pihak sana, tidak buat Belah Bahagian sudah, berpuluh-puluh rang undang-undang. Ini perkara yang baik untuk kita semua..

Seorang Ahli: Merayu.....tak payahlah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bukan saya merayu tetapi ini tidak pernah tunjuk demokrasi langsung, sebelah sana, terutama Rompin itu....[Ketawa]...

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa pindaan Seksyen 9 dengan Seksyen 15 adalah berlawanan tujuannya. Kita telah mendengar tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyebut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang di Peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya, saya....Saya bertanya pada ini, *very specific*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....Jawatankuasa, kita sekarang berada di Fasal 12,

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya membincangkan Fasal 12, Seksyen 15. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Seksyen 15 bermaksud bahawa mana-mana pembantah akan dihukum ataupun diberi kompaun yang lebih tinggi, sedangkan kita telah mencabut kuasa mahkamah bermakna seperti jawapan Menteri tadi bahawa kuasa untuk membantah telah diperluas. Inilah proses yang terakhir, yang sah dari segi undang-undang untuk kita membantah mana-mana senarai. Mahkamah sudah tidak ada kuasa. Kuasa tersebut diperturunkan semasa daftar pemilihan ini dipamerkan. Pada waktu itu apabila pembantah datang membantah, seharusnya kita memberi peluang kepada mereka tetapi dengan pindaan ini bermakna kita juga telah mengehadkan aktiviti-aktiviti bantahan dengan menaikkan bayaran.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih, saya memang bersetuju. Tadi wakil bagi Sri Gading ada mengatakan PAS pindahkan senarai pemilihan. Kalau ada, macam mana hendak bantah? Cawangan-cawangan UMNO di situ adakah mereka mempunyai banyak duit untuk hendak sediakan wang untuk buat bantahan itu? Perkara ini umum, ertinya kita mempermudah rakyat sendiri membersihkan senarai itu kerana ruang mahkamah ditutup, yang ini pula cuba ditutupkan, maka kita bimbang negara kita menuju Zimbabwe, itu yang saya bimbang sekarang.

Mintalah Menteri tarik balik sekali. Saya menghormati Menteri ini, rakan lama kita. Ini perkara yang logik yang diterima, apa salahnya kita tarik sekali dan kita terima perkara ini supaya mahkamah sudah diseal dalam perkara ini dan ruang membantah pula makin disukarkan, itu sahaja. Sekian ucapan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri, sila.

8.51 min.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi, pembersihan senarai pengundi telah pun dilakukan dan setakat tahun 2001, 79,913 pembersihan telah dilakukan. Pada tahun 2000 - 71,460 juga telah dibersihkan, jumlahnya 151,373. Pembersihan ini bermakna perenggan-perenggan dan juga had-had serta program yang menentukan siapa yang meninggal, siapa yang tidak harus terletak namanya di dalam senarai dilakukan oleh SPR, tinggal lagi bagi kita untuk menyatakan dalam perenggan ini bahawa kita mencabut kuasa mahkamah, tidaklah benar.

Mana-mana sesuatu petisyen boleh dikemukakan kepada mahkamah dan sekiranya di bawah kuasa *inherent*, dengan izin, mahkamah boleh mengarahkan supaya sesuatu peti undi itu dibuka. Ini memang di dalam undang-undang yang berjalan dan berkuat kuasa sekarang. Cuma saya memohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan seolah-olah perkara ini tidak praktikal dan mengatakan bahawa seperti yang disebut sebentar tadi

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri....

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...bahawa ianya merupakan *academic exercise*, saya menolak. Saya bukan tidak memandang kepada perkara-perkara yang boleh membawa kesusahan ataupun aral yang berat tetapi oleh kerana Kuala Kedah menyatakan *gentleman democracy* tadi, mari kita buat begini. Kita berikan kuasa ini kepada SPR

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri....

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:kemudian diuji supaya SPR menjalankannya dengan penuh wibawa. Sekiranya tidak praktikal maka kerajaan akan menilai semula dan membawa ianya ke mari.

Tuan Pengerusi, saya berhajat dan harap hajat saya ini diluluskan iaitu jawapan ini sekali gus dilaksanakan dan dimohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat pihak pembangkang menerimanya seperti mana juga semasa beliau mengemukakan pandangan tadi, saya tidak bangun untuk mencelah.

Akhirnya perkara yang dikatakan tidak rasional telah pun dijawab oleh Sri Gading. Saya mengucapkan terima kasih kepada Sri Gading kerana jelas pendapat beliau bersamaan dengan apa yang seharusnya saya buat sedemikian. Ini akan memberi satu gambaran dan juga hasil, kemudian mereka yang dengki-mendengki tidak akan muncul perkara yang dilaporkan itu berulang kembali.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jemput bangun *[Ketawa]*. Nanti ada, nanti ada, selepas ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang hendaklah disetujui.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Belah bahagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belah bahagi lagi. Ada 15 orang yang membuat cadangan itu. Bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini saya perlu memaklumkan, tujuan kita ini untuk sama ada kita bersetuju atau tidak terhadap cadangan pindaan. *[Disorak]*

[Pengundian dijalankan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan: Sejumlah 82 ahli yang mengundi, yang tidak bersetuju seramai 63 orang, yang bersetuju 19 orang.

YANG MENGUNDI

82

YANG BERSETUJU:

19

YANG TIDAK BERSETUJU:

63

[Nama Ahli-ahli yang mengundi, yang bersetuju dan yang tidak bersetuju boleh dirujuk dalam 'Laporan Undi-undi dan Perjalanan mesyuarat']

Fasal 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 13 – Pindaan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

9.00 mlm.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pohon mencadangkan satu pindaan kepada seksyen (16)(2) iaitu, yang asalnya berbunyi dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan "lima" dengan perkataan "dua puluh", mencadangkan pindaan untuk mengekalkan perkataan "lima". Alasan-alasannya telah banyak dikemukakan semasa perbahasan di peringkat dasar.

Saya ingin menegaskan lagi bahawa pindaan ini dibuat untuk menyelamatkan demokrasi di negara kita dan untuk mengawal supaya proses pilihan raya ini tidak dijadikan sebagai *business-oriented* yang mementingkan wang.

Oleh kerana itulah, saya mencadangkan supaya dikekalkan perkataan "lima" sepertimana yang terdapat dalam peruntukan akta pilihan raya yang ada pada waktu ini dan ini juga sekaligus akan menyelamatkan maruah negara kita dalam pandangan masyarakat antarabangsa, masyarakat dunia sebagai sebahagian daripada negara-negara Komanwel yang rata-rata mengenakan bayaran deposit yang terlalu rendah.

Maksud pilihan raya adalah untuk memanggil rakyat yang prihatin dengan proses pilihan raya, proses Parlimen untuk menampilkan diri bagi menyertai pilihan raya. Kerana itulah saya mencadangkan supaya perkataan "lima" dikekalkan dan menolak cadangan untuk meminda siling deposit pilihan raya daripada RM5,000 kepada RM20,000. Dengan ini juga, saya mencadangkan untuk mengekalkan perkataan "lima", pada "lima ribu" dan sedia ada dalam peraturan yang dijalankan atau yang diamalkan pada waktu ini. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya dari Kuala Kedah menyokong di atas pindaan kerana kita lihat bahawa wang itu bukanlah bertujuan untuk menapis supaya wakil rakyat lebih berkualiti. Pernah dahulu di Selangor, ada wakil rakyat menang dua penggal berturut-turut. Dia tidak mewakili mana-mana parti tetapi adalah wakil rakyat Bebas bernama Cikgu Jabar daripada Batu Laut. Adakah dia seorang yang tidak berkualiti sehingga dia dipilih oleh rakyat Batu Laut pada waktu itu untuk menang dua penggal? Kalau sekarang ini dengan kita menaikkan wang deposit ini, orang yang berkualiti hendak bertanding, dia ada penyokong, tetapi dia tidak boleh bertanding kerana bayaran deposit terlalu mahal.

Perkara yang kedua, sekarang hal mahkamah kita sudah tidak boleh rayu hal yang dibincangkan tadi. Selepas ini, parti-parti pembangkang atau sesiapa yang menjadi pembangkang selepas ini tidak ada jalan lain. Dia kena rayu kepada mahkamah yang paling atas. Kita akan merayu kepada Sekretariat Komanwel, IPU, kita hendak memberitahu kepada mereka bahawa negara kita sedang menuju seperti Zimbabwe. Jadi, bila ada pilihan raya pun nanti, dunia tidak mengiktiraf. Ini yang kita bimbang, sebab kalau mahkamah kita tidak boleh rayu - itu yang tertinggi - di mana lagi kita hendak merayu melainkan Sekretariat Komanwel? Ini yang berlaku pada Robert Mugabe, pilihan raya berjalan tetapi Komanwel kata tidak sah. Dia tidak mahu buat bayaran semula, pelabur asing pun mula lari. Apa jadi pada Zimbabwe?

Tolonglah perkara ini demokraskan, teluskan sebab kalau rakyat sudah tidak percaya, tidak boleh buat *petition*, tidak boleh bawa ke mahkamah, sama ada mereka ke jalan raya ataupun pergi ke Sekretariat yang lebih tinggi, iaitu Komanwel, IPU dan lain-lain lagi. Malaysia terkenal sebagai negara aman, tenteram dan hidup dalam demokrasi yang subur. Kenapa kita hendak cemarkan kebaikan yang ada di Malaysia sekarang ini dengan membuat pindaan-pindaan yang boleh merosakkan sistem pilihan raya kita pada masa yang akan datang?

Persoalan daripada Kemaman.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya akan buka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, ini sokong?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah!

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya bahas lagi selepas ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalah pindaan sebagaimana yang telah dikemukakan sebentar tadi, terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat, cukup! Rompin, sila.

9.05 mlm.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita menolak cadangan yang dibentangkan sebentar tadi. Cara saya bercakap dengan kawan saya tadi, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, kononnya dengan adanya ini, kita menjadi semacam Zimbabwe. Astaghfirullahilazim! Inilah orang kata pembangkang! Yang seinci, dia kata sekaki! Yang sekaki dia kata sebatu!

Kita ada dua negeri yang dikuasai oleh pembangkang. Yang depan Dungun itu, Exco Kerajaan Terengganu. Itu hak dia dan dikuasai oleh pembangkang. Kalau kita hendak lihat daripada masalah pembangkang, saya malas katakan. Kita menolak cadangan menambahkan daripada "lima" kepada "dua puluh" itu, kononnya kita akan melenyapkan demokrasi di negara kita. Ini hanya usaha supaya yang calon itu serius, tidak ambil borang masuk supaya dia dijual belikan. Ini, yang sebenarnya.

Saya yakin bahawa parti pembangkang macam PAS, ada dua orang kerajaan negeri. Mereka ada tokoh-tokoh perniagaan mereka tetapi ini menggunakan alasan kononnya ini, mencemarkan demokrasi, melarang daripada demokrasi subur. Ini hanya satu modal yang hendak digunakan oleh pembangkang kerana sudah tiada modal. Oleh kerana itu, semalam, saya mencadangkan kita tolak sahajalah. Sudah lama ini, sudah lewat malam ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

9.07 mlm.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam keadaan ekonomi negara kita sedang mengalami kemelesetan di mana rakyat makin miskin.. *[Dewan gamat seketika]* Tidak! Ini duit ini, duit! Negara makin miskin, saya bimbang Tuan Pengerusi, bahawa.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Mukadimah baru!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin ia kerana kemerosotan ekonomi, tidak mampulah. Cadangan biarlah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Pandai pun, Tuan Pengerusi. Jadi, dalam keadaan rakyat semakin miskin, negara semakin miskin, tiba-tiba kita menaikkan deposit untuk mereka yang berminat untuk bertanding dalam pilihan raya. Saya bimbang, kalaulah ini dilakukan dalam keadaan rakyat semakin miskin ini, akan ada calon-calon yang tidak berkualiti dan berupaya untuk bertanding tetapi tidak mempunyai wang, maka mereka akan mencari syarikat-syarikat untuk *sponsor* dia untuk bertanding. Jadi, kita bimbang ada wakil-wakil rakyat tajaan macam seperti *Sports Toto, Magnum* dan sebagainya. Jadi, untuk.. *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: TNB!

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: TNB tidak apa. Macam Rompin nanti pun kena cari TNB untuk *sponsor* dia. Jadi, saya bimbang sekiranya deposit ini dinaikkan, maka mereka yang berkecayaan tidak akan diberi ruang untuk bertanding sedangkan mereka yang sanggup menggadaikan maruah dan nama mereka, mereka sanggup mencari sponsor yang akan menjaga kepentingan mereka yang tidak sepatutnya menjadi sponsor kepada wakil rakyat. Jadi, saya harap bukan sahaja dikekalkan "lima" tetapi saya minta supaya kalau boleh pun, dikurangkan lagi dalam keadaan ekonomi sekarang. Sekian, terima kasih.

9.09 mlm.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bahas sedikit Fasal 13, seksyen 16(2) pindaan perkataan "lima" kepada "dua puluh". Saya setuju pindaan ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi dipinda daripada "lima" kepada "dua puluh".

Seorang Ahli: Tolak sendiri.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dia pun memang selalu ditolak, tidak payah cakap! *[Ketawa]* Dia ini, Yang Berhormat, hendak masuk bertanding jadi calon, saya setuju bukan perkara main-main, bukan boleh ikut suka hati. Jadi, sebab itulah kerajaan menaikkan deposit ini bertujuan untuk menjaga imej. Jangan nanti ada pula pihak tertentu boleh pakat-pakat. Kalau yakin boleh menang, masuklah, tidak kisah 30,000 atau 50,000, ini *guarantee* menang. Kita tahu, kalau kita kalah pun, tidak hilang deposit kerana kita yakin kita akan menang.

Ini, dengan masalah deposit, pada saya tidak ada kalau saya yakin saya boleh menang, maknanya kalau saya kalah pun, tidak hilang deposit, saya bayar. Duit itu pulang balik, bukan kerajaan hendak ambil. Tetapi, kalau memang takut kalah, hendak kacau-kacau sahaja begitu, saya ingat tidak kena. Jadi, saya setuju cadangan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

Ahli Pembangkang: *[Semua Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perbincangan atas pindaan, sudah ramai orang diberi peluang. Cukup *[Dewan riuh]*

9.10 min.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi memulakan jawapan untuk persoalan-persoalan yang dibangkitkan termasuk yang mengandungi pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang dan responsnya daripada Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat bagi Kemaman, dan beberapa orang lagi, rasanya saya tidak banyak faktor yang hendak ditambah kepada apa yang telah kita bahaskan dan saya sumbangkan semasa menggulung sebentar tadi. Cuma lagi, cubalah bayangkan sekiranya SPR telah meneliti segala pandangan ini dan pada satu ketika nanti ia akan mengumumkan satu kadar yang berpatutan, alangkah akan terkejutnya kita, kerana kita sentiasa menyatakan khususnya pembangkang "RM20,000, RM20,000". Walaupun saya telah menyatakan tadi, ini tidak akan digunakan kuasa itu secara leluasa oleh SPR. Tetapi harus bagi mereka mengemukakan bahawa seolah-olah RM20,000 itu akan dikenakan juga.

Suatu perkara yang mungkin berlaku ialah, sekiranya pada suatu masa datang beberapa orang yang mempunyai kemampuan kewangan, beberapa orang sudah boleh dibayarkan pertaruhan atau wang yang hendak digunakan sebagai deposit dengan mudah tetapi bagi seseorang yang betul-betul hendak bertanding, yang walaupun ia hendak menentang Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau yang lain, maka ia akan rasakan bahawa wang yang dipertaruhkan itu benar-benar boleh memberi kesan kepada perjuangannya.

Tuan Pengerusi, tentang Yang Berhormat bagi Kuala Kedah hendak membawa ke IPU, Sekretariat Komanwel, itu hak beliau. Sebelum ini pun, beliau dan rakan-rakan telah bawa. Dunia kenal Malaysia dan bukan sebab kita hendak mengenakan siling RM20,000 kepada wang pertaruhan ini, dunia akan mencera Malaysia. Malah dunia akan..., seperti Perdana Menteri membuatkan dasar pengeluaran kapital ataupun dana, yang dihalang menerusi peraturan. Dunia akan balik mengatakan "*Malaysia has done it right*" dengan izin *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, huraian daripada Yang Berhormat bagi Rompin itu sesungguhnya tidak perlu saya tambah. Ianya adalah memadai bagi dihadapkan kepada pemikiran para pembangkang, dan apa yang disebut oleh beliau-beliau yang tidak bersetuju ini sesungguhnya pada petang ini adalah satu taktik tetapi saya berasa mereka akan menerima ini apabila SPR mengenakan syarat-syarat yang amat berpatutan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang hendaklah disetujui.

Seorang Ahli: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Peraturan 47 – minta supaya dibelah bahagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, ada sokongan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada. Ramai menyokong.

Ahli-ahli Pembangkang: *[Bersetuju]*

Tuan pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila kira berapa ramai.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Meminta Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya bangun]* Lebih 15 orang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih 15 ya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Lebih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Bunyikan loceng lagilah *[Ketawa]*

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tentang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang. Jadi sama ada sokong kepada cadangan beliau atau tidak *[Dewan riuh]*

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya umumkan keputusan pengundian. Jumlah undi yang kita dapat adalah 82 undi. Yang tidak bersetuju adalah 63 *[Tepuk]* Ahli-ahli yang bersetuju ialah 19 orang *[Tepuk]* Dengan ini cadangan pindaan ini tidak disetujui.

YANG MENGUNDI

82

YANG BERSETUJU:

19

YANG TIDAK BERSETUJU:

63

[Nama Ahli-ahli yang mengundi, yang bersetuju dan yang tidak bersetuju boleh dirujuk dalam 'Laporan Undi-undi dan Perjalanan mesyuarat']

Fasal 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 14 hingga 15 –

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 14 hingga 15 terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

Tuan Mohamad bin Sabu: Peraturan Mesyuarat, undi belah bahagian

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, saya ingat tidak payahlah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak, Peraturan Mesyuarat 47, belah bahagian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serupa juga Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini peraturan mesyuarat, kami hendak merakam bantahan. Tidak boleh, ini Peraturan Mesyuarat 47, belah bahagian.

Seorang Ahli: Lawan sampai akhir .

Tuan Mohamad bin Sabu: - Tuan Yang di-Pertua, belah bahagian sekali lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini keputusan saya, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini Peraturan Mesyuarat 47, belah bahagian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kami ada 15 orang lebih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kami ada 15 orang, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bangun, bangun, bangun.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bangunlah, bangun. Nampaknya semua memandang saya, takut saya seorang sahaja. Ada 15 orang?

Seorang Ahli: Ada, lebih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ada, ada. 19 orang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Rekod, rekod.

Tuan pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada?

Seorang Ahli: Ada, ada 21 orang.

Tuan pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusannya ialah undi yang diterima 82. Ahli-ahli yang bersetuju - 63 undi *[Tepuk]* Yang tidak bersetuju - 19 undi. *[Tepuk]*

YANG MENGUNDI

82

YANG BERSETUJU:

63

YANG TIDAK BERSETUJU:

19

[Nama Ahli-ahli yang mengundi, yang bersetuju dan yang tidak bersetuju boleh dirujuk dalam 'Laporan Undi-undi dan Perjalanan mesyuarat']

Fasal 14 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini Dewan ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.